

RELASI GENDER DALAM NOVEL TERPILIH INDONESIA DAN MALAYSIA

Oleh:
DJUSMALINAR

**Tesis diserahkan kepada Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian
Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia bagi Memenuhi Keperluan
Pengijazahan Program Doktor Falsafah
2013**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

DJUSMALINAR (91598)

Ph.D

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

RELASI GENDER DALAM NOVEL TERPILIH INDONESIA DAN MALAYSIA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **12 DESEMBER 2012**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **DECEMBER 12, 2012***

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: ASSOC. PROF. DR. SAMIAH KHALIL @
HALIM

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHD YUSOF
HASAN

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: PROF. DR. SJAFRI SAIRIN

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: 12 DECEMBER 2012
(Date)


Nama Pelajar : DJUSMALINAR (91598)
(Name of Student)

Tajuk Tesis : RELASI GENDER DALAM NOVEL TERPILIH INDONESIA DAN
(Title of the Thesis) MALAYSIA

Program Pengajian : Ph.D
(Programme of Study)

Nama Penyelia : PROF. DR. ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ

Tandatangan
(Signature)



PENGESAHAN TERHADAP KERJA TESIS

adalah dengan ini saya mengakui segala penulisan dalam tesis ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dilakukan sendiri dan bertanggungjawab terhadapnya kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang tiap satunya telah dinyatakan sebagai sumber rujukan.

Sekian

Djusmalinar
2013

KEBENARAN PENGGUNAAN TESIS

Tesis ini merupakan keperluan pengijazahan pasca siswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju memberi kebenaran kepada Perpustakaan Universiti bagi mempamerkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju memberi kebenaran kepada Penyelia saya, Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan (jika tanpa kehadiran mereka) membuat salinan sebahagian atau sepenuhnya tesis ini dalam apa jua cara bagi tujuan kesarjanaan. Adalah difahamkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan tesis ini bagi memperoleh faedah kewangan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak kolej dan universiti. Penghargaan yang sewajarnya juga haruslah diberikan kepada Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan bahan yang terdapat dalam tesis ini bagi tujuan ilmiah.

Permohonan untuk membuat salinan atau penggunaan bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, perlulah dialamatkan kepada:

Dekan
Penyelidikan dan Pengajian Siswazah
Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Isu-isu mengenai gender dapat dilihat dari pelbagai sudut pandangan sosial, politik, ekonomi, undang-undang dan sastera. Dalam sastera, isu gender ini mempunyai pengaruh yang mendalam ke atas diri pengarang yang merakamkannya dalam karya sastera, sama ada pengarang Indonesia mahupun Malaysia. Oleh itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk menjelaskan apa dan bagaimana sikap, tingkah laku, dan latar budaya mempengaruhi tindakan dan perbuatan golongan lelaki dan golongan perempuan yang terakam dalam sepuluh buah novel terpilih yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang lelaki dan perempuan dari kedua-dua negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan teori strukturalisme dan dialogisme. Teori strukturalisme digunakan untuk menganalisis karya sastera dan masyarakat, manakala teori dialogisme digunakan untuk melihat hubungan antara pengarang dengan pembaca. Hasil analisis gender dalam masyarakat didapati terbahagi kepada tiga, iaitu gender semula jadi yang masih mengekalkan budaya dan gaya hidup lama, gender pembudayaan mulai memperkenalkan emansipasi, dan gender kesamaan darjat bersifat liberal kerana bertentangan dengan norma sosial dan agama. Tema yang disampaikan oleh pengarang dalam karya sastera terbahagi kepada dua bentuk penerimaan - pertama, sokongan pembaca terhadap tema yang diungkapkan dalam karya sastera; kedua, pembaca tidak menyokong tema yang diungkapkan dalam karya sastera. Selama ini, kajian gender menekankan pada kekuasaan lelaki. Konsep gender yang digunakan dalam kajian ini menekankan pada tingkah laku dan tindakan golongan lelaki dan golongan perempuan. Kajian ini memenuhi keperluan untuk lebih banyak kajian mengenai tindakan dan perilaku golongan lelaki dan golongan perempuan, selain menunjukkan identiti sesuatu bangsa. Seterusnya, kajian ini menyokong dan membenarkan pentingnya peranan gender untuk kedua-dua golongan tersebut dalam pembangunan sesebuah bangsa dan negara sehingga tercipta masyarakat yang aman, damai dan sejahtera.

Kata Kunci: gender, karya sastera, sikap, tingkah laku dan tindakan

ABSTRACT

Issues on gender have been seen from different points of view, whether from social, political, economic, legal, or literary dimensions. In literature, gender issues have a great influence on the self, based on literature that literary authors have written, whether from Indonesia or from Malaysia. Therefore, the main purpose of this research is to explain what attitudes, behavior, and cultural backgrounds influence actions by men and women, and how these are shown in ten novels written by male and female authors in both countries. This study used qualitative research approach based on the theories of structuralism and dialogism. The theory of structuralism is useful in analyzing the relationship between literary works and society, while the usefulness of dialogism is to see the relationship between the author and their readers. The results of gender analysis within society fall into three categories, natural gender that which retains old values and lifestyles, nurture gender that cultural practices arise from emancipation, and equilibrium gender that liberal equality of status that leads to contradictions with social norms or religion. The themes presented by the authors were both supported and not supported. Support reader is considered functional support, whereas little or no support is considered dysfunctional. The gender study is available to focus on men's power, but this gender study is more focus on the actions and behavior of both men's and women's. This study then fulfils the need for more research on the actions and behavior of men's and women's groups, as well as showing the identity of a nation. Furthermore, this research supports and verifies the importance of gender roles for both groups in developing the races and nation until together they create a peaceful society, peace, and harmony.

Keywords: gender, literary works, attitude, behavior and action

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah-*Lah* kepada Allah S.W.T yang telah melimpahkan hidayah dan rahmat-Nya hingga tesis ini selesai seperti yang diharapkan. Tesis ini bertajuk Gender dalam Kesusasteraan Terpilih Indonesia dan Malaysia. Pemilihan tajuk ini merupakan penyelidikan lanjutan daripada pendidikan Master mengenai Citra Wanita.

Pengkaji merasakan penulisan tesis ini tidak akan selesai dan sempurna jika tidak didukung oleh berbagai-bagai pihak dalam pelbagai bentuk. Dalam kesempatan ini pengkaji ini merakamkan rasa terima kasih kepada Prof. Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz selaku penyelia yang telah meluangkan masa untuk memberikan pengarahannya, penerangan, pendapat dan saranan semenjak tesis ini dimulakan.

Kepada semua pihak di Universiti Utara Malaysia, khususnya di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa yang telah memberikan kesempatan kepada pengkaji untuk menyelesaikan pengajian dan tesis ini. Suami tercinta Nawawee Mohammad, Nadia, dan Ikram yang telah memberikan sokongan kepada pengkaji untuk melanjutkan pengajian di Universiti Utara Malaysia. Adang, Ucu dan keluarga di Jakarta dan rakan-rakan kerja di Prince of Songkla, kampus Pattani dengan sabar menanti dan memberikan dukungan moral hingga viva. Semoga amal ibadah yang telah diberikan akan dibalas oleh Allah S.W.T.

Tidak ada gading yang tidak retak, falsafah inilah yang dipakai oleh pengkaji dalam usaha menyelesaikan tesis ini. Segala kritikan dan saranan dalam pembaikan tersebut akan pengkaji terima dengan senang hati. Semoga tesis ini akan berguna bagi pengkaji-pengkaji bidang lain, khususnya pengkajian tentang gender.

Masjid Pekaro
Pattani, 6 Mach 2013
(Djusmalinar/91598)

Dedikasi

untuk

suami tercinta: Nawawee Mohammad,
anak-anak tersayang: Nadia Yasingo, dan Ikram Yasingo
serta
Adang, Ucu, dan keluarga di Jakarta

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Zaman novel dihasilkan	14
Jadual 3.1 Alasan pemilihan novel terpilih	46
Jadual 3.2 Alasan pemilihan judul novel	47
Jadual 4.1 Gender dan Seks/Jantina	53
Jadual 4.2 Aspek Gender	54
Jadual 4.3 Beza GDI dengan GEM	61
Jadual 5.1 Watak lelaki dan gelar AM	91
Jadual 5.2 Watak dan gelaran perempuan AM	92
Jadual 5.3 Perwatakan lelaki AM	95
Jadual 5.4 Perwatakan perempuan AM	99
Jadual 5.5. Watak DBLK	109
Jadual 5.6 Watak lelaki merantau DBLK	114
Jadual 5.7 Peranan dan tugas DBLK	114
Jadual 5.8 Watak dalam RSJ	125
Jadual 5.9 Perwatakan RSJ	126
Jadual 5.10 Kekeyaan watak RSJ	128
Jadual 5.11 Status dan peranan watak RSJ	131
Jadual 5. 12 Status Kasta watak Telegram	139
Jadual 5.13 Perwatakan Telegram	140
Jadual 6.1 Watak dan perwatakan LT	156
Jadual 6.2 Watak dan perwatakan HST	170
Jadual 6.3 Pembahagian kerja HST	175
Jadual 6.4 Watak dan Perwatakan PM	186
Jadual 6.5 Latar dan Adat Istiadat PM	189
Jadual 6.6 Gender Equilibrium PM	194
Jadual 7.1 Sri watak Liberal PSK	213
Jadual 7.2 Equilibrium Sri dan Charles	217
Jadual 7.3 Watak dan perwatakan Saman	226
Jadual 7.4 Gender Equilibrium Saman	213
Jadual 7.5 Identiti Gender Saman	235
Jadual 7.6 Watak utama novel SM	242
Jadual 7.7 Kerjaya Gender SM	246
Jadual 8.1 Watak oleh pengarang lelaki	257
Jadual 8.2 Pengarang perempuan	258

Senarai Rajah

Rajah 1. 1 Model of Traditional Critical Theories M.H. Abrams	3
Rajah 2.1 Dialog antara novelis dengan pembaca	35
Rajah 2.3 Dasar Teori Dialogisme M.M. Bakhtin	36
Rajah 3.1 Rangka Huberman dan Miles	41
Rajah 3.2 Proses kajian berterusan hingga kini	42
Rajah 3.3 Proses kajian pengkaji	42
Rajah 3.4 Proses analisis Data adaptasi model Graser dan Strauss	48
Rajah 4.1 Konstruksi Gender	56
Rajah 4.2 Kumpulan Gender	58
Rajah 4.3 Teori Nurture	62
Rajah 4.4 Teori Nature	65
Rajah 4.5 Teori Equilibrium	68
Rajah 5.1 Dialog watak AM	101
Rajah 5.2 Proses peniruan daripada FH kepada AM	104
Rajah 5.3 Dialog watak DBLK	119
Rajah 5.4 Dialog SN- DBLK	121
Rajah 5.5 Dialog watak RSJ	135
Rajah 5.6 Slogan ASAS'50 – RSJ	136
Rajah 5.7 Dialog watak Telegram	145
Rajah 5.8 Masalah Manusia Moden- Tanggungjawab Telegram	147
Rajah 6.1 Dialog watak LT	165
Rajah 6.2 Pemikiran STA tentang barat tertuang dalam LT	166
Rajah 6.3 Dialog watak HST	181
Rajah 6.4 Tema HST	183
Rajah 6.5 Dialog watak PM	195
Rajah 6.6 Dialog Zuriat dan PM	198
Rajah 7.1 Dialog watak PSK	218
Rajah 7.2 Dialog tema PSK	219
Rajah 7.3 Dialog watak Saman	236
Rajah 7.4 Dialog watak Saman	237
Rajah 7.5 Dialog watak SM	247
Rajah 7.6 Dialog dari cerpen Hijrah ke Salam Maria	251

SENARAI KANDUNGAN

Halaman Judul	i
Pengesahan Kerja Tesis	ii
Kebenaran Penggunaan Tesis	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Dedikasi	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Kandungan	
 BAB I PENDAHULUAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Pernyataan Masalah	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Batasan Kajian	13
1.9 Kesimpulan	14
 BAB II GELINTIRAN SUSASTERA	 16
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Kajian Pustaka: Buku, Jurnal, dan Kertas Kerja tentang Gender	17
2.3 Konsep Gender dalam Kesusasteraan	23
2.4 Landasan Teori	29
2.4.1 Teori Strukturalisme	30
2.4.2 Teori Dialogisme	31
2.5 Kesimpulan	38

BAB III METODOLOGI	40
3.1 Pendahuluan	40
3.2 Metododologi	40
3.3 Rancangan penyelidikan	43
3.3.1 Teknik Pengumpulan Data	43
3.3.2 Data dan Sumber Data	44
3.3.3 Analisis Data	47
3.3.4 Teknik Penyajian	49
3.4 Kesimpulan	50
 BAB IV GENDER DALAM MASYARAKAT INDONESIA DAN MALAYSIA	 51
4.1 Pendahuluan	51
4.2 Konsep Gender	52
4.3 Teori Gender	59
4.3.1 Teori Nurture atau Teori Pembudayaan	59
4.3.2 Teori Nature atau Teori Semulajadi	63
4.3.3 Teori Equilibrium atau Teori Kesamaan Darjat	66
4.4 Perspektif Gender Masyarakat Indonesia	69
4.4.1 Sejarah Perjuangan Perempuan Indonesia	70
4.4.2 Hukum Adat Indonesia	75
4.4.3 Hukum Negara Indonesia	79
4.5 Perspektif Gender pada Masyarakat Melayu Malaysia	81
4.5.1 Gender dalam Budaya Melayu	82
4.5.2 Gender dan Perlembagaan	83
4.6 Kesimpulan	85
 BAB V GENDER DALAM KESUSASTERAN: ANALISIS GENDER DALAM MASYARAKAT TRADISI	 86
5.1 Pendahuluan	86
5.2 Gender dalam Sastera	87
5.3 Perspektif Gender daripada pengarang lelaki melalui karya sastera	88
5.3.1 Acuman Mahkota	89

5.3.1.1 Sinopsis Acuman Mahkota	89
5.3.1.2 Analisis Acuman Mahkota	91
5.3.2 Di Bawah Lindungan Kabah	105
5.3.2.1 Sinopsis Di Bawah Lindungan Kabah	106
5.3.2.2 Analisis Di Bawah Lindungan Kabah	108
5.3.3 Ranjau Sepanjang Jalan	122
5.3.3.1 Sinopsis Ranjau Sepanjang Jalan	123
5.3.3.2 Analisis Ranjau Sepanjang Jalan	125
5.3.4 Telegram	137
5.3.4.1 Sinopsis Telegram	138
5.3.4.2 Analisis Telegram	139
5.4 Kesimpulan	148
 BAB VI PERJUANGAN EMANSIPASI KEPADA GENDER	153
6.1 Pendahuluan	153
6.2 Layar Berkembang	154
6.2.1 Sinopsis Layar Berkembang	155
6.2.2 Analisis Layar Berkembang	156
6.3 Hujan Sudah Teduh	167
6.3.1 Sinopsis Hujan Sudah Teduh	167
6.3.2 Analisis Hujan Sudah Teduh	170
6.4 Pemburu Mimpi	184
6.4.1 Sinopsis Pemburu Mimpi	184
6.4.2 Analisis Pemburu Mimpi	186
6.5 Kesimpulan	199
 BAB VII PERJUANGAN GENDER LIBERAL	
DALAM NOVEL INDONESIA DAN MALAYSIA	207
7.1 Pendahuluan	207
7.2 Pada Sebuah Kapal	209
7.2.1 Sinopsis Pada Sebuah Kapal	209
7.2.2 Analisis Pada Sebuah Kapal	211
7.3 Saman	222
7.3.1 Sinopsis Saman	223
7.3.2 Analisis Saman	226
7.4 Salam Maria	239

7.4.1	Sinopsis Salam Maria	239
7.4.2	Analisis Salam Maria	241
7.5	Kesimpulan	252
BAB VIII RUMUSAN		256
8.1	Pendahuluan	256
8.2	Temuan Penyelidikan	256
8.3	Sumbangan Kajian untuk Perkembangan Ilmu	260
8.4	Saranan	261
8.5	Kesimpulan	262
DAFTAR PUSTAKA		264

Lampiran

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bab I mengandungi huraian tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, batasan kajian, dan objektif kajian. Hasil daripada persoalan kajian yang berupa masalah kajian yang diperolehi, merupakan jawapan akan pentingnya kajian ini dilakukan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan ini bertajuk Relasi Gender dalam Novel Terpilih Indonesia dan Malaysia. Dengan demikian, penyelidikan ini mengkaji perspektif gender dalam kesusasteraan.


Kesusasteraan sebagai salah satu daripada kegiatan manusia yang bercorak kesenian telah mendapat perhatian yang penting dalam masyarakat Melayu. Asal-usul perkataan kesusasteraan berasal daripada kata ‘sastera’ yang berasal daripada bahasa Sanskrit; iaitu “*syastra*” yang bererti kitab suci. Perkataan “susastera” pula memberi erti seni sastera atau seni bahasa, dan secara umumnya dimaksudkan persuratan (Ali Ahmad, 1994). Tambahan atau kata imbuhan *ke* pada awal dan *an* pada akhir kata *susastera* pula bermakna, kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah. Oleh hal yang demikian, dalam perkembangan pengajian kesusasteraan

Melayu, istilah ‘persuratan’ secara meluas digunakan dengan tujuan untuk menjelaskan tentang sekumpulan hasil seni bahasa. Seni bahasa yang halus dan indah yang bersifat kesusasteraan adalah karya-karya yang bercerita, sama ada karya tersebut dituliskan mahupun dituturkan. Penghasilan kesusasteraan yang sifatnya bercerita ini dikategorikan ke dalam genre prosa.

Bentuk genre prosa itu pelbagai, antaranya hikayat, roman, cerita pendek, dan novel. Novel adalah merupakan salah satu bentuk karya sastra yang mengalami perkembangan yang pesat berbanding dengan bentuk genre prosa seumpamanya. Hal ini disebabkan, novel dapat diertikan sebagai bentuk karya sastra yang memberikan konsentrasi tentang kehidupan yang tegas daripada cerita pendek (Atar Semi, 1988). Sehubungan dengan maksud dan pemahaman tentang pengertian novel itu, Burhan Nurgiantoro (1995) menyebut bahawa novel mengemukakan sesuatu secara bebas, menyajikan kehidupan secara lebih terperinci dan lebih kompleks. Manakala Welles dan Austin (1989) menegaskan, bahawa novel moden melukiskan manusia dari lahir, tumbuh dan mati. Tokoh-tokoh dalam novel mengalami perkembangan dan perubahan kehidupan.

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahawa novel merupakan salah satu daripada kewujudan unsur perenungan dan reaksi para pengarang terhadap kepelbagaian persoalan tentang hidup dalam kehidupan nyata yang ada di persekitaran mereka. Persekitaran yang dimaksudkan di sini, termasuk juga keberkaitan tentang sosial dan anutan budaya seseorang pengarang ketika menghasilkan karya sastra tersebut yang kemudiannya ditumpahkan menjadi sesebuah cerita secara imaginatif berdasarkan kekreatifan masing-masing pengarang itu.

Berdasarkan kritikan tradisional terhadap penghasilan sastra, M.H. Abrams (1981) membahagikan tipa kritikan kepada empat bahagian, iaitu pertama karya sastra sebagai hasil seni, kedua, pembaca atau *audience*, ketiga, artis atau pencipta karya seni, dan keempat, alam semesta (*universe*). Keempat-empatnya merupakan sebagai sumber permasalahan sehingga sesebuah karya sastra itu tercipta. Keempat-empat proses penciptaan itu, apabila dilakarkan boleh menghasilkan rajah sebagaimana yang berikut:



Rajah 1.1: Model of traditional critical theories M.H. Abrams (1981: 36-37); http://en.wikipedia.org/wiki/M._H._Abrams)

Hasil daripada hubungan antara kesusasteraan dengan alam (*universe*) atau persekitaran pengarang akan menghasilkan pula teori *mimesis*; iaitu seni yang dilihat sebagai tiruan daripada alam semesta. Hasil hubungan antara kesusasteraan dengan pembaca (*audience*) pula, dapat menghasilkan teori *pragmatik*; iaitu melihat akan pengaruh kesusasteraan terhadap penggemar. Manakala hasil hubungan kesusasteraan dengan pencipta (*artist*), akan menghasilkan pula teori *ekspresif*; iaitu susastera yang dilihat sebagai ekspresi sang seniman; iaitu pengarangnya. Hasil hubungan kesusasteraan dengan dirinya sendiri pula, melahirkan teori *objektif*; iaitu teori yang menumpukan perhatian pada struktur kesusasteraan berkenaan.

Dalam perspektif kajian gender, keempat-empat unsur tersebut akan digunakan dan diterapkan dalam kajian ini. Semua unsur itu dikenali dengan teori strukturalisme dalam kesusasteraan. Selain teori strukturalisme, pada kajian kesusasteraan ini diterapkan juga teori dialogisme.

1.3. Permasalahan Kajian

Kesedaran wujudnya ketimpangan atau ketidakseimbangan peranan antara golongan perempuan dan golongan lelaki sebenarnya sudah lama terjadi. Kaum perempuan sudah lama memulakan dan melakukan perjuangan untuk membebaskan diri dan kehidupan mereka daripada kewujudan ketidakadilan peranan tersebut. Perjuangan yang dilakukan oleh golongan atau kaum perempuan ini dikenali dengan istilah feminisme.

Perjuangan feminisme pada mulanya muncul sebagai suatu usaha golongan perempuan untuk melawan dan memberontak terhadap pengawalan, kontrol atau dominasi kaum lelaki ke atas kaum perempuan yang telah terjadi berabad-abad lamanya sebelum itu. Gerakan feminisme beranggapan atau berpandangan bahawa kaum perempuan sudah lama ditindas, dieksploitasi, dan dijadikan makhluk kelas kedua. Selanjutnya, melalui gerakan feminis ini perempuan difahamkan akan terbebas dan dapat keluar daripada penindasan tersebut (Mansour Fakih, 2005).

Fahaman feminisme ini juga hadir dan berkembang di dunia Timur, khasnya di Indonesia dan Malaysia yang sehingga ini masyarakat daripada kedua-dua negara itu masih lagi memegang dan mengamalkan kehidupan berteraskan budaya bangsa dan adat resam keturunan. Perkembangan fahaman feminisme di dunia Timur;

khususnya di kedua-dua negara tersebut iaitu Indonesia dan Malaysia juga tidak berkembang dengan pesat sebagaimana yang telah dan sedang terjadi di dunia Barat. Hal ini disebabkan budaya dan juga adat resam di negara-negara berkenaan telah lama memberi ruang dan telah mengagung-agungkan atau mengistimewakan kaum perempuan, sama ada dari segi agama mahupun dari segi sosial dan adat resam. Sehubungan dengan itu dapat disimpulkan bahawa pemahaman feminisme sesungguhnya tidak layak dan tidak bersesuaian dengan suasana kehidupan masyarakat dunia Timur untuk mengangkat imej dan martabat kaum perempuan, kerana kaum perempuan telah pun berada dalam kedudukan yang sewajarnya dan telah diberi penghormatan oleh masyarakat.

Fahaman feminis ini selanjutnya mengubah perjuangan ke arah gender. Perjuangan ke arah gender ini merupakan jalan yang terbaik untuk menegakkan hak asasi manusia, termasuk hak golongan perempuan. Dengan perjuangan gender ini mereka percaya akan wujud hal-hal yang berkaitan dengan keadilan dan kesetaraan kedudukan antara golongan lelaki dan golongan perempuan. Selanjutnya suara perjuangan tentang gender ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat daripada negara-negara dunia ketiga yang sedang berusaha membangun negara masing-masing dengan mengikutsertakan kaum perempuan dalam pembangunan. Hal ini kerana peranan perempuan terhadap pembangunan negara terlihat jelas dan nyata.

Istilah gender (Mansour Fakih, 2005) bermaksud ilmu yang membicarakan hal-hal tentang perbezaan peranan antara perempuan dan lelaki yang dibentuk oleh budaya dan persekitaran dalam masyarakat. Perbezaan peranan ini pula telah sebatian dengan masyarakat sehingga selalu disamakan dengan peranan kudrat atau peranan

fitrah semula jadi manusia. Peranan fitrah semula jadi yang dimiliki kaum lelaki lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan peranan semula jadi yang dimiliki oleh kaum perempuan, kerana lelaki dipandang lebih rasional, cerdas, kuat, perkasa, dan tidak emosional. Manakala golongan perempuan pula dipandang sebaliknya berbanding dengan golongan lelaki, kerana mereka itu rata-rata bersifat lemah-lembut, cantik rupa paras, bersifat keibuan, dan emosional.

Perbezaan tentang peranan dan perhubungan gender berlaku bukan sahaja disebabkan wujudnya sistem hidup, dan adat resam semata-mata, tetapi keadaan itu berlaku kerana ditentukan oleh adanya batasan-batasan antara *masculine* dan *femine*. Semua elemen tersebut menyebabkan wujudnya pembahagian kekuasaan dan peranan antara lelaki dan perempuan yang dilihat oleh pihak tertentu; terutamanya golongan perempuan sendiri bahawa keadaan itu berjalan secara tidak seimbang dalam kehidupan bermasyarakat. Keadaan tersebut terutamanya, kaum lelaki yang dilihat mempunyai peranan utama dalam sektor awam kerana mereka itu dianggap mempunyai tenaga jasmani yang lebih kuat, potensial, dan produktif. Manakala peranan golongan perempuan pula hanya memadai dan cukup sekadar untuk berkhidmat dalam sektor domestik kerana mereka mempunyai bahagian tubuh yang terhad dan terbatas, menyebabkan golongan ini sering dianggap lemah, kurang berupaya, kurang potensial dan kurang produktif.

Seiring dengan berjalannya waktu, peranan dan perhubungan gender yang pada peringkat awalnya dilihat banyak menguntungkan golongan lelaki, lama-kelamaan justeru dilihat merugikan. Demikian juga sebaliknya yang berlaku terhadap golongan perempuan yang pada mulanya dilihat merugikan, tetapi ternyata sekarang menguntungkan. Hal tersebut disebabkan berlakunya perubahan-perubahan peranan

dan wujudnya perhubungan gender atau relasi gender, terutama dalam keperluan hidup bersuami-isteri atau berumahtangga, bermasyarakat dan bernegara.

Berlakunya perubahan peranan dan perhubungan relasi gender tersebut dapat dilihat daripada wujudnya banyak kajian tentang gender itu, sama ada dalam bidang politik, dalam bidang sosial, dalam bidang undang-undang, mahupun dalam bidang bahasa dan sastera. Kajian tersebut dikatakan sebagai sebuah pembaharuan terhadap perspektif gender yang berlangsung dalam masyarakat hari ini. Masyarakat selama ini selalu mensetarakan atau menyamakan antara konsep gender dengan konsep kudrat atau fitrah semula jadi makhluk manusia, sehingga misalnya, dalam kehidupan harian jika seseorang itu; lelaki mahupun perempuan - apabila melakukan sesuatu yang bertentangan atau berlainan daripada aturan kebiasaan atau bertentangan dengan adat resam, maka ia dianggap melakukan sesuatu yang telah menentang kudrat, atau bertentangan dengan fitrah semula jadi manusia itu. Timbulnya unsur keberlainan inilah yang pada akhirnya memberikan nilai; sama ada boleh atau tidak boleh hal-hal itu dilakukan.

Semakin banyak kajian maka semakin banyak pula dapatan hingga melahirkan konsep nilai yang berbeza atau gugatan yang telah dilakukan itu, pada akhirnya apa yang pada mulanya dianggap dan dinilai tidak boleh itu telah menjadi nilai sebaliknya, iaitu boleh. Maksudnya, selama ini tugas seorang isteri misalnya, hanya berperanan menguruskan hal ehwal rumahtangga atau tugas domestik sahaja, kini tidak lagi. Isteri yang berpotensi untuk berkerjaya misalnya, dapat melakukan kerjaya sesuai dengan fitrah semulajadi yang ada padanya. Perubahan ini tidak bererti peranan suami sebagai ketua keluarga ikut berubah, kerana berlakunya perubahan ekonomi dalam rumah tangga kerana beban berkaitan yang ditanggung mereka itu

selama ini telah diringkaskan oleh hasil pertambahan pendapatan keluarga daripada kerjaya isteri tadi.

Lebih lanjut, kajian ini juga dikatakan sebagai suatu kajian ilmu-ilmu sosial kerana sifatnya mengubah peraturan yang ada dalam masyarakat. Masyarakat pula dapat melihat dan dapat menilai akan kebaikan daripada permasalahan aturan atau budaya yang dianutinya itu. Aturan atau budaya itu dapat diubah supaya menuju ke arah sesuatu yang berkonsepkan kebaikan sehingga dapat pula menimbulkan sebuah perspektif baharu untuk memberi peluang kepada golongan perempuan.

Kajian yang memberi peluang kepada golongan perempuan ini dapat diperkuatkan lagi dengan pandangan atau andaian, bahawa potensi golongan lelaki dan perempuan itu sama sahaja, kecuali peluang yang diberikan kepada mereka itu sahaja berbeza. Hal ini disebabkan masyarakat persekitaran masing-masing telah membentuk dan membezakan serta mencorakkan kedua-dua golongan itu. Selanjutnya kajian yang berperspektif hubungan golongan perempuan dan golongan lelaki ini dikatakan sebagai kajian gender, kerana:

Gender is a concept that to the differences between men and women roles and responsibilities that are socially constructed, changeable over time, and that have wide variations within and between cultures (Laphimon, Monruedee. 2005:4).

Gender adalah satu konsep bahawa perbezaan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita yang dibina dari masa ke masa dan mempunyai variasi budaya yang luas dalam kehidupan bermasyarakat.

Kajian gender terus berkembang hingga ke hari ini hingga akhirnya pemberian nama juga dilihat pelbagai, antaranya:

gender analysis, gender and development, gender awareness, gender bias, gender blind, gender conformity,

gender discrimination, gender identity ect... (Laphimon, Monruedee. 2005: 5-9).

analisis gender, gender dan pembangunan, audit gender, kesedaran gender, bias gender, buta gender, kesepakatan gender, diskriminasi gender, identiti gender, dan lain-lain.

Kepelbagai kajian gender ini berlaku disebabkan bertolak daripada satu-satu kajian yang telah dibuat sebelumnya dan sesetengah kajian itu didapati mempunyai kekurangan-kekurangan serta kelemahan-kelemahannya yang tersendiri, hingga ia kemudian diubah pula menjadi satu kajian yang lain. Perubahan inilah yang seterusnya dinamakan pembaharuan kerana adanya ketidaksesuaian peranan lelaki dan peranan perempuan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Hakikatnya, perkembangan tersebut mempunyai sejarah yang berlainan bagi sesebuah negara. Bahkan matlamat yang berbeza antara satu negara dengan negara yang lain itu disebabkan timbul budaya yang melatarbelakanginya berbeza. Perbezaan itu banyak dirakamkan dalam bentuk teks yang ditulis oleh para pengarang dalam karya sastera berbentuk novel; sebagaimana diterima umum bahawa ramai tokoh sastera Melayu telah menggunakan media sastera sebagai sarana untuk membebaskan golongan perempuan, termasuk di Indonesia dan juga di Malaysia. Oleh hal yang demikian, karya yang terhasil itu juga mempunyai cerita tersendiri pada zaman masing-masing pengarang berkenaan. Misalnya di Indonesia, tradisi penulisan novel dimulakan dari zaman Balai Pustaka (Mohd. Yusof Hasan, 1991). Novel-novel zaman Balai Pustaka di Indonesia yang dikenali sebagai angkatan 1920-an berisikan tema ‘dominasi dunia lelaki’ (Djusmalinar, 2005)). Novel yang sangat dikenali pada zaman Balai Pustaka ialah *Siti Nurbaya*, karya Marah Rusli dengan tokoh utamanya bernama Siti Nurbaya yang tersepit di antara dua dunia lelaki. Kemudian novel itu mendapat tandingan oleh

novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* karya Hamka. Sayangnya, kerana karya Hamka ini tidak mendapat sambutan disebabkan penerbitannya pernah ditolak oleh Balai Pustaka, dan akhirnya diterbitkan juga kali pertama pada tahun 1938 setelah lama dipertimbangkan (Mugijatna, 2009).

Kajian gender dalam bidang kesusasteraan terutamanya dalam genre novel dapat dilihat dari pelbagai teori dan perspektif. Misalnya dalam kesusasteraan Indonesia pada tahun-tahun 1920-an banyak isu gender ditimbulkan. Keadaan ini menyebabkan pengkaji membuat penyelidikan tentang gender di dalam 10 buah novel terpilih, iaitu lima dari Indonesia dan lima dari Malaysia seperti berikut:

A. Novel Indonesia

- 1) *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (2005) – cetakan ke 30 oleh Hamka.
- 2) *Layar Terkembang* (1978) – Cetakan ke 11 oleh Sutan Takdir Alisjahbana.
- 3) *Pada Sebuah Kapal* (1976) oleh Nh. Dini.
- 4) *Telegram* (1979) oleh Putu Wijaya.
- 5) *Saman* (2006) – cetakan ke 25 oleh Ayu Utami.

B. Novel Malaysia

- 1) *Acuman Mahkota* (1988) oleh Abdul Kadir Adabi.
- 2) *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) oleh Shahnnon Ahmad.
- 3) *Hujan Sudah Teduh* (2004) oleh Zaharah Nawawi.
- 4) *Salam Maria* (2004) oleh Fatimah Busu.
- 5) *Pemburu Mimpi* (2005) oleh Saleha Hussin.

Semua sepuluh buah novel di atas dari segi tema mengandungi unsur relasi gender, sama ada dari segi adat, sosial, budaya mahupun agama. Selain itu, semua sepuluh novel terpilih tersebut telah ramai diperbincangkan oleh ahli-ahli sastera ketika novel-novel itu diterbitkan pada zamannya. Manakala sepuluh orang pengarang novel itu juga mempunyai kelebihan dan mempunyai keistimewaan segi latar belakang pendidikan, kerjaya dan gelaran yang diperolehi masing-masing pengarang ini. Kesepuluh-sepuluh buah novel itu diangkat menjadi objek dalam kajian ini.

1.4 Pernyataan Masalah

Berdasarkan huraian latar belakang masalah di atas, maka penulis melihat masalah yang timbul pada sastera yang bertemakan gender ini ialah disebabkan oleh beberapa hal yang berikut:

1. Sikap dan tingkah-laku golongan lelaki dan golongan perempuan yang dapat disamakan antara gender dengan fitrah.
2. Tiada persamaan latar budaya pada zaman dahulu dengan zaman sekarang yang dianuti oleh golongan lelaki dan golongan perempuan.
3. Perspektif yang berbeza antara penulis daripada golongan lelaki dan penulis daripada golongan perempuan dalam menghasilkan karya sastera berbentuk novel.

1.5 Objektif Kajian

Setelah melihat masalah-masalah yang ada dalam karya sastera yang berunsur gender ini, maka penulis merumuskan bahawa tujuan penelitian selanjutnya adalah bertujuan supaya:

1. Mendeskripsikan sikap dan tingkah-laku golongan lelaki dan golongan perempuan dalam membezakan antara gender dan fitrah.
2. Mendeskripsikan latar budaya yang dianuti golongan lelaki dan golongan perempuan pada zaman dahulu dan zaman sekarang.
3. Mendeskripsikan perbezaan suara antara pengarang lelaki dan pengarang perempuan yang terdapat dalam karya sastera yang mereka hasilkan.

1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan penyelidikan dan untuk mendapatkan jawapan daripada kajian ini, maka pengkaji mengajukan beberapa soalan sebagaimana yang berikut:

1. Apa sikap dan tingkah-laku yang membezakan antara golongan lelaki dengan golongan perempuan?
2. Bagaimana latar budaya tokoh-tokoh dalam novel yang mewakili suku bangsa masing-masing ketika novel ini diterbitkan?
3. Bagaimana perbezaan pengolahan masalah gender dalam novel oleh pengarang lelaki dan pengarang perempuan?

1.7 Kepentingan Kajian

Hasil penyelidikan ini berupa deskripsi sikap dan tingkah-laku golongan lelaki dan golongan perempuan, dan deskripsi latar budaya yang dianuti kedua-dua golongan tersebut pada zaman dahulu dan pada zaman sekarang, serta deskripsi kesusasteraan, khasnya genre novel hasil penulisan para pengarang lelaki dan pengarang perempuan, adalah besar manfaatnya dalam kajian ini.

Hal-hal tersebut terjadi kerana hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa sikap dan tingkah-laku golongan lelaki dan golongan perempuan, pada hakikatnya ketara berbeza antara satu dengan yang lain, sekalipun demikian perbezaan ini akan lebih harmonis jikalau kedua-dua golongan ini saling lengkap-melengkapi.

Hasil penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai satu cadangan untuk merumuskan tentang konsep gender dalam kesusasteraan, dan mengembangkan kajian bandingan gender agar dapat memahami latar budaya kedua-dua negara pengarang, iaitu Indonesia dan Malaysia.

1.8 Batasan Kajian

Penyelidikan ini hanya menghadkan kajian pada novel-novel terpilih Indonesia dan Malaysia yang ditulis oleh para pengarang novel yang sudah dikenali oleh masyarakat sastera, khasnya daripada kedua-dua buah negara berkenaan sebelum penyelidikan ini dilakukan. Hasil kesusasteraan dalam genre novel yang dihasilkan

oleh kesepuluh-sepuluh orang pengarang berkenaan dapat mewakili zaman atau tahun masing-masing pengarang ketika novel tersebut dihasilkan.

Zaman	Novel Indonesia	Novel Malaysia
Pertunangan – Jodoh	Di Bawah Lindungan Kabah	Acuman Mahkota
Mengikuti Adat - Istiadat	Telegram	Ranjau Sepanjang Jalan
Emansipasi	Layar Berkembang	Hujan Sudah Teduh Pemburu Mimpi
Kebebasan	Pada Sebuah Kapal Saman	Salam Maria

Jadual 1.1 Zaman novel dihasilkan

Selain daripada itu, penyelidikan ini dipusatkan pada isi cerita novel. Unsur di luar cerita, seperti kulit muka novel mahupun saiznya tidak dikaitkan.

1.9 Kesimpulan

Secara ringkas, boleh dirumuskan bahawa tujuan penyelidikan ini adalah berusaha mengkaji sastera dalam perspektif kajian relasi gender. Latar belakang daripada penyelidikan ini didapati bahawa sedikitnya kajian tentang gender dalam dunia sastera. Sebaliknya, telah banyak kajian yang dilakukan hanya ditumpukan pada kajian tentang feminis yang lebih memberi penekanan pada aspek citra wanita. Selain itu, belum terdapat suatu konsep kajian gender yang tetap dalam kesusasteraan.

Bahan penyelidikan ini menumpukan ke atas sepuluh buah novel; iaitu lima buah novel karangan para pengarang Indonesia dan lima buah novel lagi karangan

para pengarang Malaysia. Kesepuluh-sepuluh buah novel ini diharapkan dapat mendeskripsikan sikap dan tingkah-laku golongan lelaki dan golongan perempuan, budaya yang melatarbelakangi, dan cara bagaimana seseorang pengarang atau novelis lelaki dan pengarang atau novelis perempuan menyuarakan pandangan masing-masing tentang persoalan gender yang dimaksudkan.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan gender dengan mengambil metod kualitatif, dan teori strukturalisme serta teori dialogisme.

BAB II

GELINTIRAN SUSASTERA

2.1 Pendahuluan

Perbincangan dan ulasan di dalam bahagian Bab II ini menghuraikan tentang kajian pustaka, konsep dan landasan teori. Buku-buku dan bahan-bahan bacaan berupa tulisan dalam bentuk rencana atau artikel yang membincangkan masalah gender dibahasakan dalam Bab II ini. Masalah mengenai gender dilihat daripada pelbagai aspek; sama ada aspek hukum atau undang-undang, aspek sosial, aspek politik, aspek agama mahupun daripada aspek kesusasteraan.

Buku, rencana dan bahan-bahan bertulis yang lain dan seumpamanya yang membincangkan masalah gender ini akan pengkaji jelaskan sebagai satu bentuk kajian pustaka. Selanjutnya, buku-buku yang dibincangkan ini akan dibuat suatu kesimpulan secara umum yang akan dijadikan sebagai konsep kajian dalam penelitian ini. Seterusnya kajian gender dalam kesusasteraan ini akan menggunakan teori strukturalisme dan teori dialogisme sebagai bahan ukur untuk menganalisis pengertian gender dalam kesusasteraan.

2.2 Kajian Pustaka: Buku, Jurnal dan Kertas Kerja tentang Gender

Fadillah Suralaga (2003) dalam buku *Pengantar Kajian Gender* yang merupakan sebuah buku panduan untuk pengajaran mengenai gender di Universitas Islam Negeri, Jakarta, Indonesia ini berisikan mengenai pengajaran gender yang merupakan suatu usaha dan upaya yang strategis dalam sosialisasi gender. Dengan adanya sosialisasi gender ini diharapkan akan terhasil kesetaraan kedudukan dan keadilan gender dalam masyarakat yang bermula semenjak daripada bangku perkuliahan melalui mahasiswa dan mahasiswi sebagai model.

Anne Cranny-Francis (2003) melalui buku *Gender Studies: Terms and Databases* merupakan himpunan beberapa tulisan yang dihasilkan oleh pakar dalam bidang gender setelah melakukan kajian di lapangan. Kajian gender ini dimulai dengan memberikan asal mula gender itu berkembang yang merupakan hasil perluasan analisis feminis yang akhirnya menjadi sebuah perbincangan tentang gender serta hubungan gender dengan interdisiplin ilmu-ilmu yang lain. Analisis feminis materialis menghasilkan beberapa variasi gender yang menitikberatkan kajian pada tempat kerja, rumah, tubuh badan, dan gambaran budaya.

Mansour Fakih (2005) dalam buku *Analisis Gender dan Transformasi Sosial* menghuraikan tentang pengertian gender dan perubahan sosial yang terkesan daripada perjuangan gerakan golongan perempuan. Gerakan transformasi gender ini bukan sahaja bertujuan untuk memperbaiki kedudukan atau status golongan perempuan, tetapi juga berkeinginan untuk memperjuangkan martabat dan kekuatan golongan perempuan, selain bertujuan untuk meningkatkan kekuatan yang tidak didominasi oleh orang lain, kekuatan yang dapat digunakan untuk mengawal hidup dan

kemampuan untuk meraih akses sumber material dan non-material untuk diri perempuan.

Ratna Megawangi (1999) melalui buku *Membiarkan Berbeda? Sudut Pandangan Baru tentang Relasi Gender* membahaskan mengenai gender daripada sudut pandangan aspek 'perbezaan'. Dengan adanya perbezaan ini, masing-masing gender mengusahakan potensi masing-masing supaya lebih berfungsi sebagaimana lazimnya, secara berkesinambungan dan berkesan. Melalui buku ini, Ratna mengajak kalangan pembaca untuk dapat menghargai akan perbezaan itu, sama ada daripada kalangan pembaca golongan lelaki mahupun kalangan pembaca golongan perempuan.

Rokiah dan Shanthi (1998) dalam buku *Gender, Budaya dan Masyarakat* merupakan sebuah kumpulan esei yang dituliskan oleh 12 orang pakar dalam bidang sains sosial. Bermula daripada penyelidikan golongan feminis untuk menggunakan gender sebagai satu penganalisisan sosial dan budaya secara terperinci, menyebabkan timbul pula persoalan-persoalan baharu dan mencabar pengetahuan awal yang akhirnya menimbulkan transformasi fundamental dalam sains sosial. Buku ini merupakan salah satu bahan dalam pengajian gender di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

A. Nunuk P. Murniati (2004) dalam *Getar Gender 1* beranggapan bahawa masalah perempuan sebenarnya sejajar dengan masalah penindasan dan ketidakadilan sosial. Mengangkat persoalan penindasan dan ketidakadilan menjadikan persoalan tersebut umum, khasnya yang terjadi pada perempuan. Untuk itu penegakan hak asasi golongan perempuan hanya akan terlaksana dengan adanya pelaksanaan keadilan dan kesetaraan gender. Manakala buku *Getar Gender 2* (A. Nunuk P. Murniati, 2005) melanjutkan kajian gender dari perspektif agama, budaya dan keluarga di Indonesia.

Gender dari perspektif agama di sini ialah agama Kristian. Agama Kristian mendakwa bahawa perempuan sebagai penyebab lelaki menderita di dunia, kerana terpengaruh oleh rayuan syaitan untuk memakan buah terlarang di syurga. Perspektif budaya yang diterapkan adalah budaya Jawa. Budaya Jawa melihat gender, khasnya kaum perempuan adalah golongan yang mempunyai kekuatan dan berperanan. Bagi perempuan Jawa, menjadi ibu bukan hanya secara biologis atau fizikal sahaja, tetapi juga sebagai ibu bagi anak-anak yang lain atau *collective motherhood*. Seterusnya perspektif keluarga, dunia kesempurnaan perempuan atau ideal adalah keluarga.

Ooi Eng Lye (2005) dengan bukunya berjudul *Novel Terpilih__Shahnon Ahmad: Suatu Kajian Pendekatan Gender* merupakan suatu kajian gender dalam bidang kesusasteraan. Teknik kajian yang dilakukan oleh penulis ini ialah dengan cara menggunakan enam buah buku teks novel Shahnon Ahmad, iaitu *Al-Syiqaq I*, *Tunggul-tunggul Gerimis*, *Tok Guru*, *Ummi dan Abang Syeikhul*, *Sutan Baginda* dan *Patriach*. Hal-hal yang dibincangkan di dalam buku kajian Ooi Eng Lye ini adalah perkara-perkara yang menyentuh tentang aspek sosial, ekonomi, politik dan agama dalam konteks perhubungan gender dan kuasa, sehingga kekuasaan, kedudukan dan peranan setiap individu dalam keluarga dan masyarakat tidak bertentangan antara satu dengan yang lain hingga berjaya menimbulkan keharmonian rumahtangga.

Manakala Harry Aveling (2000) dalam buku *Shahnon Ahmad: Islam_Power and Gender* merupakan hasil kajian Harry Aveling yang juga berdasarkan novel-novel Shahnon Ahmad. Melalui kajian tersebut, Harry Aveling membuat kesimpulan, bahawa setiap novel Shahnon Ahmad selalunya bersumberkan Islam yang tercermin daripada watak-watak yang ditampilkannya di dalam novel. Selain daripada itu, unsur ke-Islaman yang ditampilkan oleh Shahnon Ahmad katanya, bukan sahaja diterapkan

melalui watak-watak daripada golongan lelaki tetapi juga digambarkan melalui watak-watak berjantina perempuan. Novel-novel yang dikajinya antara lain ialah *Rentong*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Serengenge*. Manakala novel Shahnon Ahmad yang lain mengikut Harry Aveling, lebih memfokuskan tentang kajian pada *power* atau kekuasaan.

Selanjutnya Norhayati Abdul Rahman (2007) melalui pembentangan kertas kerja bertajuk “Puitika Sastera Wanita Malaysia dan Indonesia: satu perbandingan”, tidak menggunakan perkataan gender secara langsung, tetapi sebaliknya beliau menggunakan istilah dengan makna secara tersirat daripada tajuk yang dikemukakan itu. Melalui kajian tersebut, Norhayati lebih menekankan tentang proses penciptaan teks oleh enam orang pengarang perempuan daripada negara Indonesia dan Malaysia, sehingga melalui tulisan tersebut dapat diketahui akan suara yang ingin disampaikan pengarang daripada teks novel yang dihasilkan. Penekanan kajian Norhayati ini daripada aspek budaya yang melatari setiap orang pengarang berupa penghasilan teks di bawah pengaruh patriaki.

Beberapa tulisan melalui jurnal juga ada membincangkan masalah gender, seperti tulisan S. Widagdo (2001) melalui tajuk ‘Persepsi Kalangan Kiyai (Pesantren) tentang Kemitrasejajaran Pria-Wanita dalam Hukum Islam, Kaitannya dengan Usaha Peningkatan Kualitas Sumberdaya Manusia” merupakan hasil kajian yang dilakukan dengan menggunakan metod temu-bual atau wawancara secara langsung dengan para kiai atau para ulama yang memimpin atau yang bekerja dalam tiga buah lokasi pondok pesantren yang berada di Lamongan, Jawa Timur. Menurut konsep hukum Islam, kemitrasejajaran pria dan wanita termasuk dalam kategori ijtihad. Landasannya berdasarkan Quran, iaitu surah *al-Hujurat*: 13, surah *an-Najm*: 45, *al-Qiamah*: 39.

Kajian ini melihat kesamaan golongan lelaki dan golongan perempuan dari sudut hukum Islam.

Seterusnya, Syahrul A'dam (2007) dengan tajuk 'Perempuan dalam Pasungan: mengurai kekerasan dalam rumahtangga' mengungkapkan bahawa kekerasan dalam rumahtangga yang pada umumnya menimpa kaum perempuan, tidak terlepas daripada kontruksi budaya, hukum dan teologi yang semuanya itu kelihatan memihak pada kepentingan golongan lelaki. Melihat hal yang demikian, Syahrul A'dam mengajak kita untuk merekonstruksi pemahaman agama, sosial budaya dan hukum yang berperspektif keadilan terhadap golongan perempuan, kerana penafsiran yang dibuat selama ini ketara bersifat bias gender. Untuk menjawab dan menghuraikan persoalan tersebut, maka ia memerlukan waktu yang cukup lama dan harus dimulai melalui tarbiah pendidikan.

Yumarni (2007) melalui tajuk 'Pemerolehan Bahasa dan Pembelajaran Kesetaraan' menegaskan bahawa proses pembelajaran bahasa dan gender dalam kalangan anak-anak merupakan usaha untuk menghargai, mencintai dan menjadi contoh pendidikan zaman global ini. Katanya, laki-laki memang berbeza daripada perempuan dipandang daripada struktur fizikal, organ reproduksi, dan cara berfikir. Perbezaan cara berfikir kaum perempuan dan kaum lelaki pula berkait rapat dengan struktur fizikal masing-masing, sehingga dalam beberapa ungkapan antara kedua-dua golongan tersebut juga berbeza. Misalnya ungkapan seperti, "Kamu kan anak laki-laki, masa sih nangis atau perempuan kok ngomongnya keras-keras sih.", dan seumpamanya. Melihat hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa laki-laki dan perempuan itu berbeza, tetapi tidak untuk dibeza-bezakan, melainkan untuk difahami dan dihargai sebagai individu hamba Allah yang unik dan berpotensi.

Adriana Venny (2003) dengan tajuk ‘Feminisme Universalis: Solidaritas dan penghormatan terhadap martabat manusia’ merupakan tulisan berlandaskan fahaman feminis gelombang ketiga yang menyuarakan bahawa setiap individu itu unik dan beragam pemikiran dan pengalaman, Oleh hal yang demikian, penyeragaman tidak akan menghasilkan sesuatu yang memuaskan bagi kumpulan lain. Untuk itu, kaum feminis universalis menggunakan pendekatan dengan memberikan penghormatan terhadap martabat manusia, sama ada lelaki mahupun perempuan, di negara maju mahupun di negara dunia ketiga, sehingga akan tercipta suasana dan kebijaksanaan masyarakat yang adil.

Agni Iga Iswarani (2004) melalui tajuk “Wacana Seksualitas dalam Karya Sastera: Analisis Sosiologis atas Novel *Larung*” berpendapat dan berkesimpulan, bahawa Ayu Utami melalui novel *Larung* menyajikan masalah utama novelnya mengenai seks sebagai alat penentangan terhadap ideologi gender melalui watak-watak yang ditampilkan dalam novel berkenaan. Melalui bahasa yang dibangun dengan permainan kata-kata, pada akhirnya akan membangunkan sebuah gagasan atau ideologi yang mempengaruhi kepercayaan dan keyakinan orang lain. Melalui teks itu, tergambar tentang sistem masyarakat patriarki yang mencurahkan tenaga dan kemampuan untuk bekerja melalui watak-watak yang ditampilkan. Analisis wacana pada akhirnya akan menghasilkan perubahan social dan perubahan berfikir.

Muhammad Suriani Shiddiq (2006) dengan tajuk “Teori Pemaknaan Teks Kitab Suci: Perbandingan antara Hermeneutika dengan Tafsir Alquran’ memulakan huraian dengan mengatakan bahawa teks sesungguhnya diam, tanpa sentuhan pembaca. Dengan demikian, sesebuah teks itu memerlukan interpretasi atau penafsiran baharu. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat, bahawa kitab suci

Quran tidak memerlukan mana-mana bentuk penafsiran baharu, melainkan berusaha memahami dan merealisasikan maksud yang tersurat dan yang tersirat di dalamnya. Seterusnya kajian juga menggunakan hermeneutika sebagai metod pemaknaan teks yang dipakai untuk dapat menjangkau aspek historis, pengalaman dan fenomena sosial yang melatarbelakangi lahirnya sesebuah teks itu; termasuk kajian terhadap teks-teks kitab suci Quran.

Berdasarkan keterangan daripada beberapa buku, jurnal dan kertas kerja sebagaimana yang dicatatkan di atas, dengan menggunakan pendekatan ilmu sosial, dapat dirumuskan bahawa kajian tentang gender itu sesungguhnya sangat beragam sifatnya. Pengkaji dalam kajian ini memilih kajian relasi gender daripada perspektif kesusasteraan iaitu genre novel terpilih Indonesia dan Malaysia. Hal ini kerana novel adalah hasil kreativiti pengarang yang ternyata ia berdasarkan realiti hidup manusia dan persoalan yang diketengahkan terdapat isu gender di dalam novel-novel berkenaan.

2.3 Konsep Gender dan Kesusasteraan

Pengertian gender adalah *gender is the system of marking words such as nouns, adjectives, and pronouns as being masculine, feminine or [sic] neuter* (Della Summers, 1992: 539). Pernyataan di atas diperkukuhkan lagi dengan menyatakan bahawa *gender is defined as the relationship between men and women based on a socially defined role* (Zeenath Kausar 2008: 3). Gender ditakrifkan sebagai hubungan antara lelaki dan perempuan berdasarkan peranan sosial. Selanjutnya Prof. Dr. Sahlan Mohd. Saman mengatakan gender harus dilihat daripada peranan asal dan

peranan sosial serta peranan yang dicipta oleh ahli-ahli gender.

(<http://www.facebook.com/#!/messages/100002391752466>)

Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari (2006) bersependapat dengan Prof. Dr. Sahlan Mohd. Saman dengan menghurai peranan asal dan peranan sosial gender daripada perspektif Islam. Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw merupakan satu revolusi besar yang mengembalikan hak dan tanggungjawab kaum perempuan secara bergandingan dengan pasangannya kaum lelaki. Islam telah menyatakan bahawa lelaki dan perempuan sama-sama berkongsi kewajipan sebagai hamba Allah yang tulus serta beriman, dan mereka akan diberi ganjaran setimpal dengan amalan masing-masing.

Hal ini ditegaskan dalam firman Allah yang bermaksud: *barangsiapa yang mengerjakan amal soleh baik lelaki mahupun perempuan sedang ia orang beriman, maka mereka masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya sedikitpun* (Surah al-Nisa, ayat 4: 124). Dengan demikian, kebenaran dan keadilan syariah Islam telah menjamin status perempuan tetap terbela.


Berdasarkan beberapa huraian dan pengertian sebagaimana catatan di atas, dapat dinyatakan di sini, bahawa gender merupakan salah satu daripada cabang kajian ilmu sosial yang menjuruskan pada masalah kajian tentang ketidakseimbangan peranan kaum lelaki dan kaum perempuan dalam bermasyarakat. Ketidakseimbangan peranan itu disuarakan oleh golongan feminis yang terjadi di dunia Barat. Golongan feminis ini berusaha menyuarakan konsep dan mensosialisasikan ketidakseimbangan peranan ini secara sosial dan budaya. Hal ini kerana selama ini masyarakat mengenali dan menerima kehadiran kaum perempuan di dalam masyarakat sebagai makhluk yang lemah-lembut, emosional dan bersifat keibuan, sedangkan lelaki pula dianggap

sebagai golongan yang mempunyai tenaga fizikal atau tenaga lahiriah yang kuat, bersifat perkasa, dan rasional.

Konsep ini kemudiannya berkembang di dunia Timur dengan istilah emansipasi yang dibawa oleh golongan feminis Barat. Golongan feminis mentafsir bahawa masyarakat Islam sebenar ialah masyarakat lelaki. Dogma tersebut mendorong perempuan Islam mendukung gerakan emansipasi atau pembebasan perempuan kerana kekaburan tentang ajaran Islam mengenai perempuan. Dengan demikian, golongan feminis Barat ini telah mengubah cara berfikir perempuan Islam mengenai kepercayaan dan peranan kaum perempuan dalam kehidupan harian mereka.

Kini konsep yang dipakai oleh golongan feminis adalah persamaan gender yang terus membuat kaum perempuan menuntut persamaan hak. Tuntutan ini menjurus pada sifat materialisme hingga menyebabkan kaum perempuan seperti mengorbankan fungsi asal dan asasi mereka dalam keluarga sebagai ibu dan isteri. Hal ini semakin diperkukuhkan lagi dengan pernyataan bahawa sifat yang dimiliki oleh lelaki dan perempuan dapat dipertukargantikan atau dapat diubahsuaikan antara satu dengan yang lain berdasarkan perubahan waktu (Mansour Fakih, 2005). Peranan inilah yang dibentuk oleh ahli-ahli gender supaya diterima oleh umum, sama ada oleh golongan lelaki mahupun golongan perempuan.

Daripada huraian di atas dapat disimpulkan dalam bentuk rajah seperti yang berikut ini.



Rajah 2.1 : Peranan manusia dari perspektif gender

Sifat manusia dilihat dari *nature* atau semulajadi tidak dapat dipertukargantikan, seperti sifat golongan lelaki adalah maskulin dan sifat golongan perempuan adalah feminin. Daripada fungsi fizikal, golongan lelaki sebagai penghasil produk sperma dan golongan perempuan sebagai pembuahan atau reproduksi. Selanjutnya, peranan manusia daripada budaya atau *culture* berbeza daripada peranan dan tanggungjawab, seperti tugas golongan lelaki adalah pencari nafkah utama dan golongan perempuan pula penerima nafkah. Kesan daripada peranan dan tanggungjawab tersebut, menyebabkan ruang kerja antara golongan lelaki dan golongan perempuan juga berbeza. Misalnya, golongan lelaki dapat berada di luar rumah, manakala perempuan hanya berada di dalam rumah. Peranan dan tanggungjawab ini juga didukung oleh ajaran agama yang menyatakan bahawa golongan lelaki adalah pemimpin bagi golongan perempuan. Sekalipun demikian, khasnya dalam agama Islam dinyatakan bahawa golongan lelaki dan golongan perempuan adalah sama di mata Pencipta -Allah swt kerana taqwa. Pernyataan yang menyatakan bahawa manusia mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama kepada Allah swt dikategorikan sebagai *nurture* atau pembudayaan. Peranan dan

tanggungjawab *nurture* atau pembudayaan, kini digunakan oleh pejuang gender sebagai kesepakatan antara golongan lelaki dan golongan perempuan untuk dapat hidup harmoni dalam bermasyarakat dan bernegara. Dengan demikian pejuang gender berharap terciptanya relasi gender.

Relasi bererti hubungan, perhubungan atau pertalian (Noresah Baharom, 2005: 1307). Relasi atau hubungan yang terjadi antara golongan lelaki dan golongan perempuan dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara dengan harmoni tanpa membezakan peranan dan tanggungjawab golongan berkenaan dan saling menghormati antara satu sama lainnya.

Peranan perempuan yang selama ini hanya di dalam rumah kini justeru memberikan peranan yang luas di sektor awam. Dalam laporan Gadis Aravia (2003) dalam *Jurnal Perempuan* membuka mata masyarakat, bahawa ramai kaum perempuan yang bekerja di pertambangan PT. NTT, sama ada di Kalimantan Timur atau Mataram. Antara ramai pekerja perempuan tersebut, ada seorang perempuan yang bernama Nurpiah sebagai penakluk atau pemandu ‘Haul Truck’; iaitu sebuah kenderaan pengangkutan di pertambangan dengan ketinggian lebih daripada 10 meter, dan mampu mengangkut batuan pertambangan hingga 240 ton.

Melihat kenyataan di atas, peranan gender juga sudah mula berubah dalam kehidupan harian. Hal ini telah terakam dalam karya sastera seperti yang dinyatakan oleh Wiegman dan Glasberg (1999:3) dalam *Literature and Gender* bahawa *gender, some people say is the most natural of all phenomena. It is the thing that defines who we are, the roles we play in society*. Dengan maksud, sesetengah orang mengatakan bahawa gender adalah sebuah fenomena. Ia adalah perkara yang ditakrifkan mengenai siapa kita, dan melihat peranan kita dalam masyarakat.

Seterusnya Safian Hussein (1988: 133) menjelaskan pengertian kesusasteraan ialah kumpulan buku yang baik isinya dan indah bahasanya dan dapat disamakan dengan persuratan. Menurut Hashim Awang (1985) kesusasteraan adalah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Hal senada disampaikan juga oleh Ali Ahmad yang menyebut (1994) bahawa dalam perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu, istilah 'persuratan' digunakan bagi menjelaskan sekumpulan hasil seni bahasa. Seni bahasa yang halus dan indah katanya adalah karya-karya yang bercerita, sama ada dituliskan mahupun dituturkan. Penghasilan kesusasteraan yang bercerita itu dikategorikan ke dalam genre prosa.

Hashim Awang (1985) mengatakan bahawa genre prosa terdiri daripada novel, cerpen dan drama. M. Atar Semi (1988) menyatakan bahawa novel adalah salah satu bentuk karya sastra yang mengalami perkembangan yang pesat berbanding bentuk genre prosa seumpamanya. Hal ini disebabkan, novel dapat diertikan sebagai bentuk karya sastra yang memberikan konsentrasi kehidupan yang tegas daripada cerita pendek. Selanjutnya Burhan Nurgiantoro (1995) mengatakan bahawa novel mengemukakan sesuatu secara bebas, menyajikan kehidupan secara lebih terperinci dan lebih kompleks. Manakala Wellek dan Austin (1989) menegaskan bahawa novel moden melukiskan manusia dari lahir, tumbuh dan mati. Tokoh-tokohnya mengalami perkembangan dan perubahan kehidupan. Kesemua pendapat di atas dirangkum oleh M.H. Abrahams (1981: 119) sebagai :

“.....the term novel is now applied a great variety of writing that have in common only attribute of being extended works of prose fiction. Its magnitude permits a greater variety of character, greater complication of plot.

Genre novel merupakan aplikasi kehidupan yang dituliskan dalam bentuk fiksyen prosa. Di dalamnya

mengandung pelbagai watak yang dikembangkan daripada alur cerita.

Bermakna, kesusasteraan berbentuk novel merupakan karya sastra yang ditulis berdasarkan kehidupan manusia yang sebenar dengan pelbagai masalah yang dihadapi oleh watak-wataknya, termasuk juga masalah peranan relasi gender.

2.4. Landasan Teori

Seperti ilmu sosial yang lain juga, kesusasteraan merupakan bahagian daripada kebudayaan yang memberikan manfaat kepada kehidupan manusia. Dengan demikian, penelitian ke atas kesusasteraan ini juga memiliki manfaat kehidupan bagi manusia dengan cara memahami nilai-nilai kemanusiaan dan kebudayaan yang disampaikan oleh pengarang dalam karya masing-masing. Melalui karya kesusasteraan seumpamanya, setiap pengarang sastra seperti mempunyai tanggungjawab secara tersirat dalam menyampaikan ideologi masing-masing. Untuk mengetahui dan mendapatkan hal tersebut, maka dalam membedah hasil kesusasteraan berbentuk novel terpilih Indonesia dan Malaysia ini, pengkaji perlu memiliki alat pengukur yang tepat dan objektif, berupa teori yang sesuai dengan kaedah kajian.

Landasan teori merupakan kerangka dasar dalam kajian ini. Teori yang akan digunakan dalam kajian ini ialah teori strukturalisme dan teori dialogisme.

2.4.1 Teori Strukturalisme

Pada mulanya teori strukturalisme ini berasal daripada linguistik Ferdinand de Saussure (1916) yang mengembangkan kajian pada bahasa. Kajian bahasa ini membuat tafsiran dan deskripsi mengenai bahasa pada mitos sebagai sistem tanda. Sistem tanda mempunyai struktur yang terdiri daripada tanda atau bentuk dan erti atau isi. Hal ini disebabkan teori formalistik yang merupakan teori yang mula-mula dikembangkan dalam sastera hanya melihat aspek dalaman karya sastera sahaja tanpa melihat bahasa, sedangkan unsur bahasa juga merupakan satu daripada unsur utama dalam sastera.

Melihat hal yang demikian, maka ramai para pengkaji sastera telah mengkaji hasil karya sastera dengan menerapkan teori strukturalisme ini. Antara hasil yang telah didapati adalah teori naratologi yang dikembangkan oleh Greimas (1966) dan Genette (1980) tanpa mengkesampingkan unsur dalaman sastera. Manakala Todorov (1977) mengembangkan teori transformasi teks, dan Jakobson (1975) melihat puitika bahasa dalam sastera. Selain digunakan dalam bidang sastera, dan dalam bidang ilmu lain juga, strukturalisme telah digunakan dalam bidang ilmu antropologi. Tokoh yang menggunakan teori strukturalisme dalam bidang antropologi ialah Levi-Strauss (1972) mengenai hubungan manusia dengan mitos. Menurutnya, mitos telah beroperasi dalam minda manusia tanpa manusia sedari.

Kaedah analisis strukturalisme ialah mencari sistem-sistem pengawal hidup di dalam sesebuah karya bukannya menganalisis maksud cerita (Mana Sikana, 2007). Sistem-sistem pengawal hidup ini disusun dan dipilih hingga akhirnya akan ditemukan sesuatu yang baharu. Goldmann (1964) menamakan hal yang seumpama

itu sebagai ‘world view’, Manakala Umar Junus (1985) menggunakan istilah ‘ideologi’.

Goldmann (1964) menganggap sebuah novel adalah sebagai pandangan dunia penulis atau dunia pengarang. Hal ini, kerana pengarang bukanlah seorang individu yang berdiri sendiri, tetapi pengarang adalah bahagian daripada suatu ‘kelompok sosial’, sehingga pandangannya juga adalah ‘pandangan kelompok sosialnya’ yang merupakan suatu *transindividual subject*.

Ada dua langkah yang dapat digunakan dalam menemukan ‘pandangan dunia pengarang’ menurut Umar Junur (1985: 168) iaitu melalui:

1. Hasil bacaan pertama sebuah novel akan ditemukan suatu pandangan dunia sementara yang dapat dianggap sebagai *hipotesis*.
2. Berdasarkan pandangan dunia sementara, kita mulai menganalisis novel dengan kesediaan sepenuhnya untuk menukar atau merubah pandangan dunia sementara tadi, meskipun bukan tidak mungkin ia dikukuhkan sebagai pandangan dunia sebenar yang kita temui dalam dunia nyata melalui novel tersebut.

Teori strukturalisme mempunyai ciri-ciri seperti yang dikatakan Umar Junus (1985: 169) iaitu

- a. Strukturalisme bertolak dari teks, dan teks dilihat sebagai sesuatu yang monosemi.
- b. Daripada teks, akan ditemukan pola-pola yang menghubungkan penulis dengan latar belakang sosiobudayanya.
- c. Adanya sikap penyederhanaan melalui pola-pola yang dipertukarkan maka akan didapati pandangan dunia yang universal – hasil pandangan penulis.

Lebih jauh mengenai hal itu, Hashim Awang (1985) menyatakan bahwa strukturalisme ialah meneliti sesuatu yang terlihat dan tidak terlihat. Sesuatu yang terlihat pada kesusasteraan dikatakan sebagai unsur dalaman sastera atau instrinsik manakala unsur di luar sastera dikatakan ekstrinsik (Burhan Nurgiantoro, 1995: 23).

Instrinsik merupakan penganalisan teks secara struktur. Perkataan ‘struktur’ berhubungan rapat dengan bentuk (Umar Junus, 1988:1). Struktur pada kesusasteraan meliputi tema, plot, watak dan perwatakan, dan latar. Tumpuan kajian ialah ini pada watak dan perwatakan serta latar.

Sehubungan itu: watak ialah manusia atau pelakon dalam cereka berbentuk naratif yang diberikan sifat-sifat tertentu termasuk perangai dan pemikiran melalui aksi dan percakapannya yang dikatakan sebagai perwatakan (Safian Hussain, 1988: 352).

Watak dari peranannya dibezakan antara watak protagonis dan watak antagonis. Konsep protagonis dan antagonis harus dilihat pada teknik penulisan sesuatu cereka itu (Safian Hussain, 1988: 261). A. Wahab Ali (1989:21-22) membahagikan empat jenis watak, iaitu watak utama, watak penting, watak sampingan dan watak latar. Perwatakan kadang-kadang disebut juga sebagai penokohan.

Untuk menganalisis perwatakan atau penokohan, Panuti Sudjiman (1988: 23-27) telah membahagikan tiga metod, iaitu:

- (i) Metod analitik, iaitu novelis memaparkan karakter tokoh dan kadang-kadang pula disertai komentar berupa huraian tokoh tersebut.
- (ii) Metod dramatik, iaitu karakter tokoh dapat disimpulkan melalui fikiran, percakapan, dan perlakuan tokoh yang disajikan oleh novelis, atau percakapan tokoh-tokoh lain tentang karakter tokoh yang dimaksudkan.
- (iii) Metod kontekstual, iaitu menyimpulkan karakter tokoh daripada bahasa yang digunakan oleh tokoh berkenaan.

Seterusnya latar dalam cereka memainkan peranan untuk memberikan suasana kepada peristiwa-peristiwa dan manusia-manusia yang terdapat dalam sesebuah cerita. Suasana yang dimaksudkan itu termasuklah ruang tempat dan ruang waktu. Dengan adanya ruang waktu dan tempat, peristiwa dan manusia menjadi konkrit dan tidak dirasakan mereka wujud dan bergerak dalam ruang yang kosong. Latar mungkin wujud dalam bentuk fizikal seperti sebuah kamar, sebuah negeri, atau di satu tempat tertentu (Safian Hussain, 1988: 179).

Panuti Sudjiman (1988: 44) menyatakan bahawa latar sebuah cereka mengacu pada segala keterangan, petunjuk, pengacuan yang berkaitan dengan waktu, ruang, dan suasana terjadinya peristiwa dalam suatu karya sastera.

Latar dapat dikategorikan dalam tiga unsur, iaitu:

- (i) Latar fizikal adalah tempat seperti bangunan, daerah, dan sebagainya.
- (ii) Latar sosial mencakupi penggambaran masyarakat, kelompok-kelompok sosial dan sikapnya, adat kebiasaan, cara hidup, bahasa dan lain-lain yang melatari peristiwa.
- (iii) Latar spiritual adalah latar psikis yang menimbulkan dugaan atau tautan fikiran tertentu (Panuti Sudjiman, 1988: 44-45).

Ekstrinsik ialah istilah yang banyak digunakan dalam kritikan sastera bagi menghurai tentang unsur-unsur luaran atau hal-hal yang mempengaruhi penciptaan karya sastera – khasnya genre novel. Unsur-unsur luaran itu mungkin berhubungan dengan aspek-aspek biologi, geografi, sejarah, psikologi, sosiologi, agama atau falsafah yang terjelma dalam sebuah karya sastera (Safian Hussain, 1988: 74).

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa *literature is expression of society, as speech is expression of man* (Herry Levin, 1973: 56) dengan erti kata, kesusasteraan adalah ekspresi masyarakat yang menceritakan tentang manusia. Hal ini kerana kesusasteraan menampilkan gambaran kehidupan dan kehidupan itu sendiri adalah kenyataan sosial (Sapardi Djoko Damono, 1984: 9). Pendekatan terhadap sastera yang mempertimbangkan segi-segi kemasyarakatan dikatakan sebagai pendekatan sosiologi sastera (Sapardi Djoko Damono, 1984: 2).

Lanjutan daripada itu, Sapardi (1984: 9) mengatakan bahawa pendekatan sosiologi sastera yang banyak dilakukan sekarang ini adalah menaruh perhatian yang besar terhadap aspek dokumentasi sastera; landasannya adalah bahawa sastera merupakan cermin zamannya.


Unsur instrinsik dan eksrinsik yang terdapat dalam teori strukturalisme ini akan pengkaji gunakan dalam analisis Bab V, Bab VI, dan Bab VII.

2.4.2 Teori Dialogisme

Pada mulanya teori dialogisme diperkenalkan oleh M.M. Bakhtin (1976). Menurut Bakhtin, dialogisme adalah jalan terbaik memahami sastera, sekalipun dalam sastera terjadi pertembungan ideologi. Dialog menandai kondisi kewujudan manusia; iaitu menunjukkan seorang manusia dengan seorang manusia yang lain memiliki ikatan. Manusia dikatakan wujud hanya apabila dia berkomunikasi secara dialogis, dan ketika dialog berakhir, maka tidak ada yang tertinggal daripada hakikat manusia itu, kerana itu, dialog adalah proses yang berlangsung terus-menerus di dalam kehidupan seseorang manusia.

Hasil pemikiran mengenai teori dialogisme ini kemudian terbentuklah sebuah perkumpulan pemikiran Bakhtin yang dinamakan *the Bakhtin Circle* (Gardiner, Michael. 1992). Perkumpulan *the Bakhtin Circle* ini secara berterusan melakukan penyebaran pemikiran Bakhtin melalui perbincangan seminar dan membukukan sebarang pandangan dan kritikan mengenai pemikirannya. Salah seorang pengikutnya yang membukukan teori tersebut ialah Julia Kristeva (1980).


Selanjutnya Julia Kristeva mengembangkan teori ini dengan sebutan *intertekstualiti* kerana Bakhtin pernah menyatakan bahawa *all texts are constructed as a mosaic of citations* (1980: 66); iaitu semua teks yang dibina sebagai mozek petikan. Fokus perbincangan dialog Bakhtin dipusatkan pada penggunaan bahasa dalam kalangan penutur sebenar (Mawar Shafei, 2010:33). Dialog Bakhtin menggunakan dua arah iaitu horizontal dan vertikal (Kristeva, 1980: 69). Arah horizontal mewakili pengarang dan khalayak, manakala arah vertikal pula mewakili teks-teks.



Rajah 2.2: Dialog antara novelis dengan pembaca.

Dialog Bakhtin mempunyai dua objek iaitu pengucapan manusia iaitu pengarang atau novelis sebagai penghasil karya sastera –genre novel hasil daripada interaksi terhadap teks-teks sebelumnya dan konteks menghasilkan tema baharu. Konteks oleh Bakhtin

dalam kesusasteraan dilihat sebagai dialog antara kesusasteraan sebelumnya dengan kesusasteraan terkini.



Rajah 2.3 Dasar Teori Dialogisme M.M. Bakhtin.

Teks awal telah ada sebelum pengarang atau novelis membaca atau menulis mengenai tema yang sama. Pengarang atau novelis dapat mengolah tema yang sama dengan cara yang berbeza. Pengolahan yang berbeza inilah dikatakan sebagai teks baharu atau perspektif baharu.

Lebih lanjut Gardiner (1992:175) menghuraikan alasan Bakhtin dalam *the Bakhtin Circle* yang menumpukan kajian pada genre sastera berbentuk novel antaranya:

- (i) *The novel incorporates humour, irony, and parody into the novelistic text, and thereby eliminates 'all one-sidedness, dogmatic, seriousness and all one-sided pathos.'*
- (ii) *The novel is the primary genre which maintains an intimate connection to the vibrant well-spring of a carnival culture.*

Novel menggabungkan unsur jenaka, ironi dan paradoks dalam teks cerita dengan memaparkannya tanpa secara berat sebelah.

Novel adalah genre utama yang mengekalkan pertalian pelbagai budaya di dalamnya.

Dengan demikian dapat disimpulkan, bahawa novel adalah suatu pertemuan segala dialog. Struktur novel pula mempunyai hubungan dengan struktur yang lain, sehingga sesebuah karya sastra itu saling berhubungan antara satu dengan yang lain. Bahasa yang digunakan juga mencirikan dialek masyarakatnya, bahkan jalan cerita juga menceritakan pahlawan bangsanya.

Ada tiga tahap proses dialog, iaitu daripada proses pembacaan, proses pemahaman, dan proses penilaian oleh seorang pembaca.

Kata ‘dialog’ sendiri bererti komunikasi antara dua penutur (Noresah Baharom (ed.). 1997). Manakala Della Summers (1992: 350) memberi makna, bahawa *dialogue is written conversation in a book or play; an exchange of ideas and options*; iaitu, dialog adalah komunikasi pelbagai bentuk, yang berbentuk tulisan atau permainan yang kemudiannya terjadi pertukaran idea dan penyelesaian masalah. .

Dialog yang diciptakan oleh seorang pengarang merupakan pemindahan idea kepada pembaca dan dapat juga merupakan jawapan penyelesaian masalah yang terjadi di dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, karya sastra seperti genre novel sering dikatakan berupaya mencerminkan kehidupan masyarakat dan budaya serta merupakan manifestasi kesenian melalui media bahasa yang kreatif, unik dan indah.

Dengan membaca, memahami dan menghayati hasil karya sastra, maka pembaca atau khalayak akan dapat memahami manusia di persekitarannya dan membolehkan penyerapan nilai-nilai murni, berpeluang menikmati kehalusan dan keindahan karya sastra, di samping membantu untuk melahirkan insan yang

seimbang dan harmonis dari segi intelek , emosi, rohani dan jasmani (Mohd. Yusof Hasan, 1991:iv)

Teori dialog Bakhtin ini akan pengkaji gunakan dalam analisis Bab V, Bab VI dan Bab VII, untuk mengetahui pengolahan relasi gender oleh pengarang atau novelis. Hal ini diperkukuhkan oleh Swann (2004: 79) dengan menyebut bahawa *dialog is a central notion in Bakhtin's theory of language, used to emphasise that language a living, social phenomenon which constructs, rather than simply reflect meaning.*

2.5. Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa kajian gender yang telah dikaji sehingga ini mengarah pada kehidupan harian atau kehidupan nyata. Kajian gender selama ini hanya kerana adanya asumsi atau andaian daripada fahaman feminisme yang mengatakan bahawa perempuan didominasi oleh lelaki kerana adanya sistem patriarki yang akhirnya dapat dipatahkan dengan pemikiran bahawa perbezaan lelaki dan perempuan sesungguhnya dibentuk oleh budaya.

Pertanyaan selanjutnya, mengapa budaya justeru yang membentuknya? Bukankah budaya juga tercipta kerana manusia? Bukankah manusia justeru yang ingin persamaan itu tercipta? Untuk menjawab semua soalan tersebut, pengkaji berpendapat bahawa kajian mengenai relasi gender ini akan terjawab melalui kajian terhadap kesusasteraan, khasnya genre novel.

Seperti telah difahamkan bahawa kesusasteraan terdiri daripada karya sastera. Karya sastera itu dihasilkan oleh pengarang yang juga sebahagian daripada anggota

sesebuah masyarakat. Sebagai wakil daripada masyarakat, pengarang juga menyuarakan hati, fikiran dan perasaan masyarakatnya. Suaranya itu terakam dalam karya sasteranya yang biasanya dalam bentuk novel, dan ini selanjutnya dibaca oleh pembaca yang juga anggota masyarakat. Di sini terlihat bahawa antara pengarang dengan pembaca terjadi 'dialog'.

Teori dialog yang diperkenalkan oleh M.M.Bakhtin itulah yang akan digunakan dalam kajian ini. Selanjutnya, kerana kesusastera itu harus dilihat pada dirinya sehingga ia utuh, maka teori strukturalisme adalah tepat pada kajian relasi gender dalam novel terpilih Indonesia dan Malaysia ini.

BAB III

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab III ini mengandung huraian tentang metod dan rancangan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Subjudul metod menjelaskan dasar-dasar konseptual, manakala rancangan penyelidikan menjelaskan tentang bagaimana teknik pengumpulan data, data dan sumber data, analisis data, dan teknik penyajiannya.


3.2. Metodologi

Sesuai dengan kandungan huraian di dalam Bab II, kajian ini adalah kajian relasi gender dalam novel terpilih Indonesia dan Malaysia, maka metod yang digunakan adalah metod kualitatif. Metod kualitatif memfokuskan perhatian pada data alamiah, data dilihat sesuai keberadaannya (Ratna, 2000). Bermakna, metod kualitatif mengutamakan kedalaman penghayatan terhadap pelbagai konsep. Selanjutnya Nawawi (1998) mengatakan bahawa metod kualitatif sebagai prosedur untuk memecahkan masalah yang sedang diteliti dengan menggambarkan subjek dan objek kajian masa kini berdasarkan fakta-fakta yang tampak.

Menurut Kaelan (2005) metod kualitatif merupakan prosedur kajian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata dan catatan yang berhubungan dengan


makna, nilai serta pengertian. Hal yang senada juga diungkapkan oleh Nazir (1988) yang menyebut bahawa metod kualitatif merupakan suatu pencarian fakta dengan interpretasi yang tepat.

Berdasarkan huraian ringkas di atas disimpulkan oleh Flick (2002: 9) bahawa *qualitative research becomes a continuous process of constructing versions of reality*, iaitu penyelidikan kualitatif merupakan satu proses berterusan membina versi terkini. Hal ini diperkukuhkan oleh Huberman dan Miles (1998) dengan menurunkan rangka penyelidikan seperti yang berikut:




Rajah 3.1 Rangka Huberman dan Miles.

Kajian dengan menggunakan metod kualitatif ini dilakukan oleh pengkaji untuk meneruskan kajian sebelumnya yang membahas mengenai perempuan. Kajian sebelumnya lebih berfokus pada kajian mengenai citra atau imej wanita yang menuntut emansipasi dalam pendidikan. Pada kajian ini pengkaji melihat dua sisi jantina, iaitu lelaki dan perempuan. Kajian mengenai jantina dikatakan kajian gender, dan hubungan kedua-dua jantina ini dinamakan relasi. Jadi kajian ini melihat perhubungan atau kerjasama yang terjadi antara jantina lelaki dan jantina perempuan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.



Rajah 3.2: Proses kajian berterusan hingga kini.

Untuk itu, kajian ini melihat relasi gender dalam novel terpilih Indonesia dan Malaysia, dan pengkaji gunakan rajah sebagaimana yang berikut.



Rajah 3.3 : Proses kajian pengkaji.

Penyelidikan ini bermula dari pelbagai bacaan tentang teori yang akan digunakan dalam kajian ini. Pengkaji menentukan teori strukturalisme adalah tepat untuk mengkaji novel terpilih Indonesia dan Malaysia. Hal ini kerana dalam novel terdapat pelbagai struktur yang membentuknya bermula daripada tema, watak atau tokoh, perwatakan tokoh, dan latar. Teori selanjutnya pengkaji tentukan teori dialogisme. Hal ini kerana novel merupakan bangunan kata-kata yang dirangkai menjadi sebuah idea. Idea tercipta oleh seorang pengarang dan pengarang menyampaikan idea tersebut kepada pembaca. Idea yang berpindah daripada

pengarang kepada pembaca ini dikatakan terjadi sebuah dialog antara pengarang dengan pembaca. Pemilihan teori ini adalah tepat dan mengena sasaran.

Setelah mendapat dan menentukan teori yang akan digunakan dalam kajian ini, pengkaji seterusnya membuat hipotesis atau pendapat sementara mengenai novel-novel yang mengandungi relasi gender sebagai objek kajian. Untuk membuktikan hipotesis tersebut pengkaji melakukan pengumpulan data dari kesepuluh-sepuluh buah teks novel terpilih itu, dan selanjutnya dilakukan analisis terhadap kesemua teks novel tersebut. Hasil pengumpulan data dan analisis teks-teks novel kemudiannya pengkaji interpretasikan atau tafsirkan berdasarkan teori strukturalisme dan teori dialogisme. Langkah terakhir pengkaji dapat simpulkan bahawa relasi gender dalam novel telah disuarakan oleh pengarang daripada semua sepuluh buah novel terpilih Indonesia dan Malaysia.

3.3. Rancangan Penyelidikan

3.3.1 Teknik Pengumpulan Data

Teknik yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik kajian kepustakaan. Teknik ini digunakan untuk memperoleh data-data dan informasi mengenai objek penelitian (Semi, 1993). Teknik ini digunakan kerana sumber data yang tertulis dianggap lebih dominan. Manakala langkah-langkah yang dilakukan dalam mengumpulkan data ini adalah sebagaimana yang berikut:

Pengkaji mesti mendapatkan sumber data berupa buku-buku, tesis, disertasi, kertas kerja dan lain-lain di perpustakaan. Perpustakaan yang digunakan bagi tujuan

kajian ini adalah perpustakaan di Thailand, di Malaysia dan di Indonesia; iaitu Perpustakaan John F. Kennedy, Universiti Prince of Songkhla, kampus Pattani, di Thailand, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Zaba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, di Malaysia, Perpustakaan Universitas Indonesia, Depok, Jakarta dan Perpustakaan Universitas Syarif Hidayatullah, Ciputat, Jakarta, serta Pusat Dokumentasi Sastra HB Jassin, Taman Ismail Marzuki, Jakarta, di Indonesia.

Selain daripada mendapatkan data melalui perpustakaan-perpustakaan tersebut, pengkaji juga menggunakan kemudahan internet melalui situs 'google.com' dan 'wikipedia' untuk mendapatkan maklumat tambahan yang lain sebagai penyokong kajian. Selain daripada itu juga pengkaji menggunakan teknik bersoal-jawab atau diskusi dengan pakar-pakar sastra di Indonesia dan juga di Malaysia. melalui *email* atau ruang sembang di jejaring sosial *facebook*. Kesemua bahan dan sumber rujukan serta informasi yang dinyatakan di atas, pengkaji jadikannya sebagai sumber data iaitu data primer dan data sekunder.

3.3.2 Data dan Sumber Data

Data penyelidikan ini berdasarkan pada pengisahan atau penceritaan daripada sepuluh buah novel terpilih yang terdiri daripada lima buah novel karya para pengarang Indonesia, dan lima buah novel lagi karya para pengarang Malaysia sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab I. Kesepuluh-sepuluh buah novel tersebut diambil daripada lima buah novel Indonesia yang ditulis oleh tiga orang pengarang lelaki dan

dua orang pengarang perempuan. Manakala lima buah novel terpilih Malaysia terdiri daripada dua orang pengarang lelaki dan tiga orang pengarang perempuan. Pemilihan kategori pengarang daripada kedua-dua buah negara ini oleh pengkaji didasarkan pada unsur penyilangan. Unsur penyilangan ini diharapkan berguna untuk mengetahui kecenderungan pengarang menceritakan watak idea yang diceritakannya.

Lima buah karya sastra Indonesia berkenaan ialah *Di bawah Lindungan Ka'bah* (Hamka), *Layar Terkembang* (Sutan Takdir Alisjahbana), *Pada Sebuah Kapal* (Nh. Dini), *Telegram* (Putu Wijaya), dan *Saman* (Ayu Utami). Lima buah novel karya sasterawan Malaysia pula ialah *Acuman Mahkota* (Abdul Kadir Adabi), *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnon Ahmad), *Hujan Sudah Teduh* (Zaharah Nawawi), *Salam Maria* (Fatimah Busu) dan *Pemburu Mimpi* (Saleha Hussin).

Pemilihan kesepuluh-sepuluh buah novel terpilih ini didasarkan pada unsur tema yang dikemukakan oleh pengarang, sama ada menentang, memberikan perlawanan atau menyokong isu-isu yang ada dalam kalangan masyarakat, terlihat dalam jadual berikut ini.

Zaman	Isu Masyarakat	Pengarang Indonesia	Pengarang Malaysia
1920-an hingga 1930-an	Kahwin Paksa	Siti Nurbaya: wanita di antara dua lelaki-wanita menderita	Novel saduran: Faridah Hanum
Menjelang Merdeka dan Selepas Merdeka	Emansipasi	Mendukung emansipasi terhadap perempuan menuntut pendidikan.	Selesa dengan kehidupan yang dianugerah Allah.
1970	Manusia Ideal	Melihat dari sudut lelaki	Melihat dari sudut perempuan

1970-an ke atas	Kesetaraan Gender	Menampilkan watak yang berani bereksperimen dengan budaya Barat.	Menampilkan watak yang masih berpegang pada kultur budaya Timur.
-----------------	-------------------	--	--

Jadual 3.1: Alasan pemilihan novel terpilih.

Seterusnya pengarang yang memberikan sokongan atau menentang tema yang ada dalam kalangan masyarakat dapat dilihat pada jadual yang berikut.

Isu Masyarakat	Pengarang	Keterangan
Kahwin Paksa	Hamka dengan novel <i>Di bawah Lindungan Kabah</i>	Memberikan tandingan novel sebelumnya Siti Nurbaya.
	Abdul Kadir Adabi dengan novel <i>Acuman Mahkota</i>	Memberikan tandingan novel saduran Faridah Hanum.
Emansipasi	Sutan Takdir Alisjahbana dengan novel <i>Layar Terkembang</i>	Memberikan sokongan terhadap isu masyarakat tentang kesempatan belajar untuk perempuan dan ikut berpolitik.
	Shahnon Ahmad dengan novel <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	Melawan isu yang ada dalam masyarakat dengan alasan kehidupan yang ada baik untuk perempuan dan politik hanya untuk lelaki.
Manusia Ideal	Putu Wijaya dengan novel <i>Telegram</i>	Menyokong isu masyarakat dengan menampilkan watak lelaki yang bertanggungjawab dari segi adat istiadat.
	Zaharah Nawawi dengan <i>Hujan Sudah Teduh</i>	Menyokong isu masyarakat dengan menampilkan watak perempuan yang berusaha mendapat lelaki ideal dan bertanggungjawab dalam kehidupan harian.
Kesetaraan Gender dan Relasi Gender	Nh. Dini dengan novel <i>Pada Sebuah Kapal</i>	Menyokong dan memberikan contoh dalam bertindak dan melakukan sesuatu untuk mencapai persamaan atau kesetaraan gender dan relasi gender.
	Saleha Hussin dengan novel <i>Pemburu Mimpi</i>	Menyokong dan memberikan contoh dalam berbuat dan bertindak hingga akhirnya kesamaan itu dicapai.

	Ayu Utami dengan novel <i>Saman</i>	Menyokong dan memberikan contoh bertindak dan berbuat lebih menekankan kebebasan atau liberal.
	Fatimah Busu dengan novel <i>Salam Maria</i>	Menyokong dan memberikan contoh bertindak dan berbuat untuk mencapai kesempurnaan menjadi seorang yang beriman.

Jadual 3.2 Alasan Pemilihan Judul Novel.


Semua sepuluh buah novel tersebut merupakan sumber data utama dalam kajian ini. Kesepuluh-sepuluh data ini dikatakan sebagai data primer. Manakala data lain adalah berupa perkataan atau pandangan dan pendapat orang lain yang memperkatakan tentang cerita yang dikisahkan daripada kesepuluh-sepuluh novel tersebut, sama ada berupa kertas kerja, kritikan yang disiarkan melalui suratkhbar atau buku, dan penerapan karya sastera dengan teori pula akan dijadikan sebagai data sekunder.

3.3.3. Analisis Data

Setelah data-data berkenaan diperolehi, pengkaji kemudiannya melakukan hal-hal seperti yang berikut; pertama, pengkaji memulakan dengan sebuah andaian bahawa pada sepuluh novel terpilih itu terdapat isu relasi gender. Kedua, pengkaji membaca novel-novel terpilih itu secara cermat dan kritis supaya dapat memahami setiap hal yang disampaikan oleh pengarang dalam novel berkaitan dan mencatatkan mana-mana bahagian cerita yang penting dan mengarah pada unsur relasi gender daripada teks novel. Ketiga, pengkaji membuat interpretasi mengenai novel-novel tersebut

berdasarkan data linier - bacaan tambahan yang diperolehi daripada suratkhbar. Keempat, pengkaji menganalisis data yang diperolehi itu berdasarkan teori strukturalisme dan teori dialogisme yang mengandungi gender di dalam kesusasteraan terpilih Indonesia dan Malaysia. Terakhir atau kelima, secara memperoleh hasil analisis, dan pengkaji membuat rumusan sebagai hasil dapatan daripada kajian ini.

Keterangan dan analisis data yang dibuat itu dapat dirajahkan sebagaimana yang berikut di bawah ini:



Rajah 3.4 : Proses Analisis Data adaptasi model Graser dan Strauss (Flick, 2002: 44).

3.3.4. Teknik Penyajian

Kajian atau disertasi ini mengandung lima bab sebagaimana yang berikut:

Bab I merupakan bab pendahuluan yang mengandung pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan penyelidikan, soalan-soalan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, permasalahan penyelidikan, dan pendekatan penyelidikan.

Bab II merupakan hal-hal yang berkaitan dengan kajian kepustakaan, konsep dan landasan teori yang mengandung pembahasan kepustakaan yang menyokong dan membantu untuk menyempurnakan kajian ini. Selanjutnya, huraian konsep yang digunakan dalam kajian dan teori yang akan diterapkan.

Bab III merupakan huraian tentang metodologi penyelidikan yang mengandung metodologi yang digunakan dalam kajian ini, dan rancangan penyelidikan yang terdiri daripada teknik pengumpulan data, data dan sumber data, analisis data, dan teknik penyajian.

Bab IV mengandung huraian tentang perkonsep gender dalam masyarakat Indonesia dan Malaysia.

Bab V mengandung huraian tentang gender dalam kesusasteraan: analisis gender dalam masyarakat tradisional dalam novel *Acuman Mahkota*, *Di bawah Lindungan Ka'bah*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Telegram*.

Bab VI mengandung huraian tentang perjuangan dari emansipasi hingga kepada gender: analisis pada novel *Hujan Sudah Teduh*, *Layar Berkembang*, dan *Pemburu Mimpi*.

Bab VII mengandung huraian tentang perjuangan gender liberal dalam novel Indonesia dan Malaysia: analisis pada novel *Pada Sebuah Kapal*, *Saman* dan *Salam Maria*.

Bab VIII merupakan rumusan daripada ketujuh-tujuh bab yang sudah dibincangkan berupa hasil dapatan kajian, saranan dan kesimpulan.

3.4 Kesimpulan

Seluruh kajian ini menggunakan metod kualitatif. Melalui metod kualitatif ini pengkaji berusaha memecah dan menghuraikan masalah yang diperolehi dengan menggambarkan subjek dan objek kajian berdasarkan fakta-fakta yang tampak atau yang dapat dilihat melalui deskripsi daripada pandangan-paandangan dan catatan-catatan yang berhubungan dengan makna, nilai dan pengertian

BAB IV

GENDER DALAM MASYARAKAT INDONESIA DAN MALAYSIA

4. 1. Pendahuluan

Semua makhluk di dunia ini diciptakan oleh Allah secara berpasang-pasangan. Dalam kalangan manusia misalnya, Allah telah fitrahkan mereka itu dengan berbeza-beza jantina; iaitu ada lelaki dan ada pula yang berjantina perempuan. Kedua-dua mereka itu diciptakan oleh Allah dalam darjat, martabat, kedudukan, status dan penghormatan yang sama. Kalaupun masing-masing mereka itu memiliki bentuk dan fungsi yang berbeza, semua itu adalah bertujuan untuk saling melengkapi. Namun dalam kehidupan nyata, perbezaan bentuk tersebut menyebabkan wujudnya perbezaan peranan yang dipertanggungjawabkan ke atas masing-masing makhluk manusia itu.

Perbezaan peranan yang difitrahkan ke atas dua golongan makhluk secara berlainan itu, lama-kelamaan akan menjadi suatu pembudayaan atau membudayakan mereka itu dalam masyarakat masing-masing hingga menyebabkan timbulnya diskriminasi terhadap salah satu pasangan tersebut. Golongan perempuan misalnya, pada umum mereka sering merasakan diri mereka selalu didiskriminasikan oleh kaum lelaki. Dengan hal yang demikian menyebabkan terjadi dan lahir gerakan untuk pembebasan perempuan atau dikenali sebagai feminis. Gerakan feminis ini juga pada hakikatnya tidak dapat menyelesaikan masalah, kerana tidak selamanya semua kaum

perempuan itu bersetuju dengan gerakan yang dijalankan, terutama untuk dunia Timur yang masih memegang pada adat resam dan pegangan agama.

4.2. Konsep Gender

Istilah “gender” pada awalnya dikemukakan oleh para ilmuan sosial dengan maksud untuk menjelaskan tentang perbezaan peranan antara kaum perempuan dengan kaum lelaki, sama ada dari segi sifat mahupun bawaan masing-masing makhluk ciptaan Allah itu dalam pembentukan budaya. Mengikut Najlah Naqiyah (2005), istilah “gender” ini digunakan sebagai analisis sosial yang bertujuan untuk mengkritik hubungan perempuan dan lelaki, baik secara kuantitatif mahupun secara kualitatif dalam segala aspek kehidupan manusia; termasuk pendidikan, kesihatan, ekonomi atau ketenagakerjaan, hukum, sosial dan juga politik.

Perkataan “gender” itu daripada bahasa Inggeris yang bererti jenis kelamin. Selain istilah “gender”, juga dikenali sebagai istilah “seks” yang juga bererti jenis kelamin. Namun pebezaannya terletak pada pemakaian kata “seks” untuk pengertian biologis. Manakala istilah “gender” digunakan untuk pengertian jenis kelamin secara nonbiologis; iaitu secara sosiologis. Hal inilah yang membezakan istilah “gender” dengan istilah ‘seks’ yang merujuk pada perbezaan biologis antara perempuan dan lelaki, dan bersifat tetap dan universal. Dengan demikian dapat dibezakan antara gender dengan seks melalui jadual 4.1 yang berikut.

CULTURE	NATURE
GENDER	SEKS/JANTINA
* Dapat diubah * Dapat dipertukarkan * Bergantung keadaan * Bergantung budaya masing-masing * Bukan kudrat (dibuat oleh masyarakat)	* Tidak dapat diubah * Tidak dapat ditukar ganti * Berlaku sepanjang masa * Berlaku di mana-mana sahaja * Kudrat (Ciptaan Tuhan) Perempuan: mengalami haid, hamil, melahirkan, menyusui

Jadual 4.1: Gender dan Seks/Jantina.

Jelaslah bahawa pengertian gender merujuk pada peranan dan tanggungjawab golongan perempuan dan lelaki yang dikonstruksi secara sosial dalam suatu wilayah atau budaya. Peranan antara kedua-dua golongan ini dipengaruhi oleh persepsi dan harapan yang dibangunkan daripada faktor budaya, politik, lingkungan persekitaran, ekonomi, sosial, agama, dan juga kebiasaan, hukum, strata kelas, etnik bahkan bias individu. Perbezaan peranan ini juga ditunjangi oleh situasi sosial, politik, pendidikan dan ekonomi. Sebagai contoh daripada situasi sosial misalnya, berlaku perbezaan peranan antara lelaki dan perempuan dalam rumahtangga. Perempuan dilihat sebagai pengurus sesebuah keluarga atau sesebuah rumahtangga. Manakala lelaki pula adalah sebagai ketua di dalam sesebuah keluarga atau rumahtangga itu. Peranan perempuan dalam pengurusan rumahtangga ialah mengasuh anak-anak dan mengurus rumah.

Manakala lelaki pula adalah sebagai ketua sesebuah keluarga, atau ketua sesebuah rumahtangga adalah bertanggungjawab sebagai pelindung, penjaga keselamatan dan keamanan, serta memiliki imej yang kuat.

Contoh lain daripada situasi politik tentang perbezaan peranan antara kaum lelaki dan kaum perempuan ialah dalam pembahagian kekuasaan dan autoriti. Lelaki bebas untuk ikut serta dalam bidang politik nasional dan politik peringkat tinggi. Manakala perempuan pula dilihat sekadar lebih banyak bergerak dalam bidang politik tempatan, dan terbatas dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan peranan domestik sahaja. Dalam bidang pendidikan pula, pada zaman dahulu terdapat jurang perbezaan dalam usaha untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Kebanyakan sumber kewangan keluarga lebih diarahkan untuk membiayai kemajuan kehidupan anak lelaki; terutama dalam mendapatkan pendidikan akademik. Hal yang demikian dapat dibezakan tentang keistimewaan yang diberikan para ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan seperti jadual 4.2 yang berikut:

ASPEK	Lelaki	Perempuan
• Sifat • Fungsi • Ruang lingkup • Tanggungjawab	Maskulin Produksi Umum/Am Nafkah asas/utama	Feminin Reproduksi Domestik Nafkah tambahan

Jadual 4.2: Aspek Gender.

Sifat lelaki yang selalu maskulin dan perempuan harus feminin merupakan sifat yang ada secara biologis dan sosial. Hal ini adalah disebabkan kaum lelaki yang mempunyai sifat maskulin dikatakan sebagai lelaki 'macho' dan secara fizikal mempunyai tubuh badan yang sasa; kuat dan tegap. Manakala sifat feminin pada perempuan dikatakan perempuan tersebut anggun, ayu dan manis.


Dari segi fungsi, lelaki mempunyai alat produksi untuk menghasilkan buah berupa 'sperma' dan kemudiannya buah tersebut memerlukan reproduksi perempuan untuk mengerami buah yang dimaksudkan. Dalam hal ini, fungsi untuk menghasilkan buah dan pembuahan tidak dapat ditukar ganti kerana kewujudan itu merupakan suatu fitrah ciptaan semulajadi Allah untuk manusia.

Ruang lingkup antara lelaki dan perempuan pada mulanya tidak dapat dipertukargantikan; terutamanya dalam kalangan masyarakat tradisional, tetapi kini seiring dengan perubahan waktu sama ada masyarakat tradisi mahupun masyarakat moden, telah dapat menerima perubahan ruang lingkup tersebut. Lelaki dan perempuan dapat memilih kerjaya masing-masing di ruang umum atau domestik asalkan ruang lingkup itu dirasa menyenangkan.

Tanggungjawab dalam rumahtangga pula misalnya, masih sebatik pada masyarakat tradisional. Manakala dalam kalangan masyarakat moden, hal tersebut dapat diubah dan boleh menerima perubahan. Dalam masyarakat tradisional, golongan lelaki wajib berfungsi dalam keluarga sebagai pencari nafkah utama, sebab ia sebagai penunjuk statusnya dalam sesebuah keluarga itu. Lelaki yang tidak melakukan tugas-tugas tersebut boleh dianggap sebagai tidak bertanggungjawab dan telah melalaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga, hingga menyebabkan harga diri dan maruahnyanya dipandang rendah. Manakala dalam masyarakat moden terjadinya

perubahan tanggungjawab dalam berumahtangga disebabkan wujudnya unsur-unsur kesepakatan bersama antara suami dan isteri.

Selain sebab-sebab yang berdasarkan aspek-aspek di atas, perilaku gender juga dipengaruhi oleh konstruksi biologis, sosial dan agama, sebagaimana yang dapat difahami daripada rajah 4.3 yang berikut:



Rajah 4.1: Konstruksi Gender.

Konstruksi biologis alat produksi lelaki dan alat reproduksi perempuan tidak dapat dipertukargantikan fungsi dan peranannya. Sekalipun demikian, fizikal luar; iaitu fizikal yang nampak dapat diubah; misalnya bentuk tubuh, bentuk wajah, dan bentuk kaki. Akibat perubahan bentuk fizikal luaran ini, ramai lelaki menyerupai perempuan. Demikian sebaliknya; perempuan boleh diubah suai supaya menyerupai lelaki; walaupun hakikatnya perlakuan seumpama itu diharamkan dalam syariat Islam.

Golongan lelaki lembut yang mempunyai banyak ciri yang menyerupai perempuan disebut dengan panggilan 'pondan'. Manakala perempuan yang rata-rata kasar, kelihatan gagah dan mempunyai banyak ciri yang boleh menyerupai lelaki pula disebut dengan panggilan 'tomboy'.


Konstruksi agama merupakan konstruksi yang tidak dapat ditukar ganti. Peranan seorang lelaki atau seorang suami tetap berfungsi sebagai ketua keluarga dengan tugas utamanya sebagai pencari nafkah. Manakala isteri pula tetap berperanan sebagai pengurus keluarga. Bererti, seseorang isteri boleh bekerja di luar rumah untuk menambahkan pendapatan dalam keluarga, asalkan dia tidak mengabaikan tugas-tugas yang asas seperti mengasuh anak-anak, membersihkan rumah, mengemas bilik dan seumpamanya.

Konstruksi sosial dapat menerima perubahan sama ada dari segi fizikal antara lelaki dan perempuan, bahkan dapat menerima perubahan perilaku dan tanggungjawab antara kedua-duanya. Hal ini kerana konstruksi sosial melihat permasalahan perubahan fizikal seseorang itu disebabkan kerana mempunyai alasan-alasan tertentu. Demikian juga halnya ketika melihat perubahan perilaku lelaki dan perempuan. Misalnya, perempuan yang kuat tenaga fizikal seolah-olah bersedia untuk menghadapi hidup sendirian tanpa bantuan lelaki yang bergelar suami, sekalipun terpaksa menyara lima orang anak dan menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Untuk mengubah perilaku masyarakat yang telah terbentuk kerana konstruksi biologis dan konstruksi agama, maka konstruksi sosial berusaha memilih untuk mengkategorikan kumpulan gender itu kepada beberapa keadaan seperti yang berikut:

- a. Buta gender (gender blind), iaitu keadaan seseorang yang tidak memahami tentang pengertian atau konsep gender kerana ada perbezaan kepentingan antara lelaki dan perempuan.
- b. Sedar gender (gender awareness), iaitu keadaan seseorang yang sudah menyedari akan kesamaan hak dan kewajiban antara lelaki dan perempuan.
- c. Peka gender (gender sensitive), iaitu kemampuan dan kepekaan seseorang dalam melihat dan menilai hasil pembangunan dan aspek kehidupan lainnya daripada perspektif gender.

- d. Pandangan gender (gender perspective) iaitu kemampuan seseorang memandang suatu persamaan dan perbezaan antara lelaki dan perempuan berdasarkan fungsi dan peranan masing-masing.
- e. Peduli atau cakna gender (gender concern/responsive), iaitu kebijaksanaan atau program yang sudah dilakukan dengan memperhitungkan kepentingan lelaki dan perempuan.



Rajah 4.2: Kumpulan Gender.

Buta gender atau *gender blind* terjadi kerana ketidaktahuan dan ketidakpedulian seseorang individu sebagai masyarakat terhadap perkembangan zaman mengenai peranan lelaki dan perempuan yang terjadi dalam masyarakat hari ini. Buta gender masih menyamakan gender dengan kudrat. Sedar gender merupakan kepekaan seorang individu akan perbezaan dan peranan lelaki dan perempuan. Peka gender merupakan kepekaan seorang individu sebagai warga negara terhadap hasil pembangunan yang tidak merata dirasakan oleh masyarakat, sama ada lelaki mahupun perempuan. Pandangan gender merupakan kepekaan dan kepedulian seseorang individu terhadap pembangunan sebuah negara dan sumbangan dirinya terhadap negara tersebut. Peduli gender merupakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai

warga negara untuk memberikan ilmu, tenaga dan kepakarannya demi kepentingan negaranya.

Dengan adanya pengkategorian terhadap pemahaman gender ini, maka diharapkan peranan gender atau *gender roles* dapat terlaksana dengan baik tanpa timbulnya hal-hal yang dilihat ada unsur-unsur diskriminasi terhadap mana-mana golongan sama ada lelaki mahupun perempuan. Dengan demikian, perbincangan tentang permasalahan gender ini bukan hanya melibatkan golongan perempuan semata-mata, tetapi juga termasuk di dalamnya golongan lelaki.

4.3 Teori Gender

Persoalan tentang gender perlu dihuraikan kerana perbezaannya secara sosial telah melahirkan sama ada perbezaan peranan, fungsi mahupun tanggungjawab. Dengan demikian ruang dan tempat untuk melakukan sesuatu aktiviti antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat juga ikut menjadi isu. Dalam khazanah pengetahuan tentang gender, terdapat beberapa teori yang berkembang dan dijadikan rujukan dalam menganalisis permasalahan gender ini. Teori yang dimaksudkan ialah *nurture*, *nature*, dan *equilibrium*. Ketiga-tiga teori tersebut merupakan teori awal tentang gender.

4.3.1 Teori *Nurture* atau Teori Pembudayaan

Teori *Nurture* atau teori pembudayaan ini pada awalnya digagaskan oleh pengkaji-pengkaji ilmu sosiologi, seperti August Comte (1798 - 1857) merupakan pengasas

bidang sosiologi, kemudian diikuti oleh Herbert Spencer (1820 – 1903), Emile Durkheim (1858 – 1917), dan Talcott Persons (1902 – 1979). Kajian utama ilmu sosiologi adalah berfokus pada manusia.

Agust Comte dengan tulisannya *the Positive Philosophy and the System of Positive Polity* (Thompson, Kenneth. 1975) menggunakan istilah ‘statis’ dan ‘dinamis’ untuk masyarakat kerana baginya, masyarakat selalu tumbuh dan berkembang. Seterusnya, Herbert Spencer melanjutkan tugas atau pekerjaan Comte. Dasar pemikiran Herbert Spencer ialah bahawa manusia berevolusi dan semua ini tercatat dalam esei yang bertajuk *the Social Organism* (Peel, J.D.Y. 1972). Hal ini bererti manusia mengalami proses adaptasi kemudian tumbuh menjadi sesuatu yang baharu untuk menjadi matang dan menjadi dirinya sendiri.

Selain Herbert Spencer, Emile Durkheim juga pengikut Comte. Emile Durkheim dalam esei yang bertajuk *Individual and the Intellectual* (Ashley, David. 2001: 81) menjelaskan bahawa individu adalah ekspresi daripada kolektif masyarakatnya. Walaupun masyarakat mengizinkan individu untuk menjadi dirinya sendiri, namun wujud kesedaran akan kebersamaan dalam kolektif. Untuk itu akhirnya Emile Durkheim melahirkan suatu teori yang berhubungan dengan pembahagian kerja dalam masyarakat yang dikenali dengan *division labor*.

Seterusnya Talcott Persons mengembangkan teori struktural-fungsional dengan tajuk *The Structure of Social Action* (1973; 1968) yang menghurai organisasi sosial dan segala tingkah-laku manusia dalam satu sistem sosial. Menurut Talcott Persons, ada empat subsistem yang perlu diketahui oleh masyarakat, iaitu sistem budaya, sistem struktur sosial, sistem karakter dan sistem organisasi. Keempat-empat sistem itu akan tercapai dengan baik asalkan adanya AGIL, iaitu *Adaptation*

(adaptasi), *Goal attainment* (pencapaian sasaran), *Integration* (integrasi) dan *Latency* (menjaga institusi).


Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa menurut teori *Nurture*, timbulnya perbezaan antara lelaki dan perempuan pada hakikatnya adalah hasil konstruksi sosial budaya sehingga menghasilkan peranan dan tugas yang berbeza. Perbezaan tersebut menyebabkan golongan perempuan selalu tertinggal dan diabaikan peranan dan kontribusi mereka dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara.

Perjuangan untuk mendapat persamaan golongan perempuan dan golongan lelaki dipelopori oleh kaum feminis yang cenderung mengejar kesamaan atau *fifty-fifty* yang kemudian dikenali dengan istilah kesamaan kuantiti atau *perfect equality* (UNDP, 1995). Perjuangan untuk mendapat kesamaan kuantiti ini harus dilihat secara GDI (Gender Development Index) dengan melihat kesetaraan untuk mencapai usia hidup, pendidikan dan jumlah pendapatan. Kesetaraan secara GEM (Gender Empowerment Measure) melihat kesetaraan daripada partisipasi politik, perancangan negara dan lain-lain.

GDI (Gender Development Index)	GEM (Gender Empowerment Measure)
Usia Hidup: Pria : 60 – ke atas Perempuan: 60-ke atas	Partisipasi Politik: terjun ke dunia politik sebagai wakil rakyat, dll
Pendidikan: Pria : hingga (Ph.D) Perempuan: S2 (MA)	Perancangan Negara: tidak seimbang sebab sedikit perempuan terlibat.
Jumlah pendapatan: Lelaki lebih besar daripada perempuan	-

Jadual 4.3 : Beza GDI dengan GEM.

Perjuangan untuk mendapatkan persamaan tersebut sendiri sukar dicapai kerana timbulnya pelbagai kekangan atau hambatan, baik dari segi nilai agama mahupun dari segi nilai budaya. Selanjutnya teori ini melahirkan konsep konflik yang memperjuangkan kesamaan proporsional dalam segala aktiviti masyarakat, sama ada pihak lelaki mahupun pihak perempuan. Untuk mencapai tujuan tersebut, dibuat suatu program khusus atau *affirmative action* yang bertujuan untuk memberikan peluang dan kemudahan kepada kaum perempuan yang kadangkala memberi kesan buruk hingga mengakibatkan timbulnya reaksi negatif daripada golongan lelaki kerana menyokong terhadap perjuangan tersebut. Bagi pihak perempuan sendiri juga menjadi dilema sebab adanya dua pekerjaan secara bersamaan. Hal ini dapat dirajahkan seperti di bawah ini.



Rajah 4.3 : Teori *Nurture*.

Teori *Nurture* atau Teori Pembudayaan lahir dengan pandangan bahawa perempuan selama ini tertindas kerana konstruksi sosial dan budaya yang dibentuk oleh lelaki.

Untuk memerangi penindasan yang dialami oleh perempuan ini, golongan perempuan memberontak sehingga terjadilah sosial konflik yang terjadi antara lelaki dan perempuan.

Sosial konflik yang terjadi antara perempuan dan lelaki untuk mendapatkan hak yang sama dalam pekerjaan akhirnya dapat diatasi dengan adanya pembahagian kerja atau *division labor*. Selain itu perkembangan teknologi juga membantu perempuan untuk mengawal jasmani atau tubuh badan sendiri dengan adanya alat pencegah kehamilan atau kontrasepsi, dan adanya susu tiruan atau susu kaleng pengganti ASI sehingga tugas utama perempuan menjadi isteri dan ibu bagi anak-anak tetap berlaku. Perempuan tetap dapat berkahwin dan melanjutkan kerjayanya sesuai dengan kemampuan yang ada pada diri masing-masing.

4.3. 2 Teori *Nature* atau Teori Semulajadi

Teori *Nature* atau Teori Semulajadi digagaskan oleh tokoh Marxisme, iaitu Karl Marx ((1818 – 1883) dan Relf Dahrendorf (1929 – 2009). Landasan pemikiran tokoh Marxisme adalah *human nature* iaitu setiap manusia berpotensi untuk mengembangkan potensi diri dan segera merealisasikan. Ini bermakna bahawa Marx mengubah teori struktur fungsional dengan teori sosial konflik dengan dasar pemikiran bahawa manusia akan mengalami perubahan (Marx, Karl. 1969).

Lebih lanjut dijelaskan oleh Marx (Ritzer. 2000: 51) *Humans must act on something and what they act on mainly, with all their creative power and in interaction with other people, is nature*, iaitu manusia mesti bertindak ke atas sesuatu


dan apa yang mereka lakukan semuanya berhubungan dengan kekuasaan dalam berinteraksi dengan orang lain yang merupakan sifat semulajadi manusia.

Teori sosial konflik seterusnya dikembangkan oleh Ralf Dahrendorf dengan melihat dua sisi kehidupan masyarakat, iaitu konsensus dan konflik. Konsensus ertinya masyarakat bersepakat (Hasan Alwi. 2000: 588) dan konflik bererti perselisihan (Hasan Alwi. 2000: 587). Ralf Dahrendorf (1958) mengungkapkan hal ini dengan menyebut bahawa dalam masyarakat harus membuang sifat uthopia sebagaimana yang terungkap dalam tulisannya dengan tajuk '*Out of Utopia: Toward Reorientation of Sociological Analysis*'.

Menurut teori *nature*, wujudnya perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah disebabkan adanya perbezaan kemampuan tenaga atau kudrat sehingga tidak dapat diubah, dan ia bersifat universal. Perbezaan dalam aspek biologi ini memberikan indikasi dan implikasi, bahawa antara dua golongan jantina tersebut masing-masing ketara memiliki peranan dan tugas yang memang berbeza.

Dalam kehidupan sosial sudah sekian lama telah wujud pembahagian tugas atau *division of labour*. Demikian halnya berlaku dalam kehidupan berkeluarga, kerana tidak mungkin sebuah kapal dikemudikan oleh dua orang nakhoda. Keluarga adalah sebuah unit sosial yang memberikan perbezaan peranan kepada suami dan kepada isteri untuk saling melengkapi dan saling bantu-membantu antara satu dengan yang lain. Suasana harmoni pada sesebuah kehidupan ahli keluarga dalam sesebuah rumahtangga hanya dapat menjadi kenyataan apabila terjadi pembahagian peranan dan tugas yang sesuai antara perempuan dan lelaki, atau antara suami dan isteri. Semua pembahagian tersebut bermula daripada pola pendidikan dan pengasuhan terhadap anak-anak dalam sesebuah keluarga.

Selanjutnya teori ini melahirkan konsep struktur kuasa yang menerima hakikat perbezaan peranan, dan dilakukan secara demokrasi dan dilandasi oleh kesepakatan antara suami dan isteri dalam kehidupan berkeluarga, atau antara perempuan dan lelaki dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Hal ini dapat dilihat jelas pada rajah 4.4. di bawah ini.



Rajah 4. 4: Teori *Nature*.

Teori *Nature* atau Teori Semulajadi menekankan bahawa secara fitrahnya, atau secara biologis manusia tidak dapat dipertukargantikan antara lelaki dan perempuan. Walaupun dapat dilakukan, ia hanya berlaku secara fizikal sahaja, kerana secara fungsi biologis mereka tidak dapat diubah. Sifat semulajadi yang sebat pada diri lelaki dan diri perempuan akan menghasilkan sifat, sahsiah, tabiat atau perangai yang menunjukkan identiti masing-masing, seperti lelaki mesti maskulin dan perempuan mesti feminin. Demikian juga dalam kehidupan berkeluarga; lelaki adalah

sebagai ketua keluarga dan perempuan pula adalah sebagai pengurusnya. Demikian halnya, terdapat di mana-mana negara, keadaan umum selalu berlaku dengan mengutamakan pemimpin negaranya lelaki. Kalaupun ada pemimpin daripada kalangan perempuan, biasanya tidak bertahan lama.

Dalam kehidupan berkeluarga dan masyarakat biasanya akan terjadi unsur mendahulukan keutamaan kumpulannya. Seperti unsur strata atau kekerabatan dalam masyarakat akan mengambil atau memasukkan kumpulannya dalam segala segi kehidupan. Sebagai contoh di Indonesia, jika pemimpinnya seseorang daripada suku bangsa Batak, maka anggota kumpulannya juga akan lebih mementingkan orang yang berasal daripada suku bangsa Batak juga.


4.3.3 Teori *Equilibrium* atau Teori Kesamaan Darjat

Teori *Equilibrium* atau Teori Kesamaan Darjat ini dikenali juga sebagai teori kompromi, kerana terdapatnya pendekatan keseimbangan yang menekankan pada konsep kesejajaran atau berkerjasama dan keharmonian dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan. Teori ini tidak bertentangan antara kedua-duanya kerana kedua-dua golongan berkenaan harus berkerjasama dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara.

Penerapan kesetaraan dan keadilan dalam gender ini harus memperhatikan masalah kontekstual dan situasional, bukan berdasarkan perhitungan matematik dan tidak bersifat universal. Teori *Equilibrium* ini digagaskan oleh para feminis sosialis, feminis teologis, dan Imam Syafi'i sebagai ulama fikah Islam. Imam Syafi'i adalah ahli fiqah Islam yang terkemuka dalam sejarah Islam. Beliau adalah pengasas kepada

mazhab_Syafi'i, salah satu daripada mazhab Islam yang berpengaruh, dan mempunyai ramai pengikut, terutama di negara-negara seperti di India, Indonesia dan Malaysia.

Feminis sosialis adalah sebuah gerakan atau sebuah perkumpulan untuk membebaskan golongan perempuan melalui perubahan struktur patriarki. Perubahan struktur ini bertujuan supaya kesetaraan gender dapat dilahirkan. Feminis sosialis ini mengadopsi atau mengambil teori *praxis Marxisme* (Engels, 1942) iaitu penyedaran kepada kumpulan tertindas khasnya golongan perempuan supaya mereka sedar bahawa mereka berasa berada dalam kelas yang tidak menguntungkan, sehingga perempuan terpisah dari dunia luar atau terisolasi. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat Dalla Costa (1972;1979) yang menyebut bahawa pekerjaan rumah tangga adalah pekerjaan kecil, tidak bererti dan terasing sehingga mereka tidak kreatif. Untuk menghadapi masalah seumpama itu, maka kaum perempuan harus digalakkan dengan cara mengadopsikan sifat maskulin yang mandiri, agresif dan dapat berkompetisi. Manakala perkembangan daripada feminis teologis yang dikembangkan James Cone dengan menerapkan teologi pembebasan dan memasukkan unsur paradigma sosial konflik selalunya dapat dipatahkan sehingga tidak berkembang hingga ke hari ini. Hal ini dapat dilihat daripada rajah yang berikut ini.



Rajah 4. 5: Teori *Equilibrium*.

Teori *Equilibrium* atau Kesamaan Darjat lahir kerana teori yang sebelumnya tidak mewakili semua pihak sama ada lelaki mahupun perempuan dan didukung oleh pelbagai fahaman yang bersepakat dan bersetuju tanpa merugikan satu-satu pihak dengan pihak lainnya. Teori *Equilibrium* atau Kesamaan Darjat ini melihat perbezaan biologis dan konstruksi sosial budaya dapat dipadukan melalui kesepakatan, lelaki dan perempuan. Perbezaan sesungguhnya untuk melengkapi satu dengan yang lain.

Perempuan pada era moden dan globalisasi ini mendapat peluang yang banyak untuk mengakses pendidikan dan pekerjaan yang telah diperjuangkan oleh feminis sosialis. Semua itu didukung oleh unsur kepercayaan diri dan kemampuan yang dimiliki perempuan itu sendiri untuk dapat mencapai akses yang dinginkannya tanpa meninggalkan peranan utama menjadi isteri dan ibu bagi anak-anak. Perempuan juga dapat mengawal dan menentukan diri sendiri sama ada untuk melahirkan anak atau tidak dengan bantuan alat kontrasepsi.

Demikianlah huraian tentang pengertian daripada ketiga-tiga teori gender di atas. Ketiga-tiga teori tersebut akan dihuraikan pada perspektif gender yang melibatkan negara Indonesia dan Malaysia.

4.4 Perspektif Gender Masyarakat Indonesia

Istilah gender di Indonesia mula dikenali dan diperbincangkan semenjak tahun 1980-an selepas konferensi dunia mengenai wanita di Kopenhagen. Hasil daripada konferensi tersebut telah mendeklarasikan istilah CIDAW atau *Convention on the Elimination of all of Discrimination Against Women* yang bermaksud, konferensi peniadaan seluruh bentuk diskriminasi terhadap perempuan.

Perbincangan mengenai pembebasan terhadap golongan perempuan ini semakin rancak dan menimbulkan berbagai-bagai bahasan daripada pakar sejarah dan sosial yang menyatakan bahawa sesungguhnya di Indonesia telah ada perjuangan ‘pembebasan perempuan’ semenjak zaman pendudukan Belanda lagi. Bahkan istilah emansipasi telah diperkenalkan oleh R.A. Kartini (1879 – 1904) dan juga S.T. Alisjahbana (1908 – 1994) melalui karya sasteranya dalam novel *Layar Terkembang*.

Untuk mengetahui dengan lebih jelas perbincangan mengenai pembebasan kaum perempuan di Indonesia, sub bab yang berikut akan menghuraikannya.

4.4.1 Sejarah Perjuangan Perempuan Indonesia.

Sejarah adalah memori kolektif umat manusia dan berfungsi untuk memberikan pembenaran tentang keadaan satu-satu masa; masa dahulu, masa kini dan masa akan datang. Dalam sejarah perjuangan sesebuah bangsa manusia tidak dapat dikecualikan atau dilepaskan daripada peranan yang dimainkan oleh golongan perempuan. Kenyataan inilah yang kemudian menjadi landasan kepada golongan feminis gelombang kedua untuk membangkitkan kembali dan menilai ulang hilangnya perempuan secara individu mahupun kolektif (Tati Hartimah & Mu'min Rauf, 2003)

Hasil penelitian daripada sejarah perjuangan perempuan di Indonesia misalnya, dapat dibahagikan kepada beberapa zaman tertentu; iaitu Zaman Kolonial Belanda, Zaman pendudukan Jepun, Zaman Perang Kemerdekaan, Zaman Orde Lama, Zaman Orde Baru dan Zaman Reformasi.

Zaman Kolonial Belanda merupakan perjuangan golongan perempuan Indonesia dalam melibatkan diri bersama-sama golongan lelaki mengangkat senjata, berusaha mendapatkan pendidikan yang sama rata, berpolitik dan berorganisasi. Kesediaan kaum perempuan untuk berjuang bersama-sama golongan lelaki dengan melibatkan diri mengangkat senjata ini merupakan suatu cerminan bagaimana bentuk perjuangan nekad golongan yang dianggap lemah itu melawan penjajah Belanda yang datang menjajah rakyat Indonesia pada akhir abad ke 16. Walau bagaimanapun, perjuangan kaum perempuan dalam mengangkat senjata ini hanya terbatas pada negeri sendiri sebagaimana yang dilakukan oleh Cut Nyak Dien dan Cut Nyak Meuthia; pejuang yang berasal dari Aceh, Raden Ayu Serang dan Roro Gusik;

pejuang yang berasal dari Jawa, dan Christina Martha Tiahahu; pejuang yang berasal dari Maluku.

Pada tahun 1901 Belanda telah memperkenalkan politik etis ke atas negara-negara jajahannya, termasuk negara Indonesia. Dasar politik tersebut seolah-olah telah memberikan kesempatan kepada kaum bumiputera Indonesia untuk dapat mengecapi pendidikan sekalipun tidak dirasakan oleh semua lapisan masyarakat semasa. Kesempatan dalam mendapatkan pendidikan ini hanya dapat dirasakan oleh golongan elit priyayi. Antara golongan elit priyayi yang mendapat kesempatan dalam pendidikan ketika itu ialah Raden Ajeng Kartini di Jawa Tengah, Raden Dewi Sartika di Jawa Barat, dan Maria Walanda Maramis di Sulawesi Utara, Nyi Ahmad Dahlan dari Yogyakarta dan Nyi Rasuna Said dan Rohana Kudus dari Sumatra Barat.

Golongan perempuan inilah yang dianggap sebagai kumpulan pelopor atau kumpulan awal dalam kalangan perempuan Indonesia semasa kerana mempunyai kesempatan mendapat pendidikan. Dengan mempunyai ilmu pengetahuan asas dan kesedaran, kemudian mereka berusaha mengembangkan ilmu yang telah mereka perolehi itu dengan membuka sekolah-sekolah di pekarangan rumah masing-masing seperti yang dilakukan oleh R.A. Kartini. Selain membuka sekolah di pekarangan rumahnya, R.A. Kartini juga kerap mengembangkan pengetahuan dan buah fikiran serta pandangannya mengenai kaum perempuan Indonesia dengan cara menulis melalui surat-suratnya yang terkumpul di dalam kumpulan bukunya *Door Duisternis Tot Licht* atau “Habis Gelap Terbitlah Terang” yang diterjemahkan oleh Armijn Pane pada tahun 1938. Selain R.A. Kartini yang mendirikan sekolah, R. Dewi Sartika juga ikut berbuat demikian dengan mendirikan ‘Sekolah Keutamaan Isteri’. Sekolah ini didirikan di daerah Pesundan, Jawa Barat, dan kemudian dalam tempoh lapan tahun

pertama sahaja, sempat dikembangkan di daerah-daerah sekitarnya hingga mencapai sembilan tempat.

Berikutnya dalam tahun 1912, didirikan sebuah organisasi nasional perempuan yang pertama di Indonesia dengan nama Poetri Mardika (Tati Hartimah & Mu'min Rauf, 2003). Organisasi ini muncul ketika kesedaran tentang 'emansipasi nasional' sedang berkembang dalam kalangan elit politikus Indonesia. Tidak hairan, selepas kelahiran organisasi "Poetri Mardika" ini maka bermunculanlah beberapa organisasi seumpamanya yang lain, antaranya "Poetri Sedjati", "Wanita Oetama", dan "Jong Java Meisjeskering". Pasca tahun 1920, lahir pula organisasi perempuan yang berteraskan agama; antaranya "Aisyiyah", "Muslimat NU", dan "Poesara Wanita Katholik".

Pada bulan Disember dalam Tahun 1928, diselenggarakan Kongres Perempuan Pertama di Yogyakarta dengan dihadiri oleh 30 buah persatuan atau organisasi perempuan. Hasil daripada kongres tersebut maka terbentuklah "Persatoean Perempoean Indonesia (PPI)" yang berperanan sebagai federasi kaum perempuan di Indonesia. Kongres seterusnya ialah dalam tahun 1935 yang berlangsung di Jakarta, dan dalam tahun 1938 pula berlangsung di Bandung.

Zaman selanjutnya adalah zaman pendudukan Jepun. Pada zaman pendudukan Jepun ini hanya satu organisasi telah diperakui oleh Jepun; iaitu Fujinkai. Organisasi ini dianggotai oleh isteri-isteri para pegawai kerajaan.

Zaman seterusnya ialah zaman perang kemerdekaan yang memperlihatkan peranan kaum wanita dalam menyokong perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dengan memberikan sumbangan tenaga dalam kegiatan menyediakan bahan makanan, palang merah, dan gerakan bawah tanah. Pada zaman ini, dilaksanakan kongres

perempuan yang berlangsung pada bulan Desember 1945 di Klaten dan dalam tahun 1946 di Solo.

Zaman Orde Lama dimulai dari tahun 1950. Gerakan perempuan pascakemerdekaan mengalami kekecewaan. Hal ini disebabkan hubungan politik dengan kaum lelaki berubah secara mendasar. Perempuan harus membela berbagai-bagai kepentingan mereka sendiri dengan melawan pelaku politik lelaki Indonesia, bukan lagi lelaki kolonial (Tati Hartimah & Mu'min Rauf, 2003). Sebagai reaksi atas berbagai-bagai persoalan yang timbul itu, organisasi perempuan merasa perlu untuk melakukan kerjasama antara gerakan perempuan. Pada bulan November 1950 terbentuklah sebuah organisasi perempuan yang bernama "Kongres Wanita Indonesia (KOWANI)". Kongres kali ini merupakan usaha untuk menggabungkan kerjasama daripada 20 organisasi perempuan Indonesia sama ada yang bersifat nasional, keagamaan mahupun berkecuali.

Dalam tahun-tahun 1961 hingga 1965 pergerakan perempuan Indonesia lebih terarah untuk menjadi 'alat revolusi' melalui organisasi "Gerakan Wanita Indonesia (GERWANI)". Gerwani kemudiannya diharam oleh pemerintah daripada terus bergerak kerana persatuan itu dianggap sebagai organisasi yang berhaluan kiri.

Zaman Orde Baru dimulai dari tahun 1966 hingga jatuhnya kekuasaan presiden Soeharto. Semenjak Gerwani diisytiharkan sebagai organisasi haram di Indonesia, maka semenjak itulah terjadinya pengekangan terhadap gerakan perempuan (Tati Hartimah & Mu'min Rauf, 2003). Propaganda anti kiri yang dibuat oleh kumpulan Orde Baru telah melahirkan keyakinan akan adanya perubahan yang baik, dan ini disambut baik pula oleh organisasi "Aisiyah". Sayangnya, selama 20 tahun organisasi perempuan tersebut hanya sekadar dibenarkan untuk menyelenggara

hal-hal pertemuan pengajian dan menjalankan kegiatan amal sahaja. Bererti, kegiatan kaum perempuan terarah pada aktiviti yang hanya dianggap sesuai dengan kudrat atau kemampuan kaum perempuan samata-mata.

Pada tahun 1978 dalam struktur pemerintahan negara diwujudkan pula satu kementerian yang bertanggungjawab dengan hal-ehwal urusan kaum perempuan; iaitu Kementerian Urusan Perempuan. Kementerian ini diwujudkan oleh pemerintah dengan tujuan untuk menyelaras dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan organisasi dan aktiviti kaum perempuan, sama ada organisasi yang bergabung dengan Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM), Non Government Organisation (NGO) atau organisasi bentukan pemerintah. Organisasi-organisasi yang bergabung di bawah LSM ialah “Aisiyah”, “Wanita Katholik”, “Kalyanamitra”, dan “Solidaritas Perempuan”. Manakala organisasi bentukan pemerintah pula ialah Persatuan Istri Tentera (Persit), Persatuan Istri Angkatan Udara (PIA), dan Darma Wanita yang merupakan organisasi isteri pegawai negeri sipil dan militer, serta Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) yang berada di setiap desa di Indonesia.

Zaman Reformasi bermula selepas tumbanganya rejim Soeharto. Kemudian digantikan pula dengan presiden B.J Habibie pada tahun 1998. Setahun kemudian, iaitu dalam tahun 1999 terbentuk pula sebuah organisasi perempuan dengan nama Komisi Perlindungan Kekerasan terhadap Perempuan (Komnas Perempuan). Organisasi ini adalah hasil daripada berlakunya rusuhan tragedi pada 12-14 Mei 1998. Organisasi Komnas Perempuan ini hingga hari ini, 2012 masih wujud dan terus bertahan.

Selepas pemerintahan presiden B.J. Habibie, seterusnya diganti pula oleh pemerintahan presiden Abdul Rahman Wahid yang dikenali dengan panggilan

masyhur Gus Dur. Sayangnya pemerintahan Gus Dur tidak bertahan lama. Kemudian pemerintahan Indonesia diteruskan lagi oleh Megawati Soekarno Putri; satu-satunya presiden daripada kalangan kaum perempuan yang pertama pernah diberikan kepercayaan oleh rakyat Indonesia; bermula semenjak 2001. Tahun 2004 hingga 2009 pula Indonesia berpresidenkan Soesilo Bambang Yodhoyono yang memenuhi janjinya dengan mengangkat empat orang perempuan sebagai menteri dalam kabinetnya.

Demikianlah huraian mengenai sejarah pergerakan perempuan Indonesia yang berlangsung hingga ke hari ini. Dengan itu, jelaslah bahawa perbincangan mengenai gender di Indonesia tidak dapat dipisahkan daripada peranan golongan perempuan Indonesia dalam perjuangan mengangkat martabat dan maruah serta peranan golongan perempuan bangsa Indonesia. Selanjutnya pembahasan sub bab berikut melihat gender dari segi hukum adat.

4.4.2 Hukum Adat Indonesia

Indonesia merupakan sebuah negara demokrasi berpemerintahan berbentuk republik. Negara tersebut terdiri daripada ribuan pulau yang kedudukannya bertaburan dari Sabang hingga Merauke, dan mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbilang suku bangsa dan etnik; serta berbeza-beza adat resam antara satu dengan yang lain. Sekalipun rakyatnya mempunyai banyak aspek perbezaan; seperti anutan agama dan kepercayaan, adat resam, bahasa harian dan seumpamanya, tetapi bangsa dan rakyat Indonesia telah disatukan dengan pemahaman dan semboyan 'Bhineka Tunggal Ika', yang bererti 'berbeza-beza tetap satu'.

Berbicara mengenai hukum adat di Indonesia, di sana terdapat corak dan sifat serta aturan hidup masyarakatnya yang beraneka ragam. Hukum adat adalah kaedah-kaedah hukum yang bersumberkan pada hukum adat yang tidak tertulis tetapi tetap dipatuhi oleh masyarakat dan suku-suku bangsanya. Hukum adat Indonesia ini terdiri daripada hukum keluarga, hukum perkahwinan, dan hukum waris atau keturunan.

Di Indonesia, pada dasarnya terdapat tiga sistem kekeluargaan atau kekerabatan (Sri Widoyatiwiratmo Soekito, 1989) iaitu:

1. Sistem kekerabatan patrilineal, iaitu sistem kekerabatan berdasarkan garis keturunan berkiblatkan golongan lelaki atau ayah. Sistem ini dianuti oleh suku bangsa Tapanuli, Lampung, Bali dan lain-lain.
2. Sistem kekerabatan matrilineal; iaitu sistem kekerabatan yang berdasarkan garis keturunan berkiblatkan kaum perempuan atau ibu. Sistem ini dianuti oleh suku bangsa Minangkabau.
3. Sistem kekerabatan parental; iaitu sistem kekerabatan yang berdasarkan garis keturunan lelaki dan perempuan, ayah dan ibu. Sistem ini dianuti oleh suku bangsa Jawa, Madura, Palembang, dan lain-lain

Dalam sistem kekerabatan patrilineal misalnya, sangat jelas mengamalkan adat dengan menempatkan kaum lelaki pada kedudukan yang tinggi. Sistem ini meletakkan kaum lelaki berkedudukan sebagai ahli waris, pelanjut nama keluarga, penerus keturunan, anggota masyarakat adat, dan berperanan dalam pengambilan atau pembuat keputusan, sama ada untuk keluarga mahupun masyarakat. Dalam masa yang sama, kaum perempuan mempunyai kedudukan sangat rendah. Tidak diiktiraf sebagai ahli waris, tidak sebagai pelanjut keturunan, dan tidak juga sebagai penerus nama

keluarga, kerana setelah berkahwin seseorang perempuan atau isteri itu wajib mengikuti keluarga sebelah suami.

Sistem kekeluargaan matrilineal yang dianuti oleh masyarakat Minangkabau merupakan sistem keluarga dan kekerabatan yang tertua di Indonesia. Sistem kekerabatan ini menempatkan kaum perempuan pada status yang tinggi, kerana kaum perempuan diiktiraf sebagai penerus keturunan dan sebagai ahli waris berdasarkan hukum waris. Ini bermakna perempuan yang besuku ibu tidak dapat dipisahkan daripada susunan harta pusaka (Hamka, 2006: 71). Perempuan Minangkabau hidup dari harta pusaknya. Sekalipun demikian kedudukan kaum perempuan tetap diawasi dan dipantau oleh ninik mamak; iaitu abang saudara lelaki yang tertua daripada sebelah ibu.

Tugas ninik mamak atau bapak saudara sebelah ibu ini pada zaman sekarang sudah tidak berfungsi seperti dahulu lagi kerana ninik mamak lebih memberi perhatian pada keluarganya sendiri. Pepatah Minangkabau yang menyatakan ‘anak dipangku kemenakan dibimbing’ sudah tidak wujud. Faktor yang menyebabkan tidak wujudnya tradisi ini kerana ninik mamak memikirkan keluarganya sendiri dan ramai ninik mamak yang berkahwin dengan orang di luar daripada lingkungan Minangkabau. Kebanyakan perkahwinan tersebut berlaku ketika mereka merantau, atau ketika mereka berada di tempat orang.

Merantau merupakan sesuatu yang tidak asing lagi bagi kaum lelaki Minangkabau, kerana semenjak berusia enam tahun lagi lelaki dalam masyarakat Minangkabau sudah menjadi lumrah hidup dan terbiasa dengan tidur di surau atau di masjid. Bermakna, semenjak berumur enam tahun mereka tidak lagi digalakkan berada dan tidur di rumah bersama-sama keluarga pada waktu malam. Pepatah lama

yang dipegang mereka sudah menjadi pemicu hingga semakin kuatnya hasrat untuk merantau, iaitu ‘mana yang kaya dapat memegang, mana yang miskin pergi merantau’ (Hamka, 2006: 43), dan ‘kasih kepada kampung halaman hendaklah ditinggalkan’ (Hamka, 2006: 67). Maknanya jangan tunjukkan kemiskinan kepada orang kampung nanti mereka akan dicela. Sebaliknya, kaum lelaki Minangkabau itu, jika mereka berada di perantauan tiada siapa yang tahu akan keadaan hidupnya sama ada senang atau susah.

Sistem kekeluargaan atau kekerabatan parental pada prinsipnya menempatkan kedudukan anak lelaki dan anak perempuan itu sama taraf dalam adat yang berkaitan dengan pewarisan atau ahli waris seperti yang dianuti oleh masyarakat Bali dan Jawa. Dalam masyarakat Bali dikenali adanya lembaga ‘santana rajeg’ yang bertugas mengubah status perempuan melalui “perkahwinan nyeburi” sehingga statusnya menjadi sama tinggi dengan lelaki. Hal ini dilakukan hanya terhadap pembahagian harta pusaka dari ayahnya. (Ni Nyoman Sukerti: <http://ejournal.unud.ac.id>). Kekuasaan untuk mengambil keputusan dilakukan oleh lelaki yang dibahagikan kepada “lima seka”, iaitu jemaah kuil, kesatuan tempat tinggal, masyarakat pengairan dan pertanian, kelompok kekeluargaan dan perkumpulan suka rela (Geertz, Clifford., 1976: 80). Dalam kelompok kekeluargaan, masyarakat Bali, menghitung keturunan secara patrilineal kerana mereka hidup dalam satu keluarga inti di kompleks perumahan yang luas yang terus berkembang hingga ke hari ini (Geertz, Clifford., 1976: 86)

Masyarakat Jawa menganuti sistem kekerabatan parental kerana masyarakatnya lebih terbuka menerima kebudayaan luar semenjak mula kedatangan agama Hindu, Budha, Islam dan Kristian. Selain daripada itu, kedatangan penjajah

juga ikut mewarnai cara berfikir masyarakat Jawa untuk lebih maju dalam melakukan perubahan pada struktur masyarakatnya. Di Jawa terdapat empat golongan masyarakat (Geertz, Clifford., 1976: 9), yaitu golongan atasan (priyayi), pedagang (wong dagang), orang kecil (wong cilik) dan orang Cina (wong Cina). Keempat-empat golongan ini berusaha menyamakan kedudukan perempuan dan lelaki dalam kehidupan bermasyarakat termasuk memperluaskan bidang perdagangan. Perdagangan merupakan usaha keluarga yang dibina dengan melibatkan ahli keluarga, sama ada anak lelaki mahupun anak perempuan. Sayangnya dalam pembahagian harta waris yang berprinsipkan “sepikul segendong” tetap memperlihatkan wujud pembahagian 2:1; iaitu bentuk pembahagian yang tidak sama rata antara anak lelaki dan anak perempuan.

Dari huraian di atas jelas menunjukkan bahawa kekuasaan dalam hukum adat dalam masyarakat Indonesia tetap dipegang oleh lelaki, sama ada melalui amalan sistem kekeluargaan atau kekerabatan matrilineal mahupun parental. Huraian selanjutnya mengenai hukum negara berdasarkan Undang-Undang.

4.4.3. Hukum Negara: Perundang-undangan Negara Indonesia

Selain daripada terdapat dalam pelaksanaan pada hukum adat, gender di Indonesia dapat diteliti daripada aspek hukum negara. Berdasarkan Undang-undang Dasar 1945 pasal 27 ayat 1 dan 2 berbunyi sebagai berikut.

Pasal 27

(1) Segala warga negara bersamaan kedudukannya dalam hukum dan pemerintahan dan wajib menjunjung hukum dan pemerintahan itu dengan tidak ada kecualinya.

(2) Tiap-tiap warga negara berhak atas pekerjaan dan penghidupan yang layak bagi kemanusiaan.

Pasal 27 UUD'45 ayat satu dengan jelas menyatakan bahawa kedudukan lelaki dan perempuan adalah setara, iaitu setaraf dan tidak dibeza-bezakan. Dengan demikian dalam pelaksanaan hukum juga sama-sama harus mematuhi aturan hukum tersebut dan tiada kekecualiannya. Manakala ayat dua, bermaksud bahawa lelaki dan perempuan itu mempunyai hak yang sama rata dalam memperolehi pekerjaan. Pekerjaan bagi lelaki dan perempuan pula tidak harus dibeza-bezakan. Bererti, kaum perempuan dapat mengakseskan sebarang pekerjaan yang dilakukan oleh lelaki, dan demikian sebaliknya. Tidak ada perbezaan jenis pekerjaan bagi lelaki di lapangan umum dan ruang kerja perempuan di ruang domestik. Walau bagaimanapun, tidak mustahil terdapat di mana-mana dalam masyarakat manusia jenis pekerjaan yang hanya sesuai dilakukan oleh golongan lelaki dan tidak sesuai pula dikerjakan oleh kaum perempuan. Misalnya dalam bidang perubatan, sangat tidak wajar dan tidak manis jika berlaku seseorang doktor lelaki merawat para pesakit yang terdiri daripada kalangan kaum perempuan; iaitu sakit yang dialami orang perempuan.

Selanjutnya masalah gender dibincangkan lebih terperinci dalam Undang-Undang Republik Indonesia nomor 7 tanggal 24 Julai tahun 1984; setelah negara Indonesia bersetuju dan menandatangani hasil konfensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Perempuan atau *Convention on the Elimination of all of Discrimination Against Women* (CIDAW). UU No. 7 tahun 1984 tersebut terdiri daripada 30 pasal (A Nunuk P. Murniati, 2004) Ketiga-tiga puluh pasal tersebut terdiri daripada enam bahagian. Bahagian satu hingga empat adalah bahagian yang mengandungi pasal-pasal yang

mengatur hak-hak perempuan. Manakala bahagian lima dan enam adalah bahagian yang mengatur mekanisma yang berperanan untuk menilai pelaksanaan konfensi.

Akibat daripada mendapat akses tersebut, perempuan Indonesia khususnya menghadapi peranan yang berganda dalam kehidupan harian. Hal ini juga dialami oleh perempuan di dunia Barat hingga menjadi sebuah sindrom atau dikenali sebagai *Cinderella complex syndrome*.

4.5 Perspektif Gender pada Masyarakat Melayu Malaysia

Malaysia bukan negara yang bersetuju untuk menghadiri Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1980 sehingga 1 Jun 1991 (Rozi Bainon, 1999). Namun begitu Malaysia tetap menyokong dan telah melaksanakan beberapa dasar positif ke arah peningkatan taraf kaum wanita dan melindungi wanita melalui Dasar Wanita Negara. Hal ini diperkuatkan lagi dengan lulusnya akta 521 pada tahun 1994 mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga. Sekalipun demikian, akta 521 bukan bertujuan untuk mengawal wanita sahaja, tetapi ia juga bertujuan untuk mengawal golongan lelaki daripada bertindak sewenang-wenang dalam keganasan rumahtangga yang sasarannya ialah kaum wanita.

Berdasarkan akta Dasar Wanita Negara, bermakna kaum wanita Malaysia juga memperjuangkan hak-hak dan status mereka. Hanya sahaja perjuangan yang diperjuangkan oleh wanita Malaysia bukan melulu menuntut hak dan status wanita tetapi disertai oleh peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat yang dianggotainya, khasnya dilihat melenceng daripada ajaran Islam yang sebenar, seperti

perjuangan Sister in Islam atau SIS (Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari, 2006). Perjuangan yang dijalankan oleh NGO ini seolah-olah membelakangkan ajaran agama Islam yang sebenar apabila melaung-laungkan konsep gender yang berasal daripada dunia Barat.

4.5. 1 Gender dalam Budaya Melayu

Gender adalah satu istilah baharu dalam budaya Melayu. Namun, idea tentang gender pernah diperkatakan oleh Zaba (Ku Zam Zam Ku Idris, 19952). Selanjutnya Zaba (1950) menegaskan bahawa hubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu ditentukan oleh undang-undang Islam yang melarang hubungan bebas antara mereka yang bukan muhrim. Akibatnya, gadis-gadis dan wanita muda senantiasia dikawal gerak-geri dan sering ditemani oleh ahli keluarga lelaki apabila keluar rumah.

Lebih lanjut Zaba mengatakan bahawa hubungan lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu didasarkan pada konsep kesucian dan maruah. Kesucian dan maruah wanita perlu dipertahankan oleh lelaki. Bererti, lelaki Melayu adalah mempunyai tanggungjawab dan menjadi pelindung bagi wanita. Kedua-dua konsep tersebut sangat sehati dalam masyarakat Melayu hingga ke hari ini, sehingga harga diri atau maruah diri seseorang wanita sekaligus melambangkan harga diri keluarga masing-masing.

Kehadiran seseorang wanita juga sangat penting dalam keluarga, dan ia menjadi titik penentu yang menghadkan bilangan anak yang diperlukan (Lukman Z. Mohammad, 2002). Keadaan tersebut berkemungkinan disebabkan ibu bapa lebih mengharapkan bantuan daripada anak perempuan lebih daripada anak lelaki semasa

mereka mencecah usia tua. Oleh yang demikian, pasangan yang memiliki anak perempuan lebih merasakan jaminan sosial. Dengan demikian, ini merupakan ciri positif kehadiran wanita bagi masyarakat Melayu.

Keluarga Melayu yang terdiri daripada ibu, bapa atau suami isteri dan anak-anak juga berperanan dalam membentuk corak masyarakat, khususnya dalam soal ekonomi. Wanita mempunyai hak dalam mengatur ekonomi keluarga, hal ini disebabkan wanita bertindak sebagai tuan punya bank kepada suaminya (Raja Rohana Raja Mamat, 1991). Dengan demikian bermakna, wang pendapatan daripada seseorang suami dalam sesebuah keluarga atau rumahtangga harus dikendalikan oleh isteri sama ada untuk berbelanja mahupun untuk menyimpan atau menabung.

Oleh itu dapat dinyatakan di sini bahawa hubungan antara suami isteri di dalam masyarakat Melayu sebenarnya lebih setara berbanding dengan kedudukan wanita di tempat lain atau di negara-negara lain.

4.5.2 Gender dan Perlembagaan

Gender merupakan satu usaha sistematik yang dilakukan bagi memahami peranan wanita dan lelaki dalam konteks tertentu. Dasar pembangunan yang melibatkan wanita memberikan kesan terhadap pembangunan wanita di Malaysia. Semua ini dilandasi daripada perisytiharan Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1982-1983 yang menyatakan bahawa semua manusia dilahirkan merdeka dan kedudukan serta hak mereka adalah sama.

Selanjutnya dalam Perlembagaan Persekutuan, fasal 1 perkara 8 menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat

perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Jelas dalam pernyataan tersebut, bahawa tidak adanya hal-hal yang berunsurkan diskriminasi antara kedua-dua golongan tersebut, sama ada wanita mahupun lelaki. Sekalipun telah termaktub dalam perlembagaan negara, pihak kerajaan tetap mengambil inisiatif meningkatkan keupayaan wanita dalam proses pembangunan negara melalui penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integriti Wanita dan Pembangunan (NACIWID) pada tahun 1976, Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) pada tahun 1983, Institut Pengurusan Wanita (WIM) dan penggubal Dasar Negara (DWN) pada tahun 1989.

Selain usaha daripada pihak kerajaan untuk membantu wanita, pihak NGO (Non Government Organisation) juga menubuhkan beberapa persatuan wanita. Namun setiap pertubuhan itu tidak pula melaung-laungkan bahawa mereka mewakili gerakan pembebasan wanita sebagaimana gerakan pembebasan wanita di negara-negara lain; terutama di Indonesia. Antara pertubuhan yang dilihat sangat giat memperjuangkan hak-hak kebersamaan antara wanita dan lelaki di Malaysia ialah Sister in Islam (SIS). Pertubuhan organisasi ini agak bertentangan dengan budaya dan agama Islam sehingga kegiatan SIS dilihat sangat bercampur-aduk sehingga ia dilihat mengelirukan masyarakat, dan pengaruh emansipasi wanita Barat menular dalam perjuangan mereka (Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari, 2006).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan rumusan Persidangan Meja Bulat Wanita 2000 ditetapkan mekanisma dan jentera kemajuan wanita. Antara cadangan yang dikemukakan ialah mewujudkan Kementerian Khas bagi Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga dengan diketuai oleh seorang menteri penuh atau mengekalkan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2001 sewaktu Malaysia diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamed telah mengumumkan bahawa Perlembagaan Persekutuan Perkara 8(2) akan dipinda supaya lelaki dan wanita tidak lagi dibezakan dari segi dasar dan undang-undang. Dengan terlaksananya undang-undang yang berkaitan dengan wanita, bermakna wanita di Malaysia dapat mengejar persamaan dalam aspek pendidikan, ekonomi, politik dan sosial.

4.6. Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas mengenai perspektif gender dalam kalangan masyarakat Indonesia dan Malaysia, terdapat persamaan dan perbezaan. Persamaannya adalah masing-masing sama-sama berusaha mengangkat kaum perempuan sama ada yang tinggal di kota mahupun di desa. Hal ini jelas terlihat daripada undang-undang negara untuk melindungi penduduknya, sama ada perempuan mahupun lelaki. Manakala perbedaannya ialah terletak pada sejarah perjuangan perempuan, pendekatan budaya dan agama.

Sejarah perjuangan perempuan di Indonesia bersamaan dengan sejarah pendirian negara Indonesia. Budaya dan agama Indonesia yang beragam menyebabkan garis keturunan pula beragam. Manakala perempuan Malaysia tidak banyak terlibat secara langsung dalam perjuangan untuk menuntut kemerdekaan negara. Budaya dan agama di Malaysia berfokus pada Melayu dan Islam sesuai dengan Perlembagaan Malaysia yang mengangkat Islam sebagai agama rasmi negara.

BAB V

GENDER DALAM KESUSASTERAAN: ANALISIS GENDER DALAM MASYARAKAT TRADISIONAL

5.1. Pendahuluan

Pandangan dan tanggapan mengenai gender akhir-akhir ini mula mendapat tempat dan menjadi suatu isu yang istimewa dalam kalangan masyarakat terpelajar negara-negara maju dan juga negara ketiga seperti Indonesia dan Malaysia. Hal ini kerana pandangan dan pemahaman tentang lelaki dan perempuan secara umumnya selalu sahaja dijustifikasikan atau sering dibanding-bandingkan dalam pelbagai aspek, misalnya posisi lelaki lebih kuat daripada perempuan atau wanita. Seperti telah diuraikan dalam bab sebelumnya bahawa gender bukanlah sesuatu yang didapatkan secara lahir, dan bukan juga sesuatu yang kita miliki, melainkan sesuatu yang kita lakukan, sesuatu yang kita tampilkan (Sugihastuti dan Itsna Hadi Saptiawan, 2007).

Menamakan atau menggelarkan seseorang dengan label lelaki atau perempuan merupakan suatu keputusan yang bersifat sosial. Hal ini kerana konsep gender itu sudah sekian lama tertanam kuat di dalam perkembangan sosial masyarakat manusia dalam berinteraksi. Norma-norma gender itu sendiri mematerikan hasrat seseorang makhluk Allah daripada kelompok manusia untuk hidup berpasang-pasangan dengan

lawan jenisnya; perempuan dengan lelaki, dan sebaliknya. Dengan demikian, kekuatan kategori gender membuatkan hidup seseorang dalam masyarakatnya dengan cara-cara yang telah digenderkan.

5.2 Gender dalam Sastera

Sebarang karya sastera seperti novel khususnya, merupakan media yang digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan gagasan dan pendapatnya. Hal ini kerana karya sastera itu sebagai jambatan yang menghubungkan fikiran pengarang dengan pembaca. Pembaca mengalami proses pemindahan informasi daripada pengarang. Dalam hal ini, karya sastera yang dihasilkan oleh mana-mana pengarang merupakan ciptaan seni yang diciptakan secara kreatif dengan realiti baharu – belum terlintas dan belum tertangkap oleh orang lain (Sugihastuti dan Itsna Hadi Saptiawan, 2007).

Karya sastera sebagai media pula merefleksikan pandangan seseorang pengarang terhadap pelbagai masalah yang diamati dalam lingkungannya. Realiti sosial yang terjadi dimodifikasikan sedemikian rupa supaya menjadi sebuah teks kesusasteraan yang memungkinkan hadirnya pencitraan yang berbeza dengan realiti sebenar. Fenomena sosial yang terjadi atau yang pernah terjadi dalam sesebuah masyarakat dihadirkan kembali oleh pengarang dalam karya sasteranya dalam bentuk teks.

Dalam hal ini, Lucien Goldmann beranggapan bahawa seorang individu-pengarang tidak mungkin mempunyai pandangan dunianya sendiri (*world view*), tetapi menyuarakan pandangan dunia suatu kelompok sosial, *trans-individual subject* (Goldmann, 1964). Pandangan ini dikatakan suatu realiti kerana ia dinyatakan dalam bentuk ciptaan yang imaginatif sifatnya atau dalam bentuk fikiran yang konseptual.

Oleh kerana itu, pandangan dunia atau *world view* ini merupakan suatu bentuk kesedaran kolektif yang mewakili kelas sosial seseorang pengarang. Kesan kelas sosial ini dapat dijumpai dalam kesusasteraan melalui tokoh-tokoh yang representatif yang ditampilkan pengarang (Umar Yunus, 1982).

Lebih jauh Umar Yunus (1982) mengungkapkan bahawa teori pertentangan kelas dilandasi oleh teori Marx. Seterusnya teori Marx ini kemudiannya dikembangkan oleh Taine (1828 – 1893) dengan pusat kajian pada kesusasteraan. Taine beranggapan bahawa kesusasteraan dapat mengesan sesebuah masyarakat, iaitu ras, waktu dan lingkungan. Ras dihubungkan dengan kejiwaan yang turun-temurun, perasaan, bentuk tubuh dan sebagainya. Waktu dan lingkungan pula dihubungkan dengan jiwa pada sesuatu zaman.

Empat buah karya sastera berbentuk novel seperti *Acuman Mahkota*, *Di bawah Lindungan Ka'bah*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Telegram* merupakan contoh bagaimana *world view* pengarang dalam menampilkan masing-masing tokoh dengan pelbagai ras, waktu dan lingkungan pada masyarakat tradisional yang masih memegang adat resam.

5.3. Prespektif Gender daripada Pengarang Lelaki melalui Karya Sastera

Pengarang lelaki yang menulis tentang perempuan biasanya hanya berdasarkan pada konsep fikiran, keinginan dan deskripsi lelaki (Sapardi Djoko Damono, 2000). Hal ini terjadi kerana isu gender yang ditulis oleh seseorang pengarang lelaki pada umumnya menceritakan unsur tradisi dengan menggambarkan imej perempuan tradisi, dan perempuan melulu bergantung pada lelaki. Dengan demikian gambaran mengenai

perempuan selalunya lemah dalam segala hal, termasuk juga dalam berfikir dan bertindak.

Hal ini akan dibahasakan pada sub bab berikut yang membahasakan tentang pengarang lelaki dengan karya sasteranya.

5.3.1 *Acuman Mahkota*

Acuman Mahkota merupakan novel asli karya Abdul Kadir Adabi (S. Othman Kelantan, 1988). Novel ini pernah disiarkan dalam majalah *al-Hikmah* secara bersiri, iaitu sebanyak 61 siri dari bilangan 131 hingga bilangan 191 antara tahun 1937-1938 (S. Othman Kelantan, 1988). Pada tahun 1988 pula novel ini diusahakan oleh S. Othman Kelantan dan diterbitkan dalam bentuk novel lengkap dan utuh melalui penerbitan Teks Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, Malaysia.

5.3.1.1 Sinopsis *Acuman Mahkota*

Hasan merupakan salah seorang pemuda Geting yang terpilih sebagai Hulubalang raja yang diperintah oleh Long Abdul Rahman; raja beraja di Kampung Laut, negeri Kelantan. Pemilihan Hasan oleh raja Long Andul Rahman bukan tanpa alasan, melainkan sebab Hasan merupakan anak didik daripada Mekong Omar dan anak raja Geting yang tampan dan cergas. Hasan rasa gembira dengan tugas baharu yang diberikan itu.

Hasan terpaksa meninggalkan kampung halamannya menuju ke istana raja Long Abdul Rahman di Kampung Laut. Pemergian Hasan ke Kampung Laut bukanlah dengan keseorangan diri, tetapi dia ditemani oleh gurunya Mekong Omar.

Sebelum sampai ke tempat tujuannya, beberapa tempat sebelumnya telah disinggahi oleh Hasan, antaranya dia singgah di rumah tunangnya, Siti Noriah. Rumah tunang Hasan ini juga rumah bapa saudaranya Datuk Syahbandar. Mereka berdua; Hasan dan Siti Noriah adalah sepupu. Mereka telah dijodohkan semenjak kecil tetapi belum pernah bertemu muka. Masa singgah itulah kali pertama mereka bersua.

Setelah bertemu tunangnya, Hasan kemudian melanjutkan perjalanan hingga tiba di Kampung Laut. Sesampainya di Kampung Laut, Hasan menemui Menteri Besar, Datuk Kasim bapa kepada Ibrahim. Ibrahim ialah kawan Hasan yang pertama ketika dia datang ke Kampung Laut dan menemaninya ke seluruh penjuru kawasan Kampung Laut. Pada hari pengangkatan Hasan yang diisytiharkan sebagai Hulubalang, ramai penduduk kampung itu ingin mengetahui dan melihat kesegakan dan ketampanan Hassan sebagai Hulubalang terpilih. Mereka semua memuji dan sangat takjub dengan ketangkasan yang diperlihatkan Hasan pada hari itu, tidak terkecuali Cik Kembang yang nama asalnya ialah Zainab.

Cik Kembang ialah isteri muda kepada Menteri Besar. Setelah melihat ketampanan Hasan, Cik Kembang langsung membuat siasatan dan berikhtiar untuk memperdayakan Hasan. Untuk mencapai maksudnya tersebut, Cik Kembang menyuruh Milah untuk menghantar surat kepada Hasan. Akhirnya mereka berjanji dan sering bertemu. Usaha Cik Kembang memperdayakan lelaki seperti itu bukan sahaja dilakukan terhadap Hasan, tetapi dilakukan juga kepada Tengku Jafar. Hal ini disokong dengan kerjasama Datuk Syahbandar. Sayangnya, usaha yang dilakukan oleh Cik Kembang tidak mendatangkan apa-apa faedah, dan sebaliknya memusnahkan dirinya sendiri kerana dia hilang lenyap tanpa berita selepas sahaja Menteri Besar datang ke rumahnya pada suatu malam.

5.3.1.2 Analisis *Acuman Mahkota*

Acuman Mahkota (seterusnya AM) pada permulaan ceritanya hingga akhir cerita memperlihatkan kedudukan dan kuasa yang dipegang oleh golongan lelaki. Cerita dimulai dari perjalanan Hasan dari kampungnya Geting ke Kampung Laut; tempat dia bakal bertugas sebagai Hulubalang raja kepada Baginda Long Abdul Rahman Raja di Raja.

Analisis struktur novel AM dimulai dari analisis watak atau tokoh yang terdapat dalam novel. Pengkaji mendapati ada enam orang lelaki yang memiliki jawatan sesuai dengan pekerjaan dan jabatan yang disandang masing-masing. Hal tersebut dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah ini:

Watak	Pangkat/Jabatan	Keterangan
Datuk Othman	Datuk Syahbandar	Bapa saudara Hasan
Mekong Omar	Guru	Guru silat Hasan
Hasan	Hulubalang	Tunang Nuriah
Long Abdul Rahman	Raja	Raja Kampung Laut
Datuk Kasim	Datuk Menteri	Orang Kepercayaan Raja
Tengku Jafar	Pangeran	Anak Long Abdul Rahman

Jadual 5.1: Watak lelaki dan gelar AM

Datuk Othman yang berjawatan sebagai Syahbandar di Kampung Laut merupakan bapa saudara Hasan yang akan bertugas sebagai Hulubalang terpilih Raja Long Abdul Rahman. Sebelum menjadi Hulubalang terpilih itu, Hasan merupakan

anak murid kepada Mekong Omar yang terkenal sebagai guru silat yang disegani oleh kawan dan lawan silatnya. Raja Long Abdul Rahman merupakan raja Kampung Laut yang luas takluk kuasanya sehingga banyak daerah jajahannya termasuk daerah Tumpat. Raja Long Abdul Rahman mempunyai seorang anak lelaki yang bakal menjadi penggantinya, iaitu pengeran Tengku Jafar. Untuk membantu tugasnya, Raja Long Abdul Rahman memberi tugas kepada Datuk Kasim sebagai Datuk Menteri.

Selain ada watak lelaki, novel AM juga menampilkan watak perempuan. Ada tiga orang watak perempuan yang ditampilkan AM sesuai dengan kedudukannya. Hal ini dapat dilihat dalam rajah di bawah ini:

Watak	Gelaran	Keterangan
Siti Noriah	Anak Emas	Anak Datuk Syahbandar
Cik Khadijah	Bunga Istana	Penari/Penyanyi
Tuan Kembang	Isteri muda/ isteri simpanan	Datuk Menteri

Jadual 5.2 : Watak dan gelaran perempuan AM

Siti Noriah merupakan satu-satunya anak kepada Datuk Syahbandar sehingga dia dapat diberi jolokan sebagai anak emas; iaitu anak kesayangan keluarganya. Cik Khadijah merupakan penghibur istana Raja Long Abdul Rahman sebagai penari dan penyanyi. Cik Khadijah tampil pada acara-acara istana yang diselenggarakan oleh Long Abdul Rahman atau oleh pengeran Tengku Jafar. Tuan Kembang atau nama sebenarnya Zainab adalah sebagai isteri kedua atau isteri muda kepada Datuk Menteri.

Watak-watak perempuan yang ditampilkan dalam novel AM ini menunjukkan bahawa kaum perempuan sangat dijaga, diawasi dan mempunyai peranan sebagai penghibur. Golongan perempuan digambarkan tidak akan keluar rumah melainkan dengan izin, dan dengan sebab-musabab yang tertentu, sebagaimana yang digambarkan pada watak seperti Cik Khadijah contohnya.

Selanjutnya analisis mengenai perwatakan setiap watak berbeza antara seorang watak dengan seorang watak yang lain. Hal ini dapat difahami daripada maksud petikan teks berikut:

Syukurlah Abang Mekong membawa anakanda Hasan singgah ke rumah hamba dahulu sebelum daripada meneruskan perjalanan pergi ke Kampung Laut. (Abdul Kadir Adabi: 6)

Mekong Omar mempunyai perwatakan yang sangat menurut perintah, patuh kepada ketua dan dapat menjaga amanah. Hal ini memang telah diamanahkan oleh ayah Hasan agar menemui bapa saudara yang juga sekaligus sebagai bakal mentua Hasan. Datuk Syahbandar mempunyai sifat yang sangat menghormati tamu dan pandai berbudi bicara dengan memuji kehebatan Hasan bakal menantunya.

“Berani benar anakanda Hasan,” kata Datuk Syahbandar, “tidak takutkan penyamun yang amat merbahaya”. ((Abdul Kadir Adabi: 4-5)

Selain itu Datuk Syahbandar juga mempunyai sifat buruk iaitu suka mengadu domba untuk kepentingan diri sendiri. Hal ini dilakukannya dengan cara memanfaatkan Tuan Kembang.

Aku sekarang mendapat perkhabaran yang sah bahawa Tuan Kembang itu berbuat serong dengan Hasan hulubalang muda yang baru datang dari Geting. (Abdul Kadir Adabi: 423)

Datuk Syahbandar sengaja menyebarkan berita buruk tentang Hasan agar anaknya Siti Noriah memutuskan tali pertunangan dengan Hasan. Datuk Syahbandar mempunyai keinginan untuk bermenantikan Tengku Jafar kerana pemuda itu pada jangkaannya bakal menjadi raja; pengganti ayahnya Long Abdul Rahman.

Sifat watak lain, seperti Tengku Jafar dan watak-watak yang lain dapat dilihat daripada kutipan teks yang berikut:

Maka dijawab oleh Hasan dengan berhamburan air matanya: “Benar Datuk, benar sekali, hamba sudah dapat menekanya, bahawa Sayyid Husin itu hanya menjalankan titah perintah jua.

“Benar sekali Tengku Jafar yang menyuruhnya, kerana dia sendiri telah menjadi sekeping wayang di tangan beberapa kumpulan jahat yang anakanda pun telah mengetahuinya semua itu. (Abdul Kadir Adabi: 4-5)

Tengku Jafar telah menjadi anak patung yang dimanfaatkan oleh orang-orang terdekat istana untuk mencapai maksud mereka dengan mengatakan kemangkatan Raja Long Abdul Rahman akan mempercepatkan lagi Tengku Jafar untuk dapat menjadi raja. Hasan sebagai Hulubalang terpilih melakukan perlawanan dengan sekuat tenaga membela dan menyelamatkan Raja Long Abdul Rahman ke tempat pengasingannya kerana berlaku penyerangan terhadap istana. Datuk Menteri sebagai orang kepercayaan istana turut bertempur di medan perang hingga mati. Mereka berdua melakukan penentangan terhadap penyerang istana hingga tidak mempedulikan nyawa mereka. Bagi mereka selalu menjaga slogan yang diamanahkan seperti ‘Titah dijunjung, Raja disanjung’.

Watak	Perwatakan	Keterangan
Datuk Othman	Berbudi bahasa mengatur strategi	Pandai menjamu tamu memfitnah dan memanfaatkan orang terdekat untuk mencapai cita-cita.
Hasan	Berani Tegas Gagah Setia	Setia kepada raja membela hingga ke titisan darah terakhir.
Datuk Kasim	amanah setia menurut perintah raja	Setia kepada raja membela hingga ke akhir hayat.
Tengku Jafar	Suka bersenang-senang tidak mempunyai pendirian	Menjadi anak patung kepada golongan pengkhianat raja.

Jadual 5.3 : Perwatakan Lelaki AM

Analisis latar dihubungkan dengan analisis sosiologi berupa sistem pengawal hidup masyarakat negeri Kelantan amnya, dan tentang kebiasaan adat istiadat sistem beraja khasnya. Sistem pengawal hidup dimulai dari muka pertama novel AM ini dengan menceritakan bahawa Datuk Syahbandar Othman “menerima tamu.” Tetamunya itu tidak lain adalah bakal menantunya sendiri yang bernama Hasan; yang juga anak saudaranya; yang ketika itu tinggal di Geting. Kedatangan Hasan didampingi oleh gurunya, Mekong Omar.

Siti Noriah diizinkan oleh ayahnya untuk bertemu muka dengan Hasan kerana mereka berdua telah diikat pertunangan semenjak kecil. Lagi pun menurut adat istiadat setempat, tidak boleh seseorang perempuan menemui bakal suaminya sebelum mereka selesai diijabkabulkan.

“Sabar Noriah, sabarlah anakanda, janganlah anakanda bersegera-segera sangat berjalan keluar. Dengarlah perkataan ayahanda dahulu. Tentulah tidak tersembunyi kepada pengetahuan anakanda akan adat istiadat kita orang-orang Tumpat ini. Itulah pantangan besar ke atas anak-anak perawan itu datang menemui laki-laki kalau belum menjadi suami kepadanya, tetapi sungguhpun begitu kepada anakanda ayahanda izinkan juga berjumpa mata dan melayani Hasan asal jangan dinampaki orang lain kerana bimbanglah juga rasa hati ayahanda kalau-kalau dikata orang ayahanda ini merosakkan adat istiadat di sini, kerana yang demikian itu tentulah kecelakaan daripada orang-orang ramai itu akan mengelubungi diri ayahanda apalagi ayahanda memang dipandang orang yang terbilang di sini iaitu dengan gelaran Datuk Syahbandar Tumpat dan anakanda sendiri pun akan menjadi buah mulut orang ramai mengatakan anakanda ialah perawan lancungan bebas berpawang dengan laki-laki.”(Abdul Kadir Adabi: 4-5)

Adat istiadat daerah Tumpat khasnya, dan di negeri Kelantan amnya, tidak membenarkan seseorang perempuan untuk bertemu dengan mana-mana lelaki semenjak lama dahulu lagi, sekalipun antara perempuan dan lelaki itu sudah ditunangkan. Kecuali pertemuan itu didampingi oleh ibu bapa mana-mana pihak; sebagaimana Hasan dan Siti Noriah yang didampingi oleh Datuk Syahbandar Othman; bapa Siti Noriah sendiri, dan disaksikan oleh guru Hasan bernama Mekong Omar, ketika mereka berdua bertemu itu. Perjumpaan bersemuka antara Hasan dan Siti Noriah hanya sekejap sahaja kerana Datuk Syahbandar Othman meminta Hasan untuk membincangkan sesuatu dengannya di tempat lain. Sementara Siti Noriah pula memohon berundur diri daripada Mekong Omar untuk kembali ke dalam biliknya.

Hasan yang bakal bertugas sebagai pemimpin Hulubalang di Kampung Laut, sebelum menghadap Baginda Long Abdul Rahman Raja di Raja, dan sesampainya di Kampung Laut, pemuda itu terpaksa terlebih dahulu menemui Datuk Menteri. Ini

bermakna, selain ada adat menerima tetamu, ada pula adat “menjadi tetamu”. Sebagai tetamu atau orang baharu di Kampung Laut, Hasan didampingi oleh anak Datuk Menteri bernama Ibrahim. Keesokan harinya barulah pengisytiharan Hasan sebagai ketua Hulubalang disambut dengan pesta kebangsawanan.

Hatta pada keesokan harinya pagi-pagi lagi berhimpunlah tentera Jiwa Setia penjaga raja berpasukan-pasukan di tanah lapang di hadapan pejabatnya, dikepalai oleh seorang panglima perang. Kerana pada hari itulah hendak dimasyhurkan bahawa Hasan anak muda dari Geting itu telah dipilih dan diangkat oleh baginda menjadi ketua tentera itu.

.....
Sebagaimana tentera-tentera itu menunjukkan kepandaian-kepandaiannya itu, begitu juga Hasan terwajib menunjukkan juga kepandaiannya yang dipelajari dari Geting, zahirlah kekulubangannya yang sukar bertara baik pada menumbuk, menikam, dan memarang, menangkis, dan mengelak diri daripada senjata-senjata lawannya. Sekalian orang-orang yang melihatnya menjadi tercengang dan kemudiannya berbisik-bisik memuji-muji kepahlawanan Hasan itu, istimewa pula orang-orang perempuan yang melihat pada masa itu bercuit cerapit, berkumat-kamit dengan kawan-kawannya hingga setengah-setengahnya tiada segan-segan lagi berkata sama sendirinya: “Sudahlah rupanya cantik, pandai pula bermain senjata, hebat dan handal betul orang muda ini”. (Abdul kadir Adabi: 156-157)

Selain analisis sosiologi berupa sistem pengawal hidup masyarakat, analisis sosiologi dengan melihat isu gender juga dilakukan. Hasil analisis mendapati bahawa novel AM ini mengandungi teori *Nature*. Teori *Nature* menjelaskan bahawa wujudnya perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah merupakan sesuatu yang semulajadi sehingga tidak dapat diubah sama sekali dan bersifat universal. Perbezaan biologis misalnya memberikan indikasi dan implikasi bahawa antara dua jantina tersebut memiliki peranan dan tugas yang sama sekali berbeza.

Perbezaan peranan antara watak lelaki dan watak perempuan dalam perceraian melalui novel AM nampak jelas. Hal ini dapat dilihat daripada peranan Datuk Syahbandar Othman yang bertanggungjawab mengatur kehidupan anak tunggalnya Siti Noriah. Datuk Syahbandar Othman sebagai ayah kepada Siti Noriah telah mengaturkan semua gerak laku anak gadisnya itu. Dialah yang menjodohkan Siti Noriah dengan Hasan semenjak kecil lagi. Selain daripada itu, peranan Hasan sebagai ketua Hulubalang di Kampung Laut adalah sebagai satu kerjaya yang sangat diidam-idamkan oleh setiap lelaki muda sezamannya, terutama sekali dalam pemerintahan kerajaan negeri Kelantan yang dipimpin oleh Long Abdul Rahman Raja di Raja yang mempunyai daerah kekuasaannya yang luas dan berwibawa.

Beberapa peranan yang istimewa yang diberikan kepada lelaki yang dikira sangat berprestij ialah gelaran untuk Raja di Raja yang dipegang oleh Long Abdul Rahman, Datuk Menteri dipegang oleh Datuk Kasim, Datuk Syahbandar dipegang oleh Datuk Othman, gelaran Pangeran dipegang oleh Tengku Jafar, ketua Hulubalang dipegang oleh Hasan, dan begitu juga Datuk Mekong Besar. Semua nama hebat dan gelaran yang dipandang sangat tinggi itu adalah menjadi milik golongan jantina lelaki.

Di samping itu, gelaran yang diberikan untuk perempuan pula selalunya kelihatan dimanja-manjakan dan seseorang yang seperti terpaksa mesti ikut perintah, misalnya Siti Noriah, Cik Khadijah dan Tuan Kembang sendiri. Watak-watak perempuan tersebut dapat dijadualkan sebagai yang berikut:

Tokoh	Predikat	Tindakan	Keterangan
Siti Noriah	Anak Emas	Ikut perintah	Anak Datuk Syahbandar
Cik Khadijah	Bunga Istana	Ikut perintah	Penari/Penyanyi Istana
Tuan Kembang	Isteri Simpanan	Penentang	Isteri kedua Datuk Menteri

Jadual 5.4: Perwatakan Perempuan AM

Dua orang perempuan, iaitu Siti Noriah dan Cik Khadijah adalah lambang perempuan sebagai hiasan, dan sebagai pemanis dalam dunia kehidupan golongan lelaki. Siti Noriah adalah anak kepada Datuk Syahbandar Othman selalu berada di dalam rumah, dan tidak dapat berbuat apa-apa walaupun hal-hal yang berhubungan dengan keperibadian dan hak milik dirinya sebagai perempuan. Segala tingkahlakunya diawasi dan dikawal. Sebelum berumahtangga misalnya, sepanjang hidup Siti Noriah hanya terpaksa tinggal dalam rumah yang sangat besar tetapi dia tidak dapat bebas; ibarat burung dalam sangkar. Sementara Cik Khadijah pula adalah perempuan penghibur bagi lelaki. Pekerjaannya adalah sebagai penari dan penyanyi di istana. Dia selalu mempersembahkan semua bakat semula- jadinya kepada tetamu yang diundang dalam majlis kesukaan oleh Tengku Jafar. Manakala Tuan Kembang, selain daripada sebagai pelengkap bagi kehidupan golongan lelaki, dia juga sebagai penentang kepada lelaki.

Tuan Kembang berperanan sebagai pelengkap kepada lelaki kerana dia sebagai isteri yang kedua atau isteri muda kepada Datuk Kasim; Menteri Besar

Kampung Laut, penyokong Long Abdul Rahman. Manakala Tuan Kembang ini dikatakan sebagai penentang lelaki kerana dia satu-satunya perempuan yang melibatkan diri dalam politik istana, berpihak kepada penentang istana yang amat tinggi risikonya. Perwatakannya gigih, hujahnya bernas dan boleh diterima. Dia tahu wajah dan bentuk tubuhnya boleh menawan lelaki dan tutur katanya boleh melembutkan kawan dan lawan. Hal ini dibuktikan apabila dia berjaya menundukkan Hasan, pahlawan penyokong istana, dan menundukkan Tengku Jaafar, putera mahkota yang ingin cepat menjadi raja dan Tuan Kembang atau Zainab sendiri yang bercita-cita menjadi permaisuri kepada Tengku Jafaar kelak.


Keaktifan dan keradikalan Tuan Kembang atau Zainab ini membuktikan kesanggupan seorang wanita dalam masyarakat tradisi Melayu untuk ikut serta dalam pergolakan politik. Zainab adalah lambang kepada citra perempuan yang gigih dalam perjuangan untuk membebaskan perempuan daripada segala kongkongan adat tradisi. Dia juga menjadi lambang kepada kecerdasan dan keradikalan perempuan yang amat luar biasa walaupun berada di bawah kongkongan feodal yang dilambangkan sebagai isteri muda kepada Datuk Kasim, penyokong feodal yang fanatik.

Perwatakan Zainab yang cerdas, berakal pintar, radikal dan berkeupayaan dengan secara tiba-tiba watak Zainab dimatikan dalam anti-klimaks. Diceritakan bahawa suaminya Datuk Kasim telah mengetahui rahsia jahat Zainab, lalu pada suatu malam Datuk Kasim membawa Zainab ke dalam kamar tidur mereka, dan semenjak peristiwa itu Zainab tidak pernah kelihatan lagi. Menurut Milah, iaitu perempuan suruhan Zainab, tuannya itu meninggal dalam keadaan tragik dan misteri.

Kegagalan Zainab dalam cita-cita besarnya bukanlah kegagalan diri peribadinya. Ia juga merupakan kegagalan perjuangan kaum perempuan Kelantan

pada zaman feudal yang sangat terkongkong. Zainab menjadi isteri muda juga merupakan lambang perempuan Melayu yang terkongkong dan terancang oleh lelaki atas nama agama, adat resam istana dan masyarakat sekaligus melambangkan citra perempuan sebagai alat untuk memuaskan nafsu lelaki. Dia tidak berjaya dalam perjuangannya, malah dibunuh oleh golongan lelaki sendiri.

Analisis dialogisme yang terdapat dalam novel AM adalah dialog antara watak-watak penentang raja dan pendukung raja tetapi tertumpu kepada watak utama novel, iaitu Hasan. Watak utama Hasan dengan semua watak yang terdapat di dalam novel ini sentiasa secara bersemuka sehingga dialog yang terjadi berlaku secara langsung. Rajah 5.1 menjelaskan pertemuan watak Hasan dengan lain-lain watak.



Rajah 5.1: Dialog watak AM

Hasan sebagai watak utama dalam novel AM ini telah diarah, kerana dia adalah ibarat orang suruhan dan menjadi kepercayaan Long Abdul Rahman untuk

mengepalai pasukan perang dalam kerajaan Kelantan di Kampung Laut. Sebagai orang pilihan, Hasan diuji langsung oleh Raja Long Abdul Rahman yang menyamar sebagai orang tua yang duduk di tepi jalan. Penyamaran Raja Long Abdul Rahman ini bertujuan untuk mengetahui secara langsung keperibadian Hasan, termasuk juga kejujuran, kepatuhan dan kesetiaannya pada raja. Hal ini dilakukan oleh Raja Long Abdul Rahman kerana telah mengetahui dua orang kepercayaan, iaitu Datuk Syahbandar dan Datuk Menteri ternyata kedua-dua orang kepercayaan itu berseberangan atau bermusuhan antara satu sama lain. Datuk Syahbandar merupakan salah seorang penentang kepada kumpulan Long Abdul Rahman. Manakala Datuk Menteri pula adalah penyokongnya.

Hasan teringat dengan pesanan yang diberikan oleh bapa saudaranya itu supaya sentiasa berhati-hati kerana Raja Long Abdul Rahman adalah seorang raja yang mempunyai sifat tamak. Hal ini telah dibuktikan, kerana banyak daerah jajahannya telah ditaklukinya termasuk Tumpat tempatnya berada. Sementara dalam rancangan seterusnya ialah Geting yang bakal menjadi sasaran selanjutnya.

Datuk Menteri menjelaskan mengapa Long Abdul Rahman ingin mengambil Geting kerana Hasan adalah Hulubalang terpilih. Sementara itu isteri muda Datuk Menteri; Tuan Kembang yang menggunakan nama Zainab cuba memperalatkan Hasan dengan cara meminta tolong Hasan menghantarkan surat rahsia kepada seseorang di Geting melalui gurunya Mekong Omar supaya tiada sesiapa yang menaruh curiga.

Rancangan dan tektik Zainab itu berhasil, dan surat yang diberikan kepada Hasan telah diterima oleh gurunya. Selanjutnya Zainab memperdayakan Hasan pula dengan mengatakan bahawa dia seorang janda supaya dengan muslihat seumpama itu


Hasan lebih merasa simpati kepada Zainab, menyebabkan tiap-tiap malam Hasan mengunjungi rumah Zainab, dan akhirnya Hasan terlupa akan tunangnya Siti Noriah. Rancangan Zainab sangat disetujui oleh Datuk Syahbandar Othman yang mahukan Hasan supaya jatuh cinta kepada Zainab, dan sekaligus melupakan anaknya Siti Noriah. Hal ini kerana Datuk Syahbandar sendiri berkenan untuk bermenentukan Tengku Jafar sebagai raja muda atau pengeran, dan calon pengganti Raja Long Abdul Rahman kelak.

Untuk mencapai maksudnya itu, Datuk Syahbandar datang menemui Zainab dengan memberikan khabar bahawa langkah untuk menjadikan Tengku Jafar sebagai pengganti ayahandanya tinggal selangkah sahaja lagi. Kemudian Datuk Syahbandar juga bertanya khabar mengenai kedatangan Hasan. Zainab dapat mengelak dengan menyatakan bahawa anak muda tersebut dapat dipercayai untuk mencapai maksudnya. Seterusnya Datuk Othman memberikan ubat pengasih kepada Zainab untuk dimasukkan di dalam makanan yang akan diberikan kepada Hasan kelak. Sayangnya, yang datang kemudiannya adalah Tengku Jafar sendiri, dan ubat itu diletakkan oleh Zainab ke dalam makanan Tengku Jafar. Ketika Milah, pembantunya bertanya mengapa Tengku Jafar jadi macam lain ketika pulang, Zainab lalu memberitahu maksud hatinya bahawa dia menginginkan menjadi permaisuri Tengku Jafar. Pernyataan Zainab ini diketahui oleh Hasan yang sedang berada di bawah rumah ketika dia sedang menelinga akan maksud Tuan Kembang membohongi dirinya dengan mengatakan bahawa dia seorang janda.

Kembalinya Tengku Jafar ke istana membuat Datuk Menteri datang ke rumah isteri mudanya Tuan Kembang. Tuan Kembang melayani dengan ramah dan terus masuk ke dalam bilik, dan selepas itu Tuan Kembang tidak pernah kelihatan lagi.

Analisis dialog seterusnya dilihat daripada pengarang menghasilkan novel dan pesanan yang disampaikan oleh pengarang dalam novelnya. Novel AM merupakan novel tandingan untuk novel saduran *Faridah Hanum*; seterusnya FH. FH merupakan novel yang mengunggulkan perempuan dengan caranya sendiri. Faridah Hanum mendapatkan kedua-duanya, iaitu keinginan orang tuanya dan keinginannya sendiri. Keinginan orang tuanya dipenuhi dengan menerima lamaran pilihan orang tuanya, sedangkan keinginannya dapat dipenuhi ketika dia dapat mengungkapkan isi hatinya kepada bakal suaminya bahawa dia telah mempunyai pilihan hati.

FH dapat menentukan jalan hidupnya sendiri yang sangat berlawanan dengan watak-watak perempuan dalam AM. Dialog yang terjadi antara novel FH dengan AM adalah FH merupakan novel yang mahukan perempuan dapat berbuat sesuatu untuk dirinya, manakala AM merupakan hasil pemikiran pengarang yang melihat realiti sebenar alam Melayu pada masa itu yang tidak memungkinkan perempuan dengan berani melakukan hal yang bertentangan dengan pandangan dunia lelaki, dan jika telah mereka lakukan nescaya akan menerima padahnya, seperti yang dialami oleh Tuan Kembang.



Rajah 5.2. Proses peniruan daripada FH kepada AM

Pengalaman atau *experience* yang didapati oleh pengarang FH ketika menuntut di Mesir kemudian diadaptasi ke dunia Melayu telah dibaca oleh pengarang AM. Kemudian ia dapati tema yang ditampilkan FH tidak menempati latar alam Melayu. Lalu melalui novel AM ini dibuat suatu struktur novel baharu atau *constraction* berdasarkan latar dan budaya masyarakat yang sebenar sehingga menghasilkan satu tema baharu atau *new interpretation*.

Seterusnya dari tema baharu yang diungkapkan dalam rajah 5.2 didapati bahawa tema yang dikemukakan dalam AM oleh pengarang Abdul Kadir Adabi mengenai tema tradisi yang sangat legenda atau klasik, iaitu tentang perjodohan dan kahwin paksa yang dialami oleh perempuan. Siti Noriah dijodohkan oleh orang tuanya dengan Hasan sewaktu kecil lagi. Ketika dia berminat pada Hasan, ayahnya mahu supaya dia menerima pinangan Tengku Jafar. Ayahnya berusaha agar Siti Noriah menerima Tengku Jafar dengan menjelek-jelekkan sifat dan kelakuan Hasan. Kahwin paksa telah dialami oleh Tuan Kembang yang terpaksa akur dengan statusnya sebagai isteri muda kepada Datuk Menteri.

5.3.2 *Di Bawah Lindungan Ka'bah*

Seperti diketahui, bahawa novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (selepas ini DBLK) merupakan roman yang diterbitkan dalam zaman angkatan Balai Pustaka atau angkatan Pujangga Baru yang mempunyai tema cerita mengenai kahwin paksa. Bermakna, peranan orang tua atau kaum keluarga sangat dominan dalam menentukan jodoh perkahwinan anak perempuan atau anak gadis zaman berkenaan. Melihat hal

demikian sesungguhnya, Hamka telah mencuba untuk menentang adat kebiasaan yang telah sekian lama membudaya dalam masyarakat dahulu, khasnya dalam masyarakat Minangkabau yang bertunjangkan adat dengan kemahuan dan cinta generasi muda yang berusaha mendobrak untuk menggantikan adat tersebut. Hal ini selari dengan pendapat Zereffa (1973) yang menyebut bahawa sesebuah karya sastera, sama ada novel atau bentuk lainnya adalah menceritakan fenomena sosial dan peristiwa sejarah manusia pada suatu zaman. Hal ini menunjukkan bahawa manusia tidak pernah hidup sendiri, melainkan mereka memiliki masa lalu, masa sekarang dan masa hadapan. Bahkan fenomena itulah juga yang diungkapkan Hamka dalam DBLK ini.

5.3.2.1 Sinopsis *Di Bawah Lindungan Ka'bah*

Hamid telah ditinggal oleh ayahnya ketika berumur empat tahun dalam keadaan yatim dan miskin, kerana ibunya tidak mempunyai kerja yang tetap. Mereka hidup jauh daripada sanak keluarga, kerana tinggal di kota Padang. Penghijrahan ayah dan ibunya dari kota Padang kerana ingin mencari kehidupan baharu dan mencuba nasib kerana malu tinggal di kampung sebab perniagaan ayahnya ketika itu mengalami bangkrap.

Ayahnya bercita-cita ingin menyekolahkan Hamid hingga tinggi, tetapi sayang sebelum hajatnya sampai ayahnya meninggal dunia terlebih dahulu. Ibunya yang teringat akan harapan ayahnya, hanya dapat menangis mengenangi semua itu. Ibunya hanya dapat mewarisi cerita-cerita indah masa lalu atas kejayaan ayahnya sekalipun mereka berdua beranak hanya mendiami sebuah rumah buruk dan kecil.

Jiran baharu mereka ialah Haji Ja'far bersama-sama isteri dan anak gadisnya bernama Zainab. Hubungan silaturahim kejiwaan antara dua buah keluarga ini sangat baik. Haji Ja'far sangat prihatin terhadap keluarga Hamid selepas Hamid menceritakan tentang ibunya yang hanya menjual pisang goreng. Mendengar cerita Hamid, isteri Haji Ja'far meminta ibu Hamid datang menemuinya. Akhirnya ibu Hamid diberikan pekerjaan oleh Mak Asiah. Hamid sendiri mendapat pembiayaan persekolahan oleh Haji Ja'far. Haji Ja'far yang mahukan supaya Hamid ikut menjaga anaknya, Zainab ketika bersekolah.

Cinta tumbuh antara Hamid dan Zainab kerana mereka sering bertemu dan bersama-sama pulang balik dari sekolah setiap hari. Mereka semakin dewasa setelah menamatkan persekolahan hingga MULO. Hamid berharap dapat melanjutkan pelajarannya ke aliran agama di Padang Panjang. Manakala Zainab sendiri tiada persekolahan untuknya lagi. Dia hanya belajar mengenai jahit-menjahit sahaja dan terpaksa berada di rumah sepanjang usia pingitannya. Jika keluar rumah, dia mesti ada seseorang yang mendampingi.

Kesunyian Zainab semakin terasa selepas ayahnya, Haji Ja'far meninggal dunia. Zainab semakin tidak berleluasa bebas keluar rumah dan berjumpa dengan orang lain selain keluarganya sendiri. Demikian juga dengan Hamid, tidak berleluasa bertandang ke rumah Zainab, sebab dia sebenarnya tiada sebarang hubungan kekeluargaan. Suatu hari Mak Asiah; ibu Zainab meminta Hamid datang untuk memujuk hati Zainab supaya menerima jodoh daripada kemanakan ayahnya. Hati Zainab yang telah terikat dengan Hamid menolak permintaan ibunya. Hamid senang mendengar jawapan Zainab yang menolak permintaan ibunya, sebab pemuda itu tahu

Zainab cintakannya. Sebaliknya, Hamid kecewa kerana dia tidak dapat meminang Zainab lantaran taraf kedudukannya dengan Zainab tidak sedarjat.

Untuk menghilangkan rasa duka kerana terlalu mencintai Zainab, Hamid membawa diri merantau ke Medan. Dari Medan dia belayar menuju Mekah. Di Mekah dia berjumpa dengan kawan lamanya Salleh yang ikut menunaikan fadhu Haji. Ketika di tanah suci inilah. Hamid dapat maklumat melalui Salleh bahawa Zainab tetap menyintainya, dan gadis itu terlalu mengharapkan supaya Hamid pulang ke tanah air. Khabar yang diterima oleh Hamid merupakan suatu khabar gembira kerana dapat mengetahui sejauh mana hati kekasihnya. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat dipertemukan semula, sebab Zainab meninggal dunia sehari sebelum Hamid meninggal dunia di tanah suci Mekah.

5.3.2.2 Analisis *Di Bawah Lindungan Ka'bah*

DBLK merupakan roman atau novelet segala zaman kerana nilai-nilai abadi sebuah cinta yang berlaku yang dilukiskan Hamka di dalamnya adalah sebuah cinta suci yang sampai bila dan di mana sahaja tetap segar mewangi. Cinta bukan sahaja direstui oleh Allah swt, tetapi juga ditentukan oleh bangsa, aturan hidup, darjat dan pangkat manusia yang dilibatkannya. Anak seorang majikan tidak mungkin berkahwin dengan anak pembantunya meskipun kedua-dua mereka saling cinta-mencintai antara satu dengan yang lain. Demikian kelangsungan adat, telah menetapkan bahawa perkahwinan tidak hanya dengan syarat cinta semata-mata, tetapi ditentukan oleh orang tua, kerabat, dan handai-taulan serta sifat dan status sedarjat yang menentukan kewajaran satu-satu perkahwinan itu dapat dilangsungkan.

Analisis strukturalisme novel DBLK dimulai dari penetapan watak-watak yang terlibat dalam novel ini. Mereka itu adalah:

Nama	Keterangan
Hamid	Lelaki = watak utama
Zainab	Perempuan = watak utama
Hj Ja'far	Lelaki = watak sampingan
Mak Asiah	Perempuan = watak sampingan
Ibu Hamid	Perempuan = watak sampingan
Ayah Hamid	Lelaki = watak latar/penunjang
Salleh	Lelaki = watak latar/penunjang
Rosnah	Perempuan = watak latar/penunjang

Jadual 5.5. Jadual watak DBLK

Watak-watak novel DBLK terbahagi kepada tiga kategori, iaitu watak utama, watak sampingan dan watak latar. Kedua-dua watak utama, iaitu Hasan dan Zainab juga sebagai watak protagonis, watak yang baik. Hj Ja'far, Mak Asiah dan Ibu Hamid merupakan watak pendukung atau watak sokongan terhadap kehadiran watak Hamid dan Zainab. Ketiga-tiga watak ini yang menghubungkan watak utama dipertemukan dan seterusnya memperluaskan lagi alur cerita. Selain itu watak latar yang menggambarkan tempat berlangsungnya cerita dibahagikan kepada dua watak, iaitu watak latar Minangkabau oleh ayah Hamid dan Rosnah, sementara watak latar Mekah digambarkan melalui watak Salleh.

Semua watak di atas juga mempunyai perwatakan yang beragam, antaranya Hamid sebagaimana dilukiskan daripada petikan teks berikut ini.

Masa saya masih berusia empat tahun, ayah saya telah wafat. Dia telah meninggalkan saya sebelum saya kenal siapa dia dan betapa rupanya. Hanya di dinding masih saya dapati gambarnya, gambar semasa ia masih muda, gagah dan manis. (Hamka: 11)

Petikan teks tersebut menggambarkan bahawa Hamid telah menjadi yatim ketika usianya empat tahun sebelum dia tahu dan kenali akan rupa wajah ayahnya. Hamid hanya dapat mengenali wajah ayahnya melalui foto yang menghiasi dinding rumahnya. Sifat Hamid juga dapat digambarkan daripada petikan teks yang berikut.

Di sana tinggal seorang anak muda yang baru berusia kira-kira 23 tahun, badannya kurus lampai, rambutnya hitam berminyak, sifatnya pendiam, suka bermenung seorang diri dalam kamarnya itu. Biasanya sebelum kedengaran azan Subuh, ia telah lebih dahulu bangun, pergi ke masjid seorang diri. Menurut keterangan syekh kami, anak muda itu berasal dari Sumatra, datang pada tahun yang lalu, jadi dia seorang yang telah bermukim di Mekkah. (Hamka: 7)

Hamid telah meninggalkan Indonesia, khasnya Sumatra satu tahun yang lalu sebelum musim haji tiba. Usia Hamid ketika menjalankan rukun Islam ke lima itu baharu sahaja berusia 23 tahun. Sifatnya yang pendiam membuat dirinya tertutup perhubungan dengan orang lain. Dalam soal beribadah kepada Allah swt, Hamid sentiasa melakukannya dengan segera dan tanpa berlengah, bahkan belum waktu solat dia sudah berada di dalam Masjid Haram.

Kedua-dua petikan teks di atas juga dapat menggambarkan latar atau tempat terjadinya peristiwa. Seperti dijelaskan bahawa Hamid berasal dari Sumatra dan kedudukannya sekarang berada di Mekah untuk melaksanakan fardu haji.

Analisis sosiologi dapat dilihat daripada sistem pengawal hidup daripada masyarakat Minangkabau-Sumatera Barat. Sistem pengawal hidup yang dapat digambarkan daripada DBLK seperti merantau; iaitu berpergian dari kampung halaman menuju ke tempat lain atau berhijrah dari kampung tempat tumpah darah ke bandar dan seumpamanya sebagai usaha untuk mendapat perubahan hidup. Penghijrahan pertama yang dilakukan oleh ayah Hamid bersama-sama ibunya ialah dari kampung halamannya pergi ke kota Padang.

Di waktu malam, ketika akan tidur, kerap kali ibu menceritakan kebaikan ayah semasa beliau hidup; ia seorang terpujikan dalam pergaulan. Masa itu daun sedang rimbun, bunga sedang kembang, dan buah sedang lebat, orang pun datanglah berduyun-duyun menghampirkan diri, mengatakan mamak, mereka itu mendakwa bersaudara, berkarib, berfamili, rumah tangga senantiasa mendapat kunjungan dari kiri-kanan. Tetapi setelah perniagaan ayah jatuh dan kemelaratan menjadi ganti segala kesenangan itu tersisihlah. Lantaran malu, ayah pindah ke kota Padang, tinggal dalam rumah kecil yang kami diami itu, supaya namanya hilang sama sekali dari kalangan kaum kerabat. (Hamka: 12)

Si ayah Hamid merantau untuk menghilangkan jejak dan kesan buruk ahli keluarga yang telah memandangnya sebelah mata akibat nasib malangnya kerana dia bangkrap dalam perniagaan. Hal ini menggambarkan juga bahawa ayah Hamid adalah seorang lelaki yang mempunyai maruah. Prinsip hidup yang dipegang oleh masyarakat Minangkabau 'siapa yang berharta dia memegang nagari, siapa yang

berkekurangan lebih baik lari' dan 'sayangkan kampung pergilah merantau' serta 'lebih baik menderita di negeri orang jangan sampai menderita di negeri sendiri'.

Kemelaratan dan kemiskinan hidup di kota Padang diteruskan oleh Hamid dan ibunya. Ayah Hamid meninggal dunia ketika dia berusia empat tahun dengan mewariskan kemiskinan.

Ia meninggalkan saya dan ibu di dalam keadaan yang sangat melarat. Rumah tempat kami tinggal hanya sebuah rumah kecil yang telah tua, yang lebih pantas disebut gubuk atau dangau. Kemiskinan telah menjadikan ibu putus harapan memandangkan kehidupan dan pergaulan dunia ini, kerana tali tempat bergantung sudah putus dan tanah tempat berpijak sudah terban. Hanya saya yang tinggal, jerat semata, tempat dia menggantungkan pengharapan untuk zaman yang akan datang, zaman yang masih gelap. (Hamka: 11)

Ibu Hamid sebagai isteri yang ditinggalkan suami dan tiada sebarang pekerjaan untuk sara hidup, merasakan penderitaan ini kerana tiada harta pusaka. Harta pusaka yang dimilikinya ada di kampung halaman yang telah dia tinggalkan kerana mengikuti suami merantau ke Kota Padang. Badan melarat tiada orang akan pandang.

Haji Ja'far yang kaya dan hartawan telah bermurah hati menolong Hamid; jirannya yang miskin itu. Dengan jasa baik Haji Ja'far menyebabkan cita-cita ayah dan ibu Hamid mahu supaya dia dapat bersekolah, akhirnya berhasil dan menjadi kenyataan. Hamid dan Zainab telah disekolahkan oleh Haji Ja'far bermula dari sekolah rendah atau sekolah dasar hingga sekolah menengah atau HIS (*Hollands Inlandsche School*) dan MULO (*Meer Uitgebreid Lager Onderwijs*). Selepas menamatkan MULO Hamid melanjutkan pula pengajiannya ke sekolah agama di

Padang Panjang. Sebaliknya Zainab, selepas tamat di MULO dia terpaksa menjalankan kehidupan sebagaimana tradisi gadis pingitan yang lain sezaman dengannya kerana sekolah untuk anak-anak perempuan pada masa itu hanya sampai MULO. Untuk melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi, dia harus pergi ke luar negara. Sedangkan hal itu seolah-olah sesuatu yang sangat mustahil bagi gadis pingitan seperti Zainab ketika itu. Masa pingitan ini, ilmu pengetahuan yang paling cocok untuk Zainab hanyalah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kepandaian bagi perempuan; iaitu kemahiran memasak dan kepandaian menjahit pakaian sahaja.

Perpisahan Hamid dengan Zainab menyebabkan kedua-dua mereka menderita dan merana. Hal ini dirasakan Hamid setelah berpisah daripada Zainab. Perpisahan itu terjadi disebabkan tiada lagi waktu untuk mereka bertemu dan bersua muka seperti zaman persekolahan dahulu; terlebih selepas kematian Haji Ja' far.

Dahulu saya tiada pedulikan hal itu, tetapi setelah saya besar dan terpisah darinya, barulah saya insaf, bahawa kalau bukan di dekatnya, saya berasa kehilangan.

Mustahil dia akan dapat menerima cinta saya, kerana dia langit dan saya bumi, bangsanya tinggi dan saya hidup darinya. Jika kelak datang waktunya orang tuanya bermenantu, mustahil pula saya akan termasuk dalam golongan orang yang terpilih untuk menjadi menantu. (Hamka: 24)

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa ayah Hamid bertindak meninggalkan kampung halaman dan merantau ke tempat orang kerana tidak ingin dipandang hina oleh kalangan masyarakatnya; terutama oleh ahli keluarga sendiri selepas gagal dalam bidang perniagaan. Manakala Hamid pula meninggalkan kampung halaman dan merantau ke Mekah kerana kecewa dan gagal menyatakan cintanya kepada Zainab, menyebabkan dia mengambil keputusan untuk pergi jauh

hingga ke negara Arab bertujuan untuk menghilangkan kesan daripada perasaan cinta yang dialaminya.

Tokoh	Merantau	Keterangan /sebab
Ayah Hamid	Kota Padang	Perniagaan jatuh dan malu
Haji Ja'far	Kota Padang	Perniagaan maju, menjadi orang terpandang
Hamid	Mekah	Mencari cinta Ilahi / Percintaannya gagal

Jadual 5.6: Watak lelaki merantau DBLK

Seterusnya analisis gender yang terdapat dalam novel DBLK adalah *gender Nurture* atau gender tradisi; iaitu berlakunya perbezaan kedudukan antara lelaki dan perempuan adalah hasil daripada konstruksi sosial budaya, khasnya budaya Minangkabau sehingga menghasilkan peranan dan tugas yang berbeza-beza pula.

Tokoh	Status	Kegiatan	Keterangan
Ayah Hamid	Ayah	Pencari nafkah	Merantau
Ibu Hamid	Isteri/ Janda	Suri rumah	Ikut suami
Hamid	Anak Lelaki	Bersekolah MULO	Dibiayai oleh Haji Ja'far- Merantau
Haji Ja'far	Ayah	Pencari Nafkah	Merantau
Mak Asiah	Isteri/ Janda	Suri rumah	Ikut suami
Zainab	anak perempuan	belajar hingga MULO- -	Dipingit dijodohkan

Jadual 5.7 Peranan dan Tugas DBLK

Hamid, ayahnya dan Haji Ja'far adalah antara individu dalam masyarakat sezaman yang melakukan penghijrahan atau merantau dalam tradisi Minangkabau; yang merupakan sebahagian daripada budaya bagi lelaki yang telah akil baligh untuk mencari kejayaan hidup yang lebih baik di negeri orang, sama ada dalam hal agama mahupun dalam bidang perniagaan. Tradisi adat merantau ini terus berlangsung hingga ke hari ini, terutamanya masyarakat Minangkabau di Indonesia.

Selain isu merantau bagi lelaki, tradisi pingitan juga diperuntukkan bagi golongan perempuan. Hal ini diwakili oleh Zainab. Melalui DBLK gambarkan Zainab harus memasuki alam tradisi pingitan kerana tidak ada lagi sekolah yang sesuai baginya untuk melanjutkan pelajaran. Kalaupun ada, dia harus dihantar ke luar negara. Sedangkan pada masa itu tidak ada ibu bapa atau orang tua yang sanggup melepaskan anak gadis pergi jauh ke luar negara, apa lagi bagi seorang anak perempuan kesayangan seperti Zainab, dan apa lagi dia merupakan anak tunggal kepada Mak Asiah.

Yang berasa sedih amat, adalah anak-anak perempuan yang akan masuk pingitan; tamat sekolah bagi mereka artinya suatu sangkar yang telah tersedia buat seekor burung yang bebas terbang. Zainab sendiri, sejak tamat sekolah, telah tetap dalam rumah, didatangkan baginya guru dari luar yang akan mengajarkan berbagai-bagai kepandaian yang perlu bagi anak-anak perempuan, seperti menyuji, merenda, memasak, dan lain-lain. Petang hari ia menyambung pelajarannya dalam perkara agama. (Hamka: 20-21)

Zainab yang terpaksa menghadapi hidup secara tradisional gadis pingitan sangat akur dengan adat resam masyarakat Minangkabau tersebut. Baginya tidak ada yang dapat dilakukan selain akur dan patuh menuruti adat tradisi yang telah turun-

temurun berlangsung diamalkan itu. Ada hal lain yang ditolak oleh Zainab sebagai gadis pingitan dalam masyarakat Minangkabau; iaitu Zainab “tidak mahu dikahwinkan” dengan waris atau kamanakan ayahnya. Zainab dengan berani dan lantang mengatakan bahawa dia tidak bersetuju dengan cara kahwin paksa - suatu tema yang sangat sebatian dengan novel-novel terbitan Balai Pustaka - ketika ibunya, Mak Asiah meminta bantuan daripada Hamid untuk melembutkan hati anak gadisnya itu.

*“Bagaimana, Zainab, jawablah perkataanku!”
“Belum Abang, saya belum hendak kawin.” “Atas nama ibu, atas nama almarhum ayahmu.” “Belum Abang! Sampai hati Abang memaksa aku?”
“Abang bukan memaksa engkau, Adik, ingat ibumu.” Mendengar itu dia kembali terdiam, ibunya terdiam, ia telah menangis pula. (Hamka: 38)*

Selain daripada itu, Zainab juga memohon pengertian daripada ibunya dan calon suaminya, hingga akhirnya Zainab tidak berkahwin dengan keluarga ayahnya itu, kerana cinta Zainab hanya untuk Hamid sahaja.

Melihat keadaanmu yang demikian, rupanya ibuku pun kasihan, perhitungan hendak mengawinkan aku tiada menjadi pembicaraan lagi. Syukurlah kemenakan ayahku seorang yang berpengetahuan tinggi; ketika dia singgah ke mari dengan terus terang saya katakan bahawa dia lebih baik menjadi saudaraku daripada menjadi suamiku, ia menerima dengan hati yang suci. (Hamka: 50-51)

Demikianlah Zainab dapat meyakinkan ibu dan calon suaminya sehingga dia tidak jadi berkahwin dengan lelaki pilihan orang tuanya itu, kerana dia sendiri tidak mencintai calon suaminya yang dicadangkan itu. Terlihat di sini, adanya sikap saling memahami antara ibunya - Mak Asiah dan calon suaminya setelah adanya pengakuan sendiri daripada Zainab sebagai individu yang mempunyai hak ke atas dirinya.

Sikap saling memahami yang amat ketara adalah memahami keadaan dan perasaan sesama jantina, seperti Mak Asiah memahami keadaan dan perasaan yang dialami oleh ibu Hamid ketika diceritakan keadaannya setelah dia kehilangan suaminya dan kini hidup melarat.

Meskipun ibu saya merasa malu-malu dan insaf kan keindahan derajatnya. Mak Asiah, demikian nama isteri Engku Haji Ja'far itu, sekali-kali tiada meninggikan diri, sebagai kebiasaan perempuan-perempuan isteri orang hartawan atau orang berpangkat yang lain. Bahkan ibuku dipandangnya sebagai saudaranya, segala perasaan dan penanggungan ibu didengarnya dengan tenang dan muka yang rawan, kadang-kadang ia pun turut menangis waktu ibu menceritakan hal-hal yang sedih. Sehingga waktu cerita itu habis, terjadilah di antara keduanya persahabatan yang kental, harga menghargai dan cinta-mencintai. (Hamka: 16)

Demikianlah sikap Mak Asiah sekalipun dia bersuamikan orang hartawan dia tetap mahu untuk bersahabat dengan jirannya yang miskin itu. Hal ini disebabkan, sebelum Haji Ja'far menjadi orang kaya dan berharta, dia juga dahulunya pernah melalui hidup dalam keadaan kemiskinan dan kemelaratan. Berkat keyakinan, kegigihan dan usaha, akhirnya terbukalah pintu rezeki pencarian hidup Haji Ja'far. Sebab itu dia sangat insaf melihat orang-orang yang melarat, lantas lekas dia memberi pertolongan kepada orang yang berhajat. Demikian perasaannya terhadap Hamid dan ibunya.

Selanjutnya saling memahami sesama jantina juga terjadi pada Rosna dan Zainab. Rosna adalah sahabat karib Zainab sewaktu mereka bersekolah dahulu. Setiap kali Rosna bertandang ke rumah Zainab, tiada henti-hentinya muka Zainab dipenuhi oleh air mata yang tiada sebab hingga akhirnya Rosna tergerak hati untuk

bertanya kepadanya, dan semua itu diungkapkan oleh Zainab. Sebagai seorang perempuan, Rosna sangat memahami tentang perasaan sahabatnya tersebut.


Sebagai kau tahu, kita pun tamat dari sekolah, maka adat istiadat telah mending pertemuan kita dengan laki-laki yang bukan mahram, bukan saudara atau famili karib, waktu itulah saya merasai kesepian yang sangat. Saya merasa kehilangan seorang teman yang sangat saya takjubi. Waktu itulah saya insaf, bahwa saya sudah ditimpa oleh perasaan ganjil, saya merasa lengang dan sunyi, ingat saya sebentar-sebentar kembali kepada Hamid saja. Sebenarnya Ros.....saya cinta kepada Hamid! Biar engkau tertawakan daku, Sahabat, biar mulutmu tersenyum simpul, saya akan tetap berkata bahwa saya cinta kepada Hamid. Ia tidak berpembela, tidak ada orang yang akan sudi menyerahkan diri menjadi isterinya karena dia miskin. Tidak ada gadis yang akan sudi mempedulikan dia, karena rupanya tak gagah. Itulah sebabnya dia saya cintai. (Hamka: 48-49)

Keberanian Zainab mengungkapkan perasaan hatinya beralasan; iaitu disebabkan Rosna selalu mendesaknya supaya membahagi-bahagikan perasaan duka yang menyimpannya. Dengan demikian, perasaan duka yang dialaminya itu menjadi berkurangan kerana telah dibahagi-bahagikan kepada sahabat karibnya yang dapat dipercayai untuk menyimpan dan merahsiakannya.

Sikap keterbukaan untuk mengungkapkan perasaan hati kecewa yang dideritai, juga terjadi antara sesama jantina lelaki. Hal ini dapat disaksikan apa yang terjadi pada Hamid dengan kawan baharunya yang berasal dari Jambi. Kawan baharunya itu meminta Hamid supaya menceritakan sebab-sebab mengapa Hamid kelihatan selalu bersendirian dan wajahnya selalu nampak murung; terutama lebih ketara dilihat begitu sesudah seorang kawannya yang bernama Saleh datang ke Mekah. Dengan permintaan itu, Hamid tidak keberatan untuk menceritakan kepada kawan baharu

tersebut akan pengalaman hidupnya, hingga akhirnya dia meninggal dunia di bawah bayangan lindungan Ka'bah.

Analisis dialogisme pada novel DBLK didapati adanya dialog antara watak-watak. Dialog yang terjadi kepada watak-watak yang terlibat bukan berlaku secara langsung, tetapi hal tersebut diwakili oleh watak yang lain terlebih dahulu, dan kemudiannya baharu akan sampai kepada watak yang dimaksudkan. Jika dirajahkan dialog itu akan tergambar sebagaimana yang berikut:



Rajah 5.3: Dialog watak DBLK

Pencerita yang berasal dari Jambi itu berkenalan dengan Hamid di tanah suci Mekah pada tahun 1927 sewaktu dia hendak menunaikan ibadah haji dalam musim tersebut. Perkenalan mereka telah berlangsung semenjak bulan Ramadhan, dan hubungan mereka bertambah mesra lagi apabila menjelang bulan Syawal. Pencerita digambarkan telah memerhati segala gerak-geri, tingkah-laku dan perubahan wajah Hamid yang pada pandangannya dinilai sebagai seseorang yang sedang dirundung duka dan kecewa, walaupun di tengah-tengah ribuan umat manusia yang sedang mengerjakan ibadah haji; terutama dalam keramaian terbesar sebagaimana di tanah


suci Mekah, di hadapan rumah Allah itu. Kedukaan Hamid itu dilihat bertambah parah dan ketara lagi apabila seorang jemaah calon haji yang baharu tiba di tanah suci itu. Calon yang baharu tiba itu bernama Saleh; sahabat karib Hamid sewaktu menuntut di Padang Panjang sebelum dia berangkat ke Mekah setahun lalu. Saleh bercerita, bahawa dia telah berkahwin dengan Rosna; kawan karib Zainab. Mendengar nama Zainab; seluruh tubuh Hamid gementar. Padahal sebelum itu, setahun sudah Hamid berusaha untuk melupakan dan menghilangkan nama Zainab daripada ingatannya, tetapi tiba-tiba nama itu disebut kembali oleh kawan karibnya, Saleh, menyebabkan nama Zainab seolah-olah hidup semula dalam ingatan Hamid.

Hamid mendengar semua berita mengenai Zainab yang terbaharu daripada Saleh. Cerita tersebut diperolehi Saleh melalui isterinya Rosna, kerana kedua-dua mereka kawan karib. Kedua-dua manusia yang tidak beruntung ini; Hamid dan Zainab saling mencintai. Sayangnya, semua itu tiada diungkapkan secara langsung. Mereka; kedua-dua asyik-maksyuk itu terpaksa memendam rasa cinta sendiri-sendiri hingga akhirnya Hamid membawa rasa cinta itu hingga ke Mekah kerana dia sedar diri bahawa dia ibarat bumi, sementara Zainab pula ibarat langit; bahkan berbangsa tinggi dan tidak mungkin layak untuk menjadi menantu Mak Asiah. Sesungguhnya Hamid mengetahui Zainab juga mempunyai perasaan cinta padanya. Hal ini dapat dikesan ketika dia meminta Zainab untuk berkahwin dengan anak saudara kepada ayahnya yang kemudian Zainab menolaknya secara berterus-terang.

Sementara Zainab yang telah memberi lampu hijau kepada Hamid; yakni seolah-olah bersedia menerima Hamid sebagai suaminya, tidak pula mendapat jawapan yang pasti daripada lelaki itu tentang bagaimana akan kedudukan nasib dan keberadaannya. Hamid hanya memberikan sepucuk surat kepada Zainab yang

menyatakan bahawa dia berada di Medan. Setahun kemudian baharu diketahui bahawa Hamid berada di Mekah selepas Saleh berjumpa dengan Hamid. Berita tersebut juga hanya diketahuinya daripada Rosna. Ungkapan cinta Zainab kepada Hamid kesampaian setelah diberikan sepucuk surat kepada Hamid. Sayangnya cinta kedua-dua makhluk Allah ini tidak kesampaian, dan tidak menjadi kenyataan kerana Zainab meninggal dunia pada 9 Zulhijjah selepas mengalami derita jiwa yang keterlaluan, dan kemudian disusuli pula oleh kematian Hamid yang menghembus nafas sehari kemudian ; iaitu pada tanggal 10 Zulhijjah; iaitu sehari kemudian daripada kematian Zainab. Kematian Hamid terjadi di antara pintu Ka'bah dengan Hajar Aswad di bawah bayang-bayang lindungan Ka'bah.

Analisis dialog selanjutnya mencari tema yang dikemukakan oleh Hamka dalam novel DBLK. Hamka ingin mengatakan bahawa akibat daripada kahwin paksa yang terdapat dalam novel *Siti Nurbaya* (SN) bukan hanya dirasakan penderitaannya oleh kaum perempuan, tetapi juga ikut sama dirasakan oleh kaum lelaki yang pernah mencintai perempuan tersebut. Lelaki yang menderita inilah diceritakan oleh Hamka dalam novel DBLK. Jika dirajahkan, hubungan percintaan tersebut seperti berikut.



Rajah 5.4: Dialog SN - DBLK

Berdasarkan rajah 5.4 dapat difahami bahawa novel *Siti Nurbaya* mempengaruhi Hamka untuk membuat novel tandingan yang berfokuskan pada masalah lelaki yang menderita. Beberapa pengkaji menilai, antaranya Yakob Sumardjo (1981) menyebut, bahawa roman yang tebalnya 66 halaman sahaja itu tidak langsung berbicara tentang masalah agama Islam. Sebaliknya kata Yakob, agama dalam roman DBKL hanya sekadar *setting*. Masalah yang digarapkan oleh Hamka melalui novel tersebut adalah tentang hebatnya pengaruh cinta suci yang terpendam bagi para pemiliknya sehingga terpaksa menghadapi penderitaan lahir batin yang akhirnya berakhir dengan meninggal dunia lantaran cinta terpendam yang tidak kesampaian.

5.3.3 *Ranjau Sepanjang Jalan*

Shahnon Ahmad merupakan tokoh dan pengarang Malaysia yang penting dan popular dalam bidang kesusasteraan. Beliau merupakan pengarang mapan yang mulai menulis semenjak tahun 1950-an hingga kini. Tidak hairan banyak penghargaan dalam bidang persuratan Melayu telah dianugerahkan kepadanya, antaranya hadiah karya sastera, anugerah ASEAN II Kebudayaan, Komunikasi dan Persuratan, Hadiah Mastera, gelaran Datuk dari kerajaan Kedah, serta penobatan ke atasnya sebagai Sasterawan Negara (SN) Malaysia yang kedua pada tahun 1982.

5.3.3.1 Sinopsis *Ranjau Sepanjang Jalan*

Lahuma dan Jeha merupakan suami isteri yang telah dikurniakan dengan tujuh orang anak. Ketujuh-tujuh anak mereka adalah perempuan. Mereka senang dengan kehidupan yang mereka jalani sekalipun hanya sebagai petani dengan harta kekayaan 14 relung sawah yang diwarisi daripada orang tua Lahuma. Sebagai seorang suami yang bertanggungjawab, Lahuma bekerja keras mengusahakan sawah dengan kekuatan tubuh badannya supaya padi yang telah disemai dan ditanam oleh Jeha dan ketiga-tiga orang anak mereka benar-benar menjadi. Tiap-tiap malam Lahuma pergi ke sawah untuk memerhati perkembangan padinya; bimbang kalau-kalau dimusnahkan musuh - dimakan oleh hama atau tikus.

Ketika musim menyemai tiba, Jeha yang biasa menyemai padi di kebun tiba-tiba melihat sepasang ular tedung. Ular tedung tersebut hampir mematuknya, dan salah seekor ular tedung itu sempat dibunuh oleh Lahuma yang tangkas dan berhampiran dengan isterinya Jeha ketika itu. Ular tedung yang seekor lagi masih dapat menyelamatkan diri. Sayang, peristiwa ular tedung tersebut membuat jiwa dan perasaan Jeha tidak tenang dan selalu trauma. Jeha selalu teringat-ingat dengan ular tedung tersebut, bahkan kain sarung yang terampai juga bagi Jeha dikira dan dirasakannya menjelma sebagai ular tedung.

Selepas pekerjaan menyemai selesai, Lahuma mulai membajak sawahnya yang empat belas relung. Sesudah tiga relung yang diselesaikannya, tiba-tiba kakinya terpijak duri nibung. Lahuma tidak mempedulikannya kerana yang difikirkannya ketika itu ialah sebelas relung lagi sawahnya yang masih perlu untuk dibajak. Ketika malam tiba, Lahuma cuba mencungkil duri nibung tersebut yang tertusuk di kakinya

untuk dikeluarkan. Duri nibung itu bukannya keluar, sebaliknya semakin terperosok masuk ke dalam daging. Esoknya Lahuma demam, dan lalu dipanggil dukun datang ke rumah untuk mengubatnya. Dukun mengubatnya dengan bacaan dan ubatan-ubatan tradisional. Demam Lahuma tidak juga berkurang, bahkan semakin bertambah melarat. Akhirnya berpunca daripada sakitnya yang ditusuki duri nibung tersebut, Lahuma meninggal dunia dengan meninggalkan pekerjaan yang belum dapat diselesaikan. Pekerjaan tersebut diwariskan kepada isteri dan ketujuh-tujuh orang anak perempuannya.

Semua jiran telah selesai membajak sawah masing-masing, hanya sawah sebelas relung Lahuma sahaja yang belum selesai. Untuk itu, Jeha meminta bantuan kepada Tok Penghulu agar traktor bajaknya dapat member khidmat untuk membajak sawah yang sebelas relung itu. Tok Penghulu menolong Jeha. Pekerjaan Jeha belum selesai, dia harus menjaga sawahnya tiap-tiap malam dari ancaman hama, selain menjaga ketujuh-tujuh orang anak perempuannya.

Semenjak kehilangan Lahuma, Jeha semakin sibuk dan selalu was-was takut jika padinya tidak menjadi tahun ini. Sehingga tiap-tiap malam dia selalu berteriak hingga orang mengatakannya dia gila. Untuk mengamankannya Jeha dibawa ke Tanjung Rambutan; pusat tempat merawat orang-orang yang dihinggap sakit jiwa dan penyakit gila. Pengasingan Jeha di Tanjung Rambutan bukan membuat jiwanya semakin tenang, sebaliknya membuat dirinya memberontak hingga akhirnya dia dipulangkan semula ke kampung halamannya. Sepulangnya ke kampung, Jeha dipasung di rumahnya sendiri.

5.3.3.2 Analisis *Ranjau Sepanjang Jalan*

Analisis strukturalisme pada novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (seterusnya RSJ) dimulai daripada watak-watak yang terlibat dalam novel ini. Ada tiga orang watak yang terlibat dalam novel RSJ ini, iaitu;

Nama Watak	Keterangan Watak
Lahuma	Watak Sampingan
Jeha	Watak Utama
Tok Penghulu	Watak Pendukung
Tujuh anak perempuan	Watak Pendukung

Jadual 5.8 Watak dalam RSJ

Jeha merupakan watak utama yang berjantina perempuan dalam novel RSJ ini. Pemilihan Jeha sebagai watak utama disebabkan pada awal kehadirannya sangat dominan semenjak permulaan cerita hingga akhir cerita. Lahuma sebagai watak sampingan yang berjantina lelaki ditampilkan pengarang sebagai watak yang sangat mendukung watak utama kerana kehadirannya berlaku dari awal cerita hingga terjadinya konflik. Selanjutnya Tok Penghulu dan ketujuh-tujuh orang anak perempuan Lahuma – Jeha merupakan watak-watak pendukung kerana kehadiran mereka hanya dalam beberapa peristiwa sahaja.

Daripada watak-watak di atas, perwatakan yang dominan pada watak tersebut dapat dijadualkan seperti yang berikut:

Nama watak	Perwatakan	Keterangan
Lahuma	gagah kuat berani bertanggungjawab	Bekerja menggunakan kekuatan tubuh badan di sawah.
Jeha	Gagah kuat bertanggungjawab gila	Bekerja menggunakan kekuatan tubuh badan dan harus menyara tujuh orang anak.
Tok Penghulu	Ketua kampung penolong	Menolong ahli kampung yang susah.
Tujuh anak perempuan	Manja membantu orang tua tidak berpendidikan	Usia masih muda, mereka masih di alam kanak-kanak

Jadual 5.9 Perwatakan RSJ

Perwatakan Lahuma mewakili lelaki yang gagah, kuat dan berani sangat jelas terlihat ketika dia melakukan kerja-kerja yang berhubungan dengan menggunakan tenaga tubuh badan ketika berada di tengah sawah. Hal ini dilakukan Lahuma kerana tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga untuk menyara hidup ketujuh-tujuh orang anak perempuannya yang memerlukan keperluan hidup harian, seperti keperluan pangan iaitu keperluan asasi orang Melayu seperti beras misalnya.

Perwatakan Jeha sebagai perempuan sekaligus sebagai isteri kepada Lahuma selalu membantu suaminya dalam hal pekerjaan di sawah selain pekerjaan utama di rumah. Sebelum Lahuma meninggal dunia pekerjaan Jeha di sawah hanyalah membantu hal yang ringan-ringan sahaja. Selepas Lahuma meninggal dunia akibat tusukan duri nibung, semuanya harus ditanggung sendiri oleh perempuan itu, kerana Jeha sebagai tulang punggung keluarga untuk menyara hidup ketujuh-tujuh orang anak perempuan hasil perkongsian hidup dengan Lahuma. Untuk mencukupi semua

itu, Jeha harus bekerja siang dan malam supaya hasil sawahnya menjadi. Ada perasaan was-was jika sawahnya tidak menjadi, sehingga setiap malam dia selalu bangun dan berteriak-teriak. Akibat perbuatannya ini, dia disangka oleh orang kampung bahawa dia sudah gila; hingga akhirnya Jeha terpaksa dihantar ke rumah sakit jiwa yang rata-rata dikenali sebagai tempat orang gila.

Tok Penghulu sebagai ketua kampung berusaha membantu Jeha yang kehilangan suami untuk membajak sawahnya yang belum selesai. Untuk kerja-kerja mencedung dan sebagainya, ketujuh-tujuh orang anak perempuan Jeha diarah untuk membantunya. Mereka melakukannya dengan senang dan gembira kerana beramai-ramai hingga menimbulkan keseronokan pula.

Latar dalam novel RSJ ini adalah bendang sawah yang luas di desa Banggul Derdap. Sawah para petani yang masih dikuasai oleh masyarakat jati tempatan walaupun ada beberapa bendang sawah yang sudah digadaikan kepada orang Cina, seperti yang dialami oleh Lahuma. Manakala Tok Penghulu pula masih memiliki banyak relung sawah, dan sawah-sawahnya diusahakan dengan menggunakan alat pembajak moden.

Seterusnya analisis strukturalisme yang berhubungan dengan sosial masyarakat dalam novel RSJ memberikan suatu gambaran tentang wujudnya perjuangan keluarga petani yang terpenjara di sawah mereka. Hal ini dapat diperhatikan daripada harta benda yang dimiliki oleh watak berikut:

Tokoh	Status	Profesion	Kekayaan	Keterangan
Lahuma	Suami	Petani	14 relung	Membajak sawah dengan kerbau
Tok Penghulu	Suami	Petani	30 relung	Membajak sawah dengan traktor

Jadual 5.10 Kekayaan watak RSJ

Sawah seluas empat belas relung seperti yang digambarkan dalam novel RSJ itu adalah harta pusaka yang diwarisi oleh Lahuma daripada bapanya. Kerana Lahuma anak tunggal, dia tidak perlu membahagi-bahagikan harta pusaka itu dengan adik-beradik yang lain, atau dengan sesiapa pun. Sepatutnya, dia mewarisi dua puluh relung tanah sawah, tetapi enam relung yang tidak dapat dipusakai itu telah dipajak kepada seorang Cina, menyebabkan tanah itu tidak boleh ditebus kembali:

Bapanya dulu mempunyai dua puloh relong bendang. Enam relong terlepas ka-tangan China kerana jual janji. Tinggal empat belas relong. Dan mujor juga dia anak tunggal. Empat belas relong bendang disapunya habis (Shahnon Ahmad: 3)

Sikap suka “menggadai” tanah untuk mendapatkan wang tunai dengan cepat tanpa bersusah payah bekerja, merupakan kebiasaan para petani untuk mendapat wang dengan mudah. Malangnya, sesudah harta itu digadaikan, dan untuk menebus balik tanah yang telah digadaikan itu merupakan satu proses yang payah kerana suasana hidup para petani semakin miskin. Lahuma yang beruntung mendapatkan

harta pusaka warisan peninggalan bapanya harus pula membahagi-bahagikan tanah pusaka yang empat belas relung itu kepada tujuh orang anak perempuannya.

Tradisi pemecahan tanah kepada anak-anak akan mengakibatkan kawasan yang kecil ini akan memberikan penghasilan yang kecil juga. Shahnnon menceritakan Lahuma sebagai petani yang terpaksa mengerjakan tanah sawah pusaka untuk memberikan makanan dan pakaian untuk anak isteri. Lahuma ialah petani yang mempunyai kehidupan dan mimpi yang sangat sederhana. Mereka kaya dengan kemiskinan dan hanya dalam mimpi mereka mengenal kekayaan yang sentiasa termimpi-mimpikan itu. Hal ini terlihat dalam angan-angan Lahuma:

“Buat apa tunggu2. kalau tanah ni padi jadi, kita buat kenduri-lah besar2. Kalau ketam ta’ mengamok, kalau tiak ta’ mengamok, kalau bah ta’ ada kalau kemarau ta’ ada, tentu padi kita jadi. Tapi kalau tinggal hampa, macham mana na’ lepas Senah pergi. Kenduri nak buat dengan apa.” (Shahnnon Ahmad: 19)

Suasana yang tergambar daripada kutipan teks di atas, jelas menceritakan bahawa kemakmuran adalah umpama mimpi, kerana mimpi itu sesuatu yang boleh mendamaikan perasaan seseorang manusia. Walau bagaimanapun, untuk mencapai kenyataan mimpi tersebut Lahuma memerlukan perjuangan untuk membanteraskan musuh-musuh alam yang sentiasa memusnahkan tanamannya. Dengan kepasrahan pada alam dan kuasa Allah sahaja Lahuma dapat menjawab segala-galanya.

Dalam perjuangan terhadap alam ini, manusia harus menghadapi banyak rintangan dan cabaran yang hadir dalam bentuk kemalangan. Jeha, isteri Lahuma misalnya nyaris menemui maut akibat patukan ular, tetapi dapat ditolong oleh kecekapan Lahuma yang berjaya membunuh ular tersebut. Kemalangan selanjutnya

dirasakan sendiri oleh Lahuma ketika dia membajak sawah; menyebabkan kakinya tertusuk duri nibung, hingga lambat-laun dan lama-kelamaan, kesan daripada tusukan daripada tajam bisa itulah akhirnya Lahuma menemui ajal. Lahuma akhirnya meninggal dunia. Selepas Lahuma meninggal dunia, Jeha pula yang menggantikan tempatnya untuk menyambung perjuangan yang tidak pernah selesai itu dan bersambungan. Jeha berjuang bersama-sama tujuh orang anak perempuannya dengan melakukan kerja-kerja berat yang sebelumnya dilakukan Lahuma; seperti membajak sawah sebanyak sebelas relung lagi. Tok Penghulu melihat keadaan Jeha bersama-sama anak-anaknya, menyebabkan akhirnya tergerak rasa simpati mahu menolong membajak sawah Jeha dengan traktornya. Hal ini dilakukan oleh Tok Penghulu atas permintaan Jeha, dan dia teringat dengan pertolongan Lahuma dahulu kepadanya.

Selanjutnya analisis gender yang digambarkan dalam novel RSJ ini adalah teori *Nature* yang menjelaskan bahawa wujudnya perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah fitrah semulajadi yang tidak dapat diubah, dan hakikat itu bersifat universal. Perbezaan biologis ini memberikan indikasi dan implikasi; bahawa antara dua jantina tersebut memiliki peranan dan tugas yang berbeza. Jika satu antaranya tidak ada, maka akan terjadi kepincangan dalam kehidupan berkeluarga. Hal ini dengan jelas dinyatakan oleh watak isteri iaitu Jeha yang kehilangan suami; tempatnya untuk bergantung hidup selama ini.

Tokoh	Status	Kerja yang dilakukan	Harapan
Lahuma	Ketua keluarga	Membajak sawah dengan tenaga	Padinya menjadi
Jeha	Suri rumah	menuai, menanam mengetam padi	Padinya akan menjadi

Tok Penghulu	Ketua Kampung	Memberi pertolongan kepada Jeha	Padinya menjadi
--------------	------------------	---------------------------------------	--------------------

Jadual 5.11 Status dan Peranan watak RSJ

Peranan yang berbeza-beza ini jelas dapat dilihat pada keluarga Laluma dan Jeha. Bencana yang pertama menimpa isterinya; Jeha ketika dia berhadapan dengan ular tedung. Lahuma yang berada di samping Jeha ketika ular tedung itu menyelar, cuba berusaha untuk menyelamatkan jiwa Jeha daripada patukan ular tedung tersebut. Dengan tindakan pantas dan cekap daripada Lahuma menyebabkan Jeha terselamat daripada nahas yang dianggap paling bahaya itu. Di sini jelas memperlihatkan bahawa untuk membunuh ular tedung yang sangat berbisa seperti yang dialami Jeha, ia memerlukan keberanian daripada seseorang lelaki. Bererti, sekuat manapun tenaga dan kecekapan seorang wanita seperti Jeha misalnya, tetap terasa kekurangan tanpa suami di sisi. Bahkan sebarang bantuan serta sokongan daripada seorang lelaki bergelar suami sangat diperlukan oleh seseorang perempuan bergelar isteri.

Semenjak berhadapan dengan ular tedung itu, Jeha merasa trauma dengan semua hal yang berhubungan dengan warna bintik-bintik yang disangkanya adalah ular tedung. Rasa trauma tersebut terus menghantui perasaan keperempuanannya hingga dia tidak dapat membantu Lahuma untuk menyemai padi di sawah. Akhirnya, kedua-dua orang anak gadisnya, iaitu Milah dan Senah terpaksa menggantikan tugasnya. Mereka bertigalah; iaitu Lahuma, dan dua orang anak perempuan mereka; Milah dan Senah berjaya menyelesaikan pekerjaan menyemai dan membajak sawah. Sayangnya, sesudah tiga relung sahaja sawah yang telah selesai dikerjakan oleh

ketiga-tiga beranak itu, kemudiannya Lahuma mengalami kemalangan pula kerana terkena cucukan duri nibung.

Duri nibung itu tidak dapat dikeluarkan daripada kakinya kerana pengubatan yang dilakukan hanya dengan usaha dukun kampung sahaja. Tiada usaha pengubatan secara moden. Akibatnya, Lahuma meninggal dunia dengan meninggalkan pekerjaan yang belum selesai kepada Jeha dan kepada tujuh-tujuh orang anak perempuannya. Kesengsaraan Jeha semakin bertambah kerana untuk membajak sawah yang sebelas relung lagi tidak sanggup dilakukannya kerana dia hanya seorang perempuan yang lemah, dan demikian juga dengan ketujuh-tujuh orang anaknya. hingga dia terpaksa meminta batuan daripada Tok Penghulu untuk meminjamkan traktornya. Jelas terlihat di sini bahawa dengan ketiadaan Lahuma untuk membajak sawah dengan menggunakan tenaga empat kerat, membuat Jeha terpaksa meminta pertolongan daripada kaum lelaki juga, iaitu Tok Penghulu yang tiada lain adalah orang terkaya di kampungnya Banggul Derdap, dan sebelumnya Tok Penghulu ini pernah rasa terhutang budi dengan Lahuma kerana suami Jeha itu pernah juga menolongnya.

Ketidakupayaan Jeha menghadapi hidup tanpa Lahuma bukan sahaja dalam pekerjaan membajak sawah, tetapi dia juga tidak sanggup untuk mengusir musuh-musuh tanaman sawahnya sebelum menjadi padi. Hal ini dapat dilihat ketika dia dibayang-banyangi dengan mimpi ngeri bahawa padinya tidak menjadi walaupun dalam kenyataan sawahnya memang berhasil. Pada penghujung tahun, selesai menuai Jeha terpaksa dikurung dan merungut-rungutlah dia sepanjang malam ‘padiku, padiku’. Jeha akhirnya dinyatakan gila kerana tidak sanggup menghadapi hidup sendiri tanpa didampingi seorang suami – seorang lelaki.

Selain unsur ketidakupayaan seorang perempuan secara fizikal, ada lagi unsur lain yang ditampilkan Shahnnon Ahmad; iaitu unsur dalam bidang pendidikan terhadap anak perempuan seperti perbincangan Jeha dengan Lahuma yang berikut:

“Kalau Sanah diambil orang, Jenab kenalah ditarek keluar dari sekolah. Boleh juga dia tolong2 Milah angkut ayer dan hembus api di dapur.” Jeha berkata lagi “Dia dok darjah berapa sekarang?” Soal Lahuma tanpa mengambil berat langsung tentang anak di sekolah. Sejak membawa budak itu jumpa guru besar sekolah dulu, Lahuma ta’ pernah tanya2 darjah berapa sekarang. “Entah”, ujar jeha, ‘tapi nampaknya ta’boleh bacha lagi.” “Kalau ta’boleh bacha macam mana ta’ tarek keluar? “Orang betina ta’ boleh bacha pun ta’ apa. Laku juga. Aku dulu ta’ pernah sekolah pun.” (Shahnnon Ahmad: 19)


Berdasarkan butiran perbincangan kedua-dua orang suami isteri; Lahuma dan Jeha tersebut seperti di atas, tampak bahawa kedua-dua mereka tidak pernah memikirkan untuk mengutamakan bidang pendidikan terhadap anak-anak; kerana semua anak mereka perempuan. Di sini memperlihatkan bahawa, pendidikan tidak terlalu penting bagi seseorang perempuan. Seorang perempuan tetap akan laku untuk dipinang oleh lelaki. Maka cara menentukan jodoh juga ditentukan oleh orang tua seperti perbincangan yang berikut:

“Sanah tu dah bertubuh sekarang.” Lahuma tidak menyahut apa2. Anak sulungnya itu kechap orangnya. Kalau satakat saguni itu dapat ditumbuk habis “Milah pun dah chepat ikut susok tubuh kakaknya”, sambung Jeha. “Lepas sa-orang anak2 kita pergi. Kalau anak jantan, boleh juga tolong2 kau. Dan kalau menikah pun ta’kan tinggal kita. Ni semua betina. Sudah nikah semua diangkut oleh anak orang. Kita juga sampai ka-tua tinggal macham ini.” “Jantan betina bukan kita yang na’ tentukan. Nikah kahwin bukan ada ditangan kita. Apa na’gadohkan.” Lahuma menchelah. “Kalau datang risek?” Soal Jeha

lagi. "Lepaskan saja kalau yang datang tu boleh tahan." "Harganya?" Kita tengok orang dulu. Kalau orang berada makanlah mata empat lima ratus. Kalau kurang sikit mata dua atau tiga ratus pun dah padan dengan Sanah kita tu." "Kau na' lepaskan?" "Buat apa tunggu2..." (Shahnon Ahmad: 19)

Isi perbincangan kedua-dua orang suami isteri sebagaimana di atas, jelas memperlihatkan bahawa mereka sebagai ibu bapa kepada tujuh orang anak, tidak terfikir tentang pendidikan. Sebagai seorang lelaki, dan suami bahkan bapa kepada tujuh orang anak perempuan, Lahuma bersedia untuk menerima qada dan qadar serta bersedia untuk mengahwinkan anak gadisnya. Selain itu, Lahuma juga dapat menentukan dengan siapa anaknya akan bertemu jodoh asalkan padan dengan kedudukan keluarganya yang miskin.

Analisis dialogisme yang terdapat dalam novel RSJ ini adalah penyerahan hidup semata-mata pada alam dan kepada Yang Maha Kuasa; yang dipercayai oleh Lahuma atau yang dikenali penyerahan pada qada dan qadar. Kepercayaan kepada qada dan qadar ini merupakan salah satu rukun Iman yang dipercayai oleh umat Islam daripada Alla swt. Untuk itu manusia harus berusaha sekuat tenaga untuk mencapai apa yang diinginkan hingga berjaya dan harus pasrah dan tawakal menghadapi dugaan daripada-Nya seperti dapat difahami daripada rajah yang berikut ini:




Rajah 5.5: Dialog watak RSJ

Lahuma sebagai watak utama dalam novel RSJ ini menentukan bila masa yang sesuai untuk turun ke sawah untuk membajak sawahnya yang empat belas relung. Pekerjaan berat membajak selalu dilakukannya kerana isteri dan ketujuh-tujuh orang anaknya adalah perempuan. Mereka hanya membantu pekerjaan yang ringan-ringan sahaja. Keberhasilan Lahuma dalam pekerjaan ke atas relung-relung sawahnya bukan sahaja atas bantuan anak dan isterinya tetapi ditentukan juga oleh cuaca dan keadaan alam semulajadi. Bencana alam selalu sahaja datang tiap-tiap tahun. Tahun ini harus mengambil nyawanya. Lahuma meninggal akibat bencana alam akibat tertusuk duri nibung pada kakinya.

Bencana alam tidak berhenti, Jeha yang telah ditinggalkan oleh Lahuma harus mengusir burung-burung tiak dan musuh-musuh padinya yang lain hingga akhirnya dia tidak dapat peluang untuk tidur dengan cukup. Akibatnya Jeha selalu dibayangi mimpi-mimpi ngeri bahawa padinya tahun ini tidak menjadi. Ketika padinya benar-benar menjadi, Jeha terus juga berteriak-teriak bahawa padinya tidak menjadi, hingga dia dianggap mengalami tekanan perasaan dan mengalami sakit jiwa. Jeha dibawa ke rumah sakit jiwa tetapi tidak berjaya dirawat, hingga terpaksa pula dibawa pulang semula ke kampung dan diikat kakinya supaya tidak bebas pergi merayau ke mana-mana.

Dialog seterusnya daripada Shahnnon Ahmad mengenai tema atau persoalan yang ingin disampaikan dalam novel RSJ, ialah Shahnnon Ahmad bertolak daripada slogan ASAS'50 yang bertemakan sastera untuk rakyat. Melalui RSJ Shahnnon Ahmad mengajak masyarakat berfikir untuk menghadapi masalah atau persoalan selepas perang dengan kemasukan teknologi moden. Hal ini dapat dirajahkan seperti yang berikut:



Rajah 5.6 Slogan ASAS'50 - RSJ

Selepas Shahnnon Ahmad menghasilkan RSJ ramai pengkritik kesusasteraan mengkaji dan menganalisis novel RSJ ini yang antaranya mendefinisikan bahawa

dalam RSJ memperlihatkan manusia dan alam seolah-olah mempunyai belas kasihan, tercipta daripada tanah di bumi, terkutuk untuk bertarung dengan tanah untuk hidup dan menjadi gila oleh kemungkinan-kemungkinan yang terpaksa ditempuh (Johns. 1971). Seterusnya mengungkapkan bahawa RSJ juga mengandungi suku bangsa, gender dan identiti sebagai sebuah bangsa Malaysia dan adanya unsur nasional Islam dalam karya sastera (Noritah Omar dan Washima Che Dan, 2006), dan analisis RSP sebagai representasi daripada sebuah moderniti (Johnson, 2007).

Kritikan dan analisis seumpama itu telah memberikan gambaran yang luas bahawa Shahnnon Ahmad menulis RSJ menceritakan tentang kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar, khasnya tentang kedaifan hidup masyarakat Melayu desa secara berani dan telus melalui pemilihan tema kemasyarakatan. Dengan hal yang demikian, maka tidak hairan jika RSJ telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *No Harvest but a Thorn* (Berita Harian, 1998).

5. 3. 4 Telegram

Putu Wijaya sangat dikenali sebagai sasterawan dan mempunyai nama yang cukup panjang, iaitu I Gusti Ngurah Putu Wijaya. Daripada namanya itu dapat diketahui bahawa dia berasal dari Bali. Putu memang dilahirkan di Puri Anom, Tabanan, Bali pada 11 April 1944. Pada masa remaja dia sudah menunjukkan kegemarannya pada dunia sastera. Ketika duduk di sekolah menengah pertama di Bali, dia mulai menulis cerita pendek dan beberapa antara tulisannya itu dimuatkan dalam harian *Suluh Indonesia*, Bali. Ketika belajar di sekolah menengah atas, dia memperluaskan wawasannya dengan melibatkan diri dalam kegiatan sandiwara.

Setelah selesai sekolah menengah atas, dia melanjutkan kuliahnya di Yogyakarta; sebuah kota seni dan budaya di Indonesia.

5.3.4.1 Sinopsis *Telegram*

Tokoh ‘aku’ berkerja di Jakarta sebagai wartawan. :‘Aku’ telah mempunyai anak angkat bernama Sinta. Sinta sendiri tidak tahu siapa ibunya yang sebenar, sebab ‘aku’ mengatakan bahawa ibunya telah meninggal ketika dia baharu dilahirkan. Sinta lantas percaya dengan cerita ‘aku’. Untuk mengurus Sinta ‘aku’ menyerahkan urusannya kepada seorang pembantu rumah untuk menjaga keperluan Sinta. Sementara itu ‘aku’ sendiri sibuk dengan dunia mabuk pada tiap-tiap malam, dan kadang-kadang bersama-sama Nurma, dan selalu pula bersama-sama Rosa.

Pada suatu hari Sinta menerima sebuah telegram dari Bali untuk ‘aku’ daripada posmen. Sinta memberinya kepada ‘aku’. “‘Aku’ membaca isi telegram itu dan Sinta terus bertanya isinya. ‘Aku’ hanya mengatakan bahawa nenek di Bali sakit. Sinta sangat bimbang tentang ‘aku’ sebab ‘aku’ akan lama berada di Bali. Beberapa hari kemudian telegram datang lagi. Melihat kegelisahan Sinta, ‘aku’ mencuba membawanya ke stesen kereta api dengan mengatakan bahawa saudara dari Bali akan tiba. Setelah lama menunggu, tiada yang datang membuatkan Sinta mengantuk dan kemudian dibawanya pulang ke rumah oleh ‘aku’.

Sinta mendapat hadiah daripada seorang perempuan yang mengatakan bahawa dia mamanya. Sinta tidak percaya. Perempuan itu memohon pada ‘aku’ untuk mengambil kembali Sinta. Sebab setelah lama berkahwin dengan orang Cina dia tidak

memperolehi anak. Perempuan tersebut menyebabkan “aku” teringat tentang peristiwa masa lalu.

5.3.4.2 Analisis *Telegram*

Watak utama dalam *Telegram* adalah seorang lelaki yang terpaksa mempunyai peranan besar dalam kelangsungan hidup berkeluarga, kerana dia mempunyai status kasta yang tinggi. Mahu tidak mahu watak utama lelaki ini terpaksa menjalankan tugas kekeluargaan, sekalipun semua itu sangat dibencinya. Hal ini dapat dilihat daripada jadual 5.12 berikut ini:

Tokoh	Jantina	Kasta	Keterangan
Aku	Lelaki	Brahma	Penentu segalanya
Sinta	Perempuan	-	Anak Sri/ anak angkat ‘aku’
Sri	Perempuan	Brahma	Hamil di luar nikah
Pacar Sri	Lelaki	Sudra	Tidak dapat menikahi Sri
Nurma	Perempuan	-	‘aku’ memuaskan nafsu seks
Rosa	Perempuan	-	Hadir dalam khayalan ‘aku’

Jadual 5.12 Status Kasta Watak *Telegram*

Watak ‘aku’ merupakan watak berjantina lelaki dan sebagai watak utama dalam novel *Telegram*. Permulaan cerita hingga akhir selalu menyertai ‘aku’ dalam pelbagai peristiwa. Sinta merupakan watak kanak-kanak perempuan yang diangkat oleh aku sehingga dia berperanan sebagai watak sampingan. Sinta selalu menunjangi peristiwa yang dialami aku. Sri, pacar Sri, Nurma dan Rosa merupakan watak pendukung. Mereka berempat hadir untuk mendukung tokoh ‘aku’ pada peristiwa tertentu sahaja.

Perwatakan watak dalam novel *Telegram* memperlihatkan pelbagai profesi. Antaranya sebagaimana yang berikut

Tokoh	Pekerjaan	Keterangan
Aku	Wartawan dan Editor	Bertanggung jawab dengan ahli keluarga sama ada lahir/bathin
Shinta	Pelajar	Masih bersekolah darjah dua.
Nurma	Pelacur	Mencari nafkah untuk hidup
Rosa	Pacar ‘aku’	Inspirasi ‘aku’ sebagai pacar ideal
Sri	Suri Rumah	Berkahwin dengan orang Cina

Jadual 5.13 Perwatakan *Telegram*

Tokoh ‘aku’ berkerja sebagai wartawan pada salah sebuah suratkhbar di Jakarta. Selain sebagai wartawan, ‘aku’ juga mempunyai tugas tambahan sebagai editor di suratkhbar berkenaan. Sehingga tugasannya datang pada malam hari dengan menyunting dan mengedit berita yang akan keluar pada esok hari. Aku juga disibukkan untuk mengurus Sinta; anak angkatnya yang masih bersekolah dalam

darjah dua sekolah rendah kebangsaan. Tugas harian rumah ‘aku’ dilakukan oleh pembantu rumah termasuk mengurus makan Sinta. Untuk itu, ‘aku’ bekerja dengan bersungguh-sungguh agar pendapatannya cukup untuk keperluan hidupnya dan Sinta.

Sinta anak angkat ‘aku’ yang diambil sewaktu masih bayi tidak mengetahui asal-usulnya. Dia hanya tahu ‘aku’ sebagai ayahnya. Sinta sangat patuh dan percaya pada ‘aku’ yang telah mendidik dan memberikan kehidupan untuknya.

Nurma yang berkerja sebagai pelacur didatangi oleh ‘aku’ ketika hasrat seks ‘aku’ membara. Aku tidak berkahwin tetapi hasrat seks dapat disalurkan dengan Nurma. Rosa adalah perempuan dalam khayalan ‘aku’. Rosa akan hadir ketika ‘aku’ mabuk selepas meminum arak. Rosa adalah perempuan ideal ‘aku’ dalam khayalannya. Sri merupakan sepupu ‘aku’ yang diselamatkan oleh ‘aku’ dengan menikahnya kerana Sri mengandung di luar pernikahan. Sri tidak dapat berkahwin dengan pacarnya kerana status darjat pacarnya tidak sama, bahkan rendah daripada Sri. Kemudian Sri menikah dengan orang Cina.

Latar yang terdapat dalam *Telegram* adalah latar budaya masyarakat Bali. Analisis ini disatukan dengan analisis sosiologi. Hasil analisis mendapati bahawa dalam *Telegram* terdapat tradisi kasta di Bali amnya, dan Tabanan khasnya untuk melaksanakan tugas keluarga Banjar, iaitu sebuah tanggungjawab untuk melaksanakan segala perkara yang berhubungan dengan keagamaan Hindu seperti upacara *ngaben*. Seperti juga ‘aku’ sebagai tokoh utama novel *Telegram* ini berjantina lelaki, dan memiliki kasta tinggi dalam kehidupan bermasyarakat daripada agama Hindu. Sebagai penerus takhta kasta tersebut, “aku” mempunyai tanggungjawab sosial dan tanggungjawab keluarga kerana dia seperti terpaksa untuk melaksanakan tugas-tugas kekeluargaan yang belum selesai, terutama kerana dia

secara tradisi berperanan sebagai ketua keluarga; bertanggungjawab menentukan dan menghadiri setiap upacara keagamaan sebagaimana juga gemulah ayahnya, kerana ketika ini ayah dan ibunya sudah meninggal dunia. Dengan demikian, ‘aku’ terpaksa meninggalkan semua aktiviti hariannya di Jakarta untuk melanjutkan hidupnya di Bali.

Selain itu, status kasta yang dipunyai oleh tokoh “aku” ini, dalam agama Hindu ia berperanan sebagai suatu maruah keluarga. Tokoh ‘aku’ dengan kastanya ini dapat menolong seorang perempuan Bali, Sri yang telah dinoda oleh kekasihnya hingga hamil. Kerana kekasih Sri daripada kasta yang lebih rendah daripadanya maka kekasihnya tidak dapat mengahwininya, padahal kandungannya ketika itu sudah masuk tujuh bulan. Pihak keluarga Sri berpakat untuk membuang sahaja bayi dalam kandungannya apabila lahir nanti, dan akan diserahkan kepada sesiapa sahaja yang mahu menerimanya. Walau bagaimanapun, “aku” yang masih ada hubungan kekeluargaan dengan Sri mencuba menjadi pahlawan dengan memberanikan diri; iaitu dia bersedia dan sanggup berlakon dengan berpura-pura menjadi suami kepada wanita malang itu. Sesudah Sri selamat melahirkan, bayi perempuan itu kemudian diserahkan kepada Yayasan Anak Terbuang. Kemudian anak itu diberi nama Sinta, dan dijadikan anak angkat oleh ‘aku’.

Analisis gender yang terdapat dalam novel *Telegram* ini adalah gender *nurture* atau gender tradisi, kerana perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah hasil konstruksi sosial budaya, khasnya budaya dalam masyarakat Bali sehingga menghasilkan peranan dan tugas yang berbeza-beza. Sebagai anak lelaki, “aku” terpaksa menggantikan kedudukan dan tanggungjawab orang tuanya dalam menjalankan segala adat sebagaimana lazimnya dalam masyarakat di Bali, sekalipun

‘aku’ mempunyai abang tiri. Darah yang mengalir dalam tubuh ‘aku’ memilihnya untuk menduduki posisi sebagai ketua keluarga Banjar daripada kastanya, sekalipun ketika itu ‘aku’ belum lagi berkahwin secara rasmi.

Penetapan ‘aku’ sebagai ketua sebuah keluarga Banjar juga berdasarkan pada keberanian ‘aku’ bertanggungjawab untuk berkahwin sementara dengan seorang perempuan hamil di luar nikah yang masih mempunyai hubungan kekerabatan keluarga denganya. Di sinilah terlihat bahawa ‘aku’ sebagai pahlawan dalam keluarga besar Banjar kerana dapat menutup aib sebuah keluarga besar itu.

Analisis gender lain yang terdapat dalam novel *Telegram* ini adalah ketetapan perkahwinan antara kasta. Seseorang yang statusnya berkasta rendah tidak akan dapat berkahwin dengan seseorang yang berada dalam kasta tinggi. Hal ini terjadi pada kekasih Sri yang berasal daripada kasta rendah. Lelaki itu tidak dapat mempertanggungjawabkan perbuatan jahatnya yang telah menghamilkan Sri untuk berkahwin dan menjadi suaminya yang sah di sisi adat dan agama Hindu. Keluarga besar Sri tidak dapat menerima lelaki tersebut sebagai bahagian daripada keluarga mereka. Lantaran itu kemudian mereka justeru berpakat untuk membuang atau memberikan anak luar nikah yang akan dilahirkan Sri kepada orang lain daripada menjadikannya sebahagian daripada keluarga mereka. Sementara daripada pihak keluarga lelaki itu pula jelas menginginkan adanya kenaikan status kastanya. Akhirnya mereka berdua, Sri dan lelaki tersebut tidak dapat berkahwin secara adat mahupun secara kahwin lari, kerana keluarga Sri tidak dapat menerima status kasta kekasihnya itu kerana mempunyai kedudukan yang lebih rendah.

Untuk melindungi dan menyelamatkan kehidupan anak hasil luar nikah tersebut, tokoh ‘aku’ mengangkat bayi tersebut menjadi anak angkatnya. Bayi itu

semenjak kecil ditempatkan di sebuah institusi penampungan kanak-kanak; iaitu sebagai rumah kebajikan sementara waktu. Bayi itu diberi nama Sinta, dan ia diasuh semula bersama-sama dengan pembantu rumahnya kerana ketika itu 'aku' belum lagi berkahwin. Anak itu kemudian mendapat perlindungan daripada segi sosial dan ekonomi. Tindakan 'aku' menjadikan Sinta sebagai anak angkatnya jelas memperlihatkan unsur perlindungan seorang lelaki terhadap kaum perempuan, sama ada untuk ibunya mahupun anak tersebut.

Selain kebaikan dan kehebatan seorang lelaki yang digambarkan dan diberikan kepada "aku" seperti huraian di atas, unsur kekurangan lelaki juga ditonjolkan dalam novel *Telegram* ini; iaitu 'aku' memerlukan seorang perempuan untuk memberikan kepuasan batin sehingga "aku" sanggup berlangganan dengan Nurma. Jelas di sini kerjaya perempuan yang bernama Nurma sebagai pelacur dan sebagai alat untuk pemuas nafsu seks lelaki dapat diselesaikan oleh 'aku' tanpa perlu diganggu dengan hal-hal adat dan agama seperti bernikah dan mengurus hal ehwal rumahtangga. Selain itu 'aku' juga suka mengkhayalkan sesuatu yang enak ketika sedang mabuk dengan menghadirkan seorang perempuan ideal yang ada dalam fikirannya. Perempuan yang ada di sekeliling aku merupakan perempuan yang tidak menyusahkan bahkan dapat menyenangkan dirinya.

Analisis dialogisme yang terdapat dalam novel *Telegram* ini merupakan dialog yang terjadi antara watak 'aku' dengan dirinya sendiri, atau yang lebih dikenali dengan istilah "monolog". Hal ini dapat dilihat, 'aku' berkali-kali berbicara pada diri sendiri; terutama ketika dia sedang mabuk hingga dia merasa dirinya sedang berpacaran dengan Rosa.


“Buat apa mencari mala petaka. Aku tak mau kau berubah! Lebih baik kita....

“Mari pulang Papa,” ajaknya dengan manis.

“Mari,” kataku patuh, seperti seorang anak pada ibunya.

“Papa mabok?” (Putu Wijaya: 6)

Ketika mabuk ‘aku’ bertengkar dengan Rosa yang berbicara tentang prinsip hidup. ‘Aku’ disedarkan oleh Sinta dengan mengajaknya pulang ke rumah. Rosa adalah seorang wanita yang hanya ada dalam fikirannya sahaja. Ada juga dialog dengan orang lain seperti Sinta, Bibi, kawan kerja, dan orang tua Sinta. Rajah dialogisme dalam *Telegram* dapat dilihat sebagaimana lakaran yang berikut.



Rajah 5. 7 Dialog watak *Telegram*

‘Aku’ menerima telegram dari Denpasar, Bali yang berisikan perkhabaran bahawa ibunya meninggal dunia. Berita itu juga secara tidak langsung seperti memaksa “aku” untuk memikul tanggungjawab keluarga, kerana ‘aku’ adalah seorang lelaki dalam keluarganya, sekalipun dia mempunyai abang tiri, tetapi ‘aku’ yang seharusnya menyandang tugas sebagai ketua keluarga Banjar.

Kegelisahan bukan sahaja dirasakan oleh ‘aku’ tetapi juga dirasakan oleh Sinta; anak angkat ‘aku’, kerana jika “aku” pergi ke Denpasar, Bali pastinya akan memakan waktu yang cukup lama. Sinta akan merasa sepi selama ditinggalkan oleh ‘aku’ sebagai papanya; panggilan anak kepada bapa angkatnya “aku”. Hal ini diungkapkan oleh Sinta ketika diajukan pertanyaan mengenai isi berita daripada telegram yang diberikan olehnya kepada “aku”.

Selain daripada berita dalam bentuk telegram, ada juga berita dalam bentuk surat. Surat diberikan oleh Sri kepada Sinta. Setiap surat yang datang daripada Sri diberikan kepada ‘aku’ oleh Sinta. Setiap isi surat yang dikirim oleh Sri itu, ‘aku’ mamahami bahawa Sri menyesali membuang Sinta; walaupun anak itu adalah hasil hubungan luar nikah dengan kekasihnya dahulu. Kini Sri yang telah berkahwin lain dengan orang Thionghua menginginkan anak itu balik kepadanya semula, kerana selepas sepuluh tahun berkahwin dengan lelaki Thionghua itu, dia tidak dikurniakan cahaya mata. Lagipun usia Sinta sudah memasuki tahun kesepuluh ketika itu.


Ketika ‘aku’ kembali ke rumah pada suatu petang hari ditemuinya banyak benda kiriman daripada Sri untuk Sinta. Namun “aku” yang telah memelihara Sinta semenjak kecil menyedari bahawa Sinta bukan daripada darah dagingnya, apalagi dengan kesibukannya sebagai seorang wartawan yang hanya mementingkan diri sendiri. Untuk menjawab semua itu, akhirnya “aku” menyerahkan keputusan pada Sinta. Sinta hanya tahu bahawa ‘aku’ adalah papanya, sementara mamanya meninggal ketika melahirkannya. Itulah cerita daripada “aku” yang selalu didengar Sinta semenjak kecil.

Analisis dialogisme selanjutnya daripada pengarang Putu Wijaya dalam menghasilkan novel *Telegram*, iaitu Putu Wijaya ingin menceritakan bahawa watak-

watak manusia moden sesuai dengan jiwanya yang moden dan terikat dengan tanggungjawab tradisi dan adat. Seperti kutipan berikut.

Aku ingin sekali hidup tanpa tanggungjawab yang resmi. Bedanya sedikit saja, di mana seorang yang bijaksana. Soalnya aku tak mau bersikap bijaksana. Bagaimana hal itu dilakukan tanpa menghajar nafsu-nafsu peribadi. Aku bukan nabi kan. Lebih enak jadi awam saja yang berkumuran dengan segala kemungkinan. (Putu Wijaya: 9)

Untuk itu Putu Wijaya telah melakukan sebuah perubahan idea yang selama ini sempurna dalam novel-novel Indonesia yang berakhir dengan *happy ending*, Putu Wijaya justeru memperlihatkan manusia dengan permasalahannya.



Rajah 5.8

Masalah Manusia Moden –Tanggungjawab Adat – *Telegram*

Manusia moden yang bebas berekspresi disedarkan dengan tanggungjawab adat dan agama yang dianutinya. Adat resam yang berhubungan dengan masyarakat lingkungannya harus diuruskan kerana status kasta yang dianutinya. Masalah-masalah inilah yang akhirnya membuat unsur novel *Telegram* sangat kuat dan sempurna untuk dianalisis lebih mendalam (Nurdin Setiadi, 1983). Hal ini kerana Putu Wijaya memberikan kejutan dengan tibanya sebuah ‘telegram’ yang membawa perkhabaran yang berisi posisi dan peranan ‘aku’ sebagai ketua sebuah keluarga bagi

mengambil-alih peranan dan tanggungjawab ayahnya yang sudah meninggal dunia beberapa waktu sebelum itu. Keadaan tersebut menyebabkan “aku” terombang-ambing di antara dua pilihan. Pertama, sama ada pulang untuk menyelesaikan tugas-tugasnya sebagai ketua keluarga yang baharu, atau yang kedua, melanjutkan sikapnya yang telah biasa dilakukannya; iaitu hidup dengan dunianya sendiri dengan berfoya-foya.

5.4 Kesimpulan

Analisis strukturalisme yang dilakukan oleh pengkaji ini termasuk ke dalam kajian sosiologi sastera kerana penyelidikan ini melihat faktor sosial yang terdapat pada karya sastera pada masa tertentu dan pada masyarakat tertentu. Swingewood (1972) menyebut hal yang demikian dikatakan sebagai kajian sosiologisastera atau *sociology of literature*.

Setelah membaca dan menganalisis keempat-empat buah novel di atas, pengkaji mengkategorikan keempat-empat novel tersebut ke dalam golongan gender tradisi kerana beberapa alasan. Pertama, keempat-empat novel tersebut berunsurkan gender yang terbentuk kerana konstruksi sosial dan budaya. Konstruksi sosial dan budaya memperlihatkan *world view* daripada tradisi masyarakat Melayu Malaysia dalam novel *Acuman Mahkota*, tradisi masyarakat Melayu Minangkabau dalam novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, tradisi masyarakat petani dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan tradisi masyarakat Bali dalam novel *Telegram*.

Kedua, keempat-empat orang pengarang atau novelis seperti Abdul Kadir Adabi, Hamka dan Shahnnon Ahmad serta Putu Wijaya merupakan pengarang atau

novelis yang menekankan unsur agama dalam karya masing-masing. Agama Islam terdapat pada tiga buah novel karya tiga orang pengarang atau novelis seperti Abdul Kadir Adabi, Hamka dan Shahnnon Ahmad, manakala Putu Wijaya mewakili agama Hindu. Sekalipun unsur agama pada keempat-empat novel tidak tampak secara jelas tetapi dapat dilihat secara implisit.

Ketiga, teknik penceritaan yang digunakan oleh keempat-empat pengarang berkenaan, jelas masing-masing menggunakan watak utama lelaki pada novel mereka sementara watak perempuan sebagai pelengkap atau penderita daripada watak lelaki yang ditampilkan. Hal ini biasanya terjadi dalam novel-novel tradisi yang ditulis oleh pengarang lelaki. Sekalipun demikian tidak semua watak utama lelaki berakhir dengan kebahagiaan atau *happy ending*.

Mengenai *world view* yang dibincangkan pengarang novel mengenai masyarakat di persekitarannya, hidup merupakan *trade mark* yang dapat membezakan karya sastera masing-masing negara (Hashim Awang dalam Thani, 1984), khasnya suku bangsa di negara berkenaan. *Trade mark* ini dapat dijadikan sebagai “identiti Melayu” yang kemudiannya akan melahirkan sebuah pendekatan atau teori baharu untuk dunia Melayu.

Tradisi masyarakat Melayu Minangkabau mengenai tradisi merantau misalnya, ditekankan oleh Hamka pada novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Hal demikian oleh Umat Yunus (1982) ditegaskan bahawa novel tahun 1936 mempersoalkan antara cita-cita dan kewajipan. Kewajipan merantau ialah pergi dari kampung halaman untuk mencari peruntungan hidup yang lebih baik merupakan tradisi bagi lelaki Minangkabau. Pergi merantau ini disebabkan beberapa hal, antaranya kerana miskin di kampung, maka merantau untuk mencari rezeki di tempat

lain adalah sesuatu yang wajar dilakukan. Biasanya orang Minangkabau ramai menjadi pedagang di Jakarta- Indonesia, khasnya di pasar Tanah Abang dan Pasar Jatinegara, pemilik kedai dan penjual pakaian; sama ada pakaian Muslim mahupun pakaian berfesyen yang berasal dari Minangkabau. Demikian juga beberapa kedai di masjid India, Kuala Lumpur, khasnya penjual kain tudung yang kebanyakannya dibawa masuk dari Minangkabau, Sumatra Barat.

Tema cerita yang dibentangkan oleh Hamka tetap berunsurkan “kahwin paksa” sebagaimana yang sangat menonjol dalam kalangan pengarang angkatan Balai Pustaka; terutama dengan novel popular *Siti Nurbaya*. Siti Nurbaya yang dipaksa berkahwin dengan Datuk Maringgih terpaksa akur dengan pilihan ayahnya sekalipun dia telah mempunyai kekasih yang bernama Samsul Bahri. Pada akhir cerita, Siti Nurbaya tidak bahagia dengan perkahwinannya, dan Hamid juga tidak bahagia sekalipun tidak pernah berkahwin dengan sesiapa. Hamka ingin mengatakan kepada masyarakat secara filosofika, bahawa mencintai tidak bererti harus memiliki. Sebagai pengarang lelaki, Hamka tidak memihak kepada mana-mana watak; sama ada lelaki mahupun perempuan. Hamka justeru memberikan jalan keluar kepada pembaca dengan cara mencari cinta Illahi. “ Mencintai manusia – manusia akan mati, mencintai Allah swt, Dia tetap kekal selama-lama”.

Sebelum membaca novel Shahnnon Ahmad; *Ranjau Sepanjang Jalan*, ketika membaca tajuknya sahaja, lantas pengkaji sudah terdetak fikiran bahawa novel ini adalah novel ‘perang’ kerana Shahnnon menggunakan kata ‘ranjau’ dalam tajuk novelnya itu. Kata ‘ranjau’ sendiri bermakna suatu halangan atau rintangan. Kamus Dewan (2007: 1285) menerangkan bahawa kata ‘ranjau’ bererti benda tajam; alat letupan; sesuatu yang dibuat untuk mencelakakan orang.

Setelah selesai membaca, pengkaji mendapati bahawa tradisi masyarakat petani yang diceritakan pengarang sangat sehati dengan persekitaran kampung dan memelihara kekerabatan dengan jiran serta alam. Dalam hal ini Mohd Yusof Hasan (1989) lebih jauh mengatakan bahawa novel Shahnnon Ahmad, *Ranjau Sepanjang Jalan* ini merupakan *life in their struggle for survival* yang bermaksud bahawa perjuangan petani untuk mencapai kemenangan hidup.

Petani yang diceritakan Shahnnon berusaha semaksimum mungkin untuk mendapatkan rezeki yang bersumberkan daripada tanah anugerah Allah swt. Tanah yang telah digarap dan diusahakan ini akan memberikan hasil dan kebahagiaan kepada para petani. Petani selalu bermimpi supaya padinya menjadi; bermaksud sentiasa subur dan dapat memberi penghasilan yang maksimum. Sayang, perjuangan yang telah dilakukan beberapa bulan kadangkala mendapat halangan daripada alam, sama ada cuaca, binatang, mahupun lain-lain bencana.

Dengan demikian, Shahnnon Ahmad melalui novelnya ini mempunyai gagasan bahawa manusia harus berjuang dan berusaha untuk dapat hidup senang. Perjuangan manusia ini harus dilakukan bersama-sama antara anggotanya melawan alam. Untuk itu manusia harus bersahabat dengan alam jika ingin mendapatkan hasil yang baik. Jangan merosakkan alam, jika dirosakkan alam juga akan marah. Hal ini dapat diambil maksud kata-kata Mohd. Yusof Hasan (1989:48) yang menyatakan bahawa:

..... in *Ranjau Sepanjang Jalan* Shahnnon examines the complex struggle of man against the calamities of nature that lay beyond the control of man. Furthermore, there is the fact of man's belief and trust which views such trials as decrees of Allah which must be accepted.

Manakala tradisi masyarakat Hindu Bali yang masih serasi lekat dengan tokoh 'aku' dalam novel *Telegram* memperlihatkan tema keterasingan manusia moden yang tidak dapat melepaskan diri daripada kekuatan hubungan kekeluargaan yang tradisional sehingga terombang-ambing antara dunia nyata dan khayal (Umar Yunus, 1982).

Tokoh 'aku' yang hidup di Jakarta dengan profesi sebagai jurnalis di salah satu suratkhbar tiba-tiba dikejutkan dengan kedatangan telegram daripada keluarganya di Bali. Tokoh 'aku' mengetahui kehadirannya ke Bali sangat diharapkan oleh keluarga Banjarnya kerana 'aku' sahaja yang dapat menyelesaikan tugas keluarga besarnya. Bahkan 'aku' mempunyai status *strata* yang tinggi dalam agama Hindu dan sebagai anak tunggal, sekalipun 'aku' mempunyai saudara tiri. Dengan demikian hubungan kekeluargaan yang tradisional itu tetap masih serasi melekat pada diri tokoh 'aku'.

Daripada keempat-empat buah novel yang diuraikan di atas, masing-masing jelas menengahkan isu gender tradisional, sama ada gender *Nature* mahupun gander *Nurture*. Gender tradisional yang dimaksudkan ialah kerana adanya perbezaan jantina yang sangat sebat melekat pada kehidupan sosial dan budaya seseorang watak sehingga secara semulajadi juga tidak dapat dinafikan. Watak utama mahupun watak sampingan atau watak pendukung yang berperanan dalam cerita jelas telah menunjukkan perbezaan tersebut. Hal ini semakin diperkukuhkan lagi ketika terjadinya dialog antara watak-watak utama dengan watak-watak pendukung yang lebih meyakinkan bahawa adanya perbezaan peranan antara jantina yang dimaksudkan.

BAB VI

PERJUANGAN DARI EMANSIPASI KEPADA GENDER

6.1 Pendahuluan

Kesedaran wujudnya ketimpangan atau ketidakseimbangan peranan antara golongan perempuan dan golongan lelaki dalam masyarakat Indonesia dan masyarakat Malaysia sebenarnya sudah lama berlaku. Golongan perempuan sendiri misalnya sudah lama berusaha dan melakukan perjuangan mereka ke arah pembebasan diri untuk mengelakkan daripada berlakunya ketidakadilan tersebut. Persoalannya, pada waktu lama dahulu tentunya belum lagi ada istilah feminisme mahupun gender. Istilah feminis mulai dipopularkan oleh majalah *Century* pada musim semi 1914 di Amerika Syarikat (A. Nunuk P. Munarti, 2004). Manakala istilah gender itu sendiri merupakan perjuangan panjang feminis gelombang kedua yang tidak menginginkan wujudnya perbezaan adanya *masculine* dengan *feminine* (Gadis Arivia, 2003)

Perjuangan para feminis untuk mendapatkan keadilan dan keselesaan sesungguhnya memerlukan waktu yang relatifnya sangat lama. Hal ini kerana masalah ketidakseimbangan peranan antara golongan perempuan dengan golongan lelaki adalah masalah kultur dan struktur. Kelangsungan dan amalan kultur dalam masyarakat setiap negara sebenarnya berbeza-beza. Masyarakat di Barat berbeza

dengan masyarakat di Timur. Di Timur sendiri misalnya, perjuangan golongan perempuan ini dikenali dengan istilah emansipasi. Struktur emansipasi masyarakat Timur juga bermacam-macam. Di Indonesia dan Malaysia, kultur dan strukturnya juga berbeza, sekalipun kedua-dua buah negara ini terletak di Benua Asia, dan dalam ruang lingkup negara Asean.

Untuk mengetahui perjuangan emansipasi kaum perempuan dan halangan-halangan yang dihadapi mereka disebabkan kultur dan struktur, dapat dilihat daripada tiga buah novel berikut, iaitu *Layar Terkembang*, *Hujan Sudah Teduh* dan *Pemburu Mimpi*. Ketiga-tiga buah novel ini merupakan antara novel Melayu yang memperlihatkan perjuangan golongan perempuan dalam menghadapi kultur dan struktur untuk mendapatkan keadilan gender, dan merupakan antara novel-novel Melayu yang sarat dengan isu tersebut; dari emansipasi hingga pada keadilan gender.

6.2 *Layar Terkembang*

Novel yang berjudul; *Layar Terkembang* ini merupakan buah tangan daripada tokoh pengarang Indonesia angkatan Balai Pustaka; Sutan Takdir Alisjahbana. Novel ini diterbitkan kali pertama pada tahun 1936, dan pada tahun 1984 mengalami cetakan ke lima belas (Panusuk Eneste, 1987). Dibandingkan dengan novel lain terbitan Balai Pustaka tahun 1920 - 1930-an, boleh dikatakan bahawa novel *Layar Terkembang* (selanjutnya LT) banyak mendapat perhatian dan diperbincangkan oleh pengamat dan penelaah kesusasteraan Nusantara, dari dahulu hingga ke hari ini.

6.2.1 Sinopsis *Layar Berkembang*

Tuti dan Maria merupakan dua orang adik-beradik atau saudara kandung yang sangat menawan kerana rupa paras yang cantik. Mereka berdua sama-sama berpendidikan Belanda hingga tamat MULO. Pada suatu petang mereka berdua pergi ke muzium dan bertemu dengan kawan-kawan mereka sama ada bangsa Indonesia mahupun bangsa Belanda. Yusuf yang ikut sama datang pada petang itu berkesempatan bertemu dengan Tuti dan Maria, dan sempat pula berkenalan. Yusuf sangat menyenangi Maria kerana baginya Maria memang gadis cantik dan manja. Semenjak perkenalan itu, Maria dan Yusuf selalu bersama-sama, hingga akhirnya mereka berdua diikat dengan pertunangan. Hubungan dua orang kekasih yang sudah bertunang itu tidak menimbulkan rasa cemburu oleh Tuti. Hal ini kerana masa Tuti sentiasa disibukkan oleh kerjayanya sebagai guru dan kesibukan di perhimpunan perempuan baharu. Dalam perhimpunan tersebut, Tuti dipilih menjadi ketua bagi cawangan Jakarta kerana kepetahannya dalam berpidato.

Ketika bermesra-mesraan sebagai sepasang kekasih dan tunang sedang berlangsung, Maria menderita diserang penyakit paru-paru berair. Penyakitnya makin hari makin kritikal, apa lagi hari perkahwinannya dengan Yusuf kian dekat. Untuk menyembuhkan penyakit itu, Maria terpaksa dirawat di Pacet, Jawa Barat. Perawatan tersebut diharapkan supaya kesihatannya kembali normal dan penyakitnya cepat baik. Ketika sedang menderita sakit itu tiada siapa daripada keluarganya yang terdekat datang melayaninya selain kakaknya Tuti dan tunangnya Yusuf. Tuti dan Yusuf berusaha menziarahinya apabila ada masa luang, hingga mereka berdua sempat pula menginap beberapa malam di sana.

Maria yang merasa umurnya tidak panjang, sempat berwasiat kepada Tuti dan Yusuf sebagai orang-orang yang sangat dikasihi dalam hidupnya. Pesan Maria kepada mereka berdua supaya tidak mencari peruntungan jodoh yang lain. Hal ini kerana Maria tahu kakaknya Tuti menolak Hambali kerana tunangnya itu terlalu mengongkong, dan Supomo pula kerana bertujuan untuk mengisi kekosongan hidup Tuti semata-mata. Maria berfikir, Yusuf adalah orang yang paling cocok untuk kakaknya Tuti, kerana beberapa kali dia mendengar perbualan antara Tuti dan Yusuf begitu rancak dalam hal-hal perhimpunan pemuda Indonesia.

6.2.2 Analisis *Layar Berkembang*

Analisis strukturalisme novel *Layar Berkembang* dimulai daripada analisis watak, iaitu watak utama, watak sampingan dan watak pendukung. Pengenalan watak-watak tersebut dapat dilihat daripada jadual 6.1 yang berikut ini.

Tokoh	Kerjaya	Status	Keterangan
Tuti	Guru dan Aktifis	Tunang Hambali/ kekasih Supomo	Memutuskan pertunangan dengan Hambali dan Supomo
Wiraatmaja	Wedana	Single Parent	Ayah Tuti dan Maria
Maria	Guru	Tunang Yusuf	Tidak menikah dengan Yusuf sebab meninggal dunia
Yusuf	Dokter Perubatan	Tunang Maria	Menikah dengan Tuti atas permintaan Maria

Jadual 6.1: Watak dan Perwatakan LT

Watak utama novel LT adalah Tuti, watak sampingannya Maria dan Yusuf, dan watak pendukung pula adalah Wiraatmaja, Hambali dan Supomo. Tuti dikategorikan sebagai watak utama kerana pada permulaan cerita hingga akhir cerita dia terlibat dengan pelbagai peristiwa. Selain daripada itu, kedudukannya sebagai perempuan di perhimpunan membuatnya banyak disibukkan dengan peristiwa perkumpulan perempuan Indonesia.

Watak sampingan Maria dan Yusuf merupakan watak yang kehadiran masing-masing sangat mempengaruhi watak Tuti. Maria merupakan adik kepada Tuti. Manakala Yusuf pula adalah kawan Tuti dalam perkumpulan pemuda. Mereka bertiga selalu bersama-sama sekalipun Yusuf tunang kepada Maria yang selalu dilihat sebagai pasangan yang sedang dalam keadaan asyik-maksyuk dalam percintaan. Watak pendukung merupakan watak yang kehadirannya hanya dalam peristiwa-peristiwa tertentu, seperti kehadiran Wiraatmaja pada kali pertama kedatangan Yusuf, Hambali dibincangkan ketika perbincangan putusnya pertunangan Tuti dengannya, dan Supomo ketika mereka bertemu dalam perkumpulan dan kenyataan Tuti melalui surat yang dikirimkan kepadanya mengenai penolakan untuk berkahwin atau menikah.

Perwatakan watak-watak juga berlainan antara satu-satu watak dengan watak-watak yang lain. Watak Tuti diperkenalkan sebagai seorang gadis yang mempunyai kerjaya sebagai guru dan sibuk dalam perkumpulan pemuda Indonesia. Tuti dikenali sebagai gergasi pentas kerana isi pidatonya keras, bernas dan mengandungi seruan untuk berubah kepada perempuan Indonesia. Tuti mempunyai sifat sabar dalam menghadapi muridnya ketika mengajar dan sabar ketika memberikan pemahaman dalam perkumpulannya dan tegas dalam menjalankan cita-citanya. Tuti tetap menjaga imej perempuan Indonesia dengan sentiasa berkebaya Bandung dan bersanggul.

Maria merupakan gadis remaja yang manja dan cantik sehingga Yusuf suka kepada Maria kerana sifat dan sikapnya yang sentiasa kelihatan romantik. Maria juga berkerjaya sebagai guru selepas tamat pengajian. Sifat dan sikap Maria yang bertentangan dengan watak Tuti menyebabkan ayahnya iaitu Wiraatmaja sangat menyayanginya, dan juga oleh ahli keluarga seperti bapa saudara, emak saudara dan saudara-maranya ikut sama-sama menyukai Maria.

Yusuf dengan tubuh badan yang lampai dan gagah menyebabkan penampilan dirinya sentiasa kelihatan segak dan tampan. Ketampanan dan kegagahan serta berbudi bahasa yang diperlihatkan Yusuf mendorong Maria jatuh cinta padanya ketika pertama kali bertemu di kawasan pelancongan Aquarium di Senin, Jakarta. Sewaktu itu Yusuf masih menuntut dalam jurusan perubatan, dan ini bermakna dia akan menjadi doktor perubatan selepas tamat pengajiannya. Selain daripada itu Yusuf juga aktif dalam perkumpulan pemuda Indonesia.

Latar dalam LT adalah latar tempat dan waktu. Latar tempat adalah Jakarta dan Jawa Barat. Latar Jakarta memperlihatkan tempat pertemuan Tuti, Maria dan Yusuf pertama kali berlaku di kawasan pelancongan Aquarium di daerah Senin. Kemudian Yusuf datang ke rumah Maria untuk berkenalan secara lebih dekat lagi dengan ahli keluarga; terutama dengan ayah Maria yang ketika itu menetap di daerah Kemayoran. Tuti bertugas di sebuah sekolah di daerah Petojo dan Maria di Kramat. Demikian juga dengan Yusuf yang menuntut di daerah Salemba. Latar tempat di Jawa Barat adalah Pacet yang merupakan tempat pemulihan penyakit paru-paru Maria.

Untuk analisis sosiologi pada novel *Layar Terkembang* adalah sifat keterbukaan watak menerima pengaruh luar kerana pangkat dan darjat. Dengan demikian sifat keterbukaan inilah yang memberikan kesempatan untuk mendapatkan

pendidikan bagi golongan perempuan. Tuti dan Maria diberi kesempatan untuk mendapatkan atau untuk mengecapi pendidikan berbanding dengan perempuan-perempuan Indonesia yang lain pada zaman mereka. Tuti misalnya, selepas menamatkan persekolahannya di sekolah guru dia kemudian diberi kesempatan dalam kerjaya guru. Sementara Maria pula masih lagi bersekolah di HBS Carpentier Alting Stichting, iaitu kelas penghabisan. Kesempatan yang diperolehi oleh kedua-dua adik-beradik ini disebabkan ayah mereka seorang bekas Wedana, iaitu satu jawatan di jabatan dalam pengurusan masyarakat di Banten. Jawatan yang dipegang ayah mereka dalam pemerintahan ketika itu telah membuka kesempatan bagi kedua-dua adik-beradik ini untuk mendapat pendidikan dengan sempurna. Raden Wiraatmaja sekalipun berharta, tetapi dia hanya mempunyai dua orang anak perempuan, manakala isterinya telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun Raden Wiraatmaja tetap mampu membimbing anak-anaknya untuk mendapat pendidikan yang sempurna sekalipun ketika itu dia sebagai ayah tunggal - *single parent*.

Kesempatan lain yang terdapat dalam LT ini adalah kesempatan untuk mendapatkan kerjaya bagi seseorang perempuan. Kesempatan itu diperolehi oleh Tuti kerana dia dianggap berjaya untuk mendapat jawatan dalam kerjayanya sebagai seorang guru. Dia mengajar di sekolah HIS Arjuna, Petojo, Jakarta. Demikian juga hal dengan adiknya Maria. Selepas menyelesaikan persekolahannya Maria ikut sama berpeluang mendapat kerja sebagai guru di sekolah HIS Muhammadiyah di Kramat, Jakarta. Kerjaya yang disandang oleh kedua-dua orang adik-beradik ini adalah dianggap suatu kerjaya yang sangat cocok dan sesuai bagi mereka sebagai golongan perempuan. Mereka pantas menjadi guru sebagai kerjaya yang sesuai dengan fitrah seorang wanita.

Seterusnya kesempatan untuk menyertai perkumpulan, atau persatuan yang merupakan sebuah organisasi yang didirikan dengan tujuan untuk saling bertukar-tukar fikiran dalam kalangan ahli sesebuah persatuan itu, dan mempunyai tujuan tertentu untuk mencapai sebuah matlamat penubuhannya. Antara tujuan utama penubuhan satu-satu kumpulan atau persatuan yang paling jelas ialah ahli-ahlinya mempunyai kesempatan untuk menyuarakan hasrat ke arah kemerdekaan tanah air. Perkumpulan yang disertai oleh Tuti ialah perkumpulan Puteri Sedar. Melalui perkumpulan tersebut dia dipilih sebagai ketua cawangan Jakarta. Maria yang pada mulanya tidak tertarik dengan perkumpulan seumpama itu, lama-kelamaan ikut sama mengikuti juga beberapa kali pertemuan. Hal ini disebabkan kekasih dan tunangnya, Yusuf adalah seorang pemuda yang aktif dalam pergerakan perkumpulan pemuda, kerana turut mengikuti perkumpulan tersebut.

Gambaran lain strukturalisme yang berlawanan dengan adat pada masa itu ialah suasana dalam tahun 1933 telah menggambarkan bahawa unsur pengenalan, dan persahabatan antara perempuan dan lelaki sudah pun berlaku. Pada kebiasaannya, orang tua Melayu dalam masyarakat Timur membataskan pergerakan dan pergaulan anak-anak gadis mereka untuk berkawan dengan seseorang lelaki yang bukan muhrim, tetapi bagi Raden Wiraatmaja tidak terlalu mengongkong anak-anaknya. Sebaliknya dia seolah-olah mendorong anak gadisnya; terutama Maria untuk berkawan dengan Yusuf. Sementara Tuti yang telah dijodohkan dengan Hambali dapat pula menolak jodohnya kerana Tuti sendiri merasakan tidak menemui titik persefahaman dengan Hambali; terutama tentang organisasi. Hal ini jelas memberi hak kepada golongan perempuan untuk membuat pilihan dan menyatakan pendirian yang difikirkan wajar.

Analisis gender yang terdapat dalam LT lebih dekat dengan teori *equilibrium* atau teori kesamaan darjat dan dikenali sebagai teori kompromi kerana terdapatnya pendekatan dan keseimbangan yang menekankan pada konsep kerjasama dan keharmonian hubungan antara lelaki dan perempuan. Unsur tersebut dapat dilihat melalui perlukisan yang digambarkan pengarang melalui watak Tuti dalam setiap pidatonya pada Kongres Puteri Sedar.

“Saudara-saudaraku kaum perempuan, rapat yang terhormat! Berbicara tentang sikap perempuan baru sebahagian besar ialah berbicara tentang cita-cita bagaimanakah harusnya kedudukan perempuan dalam masyarakat yang akan datang. Jangan sekali-kali disangka, bahwa berunding tentang cita-cita yang demikian semata-mata berarti berunding tentang angan-angan dan pelamunan yang tiada mempunyai guna yang praktis sedikit jua pun. Sikap perempuan baru dalam masyarakat berarti juga menetapkan pedoman mendidik kanak-kanak perempuan waktu sekarang. Sesungguhnya kalau perempuan dikembalikan derajatnya sebagai manusia, barulah keadaan bangsa kita dapat berubah. Jadi perubahan kedudukan perempuan dalam masyarakat itu bukanlah semata-mata kepentingan perempuan. Kaum perempuan berjuang untuk mendapat penghargaan dan kedudukan yang lebih layak. Sebagai manusia yang sejajar dengan lelaki, yang tidak usah takut dan minta dikasihi. Yang tiada suka melakukan yang berlawanan dengan kata hatinya, malahan yang tiada hendak kawin, apabila perkawinan itu baginya berarti melepaskan hak-haknya sebagai manusia yang mempunyai hidup sendiri dan berupa mencari perlindungan dan minta kasihan. Manusia bebas dalam segala hal. (S.Takdir Alisyahbana : 34-41)

Demikian antara yang dapat dikesani tentang sikap Tuti melalui pidato yang disampaikan dalam Kongres Puteri Sedar yang dianggotainya. Tuti dikenali sebagai macan atau gergasi podium kerana isi pidatonya selalu berapi-api dan suaranya sangat lantang. Hal ini juga disebabkan usianya yang sedang matang, iaitu

dalam usia 25 tahun. Bererti dia sudah mencapai tahap usia yang sangat bertanggungjawab untuk mengambil keputusan sendiri dalam hidupnya.

Pengarang memperlihatkan bahawa Tuti bertindak sesuai dengan isi pidatonya sehingga dia tidak segan-segan membuat keputusan untuk memutuskan pertunangannya dengan Hambali yang dianggapnya sudah tidak sehaluan lagi dengan jiwanya mengenai perkumpulan Puteri Sedar. Bagi Tuti, Hambali telah mengongkong dan membataskan segala gerak-gerinya dalam perkumpulan berkenaan. Kebetulan pula pada masa yang sama, Tuti sedang giat berusaha mempromosikan pemikirannya mengenai ‘perempuan baru’.

Semakin meningkat usia semakin lancar dan semakin cergas Tuti menyampaikan pidatonya pada setiap kongres yang diadakan, sama ada di Yogyakarta, Jakarta mahupun Bandung, hingga akhirnya tibalah perkenalannya dengan Supomo yang sama-sama aktif memperjuangkan hak masing-masing. Supomo ialah aktivis yang memperjuangkan hak pemuda dan yang sama-sama mengajar di satu sekolah dengannya. Beberapa kali Supomo berkesempatan bersembang-sembang dengan Tuti, hingga pemuda itu berkesempatan pula menghantar Tuti untuk pulang ke rumah. Akhirnya dalam satu kesempatan tertentu Supomo berpeluang menyatakan maksud hatinya hendak menjadikan Tuti sebagai isteri.

Untuk menjawab hasrat hati Supomo, Tuti memerlukan masa yang cukup lama. Bahkan Tuti tidak sanggup berhadapan secara langsung dengan bersemuka dengan Supomo, hingga memaksanya memberi jawapan itu melalui sepucuk surat. Beberapa petikan suratnya seperti yang berikut di bawah ini dapat diselami hati dan jiwa Tuti yang sebenar:

Supomo.

Percayalah kepada saya, bahwa keputusan ini saya ambil sesudah menderita perjuangan batin yang serasa hendak menghancurkan seluruh jiwa saya. Sekarang setelah saya bengis dan kejam menyelidiki segala lekuk dan relung hati saya, sekarang insaf saya seinsaf-insafnya, bahwa apabila saya menerima permintaan itu, perbuatan itu semata-mata perbuatan putus asa: melarikan diri dari kengerian perasaan kesepian seseorang perempuan yang merasa umurnya amat cepat bertambah tinggi.

Terhadap cintamu yang mulia dan suci itu, yang lahir dari hatimu yang lembut dan penuh kasih, saya tiada dapat memberikan sesuatu yang setara dengan itu. Hati saya kosong, kosong, dan jika semisalnya saya menerima permintaan itu, maka penerimaan itu hanyalah berarti mencari pengisi kekosongan itu.

Bolehkah perkawinan saya rendahkan menjadi demikian? Saya yang berpuluh-puluh kali di hadapan orang banyak menyerang dan menghancurkan remukkan perkawinan cara lama di kalangan bangsa kita, oleh karena ia tiada diikat oleh kemesraan cinta dan jiwa yang berjanji bersama-sama menjalani hidup? Saya yang telah bertahun-tahun mempertahankan kemuliaan perkawinan yang kedua belah pihak dengan insaf sepenuh-penuhnya menyerahkan dirinya dalam perjanjian yang suci?

Tidak, tidak, saya tiada boleh mendurhaka demikian terhadap kepada asas dan pendirian saya sendiri. Malu saya melihat teman saya seperjuangan, malu saya melihat diri sendiri. (S.Takdir Alisyahbana: 118-120)

Demikianlah Tuti membalas surat Supomo dengan panjang lebar. Tuti secara tegas dan penuh rasa tanggungjawab membuat keputusan bahawa dia tidak dapat menerima lamaran Supomo dengan cinta yang begitu sempurna. Sebuah perkahwinan bagi Tuti hendaklah setara antara memberi dan menerima, dan saling memahami dengan adanya ikatan perjanjian. Bukannya sebagai pelarian kerana kekosongan jiwa. Lagipun, pola fikir inilah yang hendak diperjuangkan oleh Tuti untuk mengubah pola berfikir masyarakat tradisi.


Di sini jelas memperlihatkan bahawa naluri Tuti masih mahukan kehidupan berumahtangga sebagaimana tuntutan naluri dan fitrah semulajadi lain-lain perempuan. Kesempatan yang diinginkan dan dirasainya itu akhirnya berlaku juga ketika Maria memohon pada kedua-dua mereka, iaitu Tuti dan Yusuf – tunang Maria, supaya tidak mencari kesempatan untuk mendapat kekasih yang lain. Maria meminta dengan penuh harap supaya, kakaknya Tuti dan tunangnya Yusuf menjadi pasangan suami isteri selepas dirinya meninggal dunia.

Tuti dan Yusuf terkejut mendengar perkataan yang penghabisan itu. Pada mata mereka kelihatan, bahwa mereka hendak membantah tetapi sebelum mereka dapat mengucapkan perkataannya, Maria telah menyambung pula, " Inilah permintaan saya yang penghabisan dan saya, saya tidak rela selamanya, kalau kakanda berdua masing-masing mencari peruntungan pada orang lain." (S.Takdir Alisyahbana: 150-151)

Tuti dan Yusuf dapat menerima permohonan Maria kerana mereka sama-sama menyanyangi Maria. Bagi Tuti, Maria adalah adiknya yang telah memberikan warna pada keluarga mereka. Manakala bagi Yusuf pula, Maria tetap cintanya, dan mengabulkan permintaan Maria juga merupakan bukti cintanya yang sangat kuat pada Maria. Perkahwinan bagi Tuti dan Yusuf adalah untuk bekerja, sebagaimana pengakuan Tuti yang berikut:

Payah berjuang melawan berbagai-bagai perasaan yang mengharukan kalbunya. Tuti mendekatkan dirinya pada Yusuf dan laksana tunangnya itu sudah tahu akan perasaan yang berkecamuk dalam hatinya, katanya mesra berbisik sebagai menyambung, "tetapi Yusuf, hidup kita ialah bekerja (S.Takdir Alisyahbana : 155)

Analisis dialogisme yang terdapat dalam LT adalah buah pemikiran watak Tuti mengenai ‘perempuan baru’ yang tertuang dengan menggunakan media, antaranya pidato dan surat. Manakala bentuk perbincangan atau diskusi juga digunakan antara Tuti dengan watak lain. Rajah dialogisme dalam LT dapat dirasai sebagaimana yang berikut:




Rajah 6.1: Dialog watak LT

Tuti, sebagai watak protagonis memainkan peranan yang cukup penting dalam novel LT ini. Tuti menyampaikan buah fikirannya kepada masyarakat mengenai konsep ‘perempuan baru’ – iaitu perempuan yang dapat melakukan apa sahaja yang sesuai dengan hati nuraninya sebagai perempuan tanpa dipaksakan oleh lingkungan persekitarannya. Konsep ini dibuktikan oleh Tuti dengan memutuskan pertunangannya dengan Hambali yang telah mengongkongnya, sementara untuk menolak Supomo, Tuti menggunakan surat. Pendapat Tuti mengenai sebuah rumahtangga juga harus didasari cinta kasih. Akhirnya Tuti mendapatkan keinginan tersebut melalui watak Yusuf.

Analisis dialog selanjutnya daripada Sutan Takdir Alisjahbana melalui novel LT ini, dapat didasarkan daripada pendapat beberapa orang pengkaji dan pengkritik yang mengatakan bahawa *Layar Terkembang* memperlihatkan kecenderungan untuk mengidentifikasikan tokoh Tuti dengan kemahuan Sutan Takdir Alisjahbana sendiri. Misalnya, HB Jassin (1985) mengatakan bahawa cita-cita Sutan Takdir Alisjahbana itulah yang diletakkan di dalam novel tersebut. Katanya, kita mengenal Tuti; pejuang yang dalam banyak hal sama cita-citanya dengan Sutan Takdir Alisjahbana. Manakala Ajib Rosidi (1976) pula mengatakan, bahawa roman ini bukan sekadar roman perentang waktu, melainkan roman bertendensi. Di sini katanya, Takdir melalui tokoh Tuti ingin menyampaikan pendapat dan pandangannya tentang peranan wanita dan kaum muda dalam membangun bangsa. Seterusnya A. Teeuw (1980) mengatakan bahawa tokoh Tuti merupakan watak yang amat penting di antara watak-watak karya sastra sebelum perang. Tuti katanya, merupakan penjelmaan cita-cita Takdir yang sempurna, seorang gadis yang bebas, merdeka dan rela mengikatkan dirinya kembali pada masyarakat dengan tujuan untuk mencapai kehidupan yang benar-benar harmonis dan memuaskan.

Huraian di atas dapat dirajahkan sebagaimana yang berikut:



Rajah 6.2 Pemikiran STA tentang barat tertuang dalam LT

Sutan Takdir Alisjahbana terbuka dengan pemikiran dan pandangan Barat mengenai alam moden. Untuk itu beliau menyuarakan pemikirannya melalui LT melalui watak utama Tuti, dan kemudian menjadi kenyataan dalam bentuk novel *Layar Terkembang* (1978) yang menyokong emansipasi perempuan dengan pelbagai kritikan yang disampaikan melalui pidato Tuti. Misalnya, Tuti secara tegas menolak anggapan bahawa perempuan tidak mempunyai fikiran dan pandangan sendiri, dan tidak mempunyai hidup sendiri, yang hanya hamba sahaya, budak yang harus bekerja dan melahirkan anak bagi suami dan tiada mempunyai hak (Abuhasan Asy'ari, 1979).

6.3 *Hujan Sudah Teduh*

Novel *Hujan Sudah Teduh* merupakan buah tangan pengarang wanita Malaysia Zaharah Nawawi. Seperti diketahui Zaharah Nawawi merupakan pengarang wanita Malaysia yang mula menceburkan diri dalam bidang penulisan semenjak tahun 1952, dan beliau mula menghasilkan genre novel semenjak tahun 1972 hingga sekarang. Novelnya yang berjudul *Hujan Sudah Teduh* (selepas ini HST) ini merupakan hasil tulisannya yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dalam tahun 2004.

6.3.1 Sinopsis *Hujan Sudah Teduh*

Pada suatu petang Nenek Yah dikejutkan oleh kedatangan seorang nyonya Cina. Kedatangan nyonya Cina ke rumah nenek Yah bertujuan untuk menyerahkan seorang

bayi perempuan yang berusia tiga minggu. Nenek Yah sangat kenal dan biasa dengan nyonya Cina ini kerana dia seorang penjual sayur di kampungnya. Melihat bayi perempuan yang comel itu, hati nenek Yah bersetuju mengambilnya untuk membela dan menjadi anak angkat. Sekalipun ketika itu tanggungjawab Nenek Yah akan bertambah dengan kehadiran bayi perempuan comel itu, namun tanggungjawabnya terhadap kelima-lima orang cucu lelakinya yang sedia ada tidak akan berkurang.

Ahli keluarga Nenek Yah gembira menyambut kedatangan bayi perempuan comel itu. Mereka kemudian bersepakat untuk memanggilnya ‘Yang’, dan mereka semua menyayangi adik baharu mereka itu. Bagi Nenek Yah pula, kehadiran Yang di dalam keluarganya diharapkan akan dapat membantu kehidupan masa tuanya kelak; terutama untuk mengurus rumah dan dirinya apabila dia tua dan mengalami keuzuran. Sayang, sifat pengotor yang diwarisi daripada keluarga asalnya, menyebabkan Yang selalu dilihat kotor hingga mendapat predikat atau gelaran daripada kawan sekolahnya sebagai ‘Si Pengotor’.

Nenek Yah yang telah lima tahun mengurus Yang, tiba-tiba meninggal dunia selepas dipatuk ular pada suatu pagi. Dengan demikian, tanggungjawab untuk mengurus kelima-lima orang cucu Nenek Yah dan anak angkatnya itu jatuh kepada anak kandungnya sendiri; iaitu Maimon. Maimon menjalankan dan melaksanakan tugas yang diterimanya sekaligus terpaksa pula menguruskan anak kandungnya sendiri hasil perkahwinannya dengan Haron. Maimon sayangkan Yang seperti juga Nenek Yah menyayangnya hingga sama-sama disekolahkan bersama anak-anak saudaranya. Walau bagaimanapun, lantaran tidak mempunyai kepandaian seperti anak-anak yang lain dalam pembelajarannya di sekolah, menyebabkan keputusan

peperiksaan Yang selalu berada di belakang kawan-kawan sedarjahnya; iaitu di tempat kedudukannya yang terakhir.

Kemalangan dan kesusahan hidup yang dirasakan Yang bukan dari segi pendidikan sahaja. Dalam hal penentuan jodoh juga Yang sangat payah untuk mendapatkannya, sebab tiada sesiapa yang sudi untuk memperisterikannya. Untuk pertama kalinya berkahwin, Yang menjadi isteri muda kepada Jamil yang telah berusia 62 tahun. Jamil mahu memperisterikan Yang atas permintaan Haron untuk bapa saudaranya itu. Rumahtangga Yang dengan Jamil tidak berlangsung lama kerana diceraikan oleh Jamil atas permintaan Munah; isteri tua Jamil. Perceraian tersebut menyebabkan Yang mendapat gelaran baharu dalam kehidupannya sebagai 'janda muda'. Mendengar predikat yang kurang manis itu, atas saranan Maimon dan Haron, Karim anak saudara Maimon yang dipelihara oleh mereka berdua mahu pula memperisterikan Yang atas alasan untuk menjaga nama baik keluarganya. Kesalnya, perkahwinan yang kedua bagi Yang dengan Karim tidak juga bertahan lama kerana Karim meninggal dunia akibat kemalangan ditimpa pokok kayu ketika berlaku angin ribut.

Untuk kedua kalinya Yang mendapat gelaran janda. Seterusnya Yang berkahwin dengan Mail, seorang duda berbadi dan mempunyai ramai anak hasil perkahwinan dengan isteri pertama dan kedua. Ini bermakna, pernikahan Mail dan Yang adalah pernikahan kali yang ketiga. Pernikahan Yang dan Mail mendapat dua orang cahaya mata tetapi tidak juga dapat bertahan lama. Yang bercerai dengan Mail kerana lelaki itu suka memaki hanum, berburuk sangka dan suka membelasah Yang. Yang bahagia dengan bersendirian ketika memasuki usia tua. Akhirnya Yang menumpang hidup dengan anak Maimon.

6.3.2 Analisis *Hujan Sudah Teduh*

Analisis watak dalam novel *Hujan Sudah Teduh* menampilkan beberapa orang watak perempuan dengan sikap dan tindakan yang beragam antara seorang watak dengan seorang watak yang lain. Tindakan dan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang watak pula dilatarbelakangi oleh agama dan budaya watak. Keadaan mereka dapat dilihat daripada jadual yang berikut:

Tokoh	Sikap	Tindakan	Keterangan
Nenek Yah	Pasrah	Menerima qada dan qadar	Menjalani hidup dengan kekuatan sendiri
Nyonya Cina	Berusaha	Menolak qada dan qadar	Bergantung dengan suami
Yang	Penurut / pemarah	Keras kepala	Kehidupannya tidak bahagia
Maimon	Berusaha	Menerima qada dan qadar	Menjalani hidup bersama dengan suami, saling mendukung

Jadual 6.2. Watak dan Perwatakan HST

Watak utama novel HST adalah Yang, bayi Cina yang diserahkan kepada nenek Yah oleh ibunya. Ibu Yang menyerahkan Yang kepada keluarga Melayu kerana Nyonya itu dan suaminya tidak mampu mengurus seorang anak lagi yang baharu lahir. Yang terbuang daripada keluarganya kerana keluarga itu tidak menginginkan kehadirannya.

Nenek Yah dan Maimon merupakan watak sampingan kerana kehadiran mereka berdua dalam banyak keadaan, dan pelbagai peristiwa mendukung watak utama Yang. Nyonya Cina sebagai ibu Yang, Haron, Jamil, Mail, cucu lelaki nenek Yah, anak-anak Maimon, dan lain-lain sebagai watak pendukung kerana kehadiran masing-masing hanya dalam satu-satu peristiwa sahaja.

Perwatakan Yang adalah bayi terbuang daripada keluarganya sehingga dia membenci keluarga asalnya. Yang mendapatkan kasih sayang daripada nenek Yah yang mengasuhnya dari kecil lagi hingga dia menjadi anak angkat Nenek Yah. Watak Yang digambarkan mempunyai sifat pengotor yang diwarisi daripada keluarga asalnya dan sikap sensitif kerana pengaruh persekitaran terhadap sesuatu yang tidak berkenan di hatinya.

Nenek Yah adalah seorang nenek yang mengasuh lima orang cucu lelaki daripada anak lelakinya yang meninggal dunia. Nenek Yah adalah ketua keluarga dan pencari nafkah untuk cucu-cucunya dengan menoreh getah yang dimilikinya. Kehidupan yang sederhana dan cukup membuatnya memberikan kasih sayang kepada lima orang cucu dengan ditambah seorang anak angkat perempuan.

Maimon merupakan anak kandung nenek Yah yang telah berkeluarga dan mempunyai ramai anak. Maimon dapat menerima kehadiran adik angkat dengan senang hati dan membantu kesusahan yang dihadapi Yang. Kasih sayang terhadap Yang, dan perhatian yang diberikan Maimon bukan kepada anak-anaknya sahaja tetapi juga kepada Yang.

Analisis latar dalam HST adalah latar sosial masyarakat. Untuk itu analisis ini dihubungkan dengan analisis sosiologi. Analisis ini mendapati adanya sistem pengawal hidup masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Masyarakat Melayu yang

digambarkan pengarang di dalamnya, dapat menerima akan apa sahaja yang Allah takdirkan kepada mereka. Sebaliknya, masyarakat Cina pula akan menolaknya apa sahaja yang diterjemahkan sebagai takdir itu sebelum sesuatu bala itu tiba. Hal ini dapat diperhatikan sewaktu berlaku peristiwa ibu kandung Yang memberikan Yang kepada Nenek Yah. Dalam kepercayaan masyarakat Cina, anak yang lahir pada urutan yang kesekian kalinya akan membawa bala. Maka untuk menghindari daripada ditimpa bencana atau bala bagi keluarga Cina, si ibu kandung bayi berkenaan sanggup dan akan rela membuang anak perempuan yang dilahirkan itu demi kebahagiaan keluarga yang lain. Bayi perempuan Cina yang diberi nama Yang inilah kemudian diserahkan kepada Nenek Yah ketika usianya baharu sahaja tiga minggu tiga hari, dan belum lagi genap sebulan. Hal ini dilakukan oleh si ibu berkenaan supaya Yang tidak sempat mengenali ayah dan ibu kandungnya sendiri sebelum hidupnya berpindah tangan; iaitu daripada ibu kandungnya kepada Nenek Yah.

Manakala Nenek Yah pula merupakan perempuan Melayu yang mempunyai dua orang anak; iaitu seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Kedua-dua orang anak Nenek Yah itu pula telah pun berkahwin, dan masing-masing mempunyai anak. Sayangnya anak lelakinya yang hanya seorang sahaja itu telah meninggal dunia bersama-sama isterinya, dan meninggalkan lima orang anak yang menjadi yatim piatu; yakni tanpa ibu dan tanpa bapa lagi. Semua anak kepada arwah anaknya; iaitu cucu Nenek Yah itu lelaki. Sekarang, kelima-lima orang cucu tersebut diasuh dan dijaga oleh Nenek Yah sendiri. Sementara anak perempuannya yang bernama Maimon, tinggal jauh dari rumah Nenek Yah. Anak Maimon juga ramai sehingga tidak sempat dia mengunjungi ibunya yang sentiasa sibuk dengan anak-anak saudaranya yang kehilangan ayah dan ibu, dan sudah menjadi yatim-piatu itu.

Sekalipun sudah tua, Nenek Yah dengan rela dan senang hati menerima pemberian anak perempuan daripada orang Cina tersebut. Hal ini disebabkan, bagi masyarakat Melayu anak perempuan selalunya akan dapat membantu keluarga; terutama si ibu sewaktu di dapur apabila sudah besar kelak. Apalagi Nenek Yah kini telah tua dan selalu uzur pula.

Mendengar khabar bahawa ada ahli keluarga baharu dalam kehidupan Nenek Yah, Maimon yang sentiasa sibuk dengan karenah anak-anaknya kini menyempatkan diri untuk datang menjenguk ibunya, walaupun telah lewat dua hari. Maimon dapat menerima adik angkatnya itu dengan senang hati sekalipun daripada keturunan Cina.

Selanjutnya, daripada kajian didapati bahawa masyarakat Melayu juga menerima warisan, sama ada harta mahupun tanggungjawab. Demikianlah lumrah hidup. Nenek Yah yang sudah uzur itu akhirnya berpulang juga meninggalkan anak dan cucu. Semua tanggungjawab yang membebankan itu, kini bertukar tangan kepada anak perempuannya Maimon. Selain menjalankan tugasnya sebagai isteri, ibu, dan makcik bagi anak-amak saudara serta adik angkatnya, Maimon tetap memperhatikan mereka itu semua tanpa berbelah bahagi, terutama kepada adik angkatnya, Yang. Hal ini disebabkan, Yang selalu mendapat layanan yang kurang menyenangkan daripada lingkungan masyarakat persekitaran hingga nasibnya selalu sahaja tidak menyebelahnya, dan dia selalu mengalami banyak ujian hidup semenjak kecil hingga remaja dan seterusnya hingga menjelang dewasa.

Keluarga Maimon merupakan pelindung bagi Yang. Yang diasuh oleh arwah ibunya, Nenek Yah hingga berusia lima tahun. Perlindungan yang diberikan kepada Yang bukan oleh Nenek Yah sahaja, tetapi diberikan juga oleh anak-anak saudaranya yang berlima; terutama sewaktu mereka bersekolah. Di sekolah, Yang selalu diejek

oleh kawan-kawannya kerana dia berketurunan Cina yang dikenali dengan panggilan Amoi. Ejekan yang biasa diberikan kepadanya bukan sahaja suatu sebutan untuk panggilan semata-mata, tetapi Yang dianggap mempunyai tabiat pengotor kerana banyak kutu di kepala. Di sekolah Guru Besar sekolahnya juga melindungi Yang daripada diganggu oleh murid-murid nakal yang lain sehingga kemudian dia diberi nama Islam dengan sebutan Zaiton.

Masyarakat Melayu juga suka membuat fitnah, khabar angin, atau menyebarkan berita-berita palsu yang belum tentu kebenarannya serta suka pula menyindir. Hal ini dapat dilihat ketika beberapa orang jiran menyindir Maimon yang tidak kerap mengunjungi rumah orang tuanya sehingga Nenek Yah mengambil Yang untuk dijadikan anak angkat. Fitnah juga dikaitkan dengan Yang ketika Maimon hendak mengunjungi orang tuanya. Kononnya, Maimon dikhabarkan bahawa Yang akan kembali memeluk agama orang tuanya.

Analisis gender yang terdapat dalam HTS ini terdapat dua teori, iaitu teori *narture* atau kebudayaan dan teori *Nature* atau semulajadi. Teori *Narture* menjelaskan adanya peranan dan tugas yang berbeza antara jantina lelaki dan perempuan hingga menyebabkan perempuan tertinggal dan diabaikan. Sebab-sebab ketertinggalan golongan perempuan kerana tiada kesempatan untuk mendapat pendidikan formal yang layak. Pendidikan yang diutamakan pada masyarakat Melayu adalah pendidikan agama, khasnya agama Islam serta pendidikan mengurus rumah dan keluarga, seperti memasak, menjahit dan seumpamanya. Hal ini dapat diperhatikan daripada jadual berikut ini:

Tokoh	Pekerjaan	Keterangan
Nenek Yah	Penoreh getah	Pencari nafkah utama untuk kelima-lima cucunya
Maimon	Penoreh getah	Pencari nafkah penunjang
Yang	Suri rumah	Mengurus hal ehwal rumah tangga
Haron	Peniaga	Pencari nafkah utama
Jamil	Suami	Bergantung hidup pada isterinya, Munah
Mail	Pekebun	Pencari nafkah utama

Jadual 6.3: Pembahagian kerja HST

Nenek Yah, Yang dan Maimon merupakan contoh perempuan-perempuan yang tertinggal dari segi pendidikan. Mereka itu sama-sama ketinggalan dalam serba hal dan diabaikan hidup masing-masing kerana tidak ada peluang untuk bersekolah. Nenek Yah dan Maimon hanya dapat membaca Quran, sementara Yang pula sewaktu di sekolah tidak naik-naik kelas bahkan selalu duduk dalam kumpulan pelajar yang tercorot. Nenek Yah digambarkan pengarang sebagai orang tua yang diabaikan oleh lingkungan persekitaran kerana dalam usianya yang senja masih juga disibukkan dengan tanggungjawab sebagai pengurus keluarga untuk kelima-lima orang cucunya serta anak angkatnya Yang. Dia tidak sempat menyenangkan-nyenangkan diri kerana tugas hariannya hanya untuk menyiapkan makan-minum kepada beberapa nyawa di bawah tanggungannya. Sementara tugas utamanya hanya menoreh getah untuk mendapatkan rezeki, masih juga dilakukannya.

Manakala Maimon yang sentiasa sibuk dengan sembilan orang anak sendiri serta tugas mencari rezeki dengan cara berpawah menoreh getah orang pula tidak ada masa baginya untuk bersantai-santai dan bersembang-sembang dengan jiran-tetangga, atau untuk ke hilir dan ke hulu menghiburkan hati. Suaminya Haron tetap

melaksanakan tugasnya sebagai ketua keluarga dengan mencari nafkah sekadar berjualan di kedai runcit di bandar. Kepulangannya ke kampung hanya dalam tempoh tiga hari dalam seminggu. Semua tanggungjawab terhadap anak-anaknya, Haron menyerahkan sepenuhnya di bawah jagaan isterinya Maimon.

Tugas yang berhubung dengan teori *Nature* serta adanya pembahagian tugas atau *division of labour* untuk saling melengkapi dan saling membantu antara satu dengan yang lain dapat dilihat daripada perkembangan dan peranan beberapa watak yang berikut ini.

Maimon dan Haron berikhtiar untuk mencari seorang lelaki yang sepadan supaya dapat dijodohkan menjadi suami Yang untuk pertama kalinya. Yang yang telah membesar dan meningkat remaja, dan tidak bersekolah tiada apa-apa kerja dan kegiatan, sementara anak Maimon dan Haron tetap bersekolah. Untuk mengisi masa lapang Yang, akhirnya Maimon dan Haron bersepakat dan masing-masing bersetuju untuk mencari jodoh bagi adik angkatnya itu. Usaha tersebut dilakukan suami isteri itu kerana Yang dalam tanggungjawab kedua-dua mereka. Walau bagaimanapun, tiada sesiapa yang sanggup mengambil Yang menjadikan pasangan hidup. Encik Jamil, bapa saudara Haron yang telah berusia 62 tahun akhirnya berminat untuk mengambilnya sebagai isteri kedua. Yang mendapat nasihat, bahawa dengan perkahwinannya itu nanti akan menghindari dirinya daripada pelbagai fitnah dan dengan perkahwinan itu juga menaikkan statusnya sebagai seorang perempuan.

Hati Yang memberontak. Namun, dia tidak berdaya melakukan apa-apa. Ketika dinikahkan, Yang mendengar bisikan Tuk Mah Bidan di kirinya. Apabila seseorang perempuan sudah bersuami, orang kampung akan memandang hormat. Umpat keji, fitnah-memfitnah tidak akan ada lagi. Yang menerima nasihat itu

antara percaya dan celaru (Zahara Nawawi: 221).

Sayang seribu kali sayang, perkahwinan yang diharap-harapkan Yang sebagai sebuah kehidupan yang aman damai, akhirnya ibarat menjadikan sebuah penjara baginya. Isteri tua Jamil, Munah yang pada mulanya mengizinkan suaminya untuk mengahwini Yang kerana takut dirinya diceraikan, akhirnya berbuat sesuatu yang tidak senonoh dan selalu membuat sengketa serta mendedahkan kebodohan, kecuai, perangai pengotor, buruk dan pemalas yang sebelumnya menjadi tanggapan umum terhadap keperibadian Yang.

Perbuatan anak-anak tirinya yang memasukkan garam berlebihan ke dalam gulai ikan parang masak asam pedas, daun kesum dengan kacang bendi yang dimasaknya, dan madunya yang setiap menjelang senja mengetap mangga mengunci bilik Yang hingga ke pagi. (Zahara Nawawi : 231)

Ayah melepaskan Yang begitu saja, sedangkan dulu ayah juga yang beriya-nya sangat hendakkan dia. Selepas Haron izinkan, ayah ceraikan dengan tidak ada sebab yang kuat. Engkau sendiri tahu, sebenarnya ayah tidak tahan dengan kerenah emak engkau. Karim terpaksa jadi galang ganti. (Zahara Nawawi : 297)

Selain itu, Munah juga ikut mengugut suaminya Jamil dengan ancaman seperti yang berikut:

“Munah akan lari dari rumah ini kalau Bang Jamil masuk tidur di bilik budak Cina pengotor itu. Kalau hendak senang, bawalah isteri muda abang itu duduk di rumah lain. Biar mampus kebelai tidak makan. Abang sendiri pemalas, tak mahu menoreh. Makan hasil titik peluh anak bini saja. Pindahlah. Pindahlah! Orang beristeri dua, awak pun ikut beristeri dua. Orang kerja kuat menyara anak isteri, awak

duduk di warung kopi goyang kaki.” (Zahara Nawawi : 237)

Akhirnya, setelah dua tahun berkahwin dengan Jamil, Yang dibebaskan dengan talak satu. Yang dipulangkan semula kepada keluarga Haron dengan status janda muda. Status janda muda ini justeru memberikan imej yang buruk lagi kepada keperibadian Yang.

“Amboi, janda muda ni, bukan main gelek lagi. Edah belum habis, sudah mulalah nak cari ganti, miang-miang, senyum-senyum ke hulu ke hilir,” Piah mencebik. Cemuhan itu menyiat gegendang telinga Yang. Sebuku angin keras menujah hujung hati Yang. Kerian daripada pembebasan yang baru empat jam dinikmati bertukar warna. Dia tidak tahu begitu rupa-rupanya nasib seorang janda muda. Lebih buruk dan hina daripada semasa dia anak dara. Dalam duka edisi barunya, Yang teringat dia pernah mendengar ejekan ‘janda berhias’, ‘janda beranak satu’, ‘janda miang’, ‘janda bergetah’, dan sebagainya bagi wanita yang ditinggalkan suami. Dia tidak tahu berapa banyak anugerah ‘bintang janda’ dikalungkan ke leher kaum sejenisnya di kampung itu. Kini gilirannya pula dapat gelaran ‘janda muda’.” (Zahara Nawawi : 226-227)

Selepas Yang menjadi janda muda Jamil, Maimon dan Haron tidak senang hati mendengar gelaran yang dilemparkan kepada Yang oleh jiran-jiran tetangga. Akhirnya, setelah masa edah Yang berakhir, Karim, cucu sulung Nenek Yah akhirnya bersedia mengambil Yang menjadi isteri untuk membela maruah keluarga dan maruah diri Yang sendiri. Walau bagaimanapun, malang menimpa diri Yang tidak berhujung dan belum lagi berakhir juga. Suami yang sangat menyanyangi dan memberikan

perlindungan kepada Yang akhirnya Karim meninggal dunia, hingga jadilah Yang janda untuk kali kedua dengan gelaran ‘janda badi’ pula.


Gelaran ‘janda badi’ membuatkan hati Maimon dan Haron juga tidak senang, hingga akhirnya Yang berkahwin untuk kali ketiganya dengan Mail. Perkahwinan kali yang ketiga ini terpaksa mendapat izin dan kesanggupan terlebih dahulu daripada Yang sendiri sebagai empunya diri, kerana perkahwinannya yang pertama dan yang kedua beberapa waktu yang sebelumnya adalah atas nasihat dan keputusan orang lain; iaitu daripada cadangan dan petunjuk kakak dan abang angkatnya; Maimon dan Haron.

“Kalau dia masih anak dara, memang kita boleh mengambil keputusan untuknya. Tapi dia sudah dua kali kahwin. Kalau mengikut agama, dia sendiri lebih berhak menentukan nasibnya. (Zahara Nawawi : 322).

Perkahwinannya kali yang ketiga ini, Yang menjadi isteri kali yang ketiga kepada Mail. Yang menjadi isteri yang ketiga kepada Mail selepas isteri pertama dan kedua Mail meninggal dunia selepas melahirkan anak, sehingga gelaran yang diberikan pada suaminya Mail juga adalah duda beranak sepuluh dan dianggap berbadi, kerana Yang mendapat suami kali yang ketiga setelah berkahwin dengan Mail. Demikian sebaliknya, Mail mendapat isteri yang ketiga apabila berkahwin dengan Yang. Dalam perkahwinan ketiganya ini, Yang dikurniakan dua orang cahaya mata; seorang lelaki dan seorang perempuan hingga genaplah jumlahnya 12 orang. Dalam perkahwinannya dengan Mail ini, Yang mempunyai anak tiri bernama Kahar, bekas kawan sekolah Yang sewaktu sekolah rendah dahulu. Kahar sangat membenci Yang sekalipun perempuan itu berstatus ibu tirinya.

Untuk dapat mengambil hati anak tirinya ini, suatu hari Yang menyiapkan makanan khas kepada Kahar hingga suaminya Mail merasa cemburu dan tersinggung. Mail merasa diremehkan dan tidak diperhatikan oleh isteri hingga menyebabkan timbul perasaan cemburu buta. Yang dibelasah oleh Mail hingga kandungannya keguguran. Dari sudut undang-undang, Yang mendapatkan perlakuan buruk dengan apa yang dikenali “Kekerasan dalam Rumah Tangga” (KDRT). Kekerasan yang dialami Yang daripada Mail membuat hatinya terluka sebab kekerasan ini telah dua kali berlaku dalam perkahwinan mereka. Selepas Yang diperlakukan dengan cara yang tidak menyenangkan itu, akhirnya Yang lari membawa diri meninggalkan rumah dan Mail. Hal ini terjadi kerana Mail juga mengusirnya dengan keadaan marah dan tidak sedarkan diri hingga jatuhlah talak satu untuk Yang. Yang pergi meninggalkan rumah membawa diri tanpa membawa kedua-dua orang anaknya. Begitu juga Kahar terpaksa menghilangkan diri dari rumah dan keluarga Mail dengan tujuan untuk menghindari daripada kemungkinan kekeruhan rumah tangga ayahnya lebih gawat lagi.

Seterusnya analisis dialogisme yang digunakan dalam HST adalah perbualan antara watak-watak untuk mencapai maksud tertentu dalam hidup, sementara itu diselitkan juga dengan ungkapan sindiran atau gelaran serta khabar angin yang merupakan suatu gambaran keadaan masyarakat pada lingkungan sebuah kampung. Sementara tradisi merisik juga hadir dalam budaya masyarakat Melayu dalam novel HST.



Rajah 6. 3 Dialog Watak HST

Dialog bermula ketika ibu Yang yang dikenali sebagai nyonya Cina penjual sayur membawa bayi mungil ke rumah Nenek Yah pada suatu senja hari. Bayi tersebut baharu berumur tiga minggu tiga hari. Dia menyerahkan anaknya yang kesekian orangnya itu untuk diasuh oleh Nenek Yah kerana dia miskin dan anaknya pula ramai. Sementara si nyonya itu tahu bahawa Nenek Yah tidak mempunyai anak perempuan dalam keluarganya. Nenek Yah yang telah uzur dan tua sangat senang menerima sebuah anugerah berupa seorang bayi yang kelak diharapkan dapat menolongnya jika dia benar-benar telah uzur sekalipun sudah mempunyai lima orang cucu lelaki hasil warisan daripada anak lelakinya yang bernama Osman yang meninggal dunia bersama-sama isterinya Taksiah beberapa tahun sebelum itu.


Yang, gadis malang yang terasing daripada keluarga asalnya, akhirnya dapat diasuh oleh Nenek Yah hingga usianya meningkat lima tahun. Nenek Yah meninggal

akibat dipatuk oleh seekor ular di bawah rumahnya ketika dia hendak mengambil kayu api. Seterusnya Yang diasuh oleh kakak angkatnya Maimon dan akhir hayatnya hidup bahagia bersama-sama anak Maimon yang bernama Hasnah.

Yang merupakan contoh ‘saudara baru’ yang dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran sekalipun harus menerima maki-hanum daripada persekitarannya sehingga banyak gelaran yang diterimanya. Sekalipun demikian Yang dapat melewati semua dugaan hidup yang dihadapinya itu dengan penuh ketabahan dan kecekalan.

Selain analisis dialog watak novel, pengkaji juga menganalisis dialog yang disampaikan pengarang ketika menghasilkan novel HST ini. Daripada dialog dengan pengarang melalui pembacaan novel ini, pengarang ingin menyampaikan sebuah tema, dan daripada tema inilah pula yang mahu dicari oleh pengkaji.

Seperti dikatakan oleh Rosnah Baharudin (2003) Zaharah Nawawi pada umumnya meletakkan kedudukan perempuan begitu tinggi dan bermaruah. Bahkan, di dalam kebanyakan karyanya, Zaharah Nawawi; termasuk juga cerpen-cerpennya kelihatan pendiriannya sebagai pengarang lebih menyebelahi dan membela kaum sejenisnya. Golongan perempuan di tangan Zaharah Nawawi memegang peranan sebagai protagonis yang menonjol. Malah plot ceritanya juga sesering berlegar di sekitar watak-watak perempuan yang ditonjolkan itu. Bermakna, sikap dan pendirian Zaharah sebagai pengarang sangat ketara membela kaum perempuan. Pendapat ini dapat dirajahkan sebagaimana yang berikut.



Rajah 6.4 Tema HST

Daripada rajah di atas jelas memperlihatkan bahawa Zaharah Nawawi mempunyai sikap ingin memperjuangkan martabat kaum perempuan kerana Zaharah ingin mengikis imej 'lemah dan air mata' yang sering ditonjolkan oleh kebanyakan pengarang terhadap wanita. Oleh itu secara sedar melalui HST Zaharah Nawawi ingin menunjukkan bahawa perjuangan golongan perempuan di negaranya belum berakhir. Walaupun secara umum golongan perempuan sudah mendapat hak sama rata dengan golongan lelaki, tetapi masih banyak hak perempuan masih terselindung di sebalik bayang-bayang yang sedikit dibesar-besarkan. Oleh sebab itu, baginya penulisan kreatif merupakan sebuah perjuangan (Rosnah Baharudiin, 2003). Satu hal yang menarik dari segi gaya penulisan Zaharah mengikut Rosnah, adalah membiarkan watak-watak perempuan itu bersendirian mengharungi hidup tanpa perlindungan lelaki. Zaharah ingin menonjolkan kegigihan perempuan dan menentang definisi *Cinderella complex*. Dengan demikian akhirnya sebagai pengarang, dia berharap akan lahir perempuan-perempuan yang bermartabat dan bermaruah.

6.4 *Pemburu Mimpi*

Novel *Pemburu Mimpi*, merupakan sebuah karya daripada Saleha Hussin (2005) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sebagai pengarang atau novelis, Saleha Hussin bukanlah satu nama yang sangat dikenali ramai, khususnya dalam kalangan penggiat dan peminat sastera cereka di Malaysia. Novelnya *Pemburu Mimpi* ini (seterusnya PM) merupakan novel pertama Saleha Hussin yang meletup kerana beberapa sebab. Pertama, novel ini merupakan antara novel paling tebal pernah diterbitkan DBP dalam tahun 2000-an, iaitu setebal 1245 halaman. Kedua, kisah yang dilukiskan adalah kisah sebenar dan bersifat universal kerana ceritanya menyentuh nilai-nilai kemanusiaan dan kekeluargaan yang diadun dengan isu politik, agama dan keadilan.

6.4.1 Sinopsis *Pemburu Mimpi*

Hendon yang berkahwin dengan Johan selepas dianugerahkan dengan lima orang anak perempuan, akhirnya diceraikan Johan dengan alasan isterinya itu tidak dapat memberinya zuriat anak lelaki yang nanti akan dapat menghantarnya ke liang kubur. Alasan yang disandarkan Johan diterima dan dianggap masuk akal bagi keluarganya yang berasal dari Kedah hingga menyetujuinya untuk berkahwin lain dengan Natijah. Natijah rasmi menjadi isteri muda Johan dan berhasil memberikan zuriat yang diinginkan Johan, iaitu tujuh anak yang terdiri daripada enam anak lelaki dan seorang anak perempuan.

Dengan anak yang ramai dan penghasilan yang kecil bagi seorang polis berpangkat rendah seperti Johan, akhirnya dengan menuruti kehendak isteri mudanya Johan terpaksa menceraikan Hendon dengan alasan membebankan perbelanjaan. Johan dan keluarganya menyetujui saranan Natijah supaya Johan menceraikan Hendon yang berasal dari Negeri Sembilan, Lagi pula keluarga Johan sendiri, khususnya orang tuanya sebelum itu tidak bersetuju dia berkahwin dengan Hendon.

Hendon yang telah diceraikan Johan bersama-sama lima orang anaknya terpaksa bertungkus-lumus menghadapi hidup sebagai *single parent*. Dengan semangat dan harapan untuk kehidupan yang lebih baik supaya nanti anak-anak Hendon berhasil menduduki menara gading. Kesungguhan mereka dalam pendidikan dikuatkan lagi oleh semangat yang diberikan oleh bapa saudara anak-anaknya itu; iaitu cikgu Mohd. Amin. Anak tertua Hendon iaitu Hamimah dapat menyelesaikan pendidikannya hingga ke peringkat Doktor Falsafah, dan menjadi ternama di Malaysia.

Anak kedua Hendon pula, Hayati berjaya menyelesaikan pendidikan MA. Anak ketiganya, Halina dapat menyelesaikan pendidikan ke tingkat profesional dalam bidang akuntan . Dua orang anak Hendon yang lain; iaitu anak yang keempat dan yang kelima; Haliza dan Hadidah sekarang berada pada peringkat untuk menyelesaikan perkuliahan masing-masing di universiti di dalam negara dan di luar negara.

Keberhasilan Hendon mendidik kelima-lima orang anaknya tersiar dalam suratkhobar. Johan yang telah mensia-siakan lima orang anaknya itu, akhirnya merasa malu sendiri apabila terbaca berita tentang kejayaan Hendon mendidik anak hingga kelima-lima orang mereka itu benar-benar berjaya dan menjadi kebanggaan

negara dalam bidang pendidikan. Padahal selama ini sebagai bapa, Johan telah membiarkan mereka itu daripada kehidupannya bersama isterinya Natijah. Dalam usianya yang mencecah 52 tahun Johan baharu menyedari bahawa enam orang anak lelakinya yang diinginkannya daripada Natijah justeru menyusahkan dan tidak berpendidikan.

6.4.2 Analisis Pemburu Mimpi

Analisis strukturalisme pada novel PM dimulakan dengan analisis watak. Watak dalam novel PM terbahagi kepada tiga kategori watak, iaitu watak utama, watak sampingan dan watak pendukung dan watak latar Hal ini dapat dilihat daripada jadual yang berikut:

Tokoh	Kerjaya	Keterangan
Hendon	Suri rumah	Menghidup lima anak perempuan
Johan	Pegawai Polis	Menghidup tujuh anak dan isteri
Natijah	Suri rumah	Mengurus tujuh anak, bergantung kepada suami
Hamimah	Pensyarah	Bersuami seorang Pensyarah
Hayati	Jurutera	Bersuami seorang Jurutera
Halina	Accounting	Bersuami seorang Ustaz
Hadidah/Haliza	Mahasiswa	Masih studi di university
Mohd. Amin Darus	Guru	Bapa saudara lima adik beradik

Jadual 6. 4 Watak dan Perwatakan PM

Watak utama PM adalah Hendon kerana kekerapannya hadir pada setiap peristiwa. Watak sampingan adalah Hamimah, Hayati, Halina, Haliza dan Hadidah kerana kehadiran mereka mendukung watak utama. Watak pendukung adalah Johan dan Natijah. Watak latar adalah Mohd. Amin Darus.

Selanjutnya analisis perwatakan watak iaitu Hendon adalah perempuan separuh umur yang diceraikan oleh Johan kerana tidak dapat memberikan zuriat lelaki. Hendon; ibu kepada Hamimah dan adik-adiknya sangat kuat menghadapi dugaan Allah swt. Dia berusaha menyara kelima-lima orang anaknya dengan bekerja keras sebagai pembuat kuih dan pembantu rumah.

Hamimah anak sulung daripada lima bersaudara. Hamimah merupakan anak yang rajin dan cerdas serta berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya. Kerajinannya terlihat ketika dia menolong emaknya Hendon menjualkan pelbagai barang dagangan gorengan sebelum ke sekolah. Hamimah terbukti cerdas dan berusaha bersungguh-sungguh hingga dapat meraih cita-citanya untuk menjejaki kaki di menara gading hingga ke peringkat Doktor Falsafah walaupun pada mulanya dia terlambat masuk ke sekolah kerana dilarang oleh Natijah, ibu tirinya.

Hayati, Halina, Haliza dan Hadidah adalah adik-beradik Hamimah yang mendapat suntikan dan semangat daripada kakaknya untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Kesusahan mereka sewaktu kecil akhirnya mendapat hasil berganda bagi keempat-empat orang adik-beradik ini mencapai cita-cita masing-masing. Keempat-empat orang mempunyai IQ yang tinggi sehingga berjaya mendapatkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Johan adalah ayah yang tidak bertanggungjawab kepada kelima-lima orang adik-beradik itu. Hal ini, kerana tugasnya membiayai kelima-lima orang anaknya

dengan Hendon diabaikan. Keputusan untuk menafkahi kelima-lima orang anaknya sebagaimana hasil keputusan Kadi tidak dapat dilaksanakan kerana dia hanya seorang pegawai kerajaan yang berpendapatan rendah. Johan juga tiada pendirian dan keputusan kerana dia selalu mematuhi kehendak dan perintah daripada orang tua dan isteri mudanya, Natijah.

Natijah merupakan isteri kepada Johan, dan ibu tiri kepada lima orang adik-beradik Hamimah. Dia mempunyai sifat menghasut dan melarang. Johan dihasut supaya menceraikan Hendon. Hamimah yang tinggal bersama-samanya dilarang bersekolah, kerana baginya bersekolah itu akan membuang masa.

Mohd. Amin Darus dikatakan watak latar kerana sifatnya yang suka menolong dan memberi perhatian kepada anak-anak saudaranya kerana dia adalah bapa saudara kepada Hamimah lima bersaudara. Peranannya sebagai ninik mamak atau bapa saudara dijalankan olehnya dengan betul dan benar, iaitu ibarat anak dipangku kemanakan dituntun. Beliau menuntun anak-anak saudaranya supaya bersekolah dan memperhatikan pendidikan. Susah payahnya sebagai bapa saudara terbayar dengan kejayaan yang dicapai oleh Hamimah dan adik-adiknya dalam pelajaran.

Analisis latar dalam novel PM adalah kecekalan hidup seorang perempuan yang diwakili oleh keluarga daripada masyarakat Islam adat Perpatih dan kecuaian lelaki yang diwakili daripada adat Temenggung dalam hidup berumah tangga. Hal ini dapat dilihat daripada jadual yang berikut di bawah ini:

Tokoh	Status	Adat	Keterangan
Hendon	Isteri	Perpatih	Diceraikan Johan kerana tidak melahirkan zuriat lelaki
Johan	Suami	Temenggung	Menceraikan isteri tua, Hendon kerana kelima-lima anaknya perempuan

Jadual 6.5 Latar dan Adat-Istiadat PM

Seterusnya analisis sosiologi dalam PM ini memperlihatkan kegigihan masyarakat Minang yang diwakili oleh Hendon dan anak-anaknya yang berasal dari Negeri Sembilan. Dalam masyarakat Minang, *bundo kanduang* merupakan seorang perempuan yang dihormati dan memegang kuasa. Sementara Johan merupakan wakil daripada masyarakat yang mensia-siakan keluarganya. Di sini terpancar wujudnya adat Perpatih dan adat Temenggung. Adat Perpatih yang disia-siakan akhirnya dapat membuktikan kehebatan seorang *bundo kanduang*, iaitu Hendon dalam tugas besarnya mendidik anak perempuan. Sementara Adat Tumenggung yang seharusnya dalam kehidupan bermasyarakat melindungi justeru mensia-siakan anak kandungnya hingga akhirnya gagal dalam kehidupan yang diimpikan.

Hendon yang mewakili adat Perpatih dapat melaksanakan tugasnya dengan baik sebagai bonda kandung. Dengan penderitaan, kegigihan dan semangat yang tiada tara itu, akhirnya semua berakhir dengan indah, bahagia dan penuh positif. Kelima-lima orang anaknya berjaya dapat duduk di menara gading dan tiga daripada mereka itu sudah pun menyelesaikan pendidikan yang diharapkan. Hamimah, anaknya yang tertua dapat menyelesaikan pendidikan hingga ke peringkat Ph.D. Manakala Hayati pula berjaya menyelesaikan pendidikan peringkat Sarjana (MA), dan Halina pula

hingga ke tingkat profesional dalam bidang *Accounting*. Dua orang adiknya yang lain; iaitu Haliza dan Hadidah masih berada pada peringkat sedang menyelesaikan perkuliahan peringkat universiti masing-masing di dalam dan di luar negara.

Johan sebagai wakil adat Temenggung telah mensia-siakan darah dagingnya sendiri daripada isteri pertamanya; Hendon kerana semua anak mereka perempuan. Setelah anak-anak itu seolah-olah dicampakkan, dibuang dan tidak dipedulikan, maka akhirnya kelima-lima orang mereka benar-benar berjaya dalam pendidikan masing-masing, dan mempunyai kerjaya yang sepadan pula dengan tahap pencapaian akademik. Manakala anak-anaknya daripada isteri mudanya Natijah, Johan memang berjaya mendapat zuriat sebagaimana yang dia harapkan, iaitu seramai tujuh orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Namun semua anaknya dengan Natijah justeru telah membebankan hidupnya, sedangkan usianya sudah tua; sudah mencecah 52 tahun ketika itu. Perasaan Johan semakin tertekan setelah membaca sebuah berita dalam suratkhbar yang memberitakan tentang kejayaan anak sulungnya; Hamimah yang telah berjaya dalam pendidikannya hingga mencapai tahap kelulusan tertinggi iaitu peringkat Doktor Falsafah sebagai anak Melayu.

Selanjutnya, sifat dan tabiat masyarakat yang mengamalkan adat Perpatih dan adat Temenggung dapat dilihat ketika berlangsungnya perkahwinan antara Johan dengan Hendon. Orang tua Johan tidak menyukai Hendon kerana menantunya itu berasal daripada suku masyarakat Perpatih. Dalam fikiran orang tuanya itu tetap beranggapan bahawa dalam adat Perpatih, golongan perempuan lebih berkuasa daripada golongan lelaki, dan nanti kelak terjadi, semua hasil titik peluh Johan akan berpindah menjadi hak milik Hendon dan anak-anaknya. Rasa ketidakmesraaan bagi Hendon pula makin ketara lantaran kelima-lima orang anak mereka ditakdirkan Allah

perempuan. Namun begitu, lain pula halnya ketika Johan menikahi Natijah yang berasal dari negeri yang sama dan masih ada tali persaudaraan serta mendapat zuriat lelaki. Dengan kurniaan anak-anak lelaki itu maka Johan, suatu ketika pada hari tuanya nanti dapat diusung mayatnya ke kubur sebagaimana yang diharapkan selama ini.

Selepas Johan mengahwini untuk kedua kalinya dan Natijah jadi isteri mudanya, Johan semakin melupakan tanggungjawabnya sebagai ayah kepada anak-anak perempuannya daripada Hendon. Johan lebih memerhatikan Natijah hingga akhirnya mengambil keputusan untuk menceraikan isteri tuanya itu. Tanggungjawabnya untuk menafkahi anak-anak sesudah perceraianya dengan Hendon tidak pernah dilakukan. Akhirnya, Hendon menggunakan tenaga dan kudrat wanitanya dengan membanting tulang sendiri untuk mencari rezeki menafkahi dan membiayai kehidupan kelima-lima orang anaknya di rumah pusaka peninggalan ibunya di Gemenceh.

Analisis Gender yang terdapat dalam PM ini adalah akibat perlakuan gender *nurture* atau pembudayaan gender sehingga watak-watak dalam PM berusaha mencapai gender *equilibrium* atau kesetaraan gender. Hal ini dapat difahami daripada usaha yang dilakukan oleh watak-watak dalam PM ini yang diwakili oleh Hendon dan kelima-lima orang anak perempuannya.

Hendon yang berkahwin dengan Johan tanpa restu daripada orang tua Johan, akhirnya berakhir dengan perceraian. Orang tua Hendon sendiri telah meninggal dunia ketika dia berusia dua belas tahun lagi akibat satu wabak penyakit. Sebagai anak sulung dalam sebuah keluarga besar, Hendon terpaksa mengurus adik-adiknya hinggalah dia berkahwin dengan Johan. Adiknya yang bongsu bernama Mohd Amin

Darus sebagai wali pernikahannya dengan Johan. Perceraian Hendon dengan Johan juga berpunca atau beralasan daripada ketiadaan zuriat lelaki yang dihasilkan Hendon, kerana kelima-lima orang anaknya perempuan. Sementara orang tua Johan pula terlalu mengharapkan zuriat lelaki sebagai warisnya kelak, dan dengan alasan mereka itu dapat mengusung mayatnya ke kubur apabila Johan meninggal.

Hendon telah diperlakukan secara tidak adil oleh mentuanya selama menjadi isteri Johan, dan jarang pula mengunjungi menantunya itu. Manakala madu Hendon pula; Natijah selalu mencelanya ketika Hendon meminta nafkah sara hidup untuk pembiayaan anak-anaknya daripada Johan justeru dia diperlakukan secara tidak adil oleh Johan. Johan juga telah melakukan KDRT (kekerasan dalam rumah tangga) dengan mengusir, menendang, dan menerajang Hendon ketika isteri tuanya itu datang untuk menuntut nafkah hidup untuk kelima-lima orang anaknya selepas hasil keputusan pihak Kadi; bahawa Johan diwajibkan membiayai kelima-lima orang anaknya sebanyak RM50.00 setiap bulan. Kerana Johan tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya sebagai bapa dan ketua keluarga, membuatkan Hendon naik pitam dan menghamburkan kata-kata yang kurang senonoh didengar terhadap Johan sewaktu di rumah isteri mudanya. Selepas tiada apa-apa hasil yang diperolehi daripada perkelahian tersebut justeru maki-hanum dan luka-luka pada dirinya, akhirnya Hendon terpaksa meninggalkan Johan dengan membawa kedua-dua orang anaknya yang ikut serta pada hari itu; iaitu Hamimah dan Hayati.

Sebelum peristiwa buruk itu terjadi, Hamimah dipelihara oleh Johan bersama-sama isteri mudanya Natijah. Walau bagaimanapun, Hamimah tidak dapat bertahan lama setelah dua minggu bersama-sama ayah dan ibu tirinya. Hamimah meminta ayahnya untuk menyekolahkaninya. Sebaliknya, ibu tirinya mengatakan tidak berguna

anak perempuan bersekolah kerana akhirnya akan ke dapur juga. Selepas mendapat jawapan demikian, akhirnya Hamimah mengambil jalan dengan melarikan diri untuk pulang ke rumah ibunya, Hendon.

Selama bersama-sama Hendon, Hamimah, Hayati, Halina, Haliza, dan Hadidah disekolahkan oleh Hendon atas cadangan daripada adik bongsu Hendon yang bekerjaya sebagai seorang guru sekolah. Untuk membiaya persekolahan anak-anaknya, Hendon bekerja keras sebagai penoreh getah, pencuci pakaian dan pembuat kuih-muih. Kuih-kuih yang dihasilkan Hendon dijual oleh dua orang anaknya; iaitu Hamimah dan Hayati sebelum mereka pergi sekolah setiap pagi. Setelah 16 tahun berjuang membesarkan dan menyekolahkan anak-anaknya, akhirnya Hendon dapat merasakan hasil perjuangannya seorang diri selama ini mendatang pulangan yang baik. Anak-anaknya berjaya dalam bidang pendidikan masing-masing.

Masalah lain yang terpaksa dihadapi Hendon selepas kejayaan yang diperolehi oleh kelima-lima orang anak perempuannya itu adalah masalah wali nikah. Anak ketiga Hendon iaitu Haliza hendak berkahwin dengan Zambri kawannya ketika menuntut di England dahulu. Sebelum pernikahan berlangsung, Kadi menetapkan bahawa mereka mesti mencari ayah kandung sebagai wali; iaitu Johan. Hal ini kerana selepas berlaku perselisihan antara ibunya Hendon dengan ayahnya Johan, pihak Hendon dan anak-anaknya tidak pernah lagi mengadakan hubungan kekeluargaan. Bagi Haliza sebagai anak kandung, dia tidak dapat pasti dengan tepat di mana tempat tinggal ayahnya. Akhirnya Haliza berusaha mencari jalan dengan cara mengumumkan hal itu di setiap pejabat Kadi seluruh negara. Setelah ditunggu beberapa lama, akhirnya Johan memberikan surat wakil dalam bentuk perwalian dengan menyatakan bahawa dia tidak dapat hadir pada hari pernikahan tersebut. Hal ini demikian, kerana

Johan merasa malu untuk menemui Haliza dan adik-beradiknya serta Hendon; ibu kepada lima orang anaknya itu kerana dia baharu sedar dan merasai bersalah sebab selama ini dia telah mensia-siakan tanggungjawabnya sebagai seorang bapa.

Selanjutnya, Hamimah yang telah berusia telah bertemu jodoh dengan lelaki idaman yang benar-benar dapat memahami diri, kelulusan dan kerjayanya sebagai seorang pensyarah. Lelaki itu ialah Prof. Madya Ir. Dr. Md Zain Dato Mohd Dom. Manakala Hayati pula dipertemukan jodoh dengan seorang lelaki yang dapat meluluhkan hatinya sebagai perempuan yang cekal.

Hal tersebut dapat dirangkumkan dalam jadual berikut:


Tokoh	Status/Kerjaya	Keterangan
Hendon	Ibu tunggal	Menghidup lima anak perempuan dengan membuat kuih-muih dan pembantu rumah – tidak bersekolah
Hamimah	Pensyarah/ isteri Pensyarah	Studi ke peringkat Ph.D.
Hayati	Jurutera / isteri Jurutera	Studi peringkat MA.
Halina	Accounting/ isteri Ustaz	Studi peringkat MA.
Hadidah/Haliza	Mahasiswi	Studi peringkat BA

Jadual 6.6 Gender Equilibrium PM

Gender Equilibrium atau kesetaraan gender yang diimpikan oleh Hendon dan Hamimah lima bersaudara tercapai. Mereka mendapatkan kesempatan belajar dan mendapatkan kerjaya yang diinginkan sesuai dengan kelulusan yang dimiliki.

Mendapatkan suami yang diinginkan sesuai dengan visi dan misi bersama serta saling memahami satu sama lainnya, sehingga rumahtangga aman dan damai dapat dicapai.

Analisis dialogisme dalam PM terdapat sarana media iaitu akhbar dan surat. Dialog dimulai dari sebuah suratkhbar yang mengejutkan Johan ketika membaca halaman utama atau *headline* yang menceritakan kejayaan seorang perempuan Melayu yang bergelar doktor falsafah. Suratkhbar itu juga memaparkan wajah perempuan yang berjaya tersebut didampingi oleh keluarganya. Johan terpana setelah memerhati wajah-wajah dalam akhbar berkenaan. Johan teringat dengan wajah tersebut beberapa waktu silam. Hal ini dapat dirajahkan sebagaimana yang berikut.



Mohd Amin Darus

Rajah 6.5 Dialog watak PM

Johan membaca suratkhabar dengan tajuk berita: LIMA BERADIK BERJAYA. Semakin dibaca perasaan Johan makin timbul keinginan untuk mengetahui isi berita tersebut selanjutnya, lalu berita itu ditelitinya dengan cermat dan kemudian dia membacanya lagi dengan penuh hati-hati:

*Hamimah binti Johan, 26 tahun, Gadis Melayu pertama menerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam jurusan kejuruteraan elektrik dengan pengkhususan dalam bidang jana kuasa dari Universiti London dengan dikaruniai pingat penghargaan yang paling tinggi kerana kerja-kerja penyelidikannya yang sungguh cemerlang.
(Saleha Hussin : 4)*

Setelah membaca keratan suratkhabar tersebut, Johan dimaki-hamun oleh isteri mudanya Natijah kerana perempuan itu mengesyaki suaminya akan pergi menemui anak-anaknya kerana mereka telah berjaya. Walau bagaimanapun maki-hamun yang diterima Johan tidak sedikit pun mempengaruhi hatinya untuk pergi menemui anak-anaknya, justeru sebaliknya dia merasa sangat malu. Dia teringat, kali terakhir melihat mereka itu datang ke rumahnya bersama-sama isterinya Hendon ialah ketika bekas isterinya itu datang untuk menuntut hak pembiayaan nafkah hidup anak-anaknya, tetapi justeru Johan telah memaki-hamun mereka. Johan merasa kejam setelah membelasah Hendon hingga tersungkur di jalan hadapan rumahnya yang kemudian dihambur pula dengan cacian dan kata-kata kasar oleh isteri mudanya Natijah dari dalam rumah. Untungnya, perbuatan Johan waktu itu masih dikawal oleh jiran-jiran tetangganya yang ikut campur meleraikan peristiwa perkelahian tersebut.

Johan menyesal telah memperlakukan mereka; Hendon dan anak-anaknya dengan cara yang tidak adil dan tidak bermaruah itu. Sekarang dia menyesali diri,


sebab kejayaan anak-anaknya bukan kerana dirinya, tetapi lantaran kerja keras Hendon; isterinya yang telah diceraikan. Kejayaan orang yang telah disia-siakan itu membuatkan hatinya semakin terhiris sebab ketika itu usianya tidak muda lagi, dan anak-anak yang diharapkannya sebaliknya sangat menyusahkan kehidupan tuanya.

Media surat digunakan juga dalam PM ini oleh anak-anak Johan ketika mereka meminta Johan mengirimkan wang. Sayangnya surat-surat yang dikirim oleh anak-anaknya ke Pendang tidak diterimanya, kerana orang yang menerima surat kiriman itu daripada posmen ialah isteri mudanya Natijah. Natijah tidak memberikan surat-surat yang diterimanya itu kepada suaminya, sebab dia tahu jika dia memberikan surat-surat tersebut tentu sekali akan menyusahkan dirinya kelak, kerana terpaksa akan membahagi-bahagikan wang pendapatan Johan yang sedikit daripada hasil kerja Johan sebagai polis; antara dirinya dan Hendon serta anak-anaknya. Johan hanya sekali sahaja pernah mengirimkan wang kepada anak-anaknya.

Surat lain yang dikirimkan oleh anak Johan ialah mengenai wali nikah. Johan diminta untuk menjadi wali nikah kepada anaknya Haliza. Haliza memerlukan wali nikah sebab Johan adalah ayah kandungnya yang masih hidup ketika itu. Inilah syarat yang dikemukakan oleh pihak Kadi setempat. Setelah menunggu beberapa minggu, akhirnya Johan membalas surat yang dikirimkan Haliza kepadanya. Dia menyatakan, tidak dapat hadir pada hari pernikahan yang akan diadakan, dan terpaksa dia mewakilkannya kepada wali hakim. Johan tidak menggunakan haknya untuk mewalikan anaknya ketika upacara mengakad nikah, kerana dia merasa malu atas kejayaan anak-anaknya yang telah dia sia-siakan, di samping dia sendiri sebagai bapa kepada mereka itu sesungguhnya telah sekian lama mengabaikan tanggungjawab.

Analisis dialog selanjutnya mengenai tema atau amanat yang ingin disampaikan Saleha Hussen dalam PM. Novel PM ini berasal daripada sebuah cerpen Saleha Hussen berjudul ‘Zuriat’ yang disiarkan dalam suratkhobar *Berita Minggu* dalam tahun 1981. Cerita daripada cerpen itu kemudian diolah semula Saleha dan dituliskannya kembali dalam bentuk novel kerana baginya, seorang perempuan perlu mempunyai mimpi. *Jangan biarkan diri seperti alas kaki, dipijak-pijak kemudian ditinggalkan*. Hal inilah yang ingin diceritakan dalam PM ini. PM mengisahkan perjuangan seorang perempuan bernama Hendon yang perlu gigih dalam menempuh pelbagai dugaan hidup dengan membesarkan lima orang anak perempuan setelah suaminya, Johan berkahwin lain untuk mendapatkan zuriat lelaki. Saleha Hussin menggarap PM dengan teori dan pendekatan feminis dengan cuba menonjolkan kejayaan kaum perempuan yang dianggap setanding dengan kaum lelaki dalam pelbagai bidang kerjaya (Taha Abd. Kadir, 2006).

Dengan demikian dialog yang didapati daripada PM adalah seperti yang berikut:



Rajah 6.6 Dialog Zuriat – PM

Dialog di atas jelas menunjukkan bahawa Saleha Hussen memperbaharui idea lamanya dengan memasukkan unsur teori dan pendekatan feminis dalam novel sulungnya PM yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Saleha melalui PM

ingin mengingatkan kepada para perempuan untuk bersiap-siap dan waspada dalam rumahtangga kerana perpisahan akan dapat terjadi bila-bila sahaja, sama ada berpisah kerana kematian atau diceraikan. Saleha juga mengajak perempuan supaya dapat memilih jodohnya sesuai dengan yang diinginkannya berdasarkan tahap kelulusan atau studi yang disandangnya. Kestaraan gender atau *Equilibrium* telah terhasil dalam PM ini melalui watak-watak pilihan Saleha.

6.5 Kesimpulan

Kajian yang dilakukan ini termasuk dalam kategori kajian sosiologi sastera atau *literary sociology* yang menghubungkan struktur karya sastera dan masyarakat (Umar Yunus, 1982). Struktur karya sastera yang dapat dikesan di dalam tiga buah novel di atas bertemakan ‘melepaskan unsur tradisonal menuju ke dunia moden’ melalui watak utama cerita. Ketiga-tiga buah novel tersebut mempunyai watak utama perempuan iaitu Tuti dalam novel *Layar Terkembang*, Yang dalam novel *Hujan Sudah Teduh* dan Hendon dalam novel *Pemburu Mimpi*.

Cerita di dalam ketiga-tiga novel itu berakhir dengan kebahagiaan atau *happy ending*, sekalipun watak utama terpaksa melalui perjuangan yang panjang untuk mendapatkan kebahagiaan yang diinginkannya. Seperti watak Tuti misalnya, bahagia dengan pernikahannya dengan Yusuf atas saranan adiknya Maria. Tuti tidak perlu mengorbankan perjuangannya dalam perkumpulan perempuan baharu Indonesia dan tetap bekerjaya sekalipun dia sudah berumahtangga. ‘Yang’ bahagia dengan kesendiriannya pada hari tua, sekalipun perceraianya tergantung bersama Mail.

Hendon pula bahagia kerana kelima-lima orang anaknya berjaya dalam pendidikan dan kerjaya sekalipun Hendon berstatus sebagai ibu tunggal atau *single parent*.

Perjuangan yang dilalui oleh watak utama memberikan iktibar dan kesedaran kepada pembaca mengenai pentingnya pendidikan bagi kaum perempuan untuk mendapat kerjaya yang sesuai dan melakukan tindakan yang patut dilakukan untuk mendapatkan kebahagiaan yang diinginkan. Dalam hal ini ketiga-tiga orang pengarang mengangkat kesedaran gender yang terdapat pada setiap novel di atas dengan memenangkan watak utama daripada golongan perempuan yang berjaya melalui pelbagai masalah yang dihadapi masing-masing, dan dengan jelas memperlihatkan bahawa golongan perempuan juga mempunyai keupayaan untuk berjaya asalkan diberi peluang dan kesempatan. Kejayaan yang diperolehi golongan perempuan bukan semata-mata untuk dirinya sendiri, tetapi juga untuk orang-orang terdekat dengan kehidupan masing-masing. Misalnya, kejayaan Tuti dalam perkumpulan untuk para perempuan Indonesia, Yang berjaya melepaskan diri daripada Mail untuk menjaga cucu Maimon di Kuala Lumpur, dan Hendon berjaya menyekolahkan kelima-lima orang anaknya hingga berjaya ke menara gading, sekalipun dia sendiri sebagai ibu tunggal tidak berpendidikan tinggi.

Persoalan emansipasi yang diangkat oleh Sutan Takdir Alisjabana (STA) ketika itu tidak dapat dilepaskan daripada persoalan modernisasi dari segi kesempatan untuk mendapatkan pendidikan bagi kaum perempuan. STA ingin watak moden seperti Tuti tidak kehilangan watak ketimurannya. Seorang perempuan tidak mungkin melampaui batas kesopanan Timur, dan tidak pula boleh menghilangkan hakikat identiti keperempuanannya - seperti melayani suami, menjadi ibu, dan mendidik anak-anak dan seumpamanya. Hakikat ini dianggap sesuatu yang mutlak,

sehingga emansipasi hanya diizinkan bagi kaum perempuan bergerak di dalam lingkungan perkumpulan perjuangan bangsa seperti Tuti.

Tuti mendapat kesempatan mendapatkan pendidikan kerana status ayahnya seorang Wedana. Pendidikan yang diperolehi Tuti membuka peluang kepadanya untuk mendapatkan profesyen sebagai guru. Selain kerja sebagai guru, Tuti juga berkesempatan untuk mengikuti aktiviti perkumpulan perempuan Indonesia. Melalui aktiviti perkumpulan perempuan Indonesia ini, Tuti diamanahkan untuk memimpin cawangan perkumpulan tersebut di Jakarta. Sebagai ketua cawangan Jakarta, telah membuka kesempatan kepada Tuti untuk turut serta memajukan bangsa Indonesia; tidak terkecuali untuk memajukan golongan sejenisnya kaum perempuan. Sumbangan Tuti dilakukan dalam bentuk fikiran dengan menyuarakan pemikiran mengenai perempuan baharu Indonesia; iaitu kaum perempuan harus mempunyai kedudukan yang setara dengan lelaki dari segi pendidikan, dan harus sentiasa berusaha untuk mendapatkan kesempatan atau peluang. Bagi pandangan Tuti, kedudukan kaum perempuan yang berubah dalam masyarakat itu sesungguhnya sangat memanfaatkan masyarakat Indonesia seluruhnya. Setiap perempuan baginya juga berhak untuk menolak atau menerima jodoh masing-masing, jika memikirkan perkahwinan yang akan dilalui kelak justeru menghambat atau menyekat sumbangannya kepada bangsa dan negara.

Tuti dengan berani memutuskan pertunangannya dengan Hambali kerana Hambali tidak mendukung perjuangannya di dalam memajukan perkumpulan. Tuti tidak ingin perjuangannya terhambat atau terhenti kerana sebuah perkahwinan semata-mata. Demikian juga keberanian Tuti tidak menerima Supomo sebagai seorang kekasih sekalipun mereka sama-sama masuk dalam perkumpulan pemuda.

Kesepian dan rasa kesendirian bagi seseorang perempuan seperti Tuti bukanlah satu alasan yang tepat untuk menerima Supomo. Bagi Tuti, dia tidak ingin dikasihani oleh seorang lelaki seperti Supomo.

Kemudian Tuti mendapatkan apa yang diinginkannya; iaitu tidak meninggalkan perjuangannya, bahkan tetap bersedia untuk berumahtangga. *Layar Terkembang* memperlihatkan perjuangan Tuti melawan kekuatan tradisional yang baharu, atau sesuatu yang baharu yang telah menjadi tradisi pula; iaitu perkahwinan bukan memadai dengan perasaan cinta semata-mata, tetapi sesebuah ‘perkahwinan itu harus didasarkan pada wujudnya persamaan perjuangan’.

Zaharah Nawawi dalam novelnya *Hujan Sudah Teduh*. bercerita mengenai perkahwinan yang berunsur emansipasi menuju gender. ‘Yang’ berkesempatan untuk mendapatkan pendidikan di kampung, tidak dapat melanjutkan pendidikannya hingga ke peringkat yang lebih tinggi kerana prestasi pelajarannya di dalam darjah sangat lemah dan selalu mendapat kedudukan yang tercorot di belakang. Melalui watak utama ‘Yang’ Zaharah Nawawi ingin mengatakan bahawa kesempatan yang telah diberikan itu tidak dapat dimanfaatkan dengan baik oleh Yang, menyebabkan hidupnya tidak senang hingga dewasa. Sehubungan hal itu, Zaharah ingin mengingatkan kepada seluruh para perempuan supaya memanfaatkan kesempatan untuk meraih pendidikan sebagaimana yang dilalui oleh watak Hasnah; anak perempuan Maimon. yang berjaya menjadi guru.

‘Yang’ sebagai model oleh Zaharah Nawawi di dalam novelnya ini menjadi cermin bagi perempuan lain untuk dapat mengambil iktibar bahawa jantina perempuan menderita kerana dirinya sendiri. Untuk mengatasi hal tersebut bagi Zaharah ialah kaum perempuan harus bangkit dengan kekuatannya sendiri. Keadaan

ini diceritakan Zaharah melalui penderitaan yang dialami ‘Yang’ dalam perkahwinan. Perkahwinan pertama dan kedua ‘Yang’ terlaksana kerana tanggungjawab pengasuhnya iaitu Maimon dan Haron. Baharu melalui perkahwinan ketiganya ‘Yang’ dapat memutuskan sama ada menerima Mail sebagai suami, dan meminta cerai daripadanya, serta bertindak menentang atas ketidakharmonian rumahtangganya. Dalam hal ini Zaharah menegaskan bahawa perempuan juga dapat bertindak di luar batas kemampuan fizikalnya, kerana selalu ditindas dan diperlakukan secara tidak baik, terutama oleh orang yang memikul tanggungjawab terdekatnya; iaitu suami.

Predikat atau gelaran ‘janda’ yang dimunculkan oleh Zaharah Nawawi sangat berpengaruh dalam kehidupan harian wataknya di dunia Timur. Demikian juga dalam dunia nyata, khasnya dunia Melayu yang sangat heboh dengan predikat yang disandang oleh perempuan. Pelbagai jenis predikat ‘janda’ dari yang negatif hingga yang positif dimunculkan dalam novelnya ini. Predikat “janda negatif” adalah menjadi janda akibat perceraian hidup; iaitu bercerai ketika suami masih hidup. Manakala “janda positif” pula adalah bergelar janda kerana kematian suami.

Predikat ‘janda muda’ biasanya dihubungkan dengan umur perempuan yang ditinggal kerana meninggal dunia atau diceraikan ketika masih berusia muda, biasanya berumur antara 15 - 20 tahun, “janda kembang” pula merupakan sebutan untuk isteri yang ditinggalkan suami kerana meninggal dunia atau diceraikan dengan meninggalkan seorang atau dua orang anak. Dalam dunia nyata hari ini, perceraian menjadi *trend* atau gaya hidup, dan sebagai jalan keluar oleh kaum perempuan yang tidak bahagia dengan perkahwinannya. Gaya hidup baharu ini sangat popular dalam kalangan artis sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia. Melihat hal yang

demikian, telah banyak berlaku kaum perempuan berusaha mencapai keadilan gender melalui gugatan cerai secara pengadilan agama yang bertanggungjawab pula menentukan perceraian tersebut sama ada sah atau tidak.

Zaharah dengan penuh tanggungjawab seorang pengarang dilihat sangat ketara berusaha memenangkan kaum sejenisnya golongan perempuan untuk mencapai kebahagiaan hidup. Baginya, golongan perempuan juga dapat menjadi pendorong dalam segala perkara berkaitan bahagia atau tidak sesebuah kehidupan rumahtangga, sama ada baik atau buruk.

Emansipasi dan keadilan gender untuk perempuan juga diperjuangkan oleh Saleha Hussin dalam novelnya *Pemburu Mimpi*. Saleha Hussin menampilkan watak Hendon yang juga berpredikat sebagai ‘janda’ dengan beban lima orang anak yang kelima-lima mereka adalah berjantina perempuan, tetapi berhasil dalam hidup masing-masing sekalipun telah diabaikan oleh suaminya, Johan. Sebagai ibu tunggal atau *single parent*, Hendon berjaya mendidik kelima-lima orang anaknya hingga berjaya memperoleh pelajaran sampai ke tahap universiti, bahkan sampai ke peringkat memperolehi Doktor Falsafah (Ph.D.) seperti anak sulungnya, Hamimah.

Kesedaran akan emansipasi yang dikejar oleh orang Melayu untuk mendapat pendidikan yang layak bagi perempuan diperjuangkan oleh Hendon dengan menyekolahkan anak sulungnya, Hamimah. Keberhasilan Hamimah dalam pendidikan tidak lepas oleh kesedarannya sendiri untuk meraih pendidikan setelah diremehkan oleh ibu tirinya dengan menafikan kepentingan pendidikan bagi perempuan. Mendengar dan memahami akan sikap tersebut, Hamimah membuat keputusan melarikan diri dari rumah ayahnya Johan di Kedah ke rumah ibunya di Gemencheh, Negeri Sembilan. Selain kesedaran dan keupayaannya sendiri akan

pentingnya pendidikan pada perempuan, sumbang-saran bapa saudaranya cikgu Mohd Amin Darus juga berperanan merangsangkan Hamimah untuk mencapai gelar Doktor Falsafah, dan sekaligus disokong oleh kerja keras Hendon mencari rezeki dengan menjadi pencuci baju dan pembuat kuih-muih yang kemudian dijajakan oleh Hamimah dan Hayati sebelum mereka berdua berangkat ke sekolah setiap pagi.

Hamimah sebagai anak sulung tetap memberikan pengaruh kepada keempat-empat orang adiknya untuk turut bersekolah dan mengejar cita-cita masing-masing. Pengaruh positif ini menghasilkan pulangan buah manis setelah 16 tahun berjuang. Keberhasilan dan kegigihan mereka telah dilaporkan oleh sebuah suratkhbar untuk dijadikan iktibar kepada para pembaca supaya sentiasa ‘bermimpi dan wujudkan mimpi itu hingga menjadi kenyataan’.

Keadilan gender untuk perempuan dirasakan oleh Hamimah, Hayati, dan Halina. Mereka masing-masing mendapat kesempatan menjawat jawatan dan bekerjaya sesuai dengan kelulusan dalam bidang masing-masing. Hamimah menjadi pensyarah, Hayati menjadi jurutera, dan Halina menjadi pegawai akauntan. Hanya satu peluang yang tidak berjaya dicapai oleh Hamimah iaitu sebagai Ketua Wanita UMNO, kerana ketika pemilihan itu berlangsung dia belum berkahwin; yang merupakan satu syarat bagi perempuan Melayu untuk menyandang jawatan itu.

Melihat kegigihan watak utama Hendon bersama-sama lima orang anaknya dan berakhir dengan *happy ending* merupakan pengakhiran novel *Pemburu Mimpi*. Watak utamanya Hendon memenangi hidup setelah melalai zaman-zaman getir susah payah dalam hidupnya setelah diceraikan oleh suaminya Johan.

Latar cerita atau *setting* yang menggambarkan kegigihan perempuan, khasnya perempuan Negeri Sembilan yang masih mempunyai harta pusaka merupakan

gambaran sosial budaya dalam masyarakat Minangkabau pada amnya. Hendon yang telah diceraikan masih ada tempat untuk berlindung di rumah pusaka ibunya kerana garis keturunan *matriakat* yang dipegangnya. Kepedulian cikgu Mohd Amin Darus sebagai bapa saudara atau ninik mamak kepada Hamimah, dan adik-adiknya merupakan tanggungjawab yang harus dipikulnya seperti maksud pepatah Minangkabau, “anak dipangku, kemanakan dituntun’ yang bererti anak sendiri disayangi, kemanakan diperhatikan.

Dialog yang berhubungan dengan tema yang disampaikan pengarang jelas membuktikan bahawa ketiga-tiga buah novel yang dibahaskan di atas, ketara mengandungi isu dari emansipasi hingga ke gender. *Layar Terekembang* temanya emansipasi perempuan untuk kaum sejenisnya dan menjadi seorang isteri tanpa harus mengorbankan perjuangannya. *Hujan Sudah Teduh* dengan tema emansipasi masih memerlukan perjuangan yang panjang untuk mendapatkan kebahagiaan. Manakala *Pemburu Mimpi* dapat membuktikan bahawa kemampuan sebagai seorang perempuan ibu tunggal berjaya membesarkan anak-anak hingga berjaya dalam pendidikan. “Pemburu Mimpi” cuba mengajak golongan perempuan untuk memahami hak-hak mereka dalam kehidupan berumahtangga, dan memberikan imej lelaki budiman yang diimpikan oleh perempuan.

BAB VII

PERJUANGAN GENDER LIBERAL DALAM NOVEL INDONESIA DAN MALAYSIA

7.1 Pendahuluan

Bagi tiap-tiap masyarakat, sama ada masyarakat primitif mahupun masyarakat moden, masyarakat yang sederhana mahupun masyarakat yang kompleks, masyarakat yang masih dikekang mahupun masyarakat yang sudah maju, pasti masih mempunyai perhatian tinggi dan khusus terhadap jenis anggotanya yang terdiri daripada golongan perempuan. Menyentuh tentang persoalan yang berkaitan dengan kehidupan dan kehadiran golongan perempuan dalam sesebuah masyarakat, mereka itu boleh diibaratkan seperti mutiara ratna manikam atau barang berharga senilanya. Walau bagaimanapun semua itu adalah simbol yang sekadar melambangkan perhiasan semata-mata. Namun sebarang perhiasan seumpama mutiara itu selama-lamanya mempunyai nilai dan harga yang sentiasa dipandang tinggi dan mulia oleh manusia. Perhiasan itu tetap sentiasa dijaga, dan ia dipakai apabila diperlukan. Kemudian ia disimpan dengan baik di tempat yang selamat ketika tidak digunakan lagi sebagai perhiasan, tetapi tidak pula kemanfaatannya sudah berakhir sekalipun saat perhiasan tersebut tidak dipakai.

Perempuan juga boleh dianalogikan umpama burung dalam sangkar, dilihat amat cantik dan jinak tetapi tidak bebas bergerak ke mana-mana. Demikianlah yang tergambar dan terlukiskan dalam tradisi kesusasteraan yang hidup di tengah-tengah masyarakat; sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia hingga menjelang tahun-tahun 1930-an. Selepas beberapa tahun kemudiannya, baharulah timbul dalam kalangan pengarang-pengarang wanita daripada kedua-dua negara itu yang cuba menulis dan menyuarakan isi hati, fikiran dan perasaan keperempuanan masing-masing dalam pelbagai perspektif kehidupan bermasyarakat.

Para pengarang itu antara mereka termasuklah, Nh. Dini, Ayu Utami dan Fatimah Busu melalui karya sastera masing-masing yang agak berlainan daripada pengarang wanita seangkatan yang sezaman lainnya. Isu yang ditampilkan mereka dilihat agak berlainan, dan pernyataan masing-masing pula sangat liberal untuk ukuran dunia Timur yang masih memegang pada kelangsungan adat resam dan berpandukan agama.

Ketiga-tiga orang pengarang tersebut masing-masing dilihat telah memasukkan unsur ideologi gender dalam novel mereka; iaitu dengan cuba mengangkat masalah peranan, kedudukan dan perubahan sosial yang diharapkan dapat dialami dan dilalui oleh kaum perempuan lainnya dalam realiti kehidupan sebenar yang dibentuk oleh kultur dan struktur. Perempuan yang diharapkan oleh ketiga-tiga orang pengarang ini kelihatan mahu supaya golongan perempuan bukan sahaja sebagai pelengkap kepada kaum lelaki dalam kehidupan bermasyarakat, tetapi justeru mereka juga harus dapat menentukan kehidupan mereka sendiri.

7.2. *Pada Sebuah Kapal*

Sebagai sastrawan Indonesia, nama Nh. Dini muncul dalam tahun 1950-an. Kemudian oleh HB Jassin, pengarang dalam dekad waktu tersebut dinobatkan sebagai tokoh angkatan '66 (Dian S. Mulyantinah, 1973). Karya-karya Dini pada umumnya seperti titik-titik embun pada daun: ringan, bersih, segar, transparan, dan juga cepat menguap (H. Zain, 1973) karena itu dia dikenali sebagai ratu pengarang Indonesia (<http://id.wikipedia.org/wiki/Nh.Dini>). Beliau juga mendapat gelaran sebagai 'pengarang sastra feminis' daripada Budi Dharma.

7. 2. 1 *Sinopsis Pada Sebuah Kapal*

Sri merupakan anak kelima daripada lima orang bersaudara yang terdiri daripada dua orang abang dan dua orang kakak. Sebagai anak bongsu, Sri tidak banyak mendapat perhatian daripada kedua-dua orang tuanya. Hal ini kerana kehadirannya sangat memberat lagi membebankan perbelanjaan keluarganya. Sekalipun demikian, Sri dapat menyelesaikan persekolahannya hingga ke sekolah menengah atas (SMA).

Bermodalkan pendidikan SMA, Sri berusaha mencari kerja. Dia berpeluang bekerja sebagai penyiar radio di kotanya - Semarang. Semangat kental untuk membaiki hidup terus dikejar Sri hingga akhirnya dia mendapat suatu informasi bahawa syarikat penerbangan nasional sedang membuka peluang bagi perempuan Indonesia untuk menjadi pramugari. Sri yang mempunyai pengalaman berhadapan dengan orang ramai memberanikan diri mendaftar, selain dia juga mempunyai kefasihan dalam bahasa asing, terutama bahasa Inggeris. Hasil daripada menduduki

semua ujian dapat dilalui Sri, kecuali hanya satu ujian sahaja yang tidak dapat dilaluinya, iaitu mengenai kesihatan.

Sri yang telah terlanjur cinta berada di Jakarta berharap tetap berada di ibu kota negara itu selanjutnya. Akhirnya, dia memutuskan untuk meneruskan kerjayanya sebagai penyiar di Jakarta selain sebagai penari di istana negara. Kemudian Sri bertemu dengan Narti, rakan lamanya dari Semarang yang dapat berkerja sebagai pramugari. Narti kemudian memperkenalkan Sri kepada Saputro; seorang perwira dalam pasukan tentera udara.

Sri dan Saputro akhirnya mengikrarkan hubungan mereka sebagai pasangan kekasih setelah Saputro menyatakan hasratnya hendak menjadikan Sri sebagai isterinya. Saputro kemudian telah diarahkan untuk bertugas di luar negara. Untuk membuktikan cintanya kepada Saputro, Sri memberikan sesuatu yang istimewa pada bakal suaminya. Sayang perlakuan sumbang dan haram di luar nikah Sri bersama Saputro tersebut tidak diresnui oleh Allah swt. Saputro mati dalam tugasnya di luar negara.

Sri kemudian diperkenalkan pula oleh abangnya dengan seorang lelaki bangsa asing yang bertugas di Indonesia. Charles Vincent - seorang diplomat Perancis telah meluluhkan hati Sri kerana pandai mengambil hati dengan memberikan pelbagai barangan sebagai hadiah. Sri menerima dan memutuskan Charles Vincentlah yang tepat menggantikan posisi Saputro. Sri dan Charles Vincent akhirnya rasmi menikah. Setelah menikah, Sri mengikuti tugas suaminya di Jepun. Setelah beberapa tahun menikah dan dikurniakan cahaya mata, sifat Charles Vincent berubah. Dia suka menghardik dan bercakap kasar dengan Sri, serta sangat kedekut memberikan wang belanja. Sri tidak dapat menikmati hidup mewah seperti mula mereka berkenalan dan

menikah. Charles Vincent juga lebih suka berfoya-foya dengan rakan-rakannya sementara Sri terpaksa mengasingkan diri daripada pergaulan Charles Vincent.

Ketika bercuti, Charles tidak bersama-sama mengikut Sri. Sri justeru disarankan untuk menaiki kapal laut sedangkan Charles menaiki kapal terbang sekalipun tujuan mereka bercuti sama. Walau bagaimanapun Sri menerimanya dengan senang hati kerana dia dapat berjumpa dengan pelbagai manusia di dalam kapal laut. Di dalam kapal laut itu, akhirnya Sri bertemu dan berkenalan dengan seorang anak kapal bernama Michael Dubonton. Perkenalan dengan Michael inilah akhirnya Sri menemukan cinta dan kelembutan seorang pemuda yang selama ini tidak dia perolehi daripada suaminya, Charles Vincent.

7.2.2 Analisis *Pada Sebuah Kapal*

Analisis strukturalisme mengenai watak, perwatakan dan latar pada novel Nh. Dini (1973) yang berjudul *Pada Sebuah Kapal* seterusnya PSK terdapat dua masalah yang dihadapi watak. Pertama, masalah yang dihadapi oleh watak utama novel, dan kedua masalah yang sama dihadapi oleh watak utama dan watak pendukung.

Watak utama novel ini ialah Sri, watak sampingan ialah Charles Vincent, dan watak pendukung ialah Michael Dubonton. Sri dikatakan sebagai watak utama dalam PSK ini kerana dari permulaan cerita hingga akhir cerita mengalami pelbagai peristiwa. sebagai watak sampingan menunjang tokoh Sri yang sedang menghadapi masalah pertama. Michael Dubonton sebagai watak pendukung hadir dibahagian kedua novel PSK ini dan menghadapi masalah yang sama dengan Sri.

Perwatakan ketiga-tiga orang watak berlainan. Sri sebagai perempuan Jawa dikenali sangat lembah-lembut dan secara fizikal berperawakan ayu. Hal ini dapat terlihat dalam setiap gerak tari yang dibawakannya. Sifat lain yang dimiliki Sri adalah cekat dan tidak kenal putus asa. Dia berusaha untuk mencapai cita-citanya menjadi pramugari sekalipun dia gagal kerana penyakit yang dideritanya. Sri seorang yang perasa, sensitif, dan pendendam.

Charles berkebangsaan Perancis dengan perawakan tubuh badan yang besar dan putih. Vincent bertugas di Kedutaan Perancis, Jakarta. Dia mempunyai sifat sedikit romantis, mengumpulkan pelbagai foto hasil jepretannya sendiri. Selain itu dia mempunyai sifat buruk suka menghardik, kedekut dan mementingkan diri sendiri.

Michael Dubonton merupakan anak kapal yang bertugas di bahagian mesin. Michael Duboton mempunyai sifat suka menolong,, perhatian dan romantis dengan perempuan. Dia kecewa dengan perkahwinannya.

Analisis latar berhubungan dengan analisis sosiologi mengenai gambaran keadaan masyarakat yang memilih untuk hidup bebas yang telah mengenali dunia Barat atau hidup di dunia Barat. Akibat mengenal dunia Barat dan hidup di dunia Barat atau hidup bebas, para wataknya tidak lagi memikirkan hal-hal tabu atau tidak, atau perlakuan-perlakuan yang tidak bermoral, sama ada daripada segi agama mahupun segi adat resam masyarakat.

Analisis gender dalam novel PSK dikatagorikan sebagai gender liberal kerana beberapa alasan sebagaimana terlihat daripada jadual di bawah ini.

Tokoh	Gender Liberal		
	Sikap	Perbuatan	Keterangan
Sri	ambisi	berusaha	menyelesaikan studi mendapat kerja
	kecewa	menyerahi keperawanan	melanggar norma agama dan sosial
	terpaksa	menikah	C..Vincent:bangsa asing
	curang	affair	Pria Idaman Lain

Jadual 7.1 Sri Watak Liberal PSK

Sri sebagai watak utama dalam novel PSK tersebut mempunyai sikap ambisi untuk mencapai segala cita-citanya. Hal ini kerana Sri seorang gadis yatim yang ditinggal oleh ayahnya ketika berusia 13 tahun adalah anak kelima daripada lima orang adik beradik. Sebagai anak bongsu yang tidak diingini kehadirannya kerana membuat perbelanjaan keluarga semakin banyak kerana wang pencen yang diterima setiap bulan oleh ayahnya sangat kecil, lagipun orang tuanya itu hanya seorang pegawai rendah kerajaan. Untuk menambah penghasilan keluarga, ibunya terpaksa turut sama mencari nafkah tambahan dengan bekerja secara sampingan; iaitu bekerja membatik dan membuat kuih-muih.

Semenjak kedua-dua orang abangnya melanjutkan pelajaran dan berhijrah ke kota lain beserta kedua-dua orang kakaknya telah berkahwin, membuat rumah yang didiami Sri menjadi sepi. Kemudian ibunya membuka pondokan atau bilik-bilik sewa

untuk disewakan kepada pelajar-pelajar sekolah dengan sewa yang berpatutan. Sementara Sri sendiri telah menamatkan pelajarannya setakat sekolah menengah atas sahaja, dan kemudian berjaya bekerja sebagai juruhebah radio di kota Semarang.

Selepas tiga tahun menjadi juruhebah radio dan bekerja sampingan sebagai guru tari, Sri memberanikan diri melamar pekerjaan lain iaitu sebagai pramugari. Dorongan tersebut dilakukan Sri kerana gaji seorang pramugari ketika itu tiga kali ganda lebih besar daripada gajinya sebagai juruhebah radio. Setelah beberapa sesi ujian, Sri lulus dengan baik. Namun terakhirnya dia terpaksa menghadiri ujian lagi ke Jakarta pula. Di Jakarta Sri menetap dan tinggal di rumah bapa saudaranya. Sedihnya, hasil pemeriksaan kesihatan Sri dinyatakan tidak sihat sebab paru-paru sebelah kirinya telah dijangkiti kuman. Untuk memulihkan kesihatannya Sri terpaksa dirawat di Salatiga.

Setelah melewati tahap penyembuhan Sri datang semula ke Jakarta. Walau bagaimanapun jabatan untuk menjadi pramugari ketika itu belum ada. Akhirnya Sri disaran dan ditawarkan untuk menjadi penulis pada majalah sebuah syarikat penerbangan berkenaan. Sri menolaknya dan akhirnya tetap kekal menjadi juruhebah radio di Jakarta, dan di samping itu dia juga bekerja sebagai penari di Istana Negara.

Selain itu sikap Sri selanjutnya adalah kecewa dan menyesal dengan perbuatannya sendiri. Semua itu disebabkan oleh perkenalannya dengan seorang perwira udara. Narti, kawan Sri sewaktu di Semarang dan kini menjadi seorang pramugari di Jakarta memperkenalkan Sri kepada seorang askar AURI (Angkatan Udara Republik Indonesia) bernama Saputro. Perkenalan mereka telah membuahkan cinta hingga akhirnya mereka menjadi sepasang kekasih. Saputro melamarnya untuk dijadikan isteri, Sri menerimanya. Sayangnya sebelum pernikahan mereka

dilaksanakan, Saputro terpaksa bertugas di luar negara selama enam bulan. Sri yang mencintai Saputro dan demikian sebaliknya, akhirnya melakukan hubungan luar nikah sebelum masa pernikahan rasmi. Sri dengan yakin menyerahkan keperawanannya kepada Saputro. Malang tidak berbau, Saputro meninggal dunia dalam tugas rasminya. Sri yang sangat yakin dengan jodohnya pada Saputro, akhirnya menghadapi sesal yang tidak sudah kerana dia tidak perawan lagi. Sri tidak menyedari adanya qada dan qadar Allah dalam hidup ini hingga dia dengan rela hati sanggup melakukan kerja yang terkutuk itu.

Sebelum peristiwa nahas Saputro terjadi. Sri telah berkenalan dengan Charles Vincent atas jasa baik abangnya Supomo yang sedang menyelenggarakan pameran lukisan. Charles yang sangat menggemari seni; termasuk seni lukis. datang ke pameran Supomo sekalipun kegemarannya hanya mendokumentasikan beberapa foto yang unik. Seterusnya bermula daripada perkenalan tersebut mereka kemudian saling berjumpa hingga pada suatu hari Charles menyatakan keinginannya untuk menikahi Sri. Sebagai orang yang mempunyai kemampuan material, Charles membelikan pelbagai buah tangan untuk Sri.

Sri merasakan Charles pantas untuk dijadikan suami sebab dia ramah dan berperwatakan lembut. Selain itu kedudukan Charles Vincent sebagai diplomat Perancis yang bertugas di Indonesia merupakan faktor lain membuat Sri menerima Charles. Seterusnya sikap Sri terpaksa pada keadaan menerima pinangan Charles Vincent kerana dia seorang duda. Dengan demikian, Charles tidak akan mempersoalkan kegadisannya lagipun dia sebagai orang luar negara.

Sayangnya, perangai Charles sebelum menikah dan setelah menikah berubah. Setelah menikah, dia kikir untuk membelikan sesuatu kepada Sri bahkan untuk

membeli baju sekalipun. Selain itu Sri juga tertekan kerana Charles lebih suka menghardiknya. Kasar dalam percakapan dan perbuatan. Sesuatu yang tidak berkenan di hatinya dikeluarkan langsung tanpa memikirkan perasaan Sri sebagai isterinya. Sri akan senang jika Charles ditugaskan keluar negara beberapa hari. Pada hari-hari beginilah yang sangat dinantikan oleh Sri, kerana pada hari-hari tersebut Sri bebas melakukan apa sahaja yang diingini.

Dalam keresahan dan dalam keadaan dibelenggu oleh suasana rumahtangnya yang tidak aman itu, Sri mendapatkan angin segar ketika berkenalan dengan seorang nahkoda laut yang bernama Michael Dubonton. Perkenalan mereka terjadi ketika Sri bercuti bersama-sama anaknya dengan menggunakan kapal laut. Mereka saling mengungkapkan masalah yang dihadapi hingga pada akhirnya mereka saling memujanya hingga terjadinya apa yang dikatakan WIL dan PIL. WIL ialah singkatan daripada Wanita Idaman Lain dan PIL adalah Pria idaman lain. Sikap Sri yang demikian itu dapat dikatakan curang kerana Sri melakukan *affair* dengan lelaki lain selain suaminya.

Sekalipun ramai pengkaji melihat PSK menerapkan teori feminisme, namun isu gender di dalamnya sangat ketara jelas. Gender yang ada pada PSK adalah gender *Nurture* yang mengejar kesamaan antara lelaki dan perempuan atas kadar 50 – 50 dan berharap hingga ke tingkat *Equilibrium*.

Charles Vincent	Sri
tidak teruna	tidak dara
affair	affair
suka dipuji	mendapat pujian


Jadual 7.2: Equilibrium Sri dan Charles

Isu gender *Nurture* yang terdapat dalam PSK dapat dilihat ketika Sri membuat keputusan untuk menerima Charles sebagai suaminya. Sri tahu bahawa Charles adalah seorang duda, maka dengan demikian pilihannya pada Charles adalah tidak salah sebab Sri juga sudah tidak perawan lagi. Jika Sri mendapat Charles tidak teruna lagi maka demikian juga apa yang diperolehi Charles ketika menikahi Sri yang sudah tidak perawan lagi itu, sehingga unsur 50 – 50 ketara terlihat daripada konsep berfikir Nh. Dini melalui PKS ini.

Selain daripada cara berfikir Sri, cara bertindakya juga dapat dilihat kerana tindakannya bertujuan untuk mendapatkan kesetaraan 50–50; iaitu dengan memperlihatkan kemampuannya menari. Sri akhirnya menari lagi setelah sekian tahun tidak menari. Dia menari kembali ketika diminta oleh Kedutaan Indonesia yang bekerja sama dengan Kedutaan Perancis untuk menggalang dana di Jepun. Charles terpaksa akur atas permintaan isteri duta besar Perancis. Selepas pertunjukan tarian tersebut Sri mendapat banyak pujian dan membuat Charles marah sebab biasanya pujian akan didapatinya hanya ketika dia dapat memperlihatkan kemahirannya dalam mengambil gambar. Hal itu biasanya terjadi di rumah dengan mengeluarkan beberapa koleksi hasil fotonya.

Tindakan lain yang terjadi ialah ketika Sri terpaksa menggunakan kapal laut dalam perjalanan cutinya, sementara Charles menggunakan kapal terbang. Sekalipun menggunakan kapal laut, Sri mendapat kesempatan mengenali budaya dan peribadi setiap orang yang ditemuinya di dalam kapal. Keseronokan ini akhirnya tidak disia-siakannya hingga dia berkenalan dengan anak kapal, Michael Dubonton. Jika Charles mendapatkan keseronokan berkawan dengan mana-mana perempuan yang berkelas dengannya, Sri juga dapat berseronok dengan lelaki yang memahami isi hatinya.

Analisis dialogisme yang digunakan oleh watak dalam PSK adalah ungkapan perasaan antara watak-watak yang dirajahkan sebagaimana yang berikut:




Rajah 7.1: Dialog watak PSK

Jadual 7.1 memperlihatkan dialog yang digunakan oleh watak-watak, sama ada watak utama kepada watak sampingan dan pendukung saling membangun sebuah wacana pengenalan. Sri diperkenalkan oleh Narti kepada Saputro hingga akhirnya mereka berdua menjadi sepasang kekasih dan berhasrat untuk bernikah kelak. Demikian juga pengenalan Sri dengan Charles Vincent kerana diperkenalkan oleh abangnya, serta pengenalan Sri dengan Michael Dubonton hingga terjadi *affair*. Jelas

di sini bahawa pengenalan, perhubungan dan komunikasi memainkan peranan penting untuk watak utama Sri. Dengan demikian, watak Sri merupakan watak yang dapat berkomunikasi dengan sesiapa sahaja dan bangsa Barat.

Seterusnya analisis dialog pengarang tentang novel yang dihasilkannya. Dialog yang ingin disampaikan oleh pengarang ini dikatakan sebagai tema novel PSK. Salah seorang pengkaji, antaranya Taufik Ismail berpendapat bahawa PSK merupakan karya Nh. Dini yang mendapat sambutan hangat daripada masyarakat umum Indonesia pada tahun 1974 sehingga dapat dikatakan sebagai novel yang mencengangkan larisnya (Oyoo Sofyan, 1986). Jakob Sumardjo (1982) pula melihat novel Dini sebagai gugatan daripada seorang wanita terhadap perlakuan suami yang semena-mena dan tirani, tetapi pembelaan bagi seorang suami yang diperlakukan kurang adil oleh isterinya.

Pendapat di atas dapat disimpulkan seperti rajah berikut.



Rajah 7.2 Dialog – Tema PSK

Dalam PSK, Nh. Dini membahagikan dalam dua bahagian; pertama dengan judul penari, dan bahagian kedua dengan judul pelaut. Kedua-dua judul tersebut sama-sama

menggunakan teknik penceritaan ‘aku’. Pada bahagian pertama, kita dapat menyelami perasaan dan suara hati seorang isteri. Isteri yang digambarkan adalah tidak hanya sekadar ingin memberontak, tetapi memberontak kerana ada keinginan untuk memperjuangkan harga dirinya sebagai kaum perempuan.

Sri telah tersalah langkah dalam memilih suami, dan semua itu bukan tanpa latar belakang atau alasan. Jiwanya telah terombang-ambing setelah kematian kekasih yang telah disertai ‘keperawanannya’ kerana konon cintanya tidak berbelah bahagi terhadap Saputro. Bagi perempuan seperti Sri, keperawanan baginya tidak banyak harga apabila berhadapan dengan cinta, apalagi apabila ia diserahkan kepada orang yang dicintai dan ia pula mencintainya. Inilah pendirian Sri merelakan perbuatan jahat mereka berlangsung. Bagi seorang perempuan, kehilangan kesucian gadis dianggap sesuatu yang sangat tidak bermoral, bahkan mempunyai kedudukan yang rendah di mata masyarakat, khasnya dunia Timur. Akhirnya Sri memutuskan untuk memilih duda; iaitu Charles Vincent - seorang diplomat Perancis yang dalam fikirannya tidak menghiraukan tentang keperawanan seseorang perempuan yang bakal menjadi isterinya. Sebagai suami, Charles Vincent yang berperawakan lembut dan penuh perhatian berubah menjadi penghardik dan tidak menghargai perempuan selepas berkahwin dengan Sri, dan mempunyai anak. Sri merasa dia tidak bahagia dalam perkahwinan itu.

Bahagian kedua, Dini menceritakan Michael Dubonton; seorang perwira kapal yang jatuh cinta pada seorang gadis berdarah Swedia –Inggeris. Belum sempat Michael menumbuhkan rasa cintanya, Marjorie meninggal dunia dalam sebuah operasi untuk penyakit hampedunya. Akhirnya Michael berkahwin dengan Nicole, kawan kakak perempuannya yang berusia lima tahun lebih tua daripadanya. Walau

bagaimanapun Michael tidak mencintai Nicole; sebaliknya demi memuas dan menyenangkan hati semua pihak terutama keluarganya, maka perkahwinan itu tetap dilangsungkan juga.

Ternyata rumahtangga mereka tidak bahagia. Nicole dirasakan terlalu cerewet oleh Michael. Namun demikian perceraian tidak mudah dilaksanakan kerana undang-undang tidak membenarkan hal itu terjadi. Di samping itu Nicole juga mengancam akan menuntut sejumlah ganti rugi jika perceraian dilakukan oleh Michael, menyebabkan Michael yang merasa semakin tertekan dan terbelenggu dengan perkahwinan tersebut masih dapat menikmati kebebasan dalam setiap tugas pelayarannya.

Nh Dini mempertemukan dua korban akibat kegoyahan rumahtangga dengan pertemuan ‘backstreet’ sebagai korban tragedi. Sri mahupun Michel adalah orang-orang terpelajar yang bermaksud baik dalam rumahtangga, tetapi kebetulan dipertemukan atau dijodohkan dengan watak pasangan yang tidak sesuai. Penderitaan batin bagi dua orang itu dengan demikian dapat dijelaskan dengan alasan sangat kuat untuk kedua-duanya menentang norma umum yang berlaku, kerana keberanian Dini untuk membahas masalah rumahtangga dengan jalan keluar menggunakan ‘orang ketiga’, pada hal umumnya novel-novel Indonesia yang ditulis oleh wanita justeru menentang masuknya orang ketiga dalam rumahtangga, dan akhirnya mendapat penghakiman dalam bentuk hukuman. Namun dalam “Pada Sebuah Kapal” justeru mudah menemukan jalan keluar seumpama itu.

Sesungguhnya permasalahan yang ingin dipecahkan Dini adalah masalah yang sering dijumpai di tengah-tengah masyarakat Indonesia. Betapa banyaknya lelaki yang tidak betah di rumah akibat perlakuan isteri yang tidak bijaksana. Bahkan tidak

kurang pula jumlah perempuan yang merasa perkahwinan adalah ibarat neraka. Satu lagi yang menarik adalah keberanian Dini untuk mengungkapkan masalah seks secara wajar. Sebelumnya hubungan itu sudah ada dalam sastra Indonesia tetapi tidak terjadi pada orang yang sedarjat. Biasanya, wanita yang diceritakan adalah seorang pelacur, atau lelaki yang berjiwa bejat.

7.3 *Saman*

Andai *Saman* hadir di depan khalayak pertama kali bukan melalui sayembara, tetapi melalui publikasi buku lazimnya, apakah novel itu akan mendapat pujian setinggi langit daripada tokoh-tokoh sastra (Mulyo Sunyoto, 1998). Sapardi Djoko Damono, Ignas Kleden, dan Faruk HT merupakan dewan juri sayembara penulisan roman DKJ 1998. Ketiga-tiga orang tokoh sastra Indonesia ini bertugas menilai karya-karya yang masuk dalam sayembara tersebut. Ketiga-tiga mereka juga seperti bersepakat untuk memilih *Saman* sebagai pemenang pertama.

Keterkejutan dengan pujian yang diberikan oleh Sapardi Djoko Damono dan Ignas Kleden sangat memukau massa kalangan sasterawan Indonesia, kerana selama ini kedua-dua tokoh sastra ini sangat tidak mudah untuk memuji karya sastra domestik (Mulyo Sunyoto, 1998). Pujian istimewa ini kemudian dikutip di sampul belakang novel yang diterbitkan oleh Pustaka Gramedia yang tentu sahaja berbau iklan dan promosi seperti novel-novel popular Amerika Syarikat dalam penjualan terbanyak atau *best seller*.

Isi pujian yang diberikan Sapardi Djoko Damono pada *Saman* bahawa komposisi cerita, bahasa, paradoks, metafora, mahupun imaginasi, semuanya luar

biasa, dan Ignas Kleden mengatakan bahawa *Saman* karya yang fenomenal dan menandai lahirnya sebuah angkatan baru sastera Indonesia: angkatan 90-an (Masri Sareb Putra, 1998)

7.3.1 Sinopsis *Saman*

Cerita dalam *Saman* dimulakan dengan latar atau *setting* dengan meng-*lead* sebuah berita yang menarik mengenai kemalangan di pelantar carigali minyak di Prabumulih, Sumatera Selatan. Kemudian ia dilanjutkan dengan tragedi keganasan yang terjadi di Lubuk Lingau, Sumatera. Cerita kemudiannya baharu menyentuh watak Laila yang bertugas sebagai fotografer untuk membuat liputan mengenai kerja-kerja carigali minyak. Sayang, ketika sedang berlangsung liputan pengambilan gambar, telah terjadi suatu tragedi kemalangan yang menyebabkan salah seorang daripada pekerja di pelantar itu meninggal dunia.

Kemalangan di pelantar minyak tersebut disebabkan adanya suatu tindakan pemaksaan pengerudian oleh Rosano. Sebelumnya sudah diperiksa terlebih dahulu keadaan dan sistem peralatan oleh Sihar. Hasil analisis Sihar mengatakan bahawa sistem tidak bekerja dan jika dipaksakan akan terjadi sesuatu yang membahayakan. Rosano sebagai ketua projek dan wakil perusahaan memerintahkan kerja pengerudian tetap diteruskan. Sihar dikeluarkan daripada daftar nama perusahaan, kemudian Iman yang menggantikannya menjadi korban dalam peristiwa tersebut.

Sihar yang tidak senang hati dan kecewa dengan tindakan Rosana berusaha untuk membawa pegawai itu ke muka pengadilan, kerana mengabaikan keselamatan para pekerja. Usaha Sihar akan sia-sia tanpa bantuan daripada penguambela yang

berwibawa, kerana Rosano merupakan anak pembesar di Jakarta. Atas saranan dan bantuan Laila, akhirnya Sihar dapat membuat aduan kes jenayah itu ke pengadilan mahkamah.

Di tempat yang berbeza di Lubuk Lingau, Laila mendapat khabar bahawa kumpulan perusuh dan pemberontak telah membuat resah masyarakat di perkebunan kelapa sawit. Kumpulan ini disyaki telah menentang kebijakan kerajaan. Untuk menumpasnya maka kumpulan ini harus ditangkap. Diberitakan juga bahawa dalang menggerakkan semua itu adalah seorang pastor yang bertugas di sana. Wisangeni akhirnya termasuk dalam daftar pencarian orang atau DPO, atau senarai nama penjenayah yang dikehendaki oleh pihak keselamatan negara.

Sebagai orang yang telah menjalankan tugas paderi, Wisangeni yang tecedera dalam penangkapannya di sebuah tempat persembunyian akhirnya ditolong oleh para sister dari kepaderiannya. Untuk itu pihak kepaderian juga menolongnya dengan menyeludupkannya ke luar negara. Penyeludupan itu berhasil dilakukan dengan pertolongan daripada empat sekawan yang terdiri daripada Laila, Yasmin, Cok dan Shahkuntala.

Cok bertugas sebagai pemandu kereta dari tempat persembunyian menuju Medan. Selanjutnya tugas Laila, Yasmin, dan Shahkuntala sebagai nyonya-nyonya genit untuk menyamar dan mengalihkan pandangan daripada polis yang memeriksa mereka di jalan. Wisangeni sendiri didandani menyerupai seorang perempuan, Penyamaran mereka berhasil menghantar Wisangeni ke Singapura dengan identiti baharu menjadi Saman.

Cerita selanjutnya berkisar dengan kehidupan harian keempat-empat orang sekawanan tersebut dengan rutinitas harian mereka. Laila yang telah berkenalan dan

jatuh cinta pada Sihar terus melakukan hubungan TTM-nya hingga mereka berjanji akan bertemu di Amerika. Hal ini dilakukan Laila kerana bercuti daripada tugas hariannya dan berfikir di Amerika dia dan Sihar akan bebas untuk melakukan perbuatan maksiat kerana selama ini dia takut dan was-was melakukannya di Indonesia.

Di Amerika Laila menumpang menginap di rumah sewa Shahkuntala yang sedang memperdalam seni tari kerana mendapat beasiswa daripada pemerintah. Shahkuntala pergi ke Amerika kerana ingin melarikan diri daripada kedua-dua orang tuanya yang selalu menngongkongnya dan melarang perbuatan yang dapat merugikan perempuan. Akhirnya dengan mengekspresikan diri sebagai penari Shahkuntala dapat merasa bebas bergerak. Perjumpaan yang telah dirancang Laila dan Sihar tidak menjadi nyata sebab Sihar tidak datang di tempat yang telah ditentukan. Akhirnya Laila menunggu dalam ketidakpastian.

Cok tetap sibuk dengan usaha urusan niaga orang tuanya kerana dia berupaya untuk melebarkan sayap perniagaan tersebut ke manca negara. Yasmin yang telah berkahwin dengan Lucas selama enam tahun akhirnya mempunyai PIL; iaitu pria idaman lain bernama Saman. Mereka seperti saling merindui dengan perjumpaan yang telah dilakukan sebelumnya. Saman yang berada di Amerika dan Yasmin yang berada di Jakarta akhirnya dapat melangsungkan pertemuan tersebut melalui email untuk mencurahkan perasaan rindu masing-masing.

7.3.2 Analisis Novel *Saman*

Sebelum analisis dimulakan, pengkaji simpulkan bahawa sudut penceritaan atau *point of view* dalam novel *Saman* ini menggunakan teknik orang ketiga atau *dia-an* sebagai pencerita. Dengan demikian semua watak yang diceritakan menjadi penting untuk menceritakan watak-watak lain, kerana ada hubung-kait dengan watak sebelumnya.

Terdapat empat watak utama dalam novel *Saman*. Keempat-empat watak utama berjantina perempuan. Mereka dikatakan watak utama kerana mereka terdiri daripada kumpulan persahabatan semenjak zaman persekolahan di peringkat sekolah menengah. Mereka terdiri daripada Laila, Yasmin, Shahkuntala, dan Cok.

Watak lain adalah watak sampingan, iaitu Sihar dan Wisangeni atau Saman. Mereka berdua berjantina lelaki. Watak pendukung adalah Rosano berjantina lelaki dan watak latar adalah Iman dan Upik.

Keempat-empat watak utama perempuan ini dikatakan sebagai watak liberal kerana menolong golongan lelaki. Hal ini dapat di jadualkan seperti berikut.

Gender Liberal				
Tokoh	Kerjaya	→	Tokoh	Kerjaya
Laila	Juru foto		Rosano	Pemilik Usaha
Yasmin	Peguambela		Sihar	Pekerja
Cok	Pengusaha		Wisangeni/ Saman	Pastur
Shahkuntala	Penari		NGO	wakil

Jadual 7.3 Watak dan Perwatakan *Saman*

Watak-watak perempuan yang terdiri daripada Laila, Yasmin, Cok, dan Shahkuntala merupakan watak penolong bagi watak lelaki. Pertolongan yang diberikan bukan secara fisik tetapi melalui profesi, penampilan, dan fikiran yang dipunyai oleh watak-watak perempuan tersebut.

Analisis selanjutnya mengenai perwatakan watak-watak. Laila merupakan seorang jurufoto pada sebuah *agency*. Tubuh badannya yang semampai dan tinggi menyebabkan dia tidak layak sebagai jurufoto tetapi sebagai model. Laila menyukai tantangan dalam kerjaya, seperti mengambil gambar di pelantar carigali minyak yang merbahaya.

Yasmin merupakan seorang peguambela. Dia bekerja di peguambela milik ayahnya. Yasmin adalah seorang yang lantang dan petah dalam bercakap. Dia juga berani membela kebenaran dengan hujah-hujah yang bernas. Cok seorang pengusaha kerana orang tuanya kaya. Dia dapat hidup bebas tanpa sekatan dan pengawasan orang tuanya. Dia berjiwa sosial, iaitu menderma untuk membantu rakan-rakannya yang memerlukan bantuan kewangan. Shahkuntala seorang penari yang suka berekspresi. Dia pendiam dan suka menyendiri kerana orang tuanya, khasnya ibunya mengajarkan agar dia tidak terlalu lincah dan genit menjadi perempuan.

Sihar merupakan lelaki gagah dengan kekuatan tubuh badannya yang segak. Ototnya yang kuat menyebabkan dia semakin menawan dan menarik bagi perempuan yang melihatnya. Wisangeni merupakan seorang paderi yang bertugas sebagai pastor untuk agama Katolik. Dia telah mengabdikan dirinya sebagai pastor di pelosok desa di Sumatera Selatan selama sepuluh tahun selepas tamat pengajian sekolah menengah. Wisangeni mengubah namanya menjadi Saman. Dengan nama Saman, dia bertugas di

sebuah lembaga swasta yang berhubungan dengan pembelaan hak asasi atau *human right*. Rosano merupakan ketua perusahaan pelantar carigali minyak dan anak pejabat. Tubuh badannya kemas sebagai ketua perusahaan. Rosano pekerja yang bersungguh-sungguh agar perusahaannya dapat menghasilkan minyak yang banyak untuk keperluan rakyat.

Watak latar dibagikan kepada dua, iatu latar carigali minyak yang diwakili oleh Iman. Iman merupakan pekerja carigali yang sial kerana meninggal dunia akibat kerja yang dilakukan tanpa mempertimbangkan keselamatannya. Dia sebagai tulang belakang keluarga mencari nafkah. Watak selanjutnya Upik, seorang perempuan yang tidak berdaya kerana dikurung oleh keluarganya sendiri. Dia dipasung kerana disangka gila.

Analisis sosiologi dalam novel *Saman* ialah mengenai satu kumpulan dengan komuniti yang kecil. Mereka merupakan bekas pelajar sebuah sekolah yang terdiri daripada empat orang perempuan dan seorang lelaki. Mereka dalam kumpulan tersebut saling tolong-menolong sekalipun telah lama lulus meninggalkan bangku sekolah. Mereka tetap bersatu hati dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah.

Laila sebagai jurufoto sebuah syarikat penerbitan atau *production house* menjalankan tugas untuk membuat profil perusahaan Texcoil Indonesia yang merupakan sebuah syarikat usahasama dalam negeri dengan sebuah syarikat luar negara yang bergerak dalam bidang pengangkutan atau pertambangan dan carigali di Kanada. Laila juga membuat tulisan mengenai penggerudian di Asia Pasifik dengan logo perusahaan Petroleum Extention Service. Lokasi tempat pengambilan gambar ialah di pelantar carigali minyak di Prabumulih, Sumatera Selatan.

Untuk mendapatkan maklumat, Laila beserta rakannya Toni terpaksa datang ke lokasi operasi carigali itu berlangsung. Ketika sampai di tempat yang dituju mereka disambut oleh Rosano yang dikenali oleh pekerja di pelantaran minyak itu sebagai orang perusahaan. Rosano langsung membawa mereka ke tempat penggerudian minyak. Sayangnya saat itu ketika Rosano akan memperlihatkan kerja-kerja penggerudian, peralatan dan sistemnya mengalami gangguan. Untuk itu, Rosano memerintah Sihar Situmorang sebagai orang kanan bahagian perngurusan dan memintanya untuk memeriksa sistem dan peralatan. Sihar sebagai seorang jurutera analisis kandungan minyak memberi pendapat dan mengatakan, bahawa kerja-kerja penggerudian tersebut terpaksa dihentikan sementara waktu kerana jika diteruskan juga akan terjadi sesuatu hingga boleh mengakibatkan kecelakaan besar berlaku. Rosano naik pening dan tidak mempedulikan pendapat Sihar. Sebaliknya Rosano meminta para pekerja tetap meneruskan tugas masing-masing tanpa mempedulikan pendapat jurutera itu. Akibatnya, lubang penggerudian minyak tersebut telah meletup dan mengalami kebakaran besar. Iman, salah seorang rakan Sihar yang diperintah Rosano ikut meninggal dunia akibat letupan tersebut.

Rasa tidak senang Sihar terhadap sikap dan perbuatan Rosano membuatkan dia ingin mengadukan kecelakaan itu kepada pengadilan pihak berkuasa, kerana berlakunya bencana besar itu dianggap sebagai satu kelalaian dan kedegilan. Untuk dapat menjalankan niat Sihar ini oleh Laila disarankan supaya menghubungi sebuah NGO perlindungan hak asasi manusia dan seorang peguambela. Hal ini kerana Rosano adalah salah seorang anak orang kenamaan dan petinggi negeri yang selalunya sangat payah untuk dijatuhi hukuman bersalah. Laila menghubungi kawan

lamanya yang bekerja di NGO perlindungan hak asasi manusia di Amerika, dan menghubungi juga Yasmin kawannya di Jakarta sebagai seorang peguambela.

Komuniti kecil yang dibangun oleh sekawanan Laila, Yasmin, Cok, dan Shahkuntala juga terjadi ketika keempat-empat mereka ini berjaya meloloskan Wisangeni sebagai individu yang dikehendaki polis dari Medan ke Singapura lalu ke Amerika. Wisangeni yang berprofesi sebagai pastur atau paderi berhadapan dengan kekejaman yang terjadi di Lubuk Lingau, Sumatra. Dia mendapati ramai penduduk yang menderita akibat sebuah sistem pemerintahan yang tidak betul. Penduduk mengalami penderitaan hidup dan semakin miskin dengan sistem yang dijalankan. Untuk menolong penduduk kampung yang menderita ini, Wisangeni ikut dalam suatu serangan pengeboman. Kesannya usaha kumpulan berempat ini dianggap sebagai sikap menentang pemerintah dan subversif. Akibatnya Wisangeni dikejar dan diburu sebagai pemberontak yang hampir sama kejadiannya dengan kejadian PKI ketika masa ORBA (Orde Baru) dahulu.

Sebagai orang kepasturan, Wisangeni akhirnya ditolong di sebuah rumah sakit dan dikeluarkan dengan penyamaran oleh keempat-empat orang dalam kumpulan tersebut. Mereka mendandani Wisangeni sebagai seorang pembantu, sementara sekawanan perempuan itu pula menyamar sebagai nyonya-nyonya dengan *make up* yang berlebihan. Wisangeni akhirnya dapat memboloskan diri dan selamat sampai di Singapura dengan kad pengenalnya yang berganti nama dengan Saman hingga akhirnya dia berjaya memasuki negara Amerika.

Analisis gender yang diketengahkan dalam novel *Saman* ini adalah teori *Equilibrium*; iaitu suatu teori yang berkonsepkan tiada sebarang pertentangan antara lelaki dan perempuan, dan sebaliknya kedua-dua mereka harus saling bekerjasama

dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara. Selain daripada itu, kesetaraan dan keadilan gender juga harus memperhatikan masalah kontekstual dan situasional. Kesetaraan akan tercipta dan wujud dalam bentuk kerjasama perempuan dengan lelaki dalam menghadapi dan menyelesaikan masalah. Konteksnya bermaksud situasi atau keadaan. Jika selama ini perempuan dibantu dan ditolong oleh lelaki, perempuanpun dapat menolong lelaki dengan caranya sendiri. Untuk menjelaskan unsur kesamaan dan kesederajatan yang dimaksudkan itu dapat dilihat melalui jadual 7.4 berikut:

Tokoh	Pertolongan	Keterangan
Laila	meliput dan membuat promosi perusahaan-mencari solusi aduan-penyamaran	Rosano Sihar Wisangeni/Saman
Yasmin	- pembelaan - penyamaran	Sihar Wisangeni/Saman
Cok	-penyamaran - kewangan	Wisangeni/Saman
Shahkuntala	- penyamaran	Wisangeni/Saman

Jadual 7.4: Gender Equilibrium *Saman*

Hal ini jelas dapat dilihat daripada sekumpulan empat sekawan yang telah menolong golongan lelaki dalam menghadapi masalah kerana keadaan kondisi dan situasional. Sihar yang merasa kehilangan kawan bekerja ingin mengadukan masalah keselamatan para kerja kepada pihak berkuasa di pejabat pusat supaya mendapat keputusan bahawa semua yang telah terjadi itu adalah sebagai kecuaiian bukan

kecelakaan. Jadi untuk menebus semua kekesalannya itu, dia berbincang dengan Laila; seorang jurugambar atau *fotografer* yang ditugaskan oleh sebuah *production house* untuk membuat liputan mengenai profil perusahaan minyak tempat Sihar bekerja pada perusahaan tersebut. Laila, sebagai seorang yang melihat kejadian tersebut secara langsung, mendapati wujudnya unsur-unsur kesengajaan atau pemaksaan, kerana sebelum nahas itu berlaku Sihar telah pun memberi nasihat dan pandangan kepakarannya supaya tidak dilakukan sebarang penggerudian pada masa tersebut, tetapi dipaksa juga melakukannya oleh Rosano sebagai pegawai tinggi di situ. Akibatnya, terjadilah kebakaran hingga mengorbankan nyawa Iman; salah seorang daripada kawan Sihar di perusahaan tersebut.

Iman sebagai orang tempat bergantung keluarganya dianggap mati secara teraniaya, menyebabkan keluarga itu tiada lagi tempat bergantung hidup. Jika ada penggantian daripada pihak perusahaan, sama sekali tidak memadai sebagai ganti rugi kerana tidak akan cukup untuk menebus kesejahteraan bagi keluarga tersebut. Kesejahteraan inilah yang dituntut oleh Sihar bagi pihak keluarga Iman. Sihar menuntut agar perusahaan memberikan ganti rugi yang sepadan dengan pengorbanan Iman. Untuk menghadapi itu semua, Sihar disarankan oleh Laila untuk menghubungi *human right*; iaitu sebuah lembaga yang bertugas dan bertanggungjawab menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan dan keselamatan manusia sejagat. Selain itu, untuk melicinkan jalan tersebut, Laila juga berusaha menghubungi seorang kawannya yang bekerja sebagai peguambela pada sebuah lembaga bantuan guaman di Jakarta.

Selain kepada Sihar, pertolongan yang diberikan oleh keempat-empat orang sekawan ini diberikan juga kepada Wisangeni seorang pastur yang terperangkap

melibatkan isu politik dan mengancam keselamatan jiwanya. Wisangeni yang bertugas di pedalaman Sumatra merasa terpanggil untuk menolong penderitaan penduduk yang selalu dibohongi oleh sebuah perusahaan besar. Akibatnya, kemarahan penduduk yang sangat tertekan dengan keadaan ekonomi dan situasi ketenteraan menyebabkan mereka membuat suatu tindakan nekad untuk membalas dendam. Kem perusahaan kelapa sawit dibakar. Pihak pengusaha melaporkan kepada pihak keselamatan bahawa itu dilakukan oleh kumpulan yang brutal dan tidak bertanggungjawab. Sementara daripada pihak kerajaan pula menyatakan mereka adalah kumpulan pemberontak.

Sebagai pemberontak yang dianggap menentang pemerintah, kumpulan ini dicari dan diadili bahkan catatan nama mereka jelas terdaftar sebagai DPO (daftar pencaharian orang). Wisangeni termasuk di dalam DPO itu. Untungnya dia diselamatkan oleh sekumpulan suster di kepaderiannya. Dia dirawat dan diseludupkan untuk menutup nama baik kepasturan berkenaan. Selanjutnya, keempat-empat sekawan inilah pula kemudian ikut sama membantu menolongnya menyeludup Wisangeni dari Medan ke Singapura. Akhirnya lelaki itu selamat sampai di Amerika dengan identiti yang telah berubah menjadi Saman.

Pertolongan keempat-empat sekawan ini yang terdiri daripada perempuan disebabkan kerana Laila sewaktu di sekolah dahulu menyukai Wisangeni. Laila; seorang wanita Islam akhirnya tidak dapat melanjutkan hubungan percintaannya dengan Wisangeni kerana lelaki itu memilih menjadi pastur. Perhubungan persahabatan mereka berjalan kembali sekalipun mereka telah bekerja dalam bidang masing-masing.

Laila sebagai jurufoto, Yasmin sebagai peguambela dalam bidang undang-undang, Cok sebagai pengusaha, dan Shahkuntala sebagai penari yang mendapat tugas belajar di Amerika. Laila yang masih perawan dan patah hati dengan Wisangeni akhirnya menemukan cintanya kembali pada Sihar. Sayangnya, Sihar yang telah menawan hatinya itu sebenarnya sudah berkahwin, hingga hubungan kedua-dua mereka “back-street” atau yang dikenali dengan istilah TTM (teman tetapi mesra).

Sementara Yasmin yang telah pun bersuami enam tahun yang lalu dengan Lukas kawan sekuliahnya belum lagi dikurniakan cahaya mata. Pertemuan antara Yasmin dan Wisangeni atau Saman yang bergerak dalam bidang yang sama membela hukum manusia yang teraniaya, juga melakukan hubungan “back-street”, kerana Wisangeni yang bukan lagi pastur ketika itu akhirnya melayan hatinya dengan Yasmin. Sementara Cok semenjak remaja lagi telah diketahui dan diceritakan sebagai *play girl*. Dia tidak cukup berhubungan dengan satu orang lelaki hingga keluarganya membuangnya ke Bali. Sayangnya di pulau yang penuh dengan syurga dunia itu dia semakin bebas melakukan kebiasaan jahatnya dengan berganti-ganti pasangan. Selanjutnya Shahkuntala yang sangat membenci ayah dan ibunya kerana selalu ditahan dan dikekang dalam kehidupan hariannya untuk menjadi perempuan yang suci dan sentiasa mengawalya, akhirnya memilih menjadi penari yang bebas dengan segala ekspresinya.


Isu hubungan gender dalam percintaan dan menjaga kesucian dapat dijadualkan seperti berikut ini.

Tokoh	Agam	Status	Hubungan	Keterangan
Laila	Islam	Dara	Wisangeni Sihar	Tidak dapat bercinta sebab Wisangeni sebagai pastur TTM
Yasmin	Kristian	Berkahwin	Saman	Backstreet
Cok	Kristian	Tidak Dara	Ramai	Free Sex
Shahkuntala	Kristian	Dara	Tidak ada	Self Sex

Jadual 7.5: Identiti Gender *Saman*

Laila yang masih perawan sangat takut berhubungan kelamin dengan Sihar sekalipun dia sangat mencintai Sihar. Ketakutan Laila beralasan kerana dalam agama Islam tidak boleh seseorang melakukan hubungan badan kecuali setelah diijabkabulkan. Yasmin yang telah berkahwin dengan Lucas jatuh cinta untuk kedua kalinya dengan Saman. Hal ini kerana manusia mempunyai tiga masa untuk jatuh cinta. Cok yang selalu bebas tanpa pantauan orang tua dapat memuaskan nafsu syahwatnya kepada sesiapa sahaja yang dia mahu. Shahkuntala yang dijaga dengan baik oleh orang tuanya tidak pernah jatuh cinta dan dia memberontak dengan melakukan kebebasan berekspresi termasuk kebebasan seks sendiri atau *martubasi*.

Analisis dialogisme yang digunakan dalam novel “Saman” ini adalah dialog dengan menggunakan kekuasaan dan perbuatan. Manakala media yang digunakan ialah telefon dan internet.




Rajah 7.3: Dialog Watak *Saman*

Dialog yang digunakan dalam novel *Saman* ini adalah kuasa untuk suara. Rosano menggunakan kekuasaannya untuk memerintah Sihar. Rosana mempunyai kuasa besar kerana dia merupakan wakil perusahaan dan anak salah seorang penguasa tertinggi perusahaan, sehingga suaranya akan sentiasa didengari, dipatuhi dan dilaksanakan oleh anak-anak buah perusahaan tersebut.

Selanjutnya dialog yang berhubungan dengan alat perantaraan atau media yang digunakan adalah telefon dan email. Laila menggunakan telefon untuk berhubung dengan Sihar tentang temu janji. Laila jatuh cinta kepada Sihar sekalipun dia mengetahui Sihar telah pun berkeluarga. Selama perjumpaan antara Laila dan Sihar, juga menggunakan perbualan bersemuka. Lain halnya dengan apa yang dilakukan oleh Yasmin dan Wisangeni; mereka berdua menggunakan email dalam komunikasi seperti kehidupan hari ini yang sangat mudah dan cepat untuk mendapat maklum balas.

Analisis dialog selanjutnya mengenai tema yang akan disampaikan pengarang dalam *Saman*. Ayu Utami mulai diperbincangkan di arena kesusasteraan Indonesia selepas novel *Saman* memenangkan hadiah pertama sayembara penulisan roman DKJ 1998. Ketika memenangi *Saman*, Ayu Utami belum genap berusia 30 tahun. Ayu Utami seorang perempuan sekaligus berprofesi sebagai seorang wartawan dan aktif di Jurnal Kebudayaan Kalam yang berpejabat di kawasan Utan Kayu, Jakarta Timur. Dia berkelulusan Fakultas Rusia, Universitas Indonesia. Ayu Utami selama menuntut lebih senang bekerja sambil kuliah, kerana baginya walaupun mempunyai kelulusan tetapi tiada pengalaman tiada gunanya. Ayu Utami giat menulis saat usianya 22-23 tahun. Beberapa tulisannnya pernah dimuatkan di dalam majalah *Matra* dan *Femina*. Bahkan dia pernah dua kali memenangi penulisan cerita pendek majalah *Humor*.

Mengenai *Saman* karya Ayu Utami yang fenomenal ini merupakan fenomena baharu dalam dunia sastera Indonesia, bahkan teks ini telah dicetak ulang sebanyak 25 kali hingga tahun 2002. Ayu lihai membidik minat pembacanya (A. Rahim Abdullah, 2008).



Rajah 7.4 Dialog *Saman*

Ayu Utami yang menuntut bidang sastra dan mempunyai kerjaya sebagai seorang jurnalis mengetahui bahawa masyarakat Indonesia sangat haus dengan karya kesusasteraan yang dihasilkan oleh perempuan. Perempuan yang biasa menghasilkan novel adalah Nh. Dini. Nh. Dini tidak produktif seperti dulu di tahun 1960-1970. Kini di tahun 1990-an menjelang tahun 2000, Ayu berhasil mendapatkan tempat di hati masyarakat Indonesia, khasnya peminat novel.

Ayu Utami melalui *Saman* sangat berani memperkatakan hal-hal yang berkaitan dengan jantina, kebebasan seks bahkan berani menerobos batas-batas susila masyarakat dan agama di Indonesia. *Saman* juga dikatakan dapat meretakkan tembok kukuh persetujuan antara bacaan sastra dengan bacaan popular, dan moral vs amoral (Viddy AD Daery, 2009)

Tema utama novel ini menurut Ayu adalah tentang wanita dan seksualiti. Tentu sahaja Ayu mempunyai alasan untuk membangun tema demikian, menurutnya “kerana seks itu menjadi problema bagi perempuan ketimbang lelaki” (Masri Sareb Putra, 1998). Bahkan, “tidak hanya lelaki yang salah jika serong dengan perempuan lain, tetapi perempuan juga. Tidak hanya lelaki yang bisa hidup sendiri dan mengembara, tetapi perempuan juga. Tidak hanya lelaki yang dapat hidup bersama perempuan, tetapi perempuan mempunyai potensi besar untuk membina kebersamaan dengan lelaki tanpa harus diremehkan” (In’Amanul Mustofa, 1998).

Titik-titik kegelisahan yang diungkapkan Ayu tersebut kemudiannya membangun dilema bagi masyarakat pembaca, sama ada perempuan mahupun lelaki. Tokoh Laila jatuh cinta pada pria beristeri, sementara Yasmin yang sudah bersuami menyukai Saman. Daripada masalah yang ditampilkan, Ayu ingin membuka mata hati perempuan untuk bercermin bahawa perempuan mempunyai kelemahan dan kekuatan

batin. Perempuan takut menjadi dirinya sendiri, dan bahkan takut berjaya daripada gagal. Di sini jelas bahawa manusia yang ditampilkan Ayu Utama adalah manusia yang tidak sempurna, dan manusia yang tidak sama sekali terlepas daripada melakukan dosa.

7.4 *Salam Maria*

Kehadiran novel *Salam Maria* dalam tahun 2004 mengejutkan dunia sastra Malaysia (Salbiah Ani, 2004). Hal ini kerana pengarang novel *Salam Maria* tidak lain adalah Fatimah Busu yang berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D), dan juga pengarang Malaysia yang terpilih untuk menerima anugerah SEA Write, tetapi dengan alasan tertentu kerana mempertahankan prinsip dia menolaknya. Dr. Fatimah Busu merupakan pengarang mapan Malaysia yang terus berkarya semenjak mula penglibatannya dalam tahun 1950-an hingga kini dan ketika menulis bukan berdasarkan ikut *mood* (Rosnah Baharudin, 2003).

7.4.1 Sinopsis *Salam Maria*

Salam Maria menggunakan teknik penceritaan *flashback*. Cerita dimulai daripada berita suratkhbar yang menyatakan seorang graduan USM terkorban dalam kemalangan jalan raya. Maria Zaitun sebagai kekasih korban kemalangan tersebut akhirnya menjadi pergunjingan kawan dan rakan di pejabatnya hingga akhirnya dia dikeluarkan dari tempatnya bekerja dan diusir dari rumah sewa.

Dalam penghijrahannya mencari tempat berlindung, Maria Zaitun tidak meninggalkan kewajibannya sebagai seorang Muslim untuk melaksanakan solat

fardu. Bahkan solat fardunya pernah dilakukan di Masjid Negara yang baginya sebagai tempat yang aman dan selesa untuk menjalankan ibadah. Namun kehadirannya di masjid itu justeru membuat para jemaah wanita lain tidak menyenangi kehadirannya hingga dia terpaksa dihalau dari Masjid Negara tersebut.

Ketika Maria Zaitun berusaha menyelamatkan diri daripada kejaran polis yang menghalaunya, beberapa jemaah yang masih berada dalam masjid mengalami serangan penyakit pengsan misteri bersama-sama. Mereka yang pengsan itu kemudian dikejarkan ke rumah sakit negara hingga memakan biaya dan waktu yang cukup lama iaitu dua tahun, dua bulan, dua puluh dua hari. Mereka sedarkan diri kembali setelah salah seorang cucu daripada pesakit itu; iaitu cucu daripada imam masjid datang menjenguk datuknya itu ketika bercuti daripada pengajiannya di Madinah.

Dalam pengsan misterinya tersebut, para pesakit sangat lapar dan kehausan kerana tiada air dan tiada makanan untuk mereka makan. Makanan yang tersaji dalam mimpi mereka, semuanya hanya untuk Maria Zaitun. Seorang pesakit yang baharu pulang dari Mekah ketika dirawat di rumah sakit juga mengakui bahawa ibadah haji Maria Zaitun pada tahun ini juga diterima oleh Allah swt sekalipun dia tidak melakukan ibadah haji pada tahun ini.

Mendengar nama Maria Zaitun diperbincangkan, sebuah suratkhobar menghantar salah seorang wartawannya, Siti Senang untuk mencari maklumat mengenai Maria Zaitun. Berita mengenai Maria Zaitun yang dilaporkan oleh Siti Senang menyebabkan Siti Senang menjadi orang yang terkenal sekalipun dia tidak pernah berjumpa dengan Maria Zaitun. Siti Senang juga mengumpulkan kekayaan berupa wang sumbangan daripada para jemaah Maria Zaitun untuk dirinya sendiri.

Bahkan hingga akhirnya dia mengisytiharkan bahawa dialah Maria Zaitun yang sebenar.

Maria Zaitun yang sebenar padahal sesungguhnya berada di pekan Hutan Beringin. Di Hutan Beringin inilah Maria Zaitun mengajarkan solat dan mengaji Quran kepada jamaah wanita yang dipimpin oleh Kimbung Tua. Kimbung Tua adalah ketua dalam kumpulan di Hutan Beringin ini yang terdiri daripada dua puluh wanita. Kumpulan yang dibentuk oleh Kimbung Tua dan dua orang yang lain ini menampung wanita-wanita muda yang menghadapi masalah hidup kerana hamil di luar nikah dan sumbang mahram.

Maria Zaitun yang suci dan bersih ini mengetahui dosa yang telah dibuat oleh kaumnya ini akhirnya memberikan tunjuk ajar mengenai agama Islam. Mereka diajar melaksanakan solat fardu, solat taubat atau solat ampun dosa, solat tahajud, puasa, dan mengaji Quran. Hingga akhirnya Maria Zaitun menghabiskan waktunya dalam kebaikan untuk kaum sejenisnya golongan wanita hingga akhir hayatnya sekalipun dia tidak pernah berkahwin.

7.4.2 Analisis *Salam Maria*

Analisis strukturalisme novel *Salam Maria* (seterusnya SM) ini dimulai dari analisis watak, perwatakan, latar, dan sosiologi. Watak utama dalam novel ini adalah Maria Zaitun. Watak sampingan adalah perempuan-perempuan daif di Hutan Beringin. Watak pendukung adalah kekasih Maria Zaitun, Siti Senang dan ibu bapa Maria Zaitun. Watak latar adalah jamaah masjid dan pesakit hospital, dan cucu imam masjid.

Analisis perwatakan ditumpukan pada watak utama Maria Zaitun. Watak-watak lainnya akan ikut serta dalam pembahasan watak utama Maria Zaitun. Maria Zaitun merupakan seorang gadis yang kematian tunangnya. Akibatnya dia dipredikatkan sebagai perempuan tidak beruntung kerana kekasihnya meninggal dunia.

Tokoh	Peruntungan	Keterangan
Maria Zaitun	kematian kekasih	dicemooh masyarakat ditakuti masyarakat
	mendapat tempat berteduh	Disayang oleh kumpulan daif

Jadual 7.6 Watak Utama novel SM

Maria Zaitun yang dididik dengan sopan santun sangat mentaati akan kedua-dua orang tuanya. Setelah selesai menamatkan alam persekolahan dia bekerja di sebuah pejabat di ibu kota, Kuala Lumpur; sebagaimana juga lain-lain perempuan. Sayangnya nasib baik kehidupan dunia tidak menyebelahnya. Dia mendapat dugaan hidup daripada Allah swt dengan pelbagai ujian.

Dugaan pertama, ketika kekasihnya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Maria Zaitun menerima dugaan itu dengan sepenuh hati. Dia menyerahkan semuanya kepada Maha Kuasa Allah. Walau bagaimanapun persekitarannya tidak bersahabat dengannya hingga dia dikatakan sebagai perempuan yang tidak beruntung

atau perempuan sial. Dengan kesendiriannya seumpama itu, persekitarannya juga merasa runsing, takut jika pasangan mereka nanti akan menyukai Maria Zaitun.

Untuk meredakan ketakutan persekitaran tersebut, Maria Zaitun mulai membuka diri menerima lelaki yang menyukainya. Beberapa lelaki yang menyukainya datang dalam waktu yang sama, menyebabkan Maria Zaitun dianggap sebagai pelacur oleh persekitarannya. Mulut celupar para perempuan di persekitarannya menyebabkan dia dihalau dari rumah sewa.

Untuk mencari rumah sewa baharu di bandar raya Kuala Lumpur, Maria Zaitun mengalami kesulitan, kerana seolah-olah semua orang tahu siapa dirinya yang sebenar. Maria Zaitun tidak berkecil hati dengan perlakuan itu, namun yang terpenting baginya ialah taat mengerjakan solat lima waktu jangan sampai terlalai. Sungguhnya begitu, ketika dia singgah di Masjid Negara juga menyebabkan dia dihalau oleh sekumpulan jemaah perempuan yang mengetahui akan kehadirannya. Sepertinya Masjid Negara juga tidak layak dia pijak. Dalam keadaan demikian dia melarikan diri ke arah Timur dengan menumpang kereta api.

Perjalanannya dengan kereta api merupakan sebuah penghijrahan dari bandar raya ke kampung. Maria Zaitun dapat diterima dan dapat hidup dalam komuniti kecil yang baharu hingga dia diterima menjadi guru dan imam bagi jemaah sejenis dengannya. Di tempat baharu inilah Maria Zaitun dapat berkhidmat kepada sesama manusia dan mengabdikan diri kepada Allah.

Analisis latar digabungkan dengan analisis sosiologi mengenai gambaran masyarakat yang tidak menerima orang ‘sial’. Hal ini terjadi pada watak Maria Zaitun yang kehilangan ayah dan ibu, kemudian dilanjutkan dengan kehilangan kekasih. Kekasihnya seorang graduan USM meninggal dunia akibat kemalangan di jalan raya

sebelum temubual. Semenjak kejadian nahas tersebut Maria Zaitun tidak dapat melupakan kekasihnya. Akibatnya dia dipulau atau dikucilkan daripada masyarakatnya dan dicemuh sebagai ‘perempuan yang tidak direstui oleh Tuhan’.

Dan kemudian orang ramai pun selalu melihat Maria Zaitun berjalan seorang diri di mana-mana sahaja. Lalu mereka pun mengeji dan mencela akan diri Maria Zaitun yang dianggap sangat malang itu. Perempuan yang tidak direstui Tuhan. Begitulah, sedang orang perempuan lain sepertinya ada kekasih yang baik dan setia berteman di mana-mana sahaja, dia sering juga dengan dirinya sendiri macam pohon kayu yang ditakdirkan tumbuh sebatang sahaja, meninggal di tengah-tengah padang pasir yang gersang! (Fatimah Busu: 9)

Sesungguhnya ketidakberuntungan nasib Maria Zaitun ini bermula ketika usianya meningkat remaja. Cerita sialnya bermula dengan serombongan orang daripada pihak lelaki datang untuk merisikinya, tetapi kedua-dua orang tuanya menolak lamaran tersebut dengan alasan dia belum layak untuk berumahtangga dan masih ingin melanjutkan pengajian.

Ramai antara yang mencemuh Maria Zaitun ialah kaum sejenisnya sendiri iaitu kaum perempuan. Sebaliknya, demikian kaum lawan iaitu kaum lelaki justeru terpikat kepadanya. Pernah beberapa orang lelaki datang menyatakan hasratnya dan menyukai Maria Zaitun dalam masa yang sama. Akibatnya, kaum perempuan yang membenci dan mencemuhnya semakin banyak dan menyangka bahawa dia adalah seorang pelacur kerana berganti-ganti pasangan. Dengan predikat yang disinonimkan pada dirinya menyebabkan Maria Zaitun susah untuk mendapat rumah sewa. Selain itu, dia pernah dihalau dari rumah sewa kerana dianggap gila ketika berdoa memohon

perlindungan daripada Allah swt dengan suara yang kuat membuat persekitarannya merasa tidak nyaman.

Selain penceritaan daripada beberapa peristiwa tentang masyarakat seperti di atas, novel SM juga menggambarkan tentang penghijrahan. Hal ini dapat dilihat ketika Maria Zaitun dalam kegalauan yang tidak tentu arah mencari tempat berteduh. Dia bertemu dengan serombongan perempuan yang dipimpin oleh orang tua buta dengan ditemani oleh tiga orang anak remaja di Pekan Beringin. Kimbung Tua sebagai pemimpin dalam rombongan itu memberikan restu kepada Maria Zaitun untuk bergabung dengan mereka. Maria Zaitun mengikuti mereka hingga ke Hutan Beringin. Maria Zaitun merasa gembira kerana berpeluang mendapatkan tempat berteduh dan merasa selesa. Kemudian dalam kumpulan baharunya itu Maria Zaitun mengajar mereka bersolat dan mengaji sebagai umat Islam. Maria Zaitun tidak segan untuk mengeluarkan wang sebagai pembelanjaan harian mereka yang seramai 20 orang itu, dan menjadikan wangnya sebagai modal usaha.

Maria Zaitun akhirnya mengabdikan dirinya dalam kumpulan manusia yang terbuang dan kurang bernasib baik daripada segi fizikal sekalipun dia seumur hidupnya tidak pernah berkahwin, dan tidak juga pernah mengerjakan fardhu Haji di Mekah. Namun, di Hutan Beringin inilah Maria Zaitun merasa hidupnya sudah nyaman dan selamat kerana telah melaksanakan tugasnya sebelum meninggal dunia.

Analisis gender yang terdapat dalam SM ini adalah gender *nurture*. Maksudnya, wanita menjadi tersisih kerana lingkungan persekitaran yang menyebabkannya tersisih dari masyarakat. Malah wanita juga yang dapat menerimanya dengan kehidupan yang baharu sekalipun dalam kumpulan yang kecil. Kumpulan kecil inilah yang merupakan model untuk memperbaiki diri daripada

kesilapan yang telah dilakukan. Manusia yang berdosa di dunia akan dapat memohon keampunan daripada atas dosa-dosanya asalkan dilakukan dengan kesungguhan dan mendapat keredaan Allah swt.

Analisis gender seterusnya dilihat dari kerjaya dan perbuatan Maria Zaitun dengan Siti Senang yang tidak sehaluan.

Tokoh	Kerjaya	Perbuatan	Keterangan
Maria Zaitun	Kerani	-	dikeluarkan dari pejabat
		Hijrah	tiada tempat kerja tiada umah untuk disewa
		Penderma	mengeluarkan wang bakal naik Hj kepada kumpulan wanita daif
		Ustazah	mengajar orang tua dan anak terlantar di Hutan beringin
Siti Senang	Wartawan	populariti	mencari dan menulis tentang Maria Zaitun
		Menyamar sebagai Maria Zaitun	Membuat fesyen dan telekung Maria Zaitun


Jadual 7.7 Kerjaya Gender SM

Maria Zaitun bekerja sebagai kerani di sebuah pejabat di Kuala Lumpur. Setelah mengalami masalah dengan kehidupan peribadi, dia dikeluarkan dari pejabat kerana lingkungan di pejabat tak menginginkan kehadirannya lagi. Maria Zaitun tiada kerja sehingga dia harus berpindah ke tempat sewa yang murah tetapi tak dapat. Dia

berhijrah dan terbuang dari masyarakat kota ke Hutan Beringin. Dengan wang bekal naik haji dia nafkahkan orang-orang kurang beruntung dan kurang upaya di Hutan Beringin. Diajarkannya solat dan baca Qur'an layaknya sebagai ustazah.

Siti Senang ialah seorang wartawati yang terkenal secara tiba-tiba setelah mendapati berita dari pesakit di hospital mengenai Maria Zaitun. Tulisan-tulisannya di suratkhbar menjadi berita terhangat di masyarakat kerana bercerita mengenai Maria Zaitun, walau sesungguhnya dia sendiri tak pernah berjumpa dengannya. Dengan kepandaianya memanfaatkan peluang, Siti Senang meninggalkan pekerjaan menjadi wartawati dan menyamar sebagai Maria Zaitun hingga ramai pengikutnya. Siti Senang juga menciptakan fesyen tudung kepala dan telekung solat bagi perempuan Muslim. Fesyennya sangat diminati masyarakat bahkan menjadi *trand center fesyen*.

Analisis dialogisme yang terdapat dalam SM ini menggunakan suratkhbar dan mimpi selain daripada dialog antara watak-watak yang terlibat antara satu dengan yang lain. Rajah dialognya sebagaimana yang berikut.



Rajah 7.5. Dialog Watak SM

Suratkhabar merupakan berita pertama yang mengkhabarkan tentang kematian kekasih Maria Zaitun yang hendak menghadiri temuduga untuk melamar kerja. Seorang lulusan daripada USM mengalami kemalangan jalan raya. Dengan berita tersebut maka semua orang di pejabat Maria Zaitun bekerja tahu akan hal tersebut dan kemudian memberikan predikat kepadanya sebagai perempuan yang tidak beruntung atau 'sial'. Dengan gelaran yang diberikan tersebut, Maria Zaitun dihalau dari tempat dia bekerja. Ketika hendak mencari pekerjaan juga sangat susah baginya sebab ramai para perempuan, sama ada isteri mahupun bakal isteri orang, melarang para suami masing-masing menerima Maria Zaitun. Mereka takut akan mengalami sial dan takut suaminya akan jatuh cinta kepadanya.

Selain tiada tempat untuk bekerja, Maria Zaitun juga dihalau dari tempat penginapannya. Mulut perempuan celupar menyebabkannya tiada sesiapa yang mahu menerimanya sebagai penyewa rumah tumpangan. Untuk mencari tempat berteduh Maria Zaitun berjalan menyusuri bandar raya, dan kemudian dia singgah di Masjid Negara untuk melaksanakan solat fardu. Namun tiada seorang pun daripada para jemaah perempuan yang bersolat di masjid itu sudi berada bersama-sama dalam satu saf dengannya, hingga dia diusir daripada tempat yang suci itu. Hal tersebut terjadi kerana beberapa perempuan terpandang wajahnya, menyebabkan mereka langsung melaporkan kepada pihak berkuasa masjid dan kepada polis untuk menghalaunya daripada masjid, kerana kata mereka, tempat suci itu tidak sesuai dengan dirinya yang dipandang kotor dan hina.

Melihat akibat perlakuan daripada jemaah perempuan itu, Maria Zaitun melarikan diri terlebih dahulu. Dia dapat lolos daripada perhatian pihak keselamatan masjid dan polis. Beberapa orang yang mencuba menghalaunya pada keesokan

harinya dimusibahkan dengan kifarat daripada Allah swt dengan tidak sedarkan diri. Mereka menderita pengsan misteri; iaitu tertidur dalam masa hampir dua tahun atau tepatnya dua puluh dua bulan dua minggu dua hari. Para pesakit pengsan misteri ini dirawat di rumah sakit negara. Mereka sedar ketika salah seorang cucu daripada Imam masjid; seorang yang berkelulusan Maahad Tahfiz yang baharu pulang dari Madinah datang menjenguk datuknya. Dalam kunjungannya itu dia membacakan ayat suci Quran. Ketika kunjungannya pada hari kedua, dia membacakan surah *an-Nur*. Ketika pada bacaan ayat ke-23 menyebabkan para pesakit itu baharu sedarkan diri.

Rakan sejawat para pesakit saling bertanya khabar mengenai sakit yang mereka masing-masing alami. Para pesakit itu berkata, bahawa dalam tidur itu mereka sangat lelah berjalan berkilo-kilo meter jauhnya untuk mendapatkan air dan makanan, kerana air dan makanan yang tersaji di beberapa wakaf hanya untuk Maria Zaitun. Salah seorang daripada pesakit lain yang baharu pulang dari Mekah pula, berkata bahawa ketika di Mekah mereka mendapat khabar bahawa jemaah perempuan yang tidak jadi pergi ke Mekah tetap mendapatkan pahalanya seperti mereka yang melaksanakan fardu Haji. Nama perempuan yang beruntung itu ialah Maria Zaitun.


Mendengar nama Maraia Zaitun disebut-sebut oleh orang ramai, sebuah syarikat akhbar ibu kota mengarahkan salah seorang kaki tangannya untuk mencari siapa sebenarnya yang bernama Maria Zaitun itu. Perempuan yang ditugaskan tersebut ialah Siti Senang; seorang wartawan baharu yang tiba-tiba menjadi terkenal kerana meng-*headlinekan* berita tentang Maria Zaitun. Dengan hal itu menyebabkan oplah terbitan suratkhbar berkenaan laku mendadak dan terjual dalam masa yang singkat dan pendirian tabung amal untuk Maria Zaitun ikut mendapat galakan

masyarakat. Selain daripada itu juga menyebabkan fesyen tudung Maria Zaitun turut diikuti oleh masyarakat awam.

Sesungguhnya Maria Zaitun dalam kehidupan sebenarnya dia berada dalam masyarakat yang terasing di Hutan Beringin. Pada hakikatnya, secara fizikal masyarakatlah yang lemah, buta, tuli, anak sumbang mahram dan lain-lain yang dilemparkan kepada Maria Zaitun selama ini. Di Hutan Beringin inilah Maria Zaitun menjadi petunjuk ajar kepada masyarakat untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menuju keredaan-Nya.

Analisis dialog selanjutnya mengenai Fatimah Busu pengarang yang menghasilkan novel SM ini. Novel *Salam Maria* yang judul asalnya Hijrah sebenarnya pernah ditolak beberapa kali oleh badan penerbit berwibawa negara Malaysia, tetapi akhirnya selepas dimurni, dibaiki dan dibuat yang sewajar, novel tersebut berkesudahan dengan jaya dan dapat dipasarkan pada 9 Ogos tahun 2004. Sebelum itu kira-kira 22 tahun yang lalu novel Hijrah ini juga pernah disiarkan secara bersiri di Indonesia melalui majalah *Horison* (Salbiah Ani, 2004).

Fatimah Busu sebagai pengarang mapan telah memperbaharui teknik penyajiannya melalui novel *Salam Maria*-nya. Sebagai pengarang Muslim yang berpengalaman, beliau sedar dengan peranan yang harus dimainkan ketika menulis novel itu. Teknik yang disajikan dengan jalan cerita atau plotnya tidak berbelit-belit, dan hal ini sesuai dengan kehendak teori sastera Islam iaitu 'mudah' dan 'memudahkan'. Memang itulah yang dikehendaki oleh karya sastera bernilai Islam. Di rajahkan sebagai berikut.



Rajah 7. 6 Dialog dari cerpen *Hijrah* ke *Salam Maria*

Pengkaji memasukkan novel *Salam Maria* sebagai novel liberal kerana keberanian Fatimah Busu mengetengahkan isu-isu yang belum pernah ditulis oleh lain pengarang seangkatan dengannya. Sebab itulah sesudah novel itu dipasarkan, ramai kalangan ahli sastera dan pengkritik memperkatakannya daripada pelbagai aspek, sama ada pro mahupun kontra.

Kata-kata kontra atau negatif diperkatakan oleh Dr. Shakila Manan (2004) bahawa *Salam Maria is a radical novel as it provides a critique of the nation-state for turning its back on the less-privileged and marginalized communities, mainly women who are old, poor single, disabled, victims of incest and rape.*

Manakala Ungku Maimunah (2008) melalui kertas kerjanya yang dibentangkan dalam sebuah seminar tentang kesusasteraan di Univeriti Kebangsaan Malaysia, Bangi mengatakan bahawa *Salam Maria* tidak menawarkan sebarang ilmu selain memuatkan maklumat secara mentah. Manakala Ahmad J.Hussein yang menentang pandangan tersebut menyebut, seolah-olah Engku Maimunah membaca karya itu secara tidak serius atau langsung tidak membacanya (Ahmad J. Hussein, 2009). Selanjutnya Kalthum Ibrahim (2006) mengatakan bahawa Maria Zaitun dalam *Salam Maria* merupakan lambang wanita Mukmin, kerana melalui novel tersebut dia mendapati sangat jelas tentang Fatimah Busu menyampaikan mesej Nur Islam.

7.5 Kesimpulan

Kajian ini merupakan sosiologi dari sastera atau *sociology of literature* kerana cerita dimulai daripada lingkungan sosial masyarakat kemudian masuk kepada hubungan sastera dengan faktor luaran yang terbayang dalam karya sastera. Maka secara perbandingan, disiplin sosiologi adalah yang paling banyak menguasai arah dan corak karya sastera mana-mana bangsa di dunia (Sahlan Mohd. Saman, 1986). Dengan demikian, kesusasteraan sebenarnya bukan terhasil daripada kebisuan atau vakum tetapi terhasil daripada seorang pengarang atau novelis pada waktu dan ruang tertentu sebagai ahli masyarakat yang sedar dan bertanggungjawab mengemukakan ideologi *trend* masyarakatnya.

Tiga orang pengarang perempuan, iaitu Nh. Dini, Ayu Utami dan Fatimah Busu berdasarkan novel masing-masing, pengkaji golongan novel mereka ke dalam gender liberal kerana mempunyai tema 'kebebasan diri untuk kepentingan sendiri'. Nh. Dini dalam novel *Pada Sebuah Kapal* memberikan kebebasan pada watak utama Sri memilih suami yang berkebangsaan asing. Ayu Utami dalam novel *Saman* memberikan kebebasan pada watak-wataknya memilih profesi, melakukan tindakan dan perbuatan sesuai dengan kepentingan mereka. Manakala Fatimah Buru pula dalam novel *Salam Maria* memberikan kebebasan pada watak utama Maria Zaitun mencari cinta dan keredaan Illahi.

Tindakan watak utama mahupun watak lain melanggar kebiasaan adat resam dapat dimaafkan dan dimahfumkan oleh pembaca kerana diberi alasan oleh pengarang novel yang berfahaman kemodenan. Seperti tindakan Sri melanggar adat resam

masyarakat Melayu-Indonesia yang percaya bahawa seorang gadis sunti akan menyerahkan 'kegadisannya' kepada suami kelak ketika pernikahan perkahwinannya berlangsung. Sri telah melanggar agama dan adat resam dengan menyerahkan 'kegadisannya' kepada tunangnya. Hal ini dilakukan Sri kerana dia percaya kepada Suputro, bakal suaminya kelak. Harapan menjadi isteri Saputro kandas kerana Saputro mati dalam tugas. Dengan status yang masih gadis tetapi telah kehilangan 'keperawanan', Sri mengetahui akan dicemuh jika berkahwin dengan bangsa Timur dan mempermasalahkan 'kegadisannya', sementara dengan bangsa asing, tidak menjadi masalah. Sri akhirnya memilih untuk bersuamikan bangsa asing. Demikian juga tindakan Sri mencari kebahagiaan percintaan dengan lelaki lain kerana suaminya juga melakukan hal yang demikian dengan perempuan lain di luar rumah.

Tindakan menentang adat dan agama juga dilakukan dalam novel *Saman*. Beberapa watak melakukan tindakan dengan alasan masing-masing, antaranya Wisangeni yang semula sebagai pastor dilarang untuk menikah kemudian setelah melepas kepastorannya dan berganti nama Saman bercinta dengan Yasmin. Yasmin bermain jahat atau bermain kayu tiga sekalipun telah menjadi isteri Lukas. Laila berteman mesra dengan Sihar yang telah beristeri dan berjanji melakukan hubungan sulit di Amerika. Cok berganti-ganti pasangan tanpa ikatan perkahwinan, dan Shahkuntala menyerahkan kegadisannya kepada raksasa kerana dia seorang seniman.

Tindakan 'berhijrah' untuk mencari perubahan hidup kerana tidak disukai oleh masyarakat dan mencari keredaan Allah terdapat pada novel *Salam Maria*. Watak utama Maria Zaitun yang tidak jadi menikah dengan kekasihnya kerana meninggal dunia mendapat predikat 'perempuan tidak beruntung' atau 'perempuan yang tidak mendapat restu Allah swt'. Dengan predikat yang disandangnya, Maria Zaitun

melakukan penghijrahan dari kota ke daerah yang terpencil di Hutan Beringin. Dengan komuniti yang kecil dan bermodalkan wang simpanannya, Maria Zaitun dapat menolong para janda dan anak di luar nikah atau anak sumbang mahram yang terbuang dan terasing.

Tindakan dan perbuatan berdakwah iaitu menyebar dan mengajarkan ajaran agama Islam yang biasa dilakukan oleh seorang lelaki Muslim kini dapat dilakukan oleh seorang perempuan Muslim kepada kaum sejenisnya. Maria Zaitun yang mengetahui ajaran agama Islam ketika sekolah dahulu kini mengajarkan bacaan solat, mengaji dan berceramah kepada komuniti kecil di Hutan Beringin yang tidak mengetahui ajaran Islam. Bahkan Maria Zaitun juga dapat menjadi imam untuk makmumnya golongan perempuan ketika solat berjemaah.

Dua buah novel iaitu *Pada Sebuah Kapal* dan *Saman* mempunyai latar cerita atau *setting* yang bersumberkan agama Kristian Katolik kerana merupakan pegangan agama kedua-dua orang pengarangnya. Nh. Dini dan Ayu Utami sama-sama menentang ketidakadilan gender yang berasal dari dogma agama Kristian Katolik yang dianutnya. Perkahwinan yang tidak bahagia tidak dapat diakhiri kerana janji suci sehidup semati saat perkahwinan. Sehingga jika pihak perempuan atau sebaliknya ingin mengakhiri perkawinan, mereka dapat melakukan perselingkuhan atau bermain kayu tiga dengan orang lain tanpa mengorbankan perkahwinannya kerana mereka saling memahami, dan ini merupakan suatu jalan keluar yang diberikan oleh kedua-dua penulis berkenaan.

Media telah memudahkan manusia berkomunikasi antara komunitinya menjadi mudah di dunia moden dengan pelbagai alat komunikasi, seperti suratkhbar, telefon, email bahkan kini adanya facebook, twitter, dan blok. Alat komunikasi

digunakan oleh watak-watak dalam novel *Saman*, seperti komunikasi Laila dengan Sihar menggunakan telefon dan komunikasi Saman dengan Yasmin melalui email. Alat moden ini bersifat *private* kerana hanya mereka yang tahu sebab membukanya sahaja dapat menggunakan kata laluan yang sangat personal. Media moden suratkhbar juga digunakan untuk mencapai populariti seseorang dengan mudah, seperti yang dilakukan oleh Siti Senang. Siti Senang sebagai seorang jurnalis telah mempopularkan nama Maria Zaitun dengan cerita-cerita di dada akhbar hingga akhirnya dia dapat dikenali oleh seluruh masyarakat pembaca kerana tulisannya itu.

Ketiga-tiga orang pengarang sama-sama bersepakat bahawa persoalan gender bukan masalah perempuan sahaja tetapi juga lelaki. Perempuan mahupun lelaki di dunia moden sangat terikat dengan komuniti yang dibentuknya sehingga kehidupannya bergulir dan berputar pada komunitinya itu. Tindakan, perbuatan dan cara berfikir yang dominan dimiliki oleh lelaki atau perempuan kini dapat ditukargantikan oleh kedua-duanya bergantung pada masalah, tempat dan situasi yang melatarbelakanginya.

BAB VIII

R U M U S A N

8. 1 Pendahuluan

Bab yang ke lapan ini merupakan bab terakhir laporan kajian ini. Sub bab akan menjelaskan temuan-temuan yang didapati daripada analisis Bab V, Bab VI, dan Bab VII. Kemudian, berdasarkan temuan-temuan tersebut dikemukakan sumbangan kajian ini untuk perkembangan ilmu. Seterusnya dikemukakan saranan untuk penyelidikan yang lebih lanjut dan diakhiri dengan kesimpulan.

8.2 Temuan Penyelidikan

Berdasarkan analisis pada Bab V, Bab VI, dan Bab VII, pengkaji menemukan temuan-temuan sebagai berikut:

Pertama, bahan penyelidikan yang menumpukan ke atas lima buah novel Indonesia dan lima buah novel Malaysia dengan melibatkan pengarang lelaki dan pengarang perempuan, didapati bahawa tiga daripada lima pengarang lelaki menempatkan tokoh lelaki sebagai watak utamanya. Hal ini dapat dibuktikan daripada nama watak yang dimunculkan oleh pengarang lelaki seperti jadual 8.1 berikut.

Pengarang	Nama Watak
Abdul Kadir Adabi	Hasan
Hamka	Hamid
Shahnon Ahmad	Jeha
Putu Wijaya	Tokoh Aku
Sutan Takdir Alisjahbana	Tuti

Jadual 8.1: Watak oleh Pengarang Lelaki

Daripada nama yang ditampilkan di atas membuktikan bahawa pengarang lelaki selalu menempatkan watak lelaki sebagai watak utama dalam cerita, manakala watak perempuan pula hanya sebagai watak pelengkap atau watak sampingan yang setia dan sanggup menderita. Watak lelaki di tangan pengarang lelaki digambarkan sebagai watak penolong, berwibawa, kuat, dan gagah dalam mengharungi kehidupan dunia. Sekalipun demikian, Sutan Takdir Alisjahbana dan Shahnon Ahmad nampak berlainan dalam menampilkan watak utama dalam novel *Layar Terkembang* dan *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu berjantina perempuan.

Demikian juga dengan lima pengarang perempuan menempatkan watak utama perempuan dalam novel masing-masing seperti jadual 8.2 berikut ini.

Pengarang	Nama Watak
Nh Dini	Sri
Fatimah Busu	Maria Zaitun
Ayu Utami	Laila, Yasmin, Cok, Shahkuntala
Zaharah Nawawi	Yang, Nenek Yah, Maimon
Saleha Husein	Hendon, Hamimah, Hayati

Jadual 8.2: Pengarang Perempuan

Watak perempuan yang ditampilkan oleh pengarang perempuan adalah watak perempuan yang tabah dan kuat menghadapi dugaan hidup, sekalipun terpaksa menerima maki-hanum masyarakat persekitarannya. Watak lelaki pula dihadirkan sebagai penyebab masalah terhadap watak perempuan.

Kedua, tema yang ditampilkan oleh pengarang lelaki dan pengarang perempuan sama-sama bertumpu pada masalah gender yang terjadi kerana konstruksi sosial budaya masyarakatnya. Konstruksi sosial budaya masyarakat yang diceritakan terdiri daripada tradisi masyarakat Minangkabau dan tradisi masyarakat Bali, dan tradisi masyarakat Melayu petani. Gender yang terbentuk oleh konstruksi sosial budaya masyarakat tersebut di atas adalah berupa tanggungjawab adat yang terletak di pundak lelaki. Tanggungjawab ini tidak dapat ditukargantikan dengan perempuan kerana pelaksanaannya memerlukan waktu yang panjang.

Sementara gender yang terbentuk oleh konstruksi sosial budaya masyarakat Melayu tradisional berupa tanggungjawab hidup berkeluarga dapat diwariskan atau

diperturunkan kepada teman hidup dan generasi kemudiannya. Hal ini terjadi kerana salah satunya meninggalkan atau ditinggalkan, sama ada oleh ibu, isteri atau suami.

Seterusnya gender yang terbentuk oleh konstruksi sosial budaya masyarakat Melayu moden berupa tanggungjawab diri dan masyarakat dapat dilakukan bersama-sama antara lelaki dan perempuan dengan alasan kemanusiaan atau kepentingan diri.

Ketiga, perilaku gender, khasnya dunia Timur mempunyai ciri-ciri tersendiri yang menjadi *transmark* sebuah bangsa. Hal ini dapat dilihat daripada pola fikir dan tindakan watak yang masih memegang adat resam dan pegangan agama yang dianutnya. Pola fikir dan tindakan watak dapat berubah sesuai dengan perkembangan zaman yang dipengaruhi oleh adat resam, situasi dan keadaan semasa. Perubahan perilaku dan tindakan ini dapat diterima oleh masyarakat Melayu tradisional yang berlatarbelakangkan agama Islam dan Hindu. Manakala pola fikir dan tindakan watak yang liberal terjadi pada masyarakat moden yang dipengaruhi oleh agama Kristian Katolik.

Keempat, masalah gender yang dirakam pengarang dalam kesusasteraan merupakan sebuah tanggapan berupa persetujuan atau ketidaksetujuan pengarang terhadap masalah gender yang berlaku pada masyarakat persekitarannya. Kesetujuan pengarang ini dinamakan sokongan gender, manakala ketidaksetujuan pengarang dinamakan gugatan gender. Sokongan gender dan gugatan gender yang disuarakan oleh kesepuluh-sepuluh orang pengarang ini dinamakan sebuah dialog kesusasteraan.

Dialog kesusasteraan akan terjadi komunikasi dua hala jika dibaca oleh pembaca. Pembaca kemudian memahami isi bacaan kesusasteraan yang dibacanya dan mengkritiknya menjadi sebuah kritik kesusasteraan berdasarkan struktur sastera

seperti, keistimewaan dari segi isu atau tema, teknik penceritaan atau *point of view* dan kesesuaian teori sastera.

Kelima, kajian ini merupakan kajian *sosiologi sastera* atau *sociology of literature* kerana bermula pada masalah atau isu yang meresahkan masyarakat. Kemudian isu atau masalah ini dirakam oleh pengarang dalam bentuk kesusasteraan. Kesusasteraan yang dijadikan kajian ini berbentuk novel kerana ia menceritakan sesuatu secara terperinci.

8.3 Sumbangan Kajian untuk Perkembangan Ilmu

Kajian tentang gender dalam dunia sastera sangat sedikit berbanding dengan kajian-kajian dalam bidang yang lain, kerana kajian-kajian yang sekian banyak berkaitan dengan dunia keperempuan hanya dilakukan dengan memberi tumpuan pada teori feminis yang lebih memberi penekanan pada aspek citra wanita. Selain daripada itu, kajian tentang gender dalam bidang kesusasteraan sehingga ini belum lagi ada suatu konsep yang tetap.

Melihat hal yang demikian, pengkaji mencuba untuk mengangkat masalah ini dalam penyelidikan bertujuan untuk mendapatkan sebuah konsep gender yang tepat dan teruji, khasnya kajian gender pada kesusasteraan dan kajian gender pada amnya. Daripada temuan penyelidikan yang telah dihuraikan di atas dapat disimpulkan bahawa kajian gender adalah kajian mengenai perilaku atau perbuatan daripada watak, sama ada lelaki atau perempuan. Perilaku dan perbuatan watak dapat ditukargantikan satu dengan yang lain berdasarkan situasi dan keadaan watak pada masa-masa tertentu.

Perilaku dan tindakan watak yang ditukargantikan ini dapat dilakukan tanpa melanggar tradisi adat resam masyarakat dan agama yang dianutinya. Perubahan perilaku dan tindakan watak ini dapat diterima oleh masyarakat dari masyarakat tradisional hingga masyarakat moden.

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kajian gender lebih luas kerana bukan hanya perempuan sahaja yang dikaji tetapi lelaki juga. Kajian gender berfokus pada perilaku dan tindakan watak yang dinamakan aksi manusia. Jika kajian feminis dinamakan citra wanita, maka kajian gender dinamakan aksi manusia.

8.4 Saranan

Kajian gender telah dilakukan dalam pelbagai disiplin ilmu yang memfokuskan pada masalah identiti. Kajian identiti ini oleh masyarakat dikenali dengan kajian biologis atau kajian kudrat. Kajian indentiti ini semakin diperkukuh lagi oleh pandangan mengenai sosial budaya dalam masyarakat dan dogma agama mana juga. Melihat hal yang demikian, ilmu sosiologi mencuba memberikan prespektif baharu dalam kajian gender yang hanya berfokuskan pada satu jantina sahaja.

Kajian gender ini dalam ilmu sosial selanjutnya semakin luas dan berkembang dengan pelbagai pendekatan, seperti pendekatan ilmu hukum, ilmu bahasa, ilmu budaya, dan sebagainya. Daripada pendekatan ilmu sastera, yang berkembang hingga ke hari ini adalah kajian mengenai citra wanita yang dipelopori oleh faham feminis. Fahaman feminis yang memperjuangkan perempuan juga tidak puas dengan hasil yang didapatnya kerana perempuan tetap sebagai warga negara kelas kedua dalam hidup bermasyarakat. Hal ini terjadi kerana peranan dan ruang gerak perempuan dibatasi hanya di rumah atau ruang peribadi sehingga para feminis, khasnya feminis

sosialis mencuba menggunakan pendekatan gender. Pendekatan gender ini akhirnya juga menghasilkan pelbagai teori, iaitu teori semulajadi atau *nature*, teori pembudayaan atau *nurture*, dan teori kesejajaran atau *equilibrium*.

Teori kesejajaran atau *Equilibrium* akhirnya disepakati tanpa membuang identiti yang sebatu pada lelaki dan perempuan. Sekalipun demikian, perkembangan kajian gender dalam kesusasteraan belum mempunyai teori yang sesuai. Untuk itu pengkaji mencuba memperkenalkan pendekatan gender dalam kesusasteraan dengan memfokuskan pada perilaku dan tindakan sehingga kajian ini disebut aksi gender.

Aksi gender ini diharapkan dapat dikembangkan lagi dengan kajian-kajian lain pada kesusasteraan, sama ada kesusasteraan dunia Timur mahupun kesusasteraan Barat. Kajian aksi gender juga dapat dilakukan dengan menggunakan perbandingan, sama ada persamaan atau berbezaan.

8.5 Kesimpulan

Gugatan yang dikemukakan dalam sepuluh buah novel yang disuarakan oleh pengarang lelaki dan pengarang perempuan ini dapat dijadikan iktibar kepada semua golongan pembaca dalam kehidupan harian mereka supaya sesuai dengan sosial budaya dan agama yang masing-masing anuti. Hal ini harus terjadi supaya tiada lagi penyimpangan yang berlaku, sesuai dengan fitrah manusia sebagai makhluk yang berakal dan makhluk sosial.

Berdasarkan intipati daripada kesepuluh-sepuluh novel buah yang dianalisis, memaknakan bahawa menjadi perempuan itu adalah suatu fitrah, menjadi isteri atau

suami pula adalah pilihan, menjadi seorang yang berkerjaya pula adalah keinginan, dan menjadi insan mulia adalah suatu keyakinan terhadap kekuasaan Allah swt.

Daftar Pustaka

- Abdul Kadir Adabi Ahmad. (1988). *Acuman Mahkota*. Kuala Lumpur: Teks Publishng. Sdn. Bhd.
- Abrams, M.H. (1981). *A Glosary of Literary Terms*. Japan: CBS Publishing.
- Abuhasan Asy'ari. (1979). "Perempuan dalam Karanagan-Karangan Sutan Takdir Alisjahbana" dalam majalah *Zaman*. Nopember hal 48-49.
- Adib Sofia dan Sugihastuti. (2003). *Feminisme dan Sastra: Menguak Citra Perempuan dalam Layar Terkembang*. Bandung: Katarsis.
- Adriana Venny. (2003). "Feminis Universalis: solidaritas dan penghormatan terhadap martabat manusia", dalam *Jurnal Perempuan*. No. 27, hal 141-151. Jakarta: YJP.
- Agni Iga Iswarani. (2004). "Wacana Seksualitas dalam Karya Sastra: Analisis Sosiologis atas Novel Larung", dalam *Jurnal Penelitian Ilmu Komunikasi: Thesis*. Volume II, No. 3, September – Desember. Depok : Universitas Indonesia.
- Ahmad J. Hussein. (2009). "Salam Maria: Bagaimana pemahaman Dr. Engku Maimunah?", dalam *akhbar Konsep Era Pakatan* Isu 13,
- Ahmad Kamal Abdullah dan Siti Aisah Murad. (2000). *Citra Wanita dalam Sastra Melayu 1939-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajip Rosidi. (1976). *Ikhtisari Sejarah Sastra Indonesia*. Jakarta: Jembatan.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appignanesi, Richard. (2001). *Introducing Feminism*. United Kingdom: Icon Book.
- Ashley, David and David Michael Orenstein. (2001). *Sociological Theory: Classical Statements (fifth edition)*. Boston: Allyn and Bacon
- Atar Semi. (1993). *Metode Penelitian Sastra*. Bandung: Angkasa Raya.
- Aveling, Harry. (2000). *Shahnon Ahmad: Islam Power and Gender*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ayu Utami. (2006). *Saman* (cetakan ke 26). Jakarta: Gramedia.

- A. Nunuk P. Munarti. (2004). *Getar Gender : Buku Pertama*. Magelang: Indonesiatara.
- A. Nunuk P. Munarti. (2005). *Getar Gender: Buku Kedua*. Magelang: Indonesiatara.
- A. Rahim Abdullah. (2008). *Novelis Nusantara: Ideologi dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali. (1989). *Imej Manusia dalam Sastra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bainar. (1988). *Wacana Perempuan dalam Keindonesiaan dan Kemodernan*. Jakarta: CIDES.
- Bakhtin, M. Mikhail. (1976). *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
- Bateriah Alias dan Che Zarrina Sa'ari. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Burhan Nurgiyantoro. (1995). *Tori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Comte, Agust. (2009). *A General View of Positivism*. reissued by Cambridge University Press.
- Coser, Levis A & Rosenberg, Bernard. (1966). *Sociological Theory: A book of reading*. New York: Macmillan Company.
- Cranny-Francis, Anne. (2005). *Gender Studies Terms and Databases*. London: SAGE
- de Saussure, Ferdinand. (1916). *Course in General Linguistics* revised English edition (ed) Collins. Great Britain: Collins Publishers Ltd.
- Dahrendorf, Ralf (1958). 'Out of Utopia: Toward Reorientation of Sociological Analysis' in *American Journal of Sociology* 64, September.
- Dahrendorf, Ralf. (1959). *Class and Class Conflict in Industrial Society*. Stanford: Stanford University Press.
- Della Summers (ed). 1992. *Longman Dictionary of English Language and Culture*. England: Longman Group UK Limited

- Della Costa, Mariarosa. (1972). "Woman and Subversion of Community", in *Radical American* 6 No. 1 January- February
- Della Costa, Mariarosa. (1979). "Developing a Theory of Capitalist Patriarchy and Socialist Feminism", in Esisentein (ed.). *Capitalist Patriarchy and the Case for Socialist Feminism*. New York: Monthly Review
- Djusmalinar. (2005). *Citra Wanita Indonesia: Analisis Sosiobudaya dalam Novel-Novel Terpilih Indonesia*. Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Dian S. Mulyantinah. (1973). " Sastrawati Nh. Dini Menulis Roman 'Pada Sebuah Kapal' " dalam *Harian Merdeka*, Minggu 4 November, halaman vii.
- Engels, Friedrich. (1942). *Origins of the Family: Private Property and the State*. New York.
- Fadillah Suralaga. (2003). *Pengantar Kajian Gender*. Jakarta: IAN Syarif Hidayatullah dan Departemen Agama.
- Fatimah Busu. (2004). *Salam Maria*. Selangor: Absolute Press Sdn. Bhd.
- Fatimah Zahrin Mohd. Taib (2007) "Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad" dalam *Klik DBP*. 21 November. halaman tiga.
- Flick, Uwe. (2002). *An Introduction to Qualitative Research, Second Edition*. London: SAGE Publication
- Gadis Arivia. (2003). *Filsafat Berprektif Feminis*. Jakarta: Yayasan Jurnal Perempuan .
- Gamble, Sarah (ed). (2000). *Feminism and Post feminism*. New York: Routledge.
- Geertz, Clifford. (1976) . *Penjaja dan Raja*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Genette, G (1980). *Mood*. New York: Cornell University Press.
- Goldmann, Lucien. (1964). *Towards a Sociology of the Novel*. NewYork: Tavistock Publications.
- Goldmann. Lucien, (1967) "The Sociology of Literature: status and problem of method" . *Int. Soc. Science Journal volume 19*. (page 493-516).
- Greimas, Algirdas Julien. (1966). *Structural Semantics: An Attempt at a Method*. Nebraska: University of Nebraska Press.

- Hamka. (2005). *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (cetakan ke-30). Jakarta: Bulan Bintang.
- Hamka. (2006). *Islam dan Adat Minangkabau*. Selangor: Pustaka Dini.
- Hasan Alwi. (2000). *Kamus Besar Bahasa Indonesia edisi ketiga*. Jakarta: Balai Pustaka
- Hashim Awang. (1985). *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haralambos and Holborn. (1995). *Sociology: Themes and Perspectives*. London: Harper Collins Publisher (Fourth Edition).
- Huberman, A.M. and Miles, M.B. (1998). "Data Management and Analysis Methods", in N. Denzin and Y.S. Lincolns (eds) *Collecting and Interpreting Qualitative Materials*. London: SAGE, pp. 179-211
- H. B. Jassin. (1985). *Kesusasteraan Indonesia Modern dalam Kritikan dan Esai*. Jakarta: Gramedia.
- H. Zain. (1973). "Nh. Dini – Pada Sebuah Kapal" dalam *Pedoman*. Nomor 1632, halaman 5.
- In Amanul Mustofa. (1998). "Saman, Sebuah Kemenangan Imajinasi Seks", dalam harian *Republika*, Tahun VI, nomor 146, Minggu, 7 Juni.
- Jacobson, R. (1975). *Structuralism Poetics: Structuralism, Linguistics and the Study of Literature*. Ithaca: Cornell University Press.
- Jarviluoma, Helmi. (2003). *Gender and Qualitative Methods*. London: SAGE Publications.
- Johns, A.H. Prof. (1971) "Manusia dalam Alam Tanpa Belas Kasihan, dalam *Dewan Sastera*, hlm 34-59, March.
- Johns, A.H. (1991). *Kamus Inggeris-Melayu Dewan: an English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, Deborah. (2007) *ICAS 5 Conference: Shaping a Future in Asia*. "Malay Representation of Modernity, the Present and the Future," Kuala Lumpur, 2-5 Ogos.

- Kaelan. 2005. *Metode Penelitian Kualitatif Bidang Filsafat*. Yogyakarta: Paradigma.
- Kausar, Zeenath. (2008). *Political Participation of Woman: Contemporary Perspectives of Gender Feminist and Islamic Revivalist*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Koentjaraningrat. (1983). *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Gramedia.
- Kristeva, Julia. (1980). *Desire in Language: a Semiotic Approach of Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell.
- Ku Zam Zam Ku Idris. (1995). *Seminar memperingati 100 tahun Za'Ba*. "Gender dari Perspektif Masyarakat Melayu Beberapa Pandangan Umum," Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 19- 20 Oktober.
- Laphimon, Monruedee. (2005). *Glossary of Term in Gender and Sexuality*. Thailand: Southeast Asian Consortium on Gender, Sexuality and Health
- Levi-Strauss, Claud. (1972). *Structural Anthropology*. Harmondsworth: Penguin.
- Levin, Harry. (1973). "Literature as an institution" in Elizabert & Burns, Tom (ed) *Sociology of Literature and Drama*. Australia: Penguin Book.
- Lodge, David. (1972). *The Mode of Modern Writing*. London: Arnold Press.
- Lukman Z. Mohamad. (2002). *Keluarga, Gender, dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. 2007. *Teori Sastera Kontemporari* (edisi II). Selangor: Pustaka Karya.
- Mansour Fakihi. (2005). *Analisis Gender dan Trasformasi Sosial* Yogyakarta: INSIST Press.
- Marx, Karl and Friedrich Engels. (1969) *Selected Works*. Moscow: Progress Publishers
- Masri Sareb. (1998). "Saman yang Mencekam dan Tonggak Baru Sastra Indonesia", dalam harian *Suara Pembaharuan*, tahun XII nomor 3969, 27 Mei.
- Mawar Shafei. (2010). *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mitchel, Juliet. (1971). *Women's Estate*. Harmondsworth: Penguin

- Mugijatna. (2010). *Pandangan Dunia Islam dalam Novel-novel Ahmad Tohari*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mulyo Sunyoto. (1998). “Andai Saman tak lahir lewat sayembara”, dalam akbar *Republika*, Tahun VI, 31 Mei
- Mohd. Yusof Hasan. (1989). *Novel of the Troubled Years: a Study of Shahnnon Ahmad's novel , 1965-1978*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Yusof Hasan. (1991). *Pengabdian*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohd. Yusof Hasan. (1991). *Fiksyen Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mulyo Sunyoto. (1998). “Andai Saman tak lahir lewat sayembara”, dalam *harian Republika* tahun VI Nomor 139, Minggu 31 Mei..
- Nawawi, Hadari. 1998. *Metode Penelitian Sosial*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Nazir, Moh. 1988. *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia.
- Nh. Dini. (1973). *Pada Sebuah Kapal*. Jakarta: Pustaka Jaya
- Ngurah Persua (1989) “Sastera sebagai hakikat realiti”, dalam *Dewan Sastera*, hlm 4-5 March.
- Noresah Baharom (ed). (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noresah Baharom (ed). (2005). *Kamus Dewan: edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noritah Omar dan Washima Che Dan. (2006). “Race, Gender and Religion within the Construct of Bangsa Malaysia and National Islamic Identity in Malaysian Literature, “ dalam *Journal of English Studies and Comparative Literature*, Vol 9, No 1.
- Norhayati Ab. Rahman. (1999). *Ancangan Pembungkus Berdaya Cipta Feminisme dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Malaysia*,” Hatyai, Thailand 21-23 June.
- Norhayati Ab. Rahman. (2007). *Persidangan 50 Tahun Hubungan Indonesia-Malaysia*. “Puitika Sastera Wanita Malaysia dan Indonesia: Satu Perbandingan,” Universiti Malaya, Kuala Lumpur: 17-22 Julai.
- Nurdin Setiadi. (1983) . “Kegelisahan Batin dan Kebebasan Manusia:

- Telegramnya Putu Wijaya” dalam akbar *Terbit*, No. 3398. Tahun ke IX, 30 Juli
- Ooi Eng Lye. (2005). *Novel Terpilih Shahnnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Oyoo Sofyan.(1986). “Pada Sebuah Kapal sebenarnya biografi Nh.Dini sendiri”, dalam harian *Terbit*, Tahun IX, No. 4223, Sabtu 10 Mei.
- Pamusuk Eneste. (1987). “ Benang Merah Novel Indonesia Awal”, Dalam *Suara Karya Minggu*, Tahun 16, Nomor 805, 1 Februari.
- Panuti Sudjiman. (1988). *Memahami Cerita Rekaan*. Jakarta: Pustaka Jaya
- Parsons, Talcott. (1937 dan 1968). *The Structure of Social Action*. New York: Free Press
- Peel, J. D. Y. (1972). *Herbert Spenser on Social Evolution*. Chicago; University of Chicago Press
- Putu Wijaya. (1979). *Telegram* (cetakan pertama Malaysia) Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Raja Rohana Raja Mamat. (1991). *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia: daripada perspektif Sosial dan Undang -Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratna Megawangi. (1999). *Membiarkan Berbeda: Sudut pandangan Baru tentang Religi Gender*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Ratna Nyoman Kutha. 2004. *Teori, Metode dan Teknik Penelitian Sastra: Dari Strukturalisme Hingga Postrukturalisme*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Renzetti, Claire M. and Daniel J, Curran. (1989). *Women, Men, and Society*. Boston: Ally and Bacon.
- Ricoeur, P. (1981). “*Mimesis and Representation*”, in *Annals of Scholarship* 2: 15-32
- Ricoeur, P. (1984). *Time and Narrative*. Vol 1. Chicago: The University of Chicago Press
- Ritzer, George.. (2000) *Sociological Theory (fifth edition)*. New York York: Mc Graw Hill
- Rokiah Thalib dan Shanthi Thambiah. (1988). *Gender, Budaya dan Masyarakat*.

Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Rosnah Baharudin. (2003). *Wacana Wanita Melayu dalam Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozi Bainon. (1999). *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussein. (1988). *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sahlan Mohd. Saman. (1986). *Sastera Bandingan: Konsep, Teori, Dan Amalan* Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Saleha Hussin. (2005). *Pemburu Mimpi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Sapardi Djoko Damono (2000). "Perempuan bukan Sekedar Konsep," dalam *Warta Kota*, tahun II No. 145, Oktober, halaman 5 kolom 1-32.
- Salbiah Ani. (2004). " Liku Dunia Sastera Malaysia 2004", dalam *Berita Harian*, 30 Disember.
- Shahnon Ahmad. (1971). *Ranjau Sepanjang Jalan* (cetakan keempat). Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shakila Manan (2004) " Radical Novel Challenges Established Norms", dalam *Aliran Monthly* Vol. 24 Issue 11/12.
- Siti Hajar Che Man. (2006) "Kaedah baharu Feminisme dalam Kritikan Sastera" dalam *Dewan Sastera*, hlm. 11-20, Februari.
- Showalter, Elaine (ed). (1981). *The New Feminist Criticism; Essay On Women, Literature and Theory*. London: Virago Press.
- Sri Widoyatiwiratmo Soekito. (1989). *Anak dan Wanita dalam Hukum*. Jakarta: LP3ES.
- Stubbs, Patricia. (1979). *Women and Fiction: Feminist and the Novel 1800-1920*. Great Britain: The Harvester Press Ltd.
- Sugihastuti dan Itsna Hadi Saptiawan. (2007). *Gender dan Inferioritas Perempuan: Praktik Kritik Sastra Feminis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar

- Summers, Della (ed). (1992). *Longman Dictionary of English Language and Culture*. England: Longman Group UK Limited
- Suriani Shiddiq. (2006). "Teori Pemaknaan Kitab Suci: Perbandingan antara Hermeneutika dengan Tafsir Alquran," dalam *Jurnal Komunikasi: Thesis*, Volume V, Januari-April. Depok: Universitas Indonesia.
- Swann, Joan. (2004). *A Dictionary of Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- Syahrul A'dam. (2007). "Perempuan dalam Pasungan: mengukur kekerasan dalam rumah tangga," dalam *Jurnal Harka: media komunikasi jender*. Volume 7, No. 2, April, hal 1-11. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah
- S. Takdir Alisyahbana. (1978). *Layar Terkembang* (cetakan kesebelas) Jakarta: Balai Pustaka
- S. Widagdo. (2001). "Persepsi Kalangan Kiyai (Pesantren) tentang Kemitrasejajaran Pria-Wanita dalam Hukum Islam, Kaitannya dengan Usaha Peningkatan Kualitas Sumberdaya Manusia," dalam *Jurnal Ilmu-ilmu Sosial*, Volume 13, No. 1, Februari, hal 1-12. Malang: Universitas Brawijaya.
- Talib Samat. (1998). "PKBM cadang Shahnnon bagi hadiah Nobel" dalam *Berita Harian* 21 Oktober. hlm 32-37
- Taha Abd. Kadir. (2006). "Pemburu Mimpi: Novel Besar yang Sarat dengan Feminisme" dalam *Dewan Sastera*. Februari.
- Tati Hartimah & Mu'min Rauf. (2003). "Sejarah pergerakan Perempuan Indonesia", dalam *Pengantar Kajian Gender*. Jakarta: Pusat Study Wanita UIN Syarif Hidayatullah
- Teeuw, A. (1980). *Sastra Baru Indonesia*. Jakarta: Gramedia.
- Thompson, Kenneth. (1975). *Auguste Comte: The foundation of Sociology*. New York: Wiley
- T.O. Ihroni. (1995). *Kajian wanita dalam Pembangunan*. Jakarta: Yayasan Obor.
- Todorov, Tzvetan. (1977). *The Poetics of Prose*. Ithaca: Cornell University Press.
- Umar Junus. (1982). *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode di sekitar Sastera Melayu dan Indonesia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.

- Umar Junus. (1988). *Karya sebagai Sumber Makna: Pengantar Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1989). *Fiksyen dan Sejarah: Suatu Dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- UNDP. (1995). *Human Development Report*. Jakarta: Indonesia.
- Undang-Undang Dasar, (1945). Surabaya: Apollo
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2008). Salam Maria dari Perspektif Persuratan Baru. Dalam Mohd. Affandi Hassan. *Gagasan Persuratan Baru : Pengenalan dan Penerapan* Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Viddy AD Daery. (2009). *Pertemuan Penyair Nusantara ke-.3*. “Bagaimana Situasi Terkini Perang Sastera di Indonesia?”, Dewan Seminar: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2-22 November.
- Yakob Sumarjo. (1981). “Di Bawah Lindungan Ka’bah” Roman Hamka: mengalami cetak ulang ke 14 dalam akbar *Pikiran Rakyat* nomor 288 tahun ke XV, 14 Januari
- Yakob Sumarjo. (1982). “ Terdiri dari dua bagian: Pada Sebuah Kapal Novel karya Nh. Dini” dalam akhbar *Pikiran Rakyat* nomor 17 tahun 21, 14 April.
- Yumarni. (2007). “Pemerolehan Bahasa dan Pembelajaran Kesetaraan,” dalam *Jurnal Harkat: media komunikasi jender*. Volume: 8, No. 1, Oktober, hal 44-52. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah
- Wellek, Rene and Warren, Austin. (1989). *Teori Kesusasteraan*: terjemahan Indonesia oleh Melani Budianta. Jakarta: Gramedia.
- Wiegman, Robyn and Glasberg, Elena. (1999). *Literature and Gender*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Xjb (1998) “ Saman, Generasi Baru Sastra Indonesia”, dalam *akhbar Kompas*, tahun 33 No. 274, Minggu 5 April.
- Zahara Nawawi. (2004). *Hujan Sudah Teduh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zainal Abidin bin Ahmad (Zaba). (1950). ‘Relations and Mutual Attitude between the Sexes dalam ”*Malay Manners and Etiquette*” JMBRAS, Vol XXIII, Part 3.

Zalila Sharif. (2003). *Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zereffa, Michel. (1973). "The Novel as Literary and Social Institution" in Elizabeth & Burns, Tom (ed). *Sociology of Literature and Drama*. Australia: Penguin Book.

Internet:

<http://www.dwifajar.co.cc/index.php/pengantar-gender.pdf>

<http://id.wikipedia.org/wiki/Nh.Dini>

http://repository.unand.ac.id/741/1/Artikel_Suharizal.doc

<http://file.upi.edu/Direktori/SPS/PRODI.PENDIDIKAN%20LUAR%20SEKOLAH/196111091987031%20%20MUSTOFA%20KAMIL/Bhaan%20kuliah/KONSEP%20DAsar%20gender.pdf>

<http://publikasi.umy.ac.id/index.php/komunikasi/article/viewFile/650/460>

<http://jurnal.pdii.lipi.go.id/admin/jurnal/31034450.pdf>

<http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/19453/5/Chapter%20I.pdf>

<http://prasastie.multiply.com/journal/item/38>

<http://groups.yahoo.com/group/Iqrak/message/2869>

<http://kapanjadibeda.files.wordpress.com/2010/08/perkembangan-manusia.pdf>

<http://digilib.petra.ac.id/viewer.php?page=9&qual=high&submitval=next&fname=%2Fjiunkpe%2Fs1%2Fjdkv%2F2009%2Fjiunkpe-ns-s1-2009-42405026-13654-gender-chapter2.pdf&submit.x=16&submit.y=20>

<http://jurnal.filsafat.ugm.ac.id/index.php/jf/article/viewFile/29/25>

<http://www.journals.upd.edu.ph/index.php/jescl/article/viewArticle/295>

[http://ejournal.unud.ac.id/abstrak/gender%20dalam%20hukum%20adat\(1\).pdf](http://ejournal.unud.ac.id/abstrak/gender%20dalam%20hukum%20adat(1).pdf)

<http://www.facebook.com/#!/messages/100002391752466>